PUSTAKA ANTARA
$5.60

ADABI

# ORANG MELAYU

## MASALAH DAN MASA DEPANNYA



1
M
5
360
HUS

S. HUSIN ALI

MAKTAB TUN ABDUL RAZAK,
PERPUSTAKAAN
PTR
27/12/84
MALAYSIA.

# ORANG MELAYU: MASALAH DAN MASA DEPANNYA

Access No: 4441 35/85
Cl... No: 572.9595 Mus
U. Perdana

# ORANG MELAYU: MASALAH DAN MASA DEPANNYA

oleh

S. Husin Ali
*Profesor Madya*
*Universiti Malaya*

Diterbitkan oleh:
Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.,
26, Persiaran Zaaba,
Taman Tun Dr. Ismail,
Kuala Lumpur.

Edisi Pertama: . . . . . 1979
Cetakan Pertama: . . . 1979

ORANG MELAYU, MASALAH DAN MASA DEPANNYA. AMARAN KE ATAS HAKCIPTA. Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.

## SEKAPUR SIRIH

BANGSA Melayu kini sedang dalam persimpangan jalan penentuan. Banyak cabaran yang mesti dihadapi. Tidak kurang pula masaiah yang perlu diatasi. Cabaran-cabaran serta masalah-masalah ini boleh menimbulkan bermacam reaksi. Acapkali orang mudah kehilangan punca dan kesilapan sasaran. Sering pula terlalu banyak api yang dinyalakan untuk membakar semangat, sehingga, jika tidak terkawal, akan hanya mengakibatkan kemusnahan yang tidak punya apa-apa erti.

Saya percaya setiap rakyat negeri ini inginkan perubahan besar bagi bangsanya. Tetapi matalamat yang hendak dicapai dan jalan menuju kepadanya tentu berbeda-beda. Yang nyata ialah kita tidak boleh berpandu hanya kepada perasaan. Kenyataan yang lengkap, analisa yang jelas dan sikap yang tegas perlu menjadi panduan kepada segala dasar dan tindakan.

Dalam buku ini saya coba membincangkan masalah-masalah besar yang dihadapi bangsa Melayu, ditinjau dari sudut-sudut sejarah, sosial, agama, politik dan ekonomi secara kait-mengait. Saya coba juga menganalisa kemungkinan-kemungkinan masa depannya. Saya berkeyakinan bahawa untuk mempastikan masa depan yang terjamin maka perlulah diutamakan kepentingan negara dan bangsa kita sendiri bukannya negara dan kuasa asing yang mungkin lebih maju serta kuat, dan kepentingan rakyat bawahan yang terbanyak bukannya segelintir manusia di peringkat atasan. Analisa ini dilakukan dengan penuh keikhlasan atas dasar kajian, fikiran dan sikap saya sendiri.

Agak penting juga diterangkan bahawa buku ini telah disiapkan dalam keadaan serba tertekan dan terkongkong, semasa saya dalam tahanan politik di Kemunting, Perak. Saya ditangkap pada jam 2.00 pagi 7hb. Disember 1974, berikutan dari demonstrasi pelajar-pelajar yang membantah kemiskinan, inflasi dan kecurangan selepas perarakan-perarakan besar yang telah dilancarkan oleh berpuluh ribu para petani di Baling, Sik dan beberapa tempat yang lain. Pada 2hb. Julai 1976, setelah 18 bulan di Kemunting, saya dipindahkan ke suatu tempat yang tidak diketahui di Kuala Lumpur. Semasa enam bulan lebih saya di kurung itu, saya telah merancang buku ini dalam kepala. Apabila dihantar kembali ke Kemunting pada pertengahan Januari 1977 saya terus menulis dan dalam masa sebulan siaplah buku ini.

Saya sedari memang banyak kekurangan yang boleh dicari dalam buku ini. Saya lebih memberikan tumpuan kepada aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik. Ini bukan saja kerana saya merasa lebih faham mengenainya, tetapi juga sebab saya percaya bahawa corak masa depan bangsa Melayu bergantung kepada perubahan-perubahan besar dalam

bidang-bidang ini. Ini tidaklah bererti bahawa saya memperkecilkan bidang-bidang lain seperti pelajaran dan nilai-nilai kebudayaan. Saya hanya berharap orang-orang yang lebih arif tentang soal-soal ini pula akan mengemukakan pendapat-pendapat mereka.

Tentu ramai yang tidak akan menyetujui setengah-setengah pendapat dalam buku ini. Tetapi saya percaya berbedaan pendapat dan perbincangan mengenainya mesti diperluaskan untuk mencari kebenaran. Saya akan merasa puas sekiranya buku ini kelak dapat menimbulkan perbincangan dan pemikiran yang mendalam serta sungguh-sungguh mengenai masalah-masalah dan masa depan orang Melayu. Rakyat memerlukan perubahan yang besar dalam hidupnya, dan biarlah kita sama-sama mempastikan bahawa dari persimpangan jalan kini kita akan bergerak maju kepada matalamat yang dicita-citakan: bebas dari serbaneka penjajahan, penindasan, kezaliman, kemiskinan, kecurangan dan kemungkaran.

S.H.A.

# Sanjungan Untuk Para Pejuang Rakyat

# 1. Melayu?

BUKU ini akan memperkatakan tentang orang Melayu, masalah-masalah yang mereka hadapi dan masadepan mereka. Sebagai permulaan perlulah kita mentakrifkan siapa dia yang benar-benar dikatakan Melayu itu. Secara lahir memang senang saja hendak mengenal mereka. Mereka lazimnya berkulit warna sawo matang, berbadan sederhana besarnya tetapi tegap, dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa. Kita mengetahui juga bahawa di tanah Semenanjang ini merekalah anak watan asalnya. Mereka hidup bersama-sama dengan pendatang-pendatang yang telah digalakkan ke mari terutama sekali oleh penjajah Inggeris semasa kekuasaannya di sini. Kini mereka merupakan hanya lebih sedikit saja daripada separuh penduduk Semenanjung. Mengikut banci 1970, daripada 8,810,348 orang penduduk, cuma 4,685,838 atau 53.2% terdiri daripada orang Melayu. Yang bakinya ialah Cina (35.4%), India (10.6%), dan Lain-lain 0.8% (Lihat Jadual I).

Sebenarnya, jikalau hendak ditakrifkan secara berbeza-beza, apa yang dikatakan 'Melayu' itu banyak huraiannya. Sekiranya diambil pengertiannya dari segi sosial dan budaya yang luas, maka istilahnya tidak terbatas hanya kepada mereka yang bermastautin di Semenanjung saja, tetapi meliputi lebih ramai orang yang tersebar luas di merata kawasan yang sering disebut sebagai Gugusan Pulau-pulau Melayu atau Nusantara. Terangkum di dalamnya orang-orang asal di Semenanjung dan di ratusan pulau-pulau yang membentuk negara-negara Indonesia dan Filipina sekarang. Walaupun banyak pecahan sukubangsa mereka, dan hampir sebanyak itu pula bahasa dan loghat pertuturan mereka, namun ahli-ahli bahasa dan budaya menganggap mereka sebagai terangkum dalam kumpulan berketurunan yang sama, iaitu keturunan Melayu. Jadi dunia orang-orang Melayu ini adalah dunia yang luas, dan bilangan penduduknya adalah ramai. Kelompok Melayu ini adalah salah satu kelompok yang besar di dunia.

Sejarah memperlihatkan bahawa pada zaman silam ada pasang surut dalam pemerintahan-pemerintahan yang wujud di Nusantara ini.

Waktu surutnya terdapat kerajaan-kerajaan kecil yang berpecah-pecah dan terbatas kekuasaannya kepada daerah-daerah tertentu saja. Tetapi sewaktu pasangnya wujudlah kerajaan-kerajaan besar seperti Sriwijaya, Majapahit dan Melaka, yang kuasanya melimpah meliputi sebagian besar Semenanjung dan pulau-pulau dalam Nusantara. Sempadan-sempadan bagi kerajaan-kerajaan besar ini tidak ada garis-garis penentunya sebagaimana yang wujud di negara-negara zaman ini, bahkan yang menentukan sempadan itu ialah kuasa yang ada pada kerajaan-kerajaan tersebut. Mana saja tanah besar atau pulau yang tertakluk di bawah kerajaan-kerajaan besar itu termasuklah ke dalam kawasan negeri dan jajahan takluknya. Maka meluas dan mengecillah liputan daerah mengikut turun naik kerajaan-kerajaan itu.

Kedatangan kuasa penjajah dari Barat mula menimbulkan sempadan-sempadan politik dan memisahkan orang-orang keturunan Melayu di Nusantara ini ke dalam lingkungan-lingkungan negeri yang berasingan. Sepanyol telah menguasai pulau-pulau yang sekarang termasuk ke dalam negara Filipina, Belanda menguasai pulau-pulau dari Sabang ke Marauke yang kini sudah bersatu menjadi negara Indonesia, dan Inggeris pula menguasai negeri-negeri Melayu yang dulu dikenal sebagai Malaya dan sekarang disebut Malaysia, setelah disertai oleh Sabah dan Sarawak. Jadi politik penjajahlah yang telah memecahbelahkan orang-orang keturunan Melayu di Nusantara ke dalam kelompok-kelompok yang dipisahkan di antara satu sama lain dengan batasan-batasan sempadan kenegaraan. Maka sampai sekarang apabila kita menyebut Melayu, tergambarlah di mata kepala kita hanya kira-kira 4.7 juta orang yang diam di Semenanjung saja. Orang-orang keturunan Melayu di Filipina sudah disebut orang-orang Filipina, dan orang-orang keturunan Melayu di Indonesia disebut bangsa Indonesia pula. Kita sudah dijulingkan oleh pemisahan-pemisahan politik, sehingga kabur atau hilang terus pandangan kita terhadap persamaan-persamaan keturunan, kebudayaan dan sejarah yang meliputi kawasan serta kumpulan lebih besar tadi.

Istilah Melayu ini menjadi bertambah sulit lagi disebabkan oleh dua perkembangan baru. Pertama, pentakrifannya mengikut undang-undang, dan keduanya penggunaan istilah 'bumiputra'. Dari segi undang-undang, sebagaimana yang tercatat dalam Perlembangaan, erti Melayu ialah "..... seorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan –

(a) lahir sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singa-

pura, atau pada Hari Merdeka ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau

(b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut" *(Perlembagaan fasal 160).*

Bukan tujuan kita di sini untuk mencabar undang-undang. Tetapi, sekadar untuk mengajak berfikir, marilah kita kaji apa implikasi daripada takrif ini. Pada teorinya seseorang Melayu dari segi undang-undang boleh merupakan siapa saja, dari keturunan apa saja, asalkan ia beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu. Seorang bekas tentera upahan British yang sudah masuk Islam, yang berkahwin dengan seorang Melayu dan dengan itu sering bertutur dalam bahasa Melayu dengan isteri dan anak-anaknya, dan mengikut pula adat istiadat orang-orang Melayu dalam hidup dan percampuran hari-harinya adalah seorang Melayu, mengikut kehendak Perlembagaan itu. Begitu juga, seorang mualaf atau anak angkat keturunan Cina atau India, hidup dalam keluarga orang Melayu, dan oleh itu bercakap Melayu dan menurut cara hidup orang Melayu dalam keluarganya, berhak juga untuk dianggap sebagai Melayu. Jadi berbedalah pentakrifan Melayu mengikut undang-undang dengan takrif Melayu dari segi sejarah dan sosio-budayanya.

Dalam negeri ini, berdasarkan Perlembagaan juga, orang Melayu mempunyai 'kedudukan istimewa' yang menjadi tanggungjawab Yang Dipertuan Agung untuk memeliharanya. Kedudukan istimewa ini ialah mengenai perkhidmatan awam, pemberian biasiswa dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan, dan pemberian permit dan lesen. Yang Dipertuan Agung mempunyai kuasa untuk menentukan kadar kuota yang menasabah untuk orang-orang Melayu. Oleh kerana menurut takrif undang-undang pada teorinya istilah Melayu merangkumi orang-orang seperti bekas tentera upahan dan mualaf atau anak angkat sebagaimana yang tersebut di atas, maka adakah bererti mereka juga berhak untuk menerima kedudukan istimewa ini?

Berdasarkan soalan di atas maka tidak peliklah jikalau selalu kita mendengar suara rayuan dan juga hujah dari seorang bekas perdana menteri supaya orang-orang yang masuk Islam – yang kini sering dipanggil 'saudara baru' – hendaklah dianggap setaraf dengan orang Melayu dan diberikan kedudukan istimewa yang sama. Untuk menentang pandangan ini, orang boleh menghujahkan bahawa masuk Islam saja belum memenuhi syarat-syarat untuk menjadi Melayu itu. Seandainya seorang 'saudara baru' selepas masuk Islam tetap juga bertutur dalam bahasa ibunya pada lazimnya, maka belumlah lagi ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Jadi dari segi ini,

benarlah jika dikatakan bahawa 'masuk Islam' tidak sama ertinya dengan 'menjadi Melayu', walaupun sering juga pada kebiasaannya orang ramai menganggap kedua-dua ini berkaitan rapat atau sama saja. Hanya apabila saudara-saudara baru ini atau anak cucu mereka kemudian terus sebagai orang Islam dan selanjutnya bertutur bahasa Melayu dan menurut adat resam Melayu dalam kehidupan sehari-hari, barulah mereka boleh dianggap Melayu dan berhak mendapat kedudukan istimewa. Semestinyalah hal ini akan berlaku selagi takrif Melayu, dan fasal mengenai kedudukan istimewa dalam Perlembagaan itu tidak berubah.

Kemudian bagaimana pula seandainyalah seorang pemuda Melayu memeluk agama lain dari Islam? Perkara ini jarang sekali berlaku, tetapi pernah beberapa waktu dulu akhbar melaporkan cerita pemuda-pemuda Melayu masuk Kristian. Dari segi undang-undang, dengan perbuatan ini tentulah kedudukan mereka sebagai seorang Melayu, dan dengan sendirinya kedudukan istimewa, akan hilang. Kerajaan pada teorinya boleh mengenepikan permintaan dari orang-orang seperti ini untuk memperoleh biasiswa, umpamanya, walaupun kelulusannya baik, walhal dia boleh diutamakan sekiranya tidak menukar agama itu. Tentang istilah menganut Islam itu pula apakah maksudnya yang sebenar? Adakah sudah cukup dengan seseorang itu dilahirkan sebagai Islam, atau mengaku diri sebagai Islam, dengan tidak payah mengambil kira samada dia mengetahui asas-asas penting agama Islam, dan samada dia menjalankan segala suruhan yang fardu? Berbalik kepada soal pemuda tadi, adakah dapat dikatakan bahwa walaupun dari segi undang-undang dia bukan lagi Melayu tetapi masih boleh dianggap sebagai bumiputra saja, sebagaimana orang-orang asli yang tidak beragama Islam dianggap bumiputra?

Dari syarat agama, kita alih pula perhatian kita kepada adat istiadat Melayu. Sebenarnya simpulan kata ini kurang jelas maksudnya dan boleh menimbulkan bermacam-macam tandanya. Adat istiadat macam manakah yang dimaksudkan? Adat-adat istiadat Melayu yang sudah lapuk? Ada golongan – umpamanya orang tua-tua di kampung – yang kuat berpegang kepada adat-adat lama; dan ada pula golongan – misalnya dari lapisan pertengahan di bandar – yang lebih kuat dipengaruhi oleh cara hidup dan adat istiadat Barat. Dengan demikian, mungkin timbul soalan seperti ini: jikalau ada baba Melaka yang baru masuk Islam, dan dia bertutur bahasa Melayu saja, pandai bernyanyi dondang sayang, suka pakai kain di rumah, makan bersila atas tikar serta menyuap nasi-lauk dengan tangan, dan mengawinkan anaknya mengikut adat istiadat Melayu, maka adakah dia diterima sebagai orang Melayu

mengikut takrif Perlembagaan? Kalau tidak bagaimana pula dengan seorang pegawai Melayu yang beristerikan perempuan dari Barat, bercakap sepanjang masa dengan isteri dan anak-anaknya dalam bahasa Inggeris, makan di meja menggunakan garpu-sudu dan mengulami nasi-lauk dengan minuman keras, tidur dalam bilik berhawa dingin dengan berpakaian pijama, dan mengahwinkan anak mengikut adat istiadat yang asing dari kebiasaan orang Melayu dengan berjamu di hotel ternama, tidak bersanding, dan mempelai memotong kek kahwin ala Barat? Tidak akan ada orang yang akan mempersoalkan kemelayuannya jikalau pegawai ini selepas bersara menjadi pemimpin politik pula, berperi-peri menyuarakan kedudukan istimewa orang Melayu, dan atas nama keistimewaan itu juga memperoleh permit teksi serta ban balak untuk diri sendiri, kemudian diangkat pula menjadi pengarah syarikat milik asing, dan akhirnya jadi Datuk atau Tan Sri.

Sekarang bagaimana pula dengan pendatang-pendatang yang asal-nya dari berbagai tempat dalam Nusantara, dan yang telah dianggap sebagai Melayu berdasarkan faktor-faktor sejarah dan sosio-budaya tadi? Dalam negeri ini terdapat ramai juga keturunan suku-suku kaum seperti Jawa, Minangkabau, Aceh, Banjar dan lain-lain. Ada di antara mereka yang sudah tua di sini dan ada yang baru saja menetap. Di antara mereka ini terdapat ramai juga yang bertutur hanya dalam bahasa atau loghat ibunda mereka. Ada sebilangan, walaupun kecil saja, yang tidak pandai pula bertutur dalam bahasa Melayu. Dengan ini bererti mereka tidak memenuhi satu daripada syarat-syarat untuk dianggap sebagai Melayu dari segi undang-undang. Berikutan dari ini adakah bermakna juga bahawa mereka tidak berhak untuk mendapat kedudukan istimewa sebagai seorang Melayu? Mungkin orang boleh menghujahkan bahawa sebagaimana golongan-golongan mereka termasuk dalam takrifan Melayu yang lebih luas, begitu juga bahasa-bahasa atau loghat-loghat mereka adalah terliput dalam keluarga besar bahasa-bahasa Melayu-Indonesia, dan oleh itu maka sepatutnyalah mereka dianggap Melayu jua. Tetapi ini hujah dari segi takrif sejarah dan sosio-budaya. Dari segi undang-undang tidak ada sesuatu yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu meliputi bahasa-bahasa Jawa, Minang, Aceh dan Banjar.

Adakah hendak dimasukkan saja orang-orang seperti ini ke dalam golongan yang digelarkan bumiputra? Sekali lagi kita merujuk kepada Perlembagaan. Mengikut dokumen ini erti bumiputra ialah:

> "(a) mengenai Sarawak, seseorang warganegara dan ianya adalah seorang dari mana-mana satu kaum yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai kaum asli negeri itu atau ianya adalah seorang yang ber-

keturunan campuran yang berasal hanya dari kaum-kaum itu; dan "(b) mengenai Sabah, seseorang warganegara dan ianya adalah anak atau cucu kepada seorang dari suatu kaum asli Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) di Sabah atau bapanya, pada masa ia lahir itu adalah berdomisil di Sabah." (*Perlembagaan,* Fasal 61A (6)).

Di Sarawak ada senarai nama-nama kaum asli yang termasuk dalam takrif bumiputra itu. Akan tetapi untuk Sabah dan Semenanjung tidak ada senarai yang serupa. Tetapi yang jelas termasuk di bawah takrif bumiputra bagi ketiga-tiga kawasan ini ialah orang-orang asli di tempat masing-masing. Takrif itu tidak pula meliputi orang-orang Jawa, Minang, Aceh dan Banjar yang lazimnya bertutur dalam bahasa ibunda sendiri seperti yang disebut terlebih dulu. Jadi kedudukan mereka ini masih samar-samar lagi. Yang menjadi lebih sulit ialah kerana mudah saja untuk menghujahkan bahawa mereka ini tidak mungkin dikatakan sebagai kaum asli Semenanjung sebab kebanyakan mereka pendatang-pendatang yang belum sampai 100 tahun bermastautin di sini. Mereka berbeda dengan orang-orang asli yang sudah turun-temurun di sini, seperti Jakun, Senoi, Semang, Temiar dan lain-lain yang memang dari dulu disebut sebagai bumiputra, dan tidak digolongkan ke dalam takrif Melayu sebab kebanyakan mereka tidak menganuti agama Islam.

Perkataan bumiputra ini membawa pengertian yang khusus dari segi undang-undang hanya selepas penggabungan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung pada tahun 1963. Sebelum itu perkataan ini digunakan secara umum saja dengan maksud anak watan atau pribumi yang merupakan golongan asal di negeri ini, berbeda daripada golongan yang mendatang – khususnya Cina dan India. Jadi dengan sendirinya orang-orang Melayu adalah juga bumiputra atau anak watan di negeri ini. Akan tetapi selepas pergabungan tersebut maka termasuklah ke dalam bilangan penduduknya orang-orang yang merupakan pribumi atau anak watan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dari segi sosio-budaya mereka ini kebanyakannya dapat juga digolongkan kepada kelompok besar keturunan Melayu. Tetapi sebagian daripada mereka tidak beragama Islam. Ramai yang menganuti kepercayaan animisme, dan ada pula yang telah memeluk agama Kristian, hasil dari usaha-usaha yang dijalankan oleh para pengembang agama itu.

Dari segi undang-undang, golongan-golongan anak watan atau bumiputra ini harus dilindungi dan diberikan kedudukan istimewa. Dalam Perlembagaan waktu itu, hanya orang Melayu saja yang mempunyai kedudukan istimewa. Orang-orang seperti Kadazan di Sabah

dan Iban di Sarawak serta banyak lagi tidak boleh disebut Melayu. Sebaliknya memang sudah wujud golongan Melayu di kedua-dua negeri itu. Tambahan pula orang-orang seperti Kadazan dan Iban itu tidak akan rela digelar Melayu; mereka mempunyai nama sendiri yang melambangkan keperibadian golongan-golongan mereka. Apatah lagi, dalam sejarah silam orang-orang Iban khususnya, mereka pernah memandang orang Melayu itu sebagai musuh. Dari segi undang-undang pula mereka sudah tentulah tidak dapat dimasukkan ke dalam istilah Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan, kerana mereka tidak beragama Islam dan masing-masing mempunyai adat resam sendiri. Tetapi bagaimana pula dengan setengah-setengah mereka yang sudah masuk Islam, semakin biasa bertutur bahasa Melayu dan mulai pula menerima adat istiadat Melayu? Adakah mereka boleh dianggap Melayu? Begitu juga keadaannya dengan orang-orang Jakun, Senoi, Temiar dan Semang di Semenanjung. Adakah mereka menjadi Melayu apabila masuk Islam, bercakap Melayu dan hidup sehari-hari sebagai orang Melayu jua? Mungkin dari segi praktikal soalan-soalan ini tidak begitu penting, kerana sama ada disebut Melayu atau bumiputra mereka adalah mempunyai kedudukan istimewa yang sama juga pada teorinya di sisi Perlembagaan.

Perbincangan setakat ini menunjukkan bahawa (i) daerah liputan dan takrif Melayu dari segi sejarah serta sosio-budaya berbeda dengan takrifnya dari segi undang-undang, dan (ii) takrif mengikut Perlembagaan itu sekiranya hendak diturut dengan cara yang halus, teliti dan ketat akan menimbulkan beberapa persoalan, kerana takrif itu berkemungkinan mengasingkan seorang yang berketurunan Melayu dari segi sejarah serta sosio-budaya daripada kumpulan Melayu menurut takrif undang-undang, dan mungkin juga memasukkan seseorang yang bukan keturunan Melayu ke dalam kumpulan Melayu yang berasaskan takrif undang-undang pula. Dengan hal yang demikian, nyatalah bahawa jika hendak mengetahui siapa sebenarnya orang Melayu kita tidak boleh berpandu hanya kepada faktor sejarah serta sosio-budaya atau faktor undang-undang saja, bahkan kita harus menggabungkan kedua-dua faktor tersebut. Ertinya orang Melayu itu tetap merupakan satu kelompok manusia yang luas tersebar di seluruh Nusantara, dan oleh sebab pemisahan-pemisahan yang diakibatkan oleh sejarah dan politik maka wujudnya bahagian-bahagian yang tertakluk di bawah negara dan undang-undang masing-masing, sama ada di Filipina, Indonesia atau negeri ini.

Untuk Semenanjung faktor-faktor seperti agama, bahasa dan adat istiadat dilembagakan sebagai ukuran-ukuran untuk memudahkan pengenalan golongan yang dikatakan Melayu itu. Jika faktor-faktor

sosio-budaya dan undang-undang digunakan secara bergabung untuk menentukan siapa yang termasuk atau terkeluar dari takrif Melayu itu, maka beberapa soalan atau tandatanya yang ditimbulkan tadi boleh diatasi. Orang-orang seperti orang Jawa yang bertutur bahasa ibunya, atau pegawai yang kebaratan adat istiadatnya itu, tetap merupakan orang-orang Melayu kerana dari segi asal keturunan mereka adalah orang Melayu. Selanjutnya, orang-orang seperti baba yang sudah masuk Islam tadi mungkin akhirnya diterima juga sebagai Melayu – sebagaimana orang-orang turunan Pakistan atau India Islam dan juga Arab sekarang ini sudah dianggap dan menanggap diri sendiri sebagai Melayu, dan berhak pula mendapat kedudukan istimewa yang tertentu, walaupun sebelum Perang Dunia II dulu rasa benci orang Melayu terhadap mereka boleh dikatakan kuat juga.

Seperti yang telah diterangkan lebih awal, orang-orang Melayu merupakan hanya sebagian daripada jumlah penduduk negeri ini. Orang-orang Melayu merupakan satu kumpulan kaum yang tersendiri. Mereka adalah sebagian daripada suatu keseluruhan yang dianggap sebagai bangsa (*nation*) dalam negeri ini. Soal bangsa atau kebangsaan di negeri ini memang sudah lama menimbulkan kekaburan dan kekusutan dalam pemikiran orang ramai, bahkan para pemimpin jua. Pada satu ketika dulu pernah pemimpin-pemimpin seperti Dr. Burhanuddin menyarankan supaya rupabangsa untuk semua penduduk dalam Semenanjung ini dinamakan Melayu saja. Faktor penting yang menyebabkan saranan ini tidak menjadi kenyataan ialah kerana beliau dan gerakan politik yang dipimpinnya tidak mendapat kuasa. Kemudian, setelah Persekutuan Tanah Melayu dibentuk, timbullah pengenalan tentang apa yang dikatakan sebagai bangsa 'Malayan'. Akan tetapi nyata pada hakikatnya bahawa satu bangsa 'Malayan' yang utuh tidak wujud, tetap masih ada pecahan-pecahan seperti Melayu, Cina dan India, yang masing-masing kadang-kadang dianggap oleh pihak Pentadbiran sendiri sebagai bangsa juga. (Lihat saja borang-borang resmi Kerajaan yang selalu sekali mengistilahkan tiap-tiap kaum ini sebagai bangsa!) Akhirnya apa yang dikatakan Malayan itu sebenarnya cuma menandakan taraf kewarganegaraan saja.

Apabila dibentuk Malaysia, maka dengan sendirinya berubahlah nama kewarganegaraan itu menjadi 'Malaysian'. Namanya berubah, tetapi hakikatnya tidak. Mungkin kerana kekacauan yang wujud dalam takrif bangsa dan warganegara inilah maka satu ketika dulu Dato' Onn pernah mengemukakan soalan: apakah corak bangsa negeri ini, belutkah, ularkah atau nagakah? Sesungguhnya pembentukan satu bangsa yang padu itu pasti akan mengambil masa yang lama dalam

sesuatu masyarakat berbilang kaum seperti yang wujud di negeri ini. Tambahan pula, dalam sejarah perjuangan kebangsaan kita menentang penjajahan tidak timbul kehebatan dan kegemilangan yang pada setengah-setengah negeri lain di Asia dan Afrika telah menimbulkan semangat kebangsaan yang kuat dan perpaduan yang kukuh di kalangan semua golongan rakyat.

Sehingga sekarang ini masih meluas digunakan istilah-istilah seperti bangsa Melayu, bangsa Cina dan bangsa India. Ini mempertegaskan lagi hakikat bahawa konsep bangsa dalam pengertian yang lebih luas dan merangkumi 'bangsa-bangsa' yang lebih kecil itu masih belum wujud lagi sebagai suatu kenyataan. Sebenarnya lebih tepat jika kumpulan-kumpulan Melayu, Cina dan India itu tidak disebut sebagai bangsa atau bangsa-bangsa kecil bahkan dirujukkan sebagai kumpulan kaum atau etnik saja. Bagi ahli-ahli kajimanusia dan kajimasyarakat, kumpulan kaum atau etnik itu merupakan kumpulan yang menganggap diri mereka sendiri dan dianggap oleh orang-orang lain sebagai mempunyai persamaan oleh kerana keturunan yang sama. Mereka mempunyai bahasa, kebudayaan dan agama yang serupa, ikatan emosi yang kuat antara satu sama lain, dan sentiasa ingin mempertahankan keutuhan mereka sebagai satu kumpulan yang tersendiri. Ini akan dibincangkan lebih lanjut lagi dalam Bab VIII nanti.

Orang-orang Melayu sebagai satu kumpulan kaum di negeri ini menghadapi banyak masalah dan cabaran yang meliputi semua bidang. Segala ini akan dihuraikan satu persatu sekadar yang terupaya dalam bab-bab berikutnya. Masalah-masalah serta cabaran-cabaran ini, serta kejayaan mengatasinya bukan saja akan menentukan kekuatan kaum itu sendiri bahkan akan mempengaruhi proses pembentukan satu bangsa yang bebas bersatu dan maju.

# II. Sejarah

DALAM bab lalu telah kita bincangkan tentang takrif Melayu dari segi sosio-budaya dan juga undang-undang. Setelah mengetahui siapa yang dikatakan orang Melayu itu, perlu kita mengetahui sejarahnya pula. Dalam bab ini kita akan mencoba meninjau sejarah mereka secara kasar saja, supaya ada latarbelakang untuk mengetahui serta memahami masalah-masalah mereka pada hari ini. Kalau tidak silap seorang pengarang dan ahli fikir bernama Bernard Shaw pernah berkata lebih kurang begini: sejarah lampau boleh membayangkan keadaan semasa, dan keadaan semasa pula boleh mencerminkan masa hadapan. Oleh yang demikian, kerana kita hendak membincangkan masalah-masalah dan masadepan orang Melayu, maka perlulah kita melihat sejarahnya dulu. Tetapi bukanlah tujuan kita di sini untuk mengemukakan detik-detik sejarah dengan secara terperinci sebagaimana yang mungkin dituntut atau akan dilakukan oleh seorang ahli sejarah.

Pada masa-masa yang lampau ramai penulis sejarah negeri ini mengatakan bahawa orang Melayu tidak mempunyai sejarah. Kebanyakan daripada penulis sejarah itu merupakan bekas-bekas pegawai jajahan dan para orientalis yang menulis dari sudut kepentingan pihak mereka sendiri. Sikap ini bukan terdapat hanya di kalangan penulis-penulis tentang negeri ini dan masyarakatnya, bahkan meluas di kalangan kebanyakan penulis-penulis Barat yang menulis tentang sejarah dan masyarakat di negeri-negeri yang pernah terjajah. Mereka ini beranggapan bahawa masyarakat merekalah yang maju dan bertamaddun sekali, dan masyarakat-masyarakat yang mereka jajah itu mundur dan tidak mempunyai peradaban. Bagi mereka kedatangan bangsa mereka ke tanah-tanah jajahan itulah yang membawa perubahan dan kemajuan, dan dengan demikian hal inilah yang selalu dititikberatkan dalam tulisan-tulisan mereka.

Di negeri ini, seperti yang terdapat di kebanyakan tempat lain yang pernah terjajah, para orientalis dan bekas pegawai-pegawai jajahan lebih banyak memperkatakan sejarah kedatangan dan kejayaan

bangsanya, daripada menceritakan sejarah perkembangan masyarakat tempatan itu sendiri. Tetapi keadaan ini memang sudah banyak berubah. Ramai ahli sejarah tempatan, seperti juga ahli-ahli sejarah di negara-negara baru yang bebas dan sedang membangun dalam Dunia Ketiga, telah berjaya membuka topeng penulis-penulis yang terdiri dari para orientalis dan bekas pegawai-pegawai jajahan itu. Mereka sudah berjaya menekankan betapa perlunya sejarah dikaji dan ditulis dari kacamata masyarakat tempatan itu sendiri dan bukan dari kacamata Barat; mereka dengan jelasnya membuktikan bahawa lama sebelum kedatangan penjajahan Barat masyarakat-masyarakat yang terjajah itu, termasuklah masyarakat Melayu, mempunyai sejarah yang lebih tua dan gemilang daripada sejarah Barat yang penuh kesombongan itu.

Selain daripada para orientalis dan pegawai-pegawai jajahan ada juga golongan lain, termasuklah setengah ahli-ahli politik dalam negeri atau negeri jiran, yang mengatakan bahawa orang Melayu bukan saja tidak bersejarah bahkan bukan merupakan penduduk-penduduk asal yang mempunyai hak mutlak ke atas negeri ini. Pendapat setengah-setengah ahli politik ini mempengaruhi pula ahli-ahli sains politik dan kemasyarakatan dari luar negeri yang selalunya singgah hanya sebentar saja untuk mengkaji masyarakat tempatan dengan tidak membuat penelitian-penelitian yang mendalam. Ahli-ahli politik, diikuti pula oleh ahli-ahli sains politik dan kemasyarakatan ini, tidak berbeda tujuannya daripada para orientalis dan bekas pegawai-pegawai jajahan itu, iaitu untuk menghina masyarakat pribumi, dan dalam konteks negeri ini orang-orang Melayulah. Mereka mahu menegakkan benang basah sendiri. Setengah dari mereka tahu akan hakikat yang sebenarnya, tetapi sengaja hendak memutarbelitkan kebenaran untuk mempertahankan kepentingan diri; dan mereka ini tidak harus dipandang ringan. Setengahnya memang tidak mengetahui atau sama sekali jahil, dan kepada mereka harus diterangkan hakikat sebenarnya; dan mereka ini diharap akan mengubah sikap dan tidak akan terus mempertahankan pendapat salah mereka.

Sebenarnya orang Melayu sudah beribu-ribu tahun hidup bermasyarakat dalam Semenanjung ini. Bukti-buktinya jelas dari tinggalan rangka-rangka manusia, alat-alat kerja dan kendi-kendi yang dijumpai oleh ahli-ahli kajipurba di beberapa tempat. Antara alat-alat yang tertua sekali ialah kapak-kapak kecil yang diperbuat daripada batu. Kapak-kapak ini ternyata adalah dari Zaman Batu, iaitu zaman yang merupakan peringkat awal dalam perkembangan sejarah manusia. Ada tiga tahap dalam Zaman Batu ini, iaitu: Zaman Batu Lama, Zaman Batu

Tengah dan Zaman Batu Baru. Hasil-hasil tinggalan dari Zaman Batu Tengah dan lebih-lebih lagi Zaman Batu Baru banyak sekali dijumpai.

Kebanyakan alat-alat Zaman Batu Tengah itu terdapat dalam gua-gua. Ini menunjukkan bahawa masyarakatnya tinggal di gua-gua dalam kelompok-kelompok kecil. Di dalam gua-gua itu terdapat juga tulang-tulang binatang buas, satu tanda bahawa kelompok-kelompok ini hidup dengan makan binatang-binatang buruan. Mereka ini dipercayai hidup dalam kumpulan-kumpulan kekeluargaan yang diketuai oleh seorang orang tua di antara mereka. Mereka sentiasa berpindah-randah dari satu kawasan ke kawasan lain, memungut buah-buahan serta tumbuh-tumbuhan dan memburu binatang untuk menanggung hidup sekeluarga. Mereka tidak menternak atau bercucuk tanam. Mungkin hidup mereka ada persamaannya dengan setengah-setengah masyarakat liar yang masih terdapat di beberapa kawasan di dunia sekarang.

Alat-alat kerja Zaman Batu Baru yang penting sekali ialah kapak-kapak jenis persegi bujur yang diasah halus serta licin. Setengah-setengah dari alat ini dijumpai di tanah-tanah lapang, selain daripada dalam gua. Di tempat-tempat yang dianggap sebagai tanah perkuburan, terdapat di sisi tulang-tulang rangka kendi-kendi dari tembikar atau tanah liat yang terukir dan juga bekas-bekas bijian, khususnya padi. Dipercayai bahawa masyarakat-masyarakat Zaman Batu Baru ini tidak tertumpu di gua-gua semata, tetapi mendirikan rumah-rumah atau tempat-tempat perlindungan di kawasan-kawasan lapang. Malangnya rumah-rumah mereka ini sudah lenyap di makan zaman. Mereka mungkin juga sudah mula bercocok tanam dan berternak dan sudah dapat menguasai keadaan sekeliling, dan tidak bergantung semata-mata kepada alam sekitar sebagaimana masyarakat-masyarakat dari Batu Tengah itu. Oleh sebab mereka boleh bertanam padi maka masyarakat mereka lebih menetap dan lebih besar daripada masyarakat Batu Tengah. Mungkin besarnya masyarakat mereka bergantung kepada hasil tanaman serta ternakan yang mencukupi untuk menyara hidup mereka. Dalam keadaan yang lebih tetap dan tidak perlu sentiasa bergerak untuk mencari makanan, sebagaimana yang terpaksa dilakukan oleh masyarakat terdahulu daripadanya, maka masyarakat Batu Baru mempunyai masa lapang yang lebih dan boleh digunakan untuk menjelmakan kebolehan-kebolehan seni mereka, membuat alat-alat yang halus, kendi-kendi yang berukir dan lain-lain. Hidup mereka aman, tidak ada tanda-tanda peperangan di antara kelompok-kelompok mereka. Nyatalah tingkat penghidupan mereka sudah lebih tinggi tarafnya daripada sebelumnya.

Bermacam teori telah dikemukakan oleh ahli-ahli pra-sejarah dan kajimanusia tentang asal-usul masyarakat-masyarakat Batu Tengah dan

Batu Baru itu. Teori yang meluas sekali diterima ialah bahawa kononnya masyarakat Batu Tengah datang mengembara dalam beberapa kumpulan dari kawasan Hoa Bịnh di Indochina sekarang. Pengembaraan ini berlaku mula-mulanya antara 5,000 hingga 3,000 tahun yang lalu, dan dalam peringkat ini kebudayaannya sering disebut sebagai Kebudayaan Hoa Binh. Pengembara-pengembara ini terdiri dari orang-orang yang berbadan kecil, tegap, berkulit hitam dan berambut kerinting. Penyebaran mereka bukan saja ke Semenanjung ini, akan tetapi setengah-setengah kelompok terus mengalir pula ke Sumatra dan juga ke pulau-pulau Melanesia di Lautan Teduh.

Satu lagi arus pengembaraan yang berlaku ialah dalam tempoh kira-kira 3,000 hingga 1,500 tahun yang lalu, terdiri daripada masyarakat Batu Baru. Teori tentang arus pengembaraan ini terbagi kepada dua. Yang pertama berpendapat bahawa arus pengembaraan itu bermula dari kawasan-kawasan di Indochina dan mengalir melalui tanah Semenanjung, kemudian merentas pulau-pulau berdekatan, seperti Sumatra, Borneo dan juga beberapa pulau di Filipina. Pendapat yang kedua pula menyarankan bahawa alirannya ialah dari Selatan China melalui Formosa ke Borneo dan terus ke Filipina. Teori tentang kedua-dua arus pengembaraan ini adalah berdasarkan tinggalan-tinggalan, terutamanya kapak-kapak batu, yang terdapat di merata-rata tempat yang tersebut di atas. Ada kemungkinannya bahawa bukannya salah satu tetapi kedua-dua pendapat ini betul, kerana kedua-dua arus pengembaraan itu mungkin berlaku serentak. Perkara yang penting ialah, sama ada teori-teori tentang arus pengembaraan itu benar atau tidak, hakikat yang nyata bahawa sejak beribu-ribu tahun dulu sudah ada orang yang mendiami tanah Semenanjung; dan mereka adalah dari kelompok yang dikenal sebagai Melayu. Bahkan kelompok-kelompok dari masyarakat Batu Baru itu lazim sekali disebut sebagai Melayu jati, ataupun Melayu *proto*.

Selepas tinggalan-tinggalan prasejarah yang diperbuat dari batu itu terdapat juga alat-alat dan barang-barang lain yang diperbuat dari besi dan gangsa. Antaranya yang paling menarik ialah sejenis nakara atau rebana yang diperbuat daripada gangsa, sangat halus dan indah ukirannya, dan dijumpai mula-mulanya di kawasan Klang. Ada persamaan di antara *nakara* ini dengan yang banyak terdapat di daerah Dongson, dalam kawasan Indochina. Oleh kerana itu tinggalan seperti ini sering disebut sebagai tinggalan kebudayaan Dongson. Ada pula teori yang mengatakan bahawa mungkin sekali Klang pada satu waktu dulu merupakan sebagian daripada jajahan takluk Kerajaan Langkasuka. Dari segi sejarah belum lagi terdapat bukti-bukti yang muktamad mengenainya, akan tetapi adalah dipercayai bahawa kerajaan itu merupa-

kan sebuah kerajaan besar di Utara Semenanjung, di sekitar kawasan Kedah.

Dalam peringkat manakala masyarakat sudah membuat serta menggunakan alat-alat serta perhiasan daripada besi atau gangsa dan tidak lagi batu atau tembikar, banyak perkembangan sudah berlaku. Masyarakat-masyarakat Melayu sudah mula tinggal dalam kelompok-kelompok besar di muara atau tepi-tepi sungai. Mereka mengerjakan sawah-sawah padi yang luas, menternak binatang-binatang, menangkap ikan di sungai serta laut, dan juga melakukan pertukaran-pertukaran barang atau perniagaan-perniagaan kecil. Dalam kelompok-kelompok masyarakat pesisir ini sudah mula wujud pula bentuk pimpinan yang lebih jelas. Ada orang atau orang-orang yang dianggap sebagai ketua dan mempunyai kuasa yang lebih kuat serta martabat yang lebih tinggi.

Pada satu ketika telah sampai pula ke setengah-setengah masyarakat ini peniaga-peniaga dari India yang membawa bukan saja barang dagangan bahkan juga sami-sami Hindu. Ada setengah-setengah peniaga ini yang kahwin dengan orang tempatan dan ada juga sami-sami yang tinggal dan mengembangkan kepercayaan Hindu. Di Pulau Jawa, misalnya, kedatangan dan pengaruh Hindu telah terjelma dalam beberapa pemerintahan besar, seperti Majapahit, dan meninggalkan candi-candi yang indah. Tetapi di Semenanjung pengaruhnya tidaklah sebesar itu. Walau bagaimanapun wujudnya kesan pengaruh itu tidak dapat dinafikan. Pengaruh-pengaruh ini bukanlah pada peringkat intelek yang mengubah agama dan pemikiran orang-orang Melayu ke jalan Hinduisme. Akan tetapi pengaruh itu lebih terjelma dalam unsur-unsur ciptaan seni, pemerintahan dan beberapa aspek upacara adat. Dalam ciptaan seni terdapat terutama sekali hasil-hasil seni sastera, umpamanya Sri Rama, yang mendapat ilham daripada epik-epik Hindu. Dari segi seni binaan, terdapat candi-candi yang melambangkan falsafah Hindu serta kepercayaan tentang tingkat-tingkat pencapaian kebahagiaan sampai kepada kemuncaknya. Salah satu tinggalan binaan yang berunsur Hindu itu ialah candi Bukut Batu Pahat di Kedah. Dari segi upacara-upacara adat pula kita dapati unsur-unsur Hindu bukan saja pada nama-nama dewa Hindu yang diseru dalam mantera-mantera yang berkaitan dengan upacara-upacara sebelum ke laut atau ladang, bahkan juga adat istiadat pertabalan raja. Dari segi pemerintahan, lebih dekatnya sami-sami dengan pembesar-pembesar atau raja-raja, dan lebih meluasnya nilai-nilai yang memandang tinggi akan golongan bangsawan sebagai mempunyai sifat-sifat yang lebih istimewa dan mulia dari golongan rakyat ramai, memperkuatkan lagi institusi beraja dalam masyarakat Melayu.

Pengaruh-pengaruh Hindu ini telah meresap ke dalam kebudayaan Melayu dan memperkayakannya lagi. Dalam peringkat perkembangan seperti ini orang Melayu sering disebutkan sebagai Melayu 'kedua' atau Melayu *deutero.*

Masyarakat Melayu dengan sistem berketua atau beraja pada zaman silam telah mencapai puncak kegemilangannya setelah Melaka dibuka. Pembuka asal Melaka merupakan seorang anak raja pelarian dari Temasik yang beragama Hindu, tetapi kemudiannya memeluk agama Islam. Melaka telah tumbuh dengan pesat sebagai pusat perniagaan dan kebudayaan di rantau ini. Peniaga-peniaga dari Timur dan Barat berkunjung ke sana. Selain dari itu, dalam bidang diplomatik raja Melaka telah membuat hubungan dengan raja-raja besar yang lain di negeri Siam, Jawa dan Cina. Bahasa Melayu berkembang luas sekali, dan pernah dikatakan oleh pengembara-pengembara dari Barat bahawa kedudukan bahasa Melayu di rantau ini sebagai bahasa perantara dalam hubungan perniagaan dan politik sama pentingnya seperti Latin pada satu ketika di Eropa. Yang lebih penting lagi, dari segi masyarakat dan kebudayaan Melayu, Melaka telah juga menjadi pusat bagi perkembangan agama Islam.

Boleh dikatakan bahawa melalui peranan yang dimainkan oleh Melaka pada mula-mulanya, dan pusat-pusat lain selepasnya, seperti Banten di Jawa dan Aceh di Sumatra, Islam telah bertapak kukuh di merata pelusuk Nusantara. Berbeda dengan kepercayaan Hindu yang boleh dikatakan mengubah corak masyarakat Melayu pada kulitnya saja, Islam telah meresap sebati ke dalam jiwa dan fikiran orang-orang Melayu. Buat pertama kalinya orang-orang Melayu menjadi sebagian daripada ummat Islam yang tersebar luas di merata dunia, dan memperoleh satu agama yang mempunyai asas-asas pemikiran yang rasional dan dasar-dasar falsafah yang mendalam. Islam memancarkan pengaruhnya dalam seluruh cara hidup orang Melayu serta ciptaan-ciptaan kreatifnya. Dalam hidup sehari-hari, pengajaran-pengajaran Islam dan nilai-nilai yang digalakkan serta sesuai dengan agama ini menjadi panduan yang kukuh. Dari ilham agama Islam juga telah timbul ciptaan-ciptaan sastra yang sangat tinggi mutunya; dan bahasa Melayu sendiripun telah diperkayakan dengan konsep-konsep serta kata-kata yang berhubungan dengan falsafah, pentadbiran dan sebagainya. Memang benarlah, sebagaimana yang selalu ditegaskan, bahawa Islam telah memulakan satu proses pemodenan yang sangat besar ertinya bagi orang-orang Melayu.

Di Melaka pada kemuncak kegemilangannya terdapat suatu sistem feudal yang padu, meluas kuatkuasanya di daerah-daerah lain dalam

Semenanjung dan tersebar pengaruhnya di sebagian besar Nusantara. Akan tetapi pemerintahan dan sistem feudal Melaka ini terpecah-pecah kepada bagian-bagian yang lebih kecil selepas Peringgi merampas kekuasaan Melaka pada tahun 1511. Sejak tahun inilah bermulanya sejarah penjajahan ke atas orang-orang Melayu di Semenanjung. Pengaruh Peringgi ke atas masyarakat dan kebudayaan. Melayu boleh dikatakan hampir tidak ada. Apabila Peringgi diganti oleh Belanda pada tahun 1624, yang ditinggalkannya cuma perbendaharaan kata baru dalam bahasa Melayu, dan sekumpulan kecil keturunan orang-orang Peringgi di Melaka. Belanda pun tidak meninggalkan kesan yang besar. Sejarah menentukan bahawa peranan terbesar untuk dimainkan oleh Belanda ialah di kawasan yang sekarang merupakan Indonesia, manakala di Semenanjung pula yang besar sekali pengaruhnya ialah Inggeris.

Inggeris sudah mula bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786. Pulau ini beserta Seberang Prai telah dijual oleh Sultan Kedah kepada Syarikat Hindia Timur dengan harga $2,000 cuma. Selain dari itu Inggeris telah juga bercokol di Melaka, selepas Belanda. Kedua-dua Pulau Pinang dan Melaka ini beserta dengan Singapura membentuk apa yang dikenal sebagai Negeri-Negeri Selat. Pada ketika itu kedatangan Inggeris bertujuan untuk berdagang terutamanya. Campurtangan dalam politik orang-orang Melayu di Semenanjung belum nyata lagi. Campurtangan ini bermula di Perak pada tahun 1873. Dengan cara menyebelahi satu pihak dalam pertikaian yang berlaku di antara beberapa orang besar (termasuk Sultan) serta puak-puak yang bersama mereka, Inggeris telah berjaya memasukkan jarumnya. Pada tahun 1874 satu perjanjian yang dikenal sebagai Perjanjian Pangkor telah ditandatangani di antara pihak Inggeris yang diwakili oleh pegawai-pegawainya dari Negeri-negeri Selat dengan Sultan Perak. Dengan perjanian itu kerajaan Perak telah bersetuju untuk menerima nasihat serta pegawai-pegawai Inggeris dalam urusan politik dan pentadbiran dalam negeri. Inggeris tidak boleh campurtangan hanya dalam soal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Berikutan dengan Perak beberapa negeri lain, melalui sultan-sultan mereka, telah juga membuat perjanjian dengan Inggeris mengikut syarat-syarat yang hampir sama. Negeri-negeri itu ialah Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, yang bersama-sama Perak telah bergabung sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896.

Pada waktu itu empat buah negeri yang lain, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu terletak di bawah takluk kerajaan Siam, dan tiap-tiap tahun menghantar upti dalam bentuk bunga emas. Pada tahun 1909 satu perjanjian telah termaktub di antara Inggeris dengan

Siam, dan berikutan dengan itu keempat-empat negeri ini telah berpindah dari pengaruh Siam kepada Inggeris, dan menerima perlindungan serta nasihat daripada mahkota Inggeris, melalui wakil-wakilnya. Tidak lama kemudian, dalam tahun 1914, Johor telah mengikut jejak langkah yang sama. Kelima-lima buah negeri ini dikenal sebagai Negeri-Negeri Melayu Tak Bersekutu. Jikalau Negeri-negeri Bersekutu telah menerima pegawai-pegawai British yang bergelar Residen dan Penolong Residen, maka Negeri-negeri Tak Bersekutu pula telah menerima pegawai-pegawai yang mengambil gelaran Penasihat dan Penolong Penasihat. Walaupun nama berlainan, tetapi pada kenyataannya, tugas pengaruh dan kuatkuasa mereka adalah lebihkurang sama saja.

Kemasukan Inggeris itu bukannya diterima dengan senang hati saja oleh orang-orang Melayu. Hampir di semua negeri, Inggeris telah masuk dengan jalan menyebelah pada satu pihak di antara banyak pihak yang wujud di bawah pembesar masing-masing. Memang ada persaingan pengaruh di antara beberapa pihak tertentu. Tidak dapat dinafikan bahawa tindakan Inggeris memihak pada satu-satu puak memperhebatkan lagi persaingan-persaingan itu. Apa yang dilakukan oleh Inggeris itu sesuai sekali dengan taktik yang memang selalu mereka gunakan di mana saja mereka menjajah, iaitu, pecah-pecah kemudian perintah.

Tetapi tidak semudah itu juga untuk Inggeris memasukkan jarumnya. Di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang penentangan yang hebat muncul di kalangan setengah pembesar-pembesar Melayu serta pengikut-pengikut mereka terhadap kekuasaan Inggeris yang mula meluas itu. Di Perak telah bangkit Maharaja Lela beserta pengikut-pengikutnya, dan mereka telah membunuh seorang Residen Inggeris bernama Birch dalam tahun 1875. Di Selangor telah bangun Syed Mashur dan Raja Mahadi yang mengangkat senjata melawan Inggeris dan juga pembesar-pembesar yang bekerjasama dengannya. Di Negeri Sembilan kita mendengar nama Datuk Naning yang memimpin pengikut-pengikutnya melawan tentera-tentera Sepoy yang dihantar oleh Inggeris. Begitu pula di Pahang sudah terkenal sejarah gemilang Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau yang dengan gigih menentang Inggeris dan kemudian berpuluh-puluh tahun hidup sebagai orang-orang buruan.

Semua pemimpin yang menentang Inggeris itu terdiri dari golongan bangsawan. Mereka bangun berjuang kerana tidak ingin melihat kedaulatan negeri dan bangsanya tercabul oleh kuasa luar dari golongan bangsa yang lain pula agamanya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penentangan mereka itu disebabkan juga oleh dorongan kepentingan

diri sendiri, sebab dengan kedatangan Inggeris dan susunan pentadbirannya orang-orang bangsawan tidak lagi boleh mengutip hasil dari daerah pengaruhnya, dan tidak dibenarkan mempunyai orang perang sendiri. Tetapi faktor kepentingan diri sering diperbesarkan lebih daripada dorongan-dorongan yang dapat dianggap sebagai berunsur semangat kebangsaan, iaitu untuk mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa.

Pembesar-pembesar yang memihak kepada Inggeris telah dianugerahkan pangkat dan pencen. Akan tetapi mereka yang menentang ditekan dan dihukum. Maharaja Lela dan beberapa orang pengikutnya telah dihukum bunuh. Sultan Abdullah beserta keluarga dan pengikutnya telah dibuang negeri ke pulau Seychelles. Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau telah diburu selama berpuluh-puluh tahun oleh Inggeris dari satu negeri ke satu negeri; bahkan Mat Kilau telah dijatuhkan hukum bunuh, dan hukuman itu pasti akan dijalankan seandainya ia tertangkap. Daripada peristiwa-peristiwa ini kita lihat telah mula berkembang dua tradisi di kalangan pembesar-pembesar dan rakyat-rakyat ramai Melayu. Satu tradisi yang bekerjasama dengan penjajahan Inggeris dan satu lagi yang menentang penjajahan Inggeris. Tetapi dalam keadaan yang wujud pada waktu itu tradisi pertama menang.

Memang boleh dikatakan bahawa masuknya pemerintahan Inggeris itu telah membawa banyak perubahan. Selalu dikatakan bahawa pemerintahan Inggeris itu merupakan pemerintahan secara tidak langsung, iaitu dilaksanakan melalui sultan-sultan dan pembesar-pembesar Melayu. Langsung atau tidak langsung pada namanya, tetapi nyata pada hakikatnya bahwa Inggeris telah dapat merancang dan melaksanakan terus apa yang hendak mereka buat guna kepentingan kerajaan mereka melalui pegawai-pegawai sendiri. Mula-mula sekali mereka telah menstabilkan kedudukan sultan-sultan di Negeri-Negeri Bersekutu dan Tak-Bersekutu. Kemudian pejabat-pejabat dibuka dan kakitangan-kakitangannya diangkat untuk memungut cukai, melicinkan pentadbiran, menegakkan undang-undang dan mengawasi keamanan. Ketua-ketua Jabatan biasanya orang-orang Inggeris belaka, dan di bawah mereka barulah terdapat beberapa orang Melayu, terutama yang dipilih dari golongan bangsawan dan diberi sedikit pelajaran serta pengalaman. Kemudian jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai yang khas menyiasat pula tentang kesuburan dan kekayaan bumi. Bila sudah diketahui apa yang paling sesuai untuk dilakukan, maka digalakkanlah perlombongan bijih dan perladangan getah secara besar-besaran.

Syarikat-syarikat Inggeris ditubuhkan untuk mengerjakan kawasan-kawasan bijih yang terkaya sekali, seperti di kawasan Kinta. Lombong-

lombong yang besar kepunyaan Inggeris ini wujud di samping lombong-lombong sederhana atau kecil yang dikelolakan oleh orang-orang China, yang memang sudah memulakan perusahaan-perusahaan ini sebelum Ingggeris lagi, atau oleh pembesar-pembesar Melayu sendiri. Selain dari itu syarikat-syarikat Inggeris juga telah ditubuhkan untuk membuka ladang-ladang getah. Kawasan-kawasan yang paling subur dan sesuai untuk getah telah dijadikan ladang-ladang besar, yang setengah-setengahnya sehingga sekarang merupakan estet-estet paling luas sekali dalam dunia. Bijih timah dan getah perlu dieksport, dan pada ketika yang sama digalakkan pula import barang-barang keluaran kilang-kilang di England. Maka tumbuhlah gedung-gedung perwakilan *(agency houses)* dan gudang-gudang, dan meluaslah perdagangan import eksport.

Dengan segala perkembangan pentadbiran dan ekonomi ini maka muncullah bandar-bandar dan pelabuhan-pelabuhan. Jalan-jalan raya dan keretapi diperbanyakkan untuk menghubungkan ladang-ladang dan lombong-lombong dengan bandar-bandar serta pelabuhan-pelabuhan; dan perhubungan-perhubungan yang sama juga merapatkan hubungan bandar dengan bandar, bandar dengan pelabuhan, dan akhirnya pelabuhan denga pelabuhan. Di bandar-bandar dan pelabuhan-pelabuhan itu, selain dari pusat-pusat perdagangan dan pentadbiran telah dibina juga hospital-hospital dan sekolah-sekolah. Bangunan baru-baru dan tinggi-tinggi bertambah banyak. Maka kelihatan majulah negara.

Tetapi bagaimanakah kedudukan orang Melayu dalam suasana kemajuan yang begitu pesat? Sebagaimana yang akan dilihat dalam bab VI nanti lombong, ladang dan perdagangan besar-besar telah dibolot oleh pemodal-pemodal Inggeris. Yang sederhana dan kecil-kecil kebanyaknya diusahakan oleh orang-orang Cina dan India. Orang Melayu boleh dikatakan tidak memiliki lombong atau ladang. Penyertaan mereka dalam perniagaan, kalau pun ada, hanya sebagai pekedai-pekedai kecil di kampung-kampung. Kebanyakan lombong dan ladang keupayaan Inggeris telah mengambil pekerja-pekerja Cina dan India yang dibawa masuk beramai-ramai ke negeri ini secara kontrek. Orang-orang Melayu ada juga yang diterima menjadi pekerja, akan tetapi penyertaan mereka tidak begitu digalakkan. Mereka masih bertumpu di kampung-kampung, mengusahakan kegiatan-kegiatan menanam di kampung-kampung, mengusahakan kegiatan-kegiatan menanam padi dan menangkap ikan. Tetapi ramai juga yang sudah mula berpindah kepada penanaman getah. Perkembangan pesat yang berlaku di bandar-bandar melebarkan lagi jurang ekonomi dan sosial di antara bandar dan kampung, terutama sekali di antara yang kaya dengan yang miskin.

Menyerapnya ekonomi kewangan ke kawasan-kawasan luar bandar mengakibatkan semakin terbukanya petani-petani kepada penindasan dalam bidang-bidang pengeluaran dan pemasaran. Dari segi pembangunan pula kampung-kampung banyak tinggal terbiar. Secara mutlak dan perbandingan orang-orang Melayu di kampung-kampung khususnya semakin sempit hidupnya, berikutan dengan terbentuknya penjajahan.

Kononnya orang Melayu dilindungi kedudukannya oleh Inggeris. Tetapi sebenarnya keadaan hidup mereka bertambah tergugat dan tanah-laman serta negara mereka sudah mula dan semakin tergadai. Di kampung-kampung orang-orang Melayu melihat orang-orang Cina yang menjadi taukeh dan orang-orang India yang menjadi pemberi hutang lebih senang hidupnya, dan sering pula dianggap sebagai mencabar hidup setengah-setengah orang kampung itu. Di bandar-bandar orang Melayu yang diam di sana sebagai pegawai-pegawai pertengahan atau bawahan melihat juga orang-orang keturunan China, India dan juga Arab telah membolot sebagian besar dari ekonomi negeri ini. Ada orang-orang Melayu yang merasa terancam, dan perasaan seumpama ini telah banyak disuarakan melalui akhbar-akhbar, majalah-majalah dan juga pertubuhan-pertubuhan Melayu yang satu demi satu telah dibentuk dalam beberapa buah negeri. Sasaran orang-orang Melayu ini ialah orang-orang Cina, India dan Arab, yang semuanya dilonggokkan sebagai orang asing. Hal ini berlaku mungkin, pertamanya, kerana yang dilihat kaya, mempunyai rumah besar, memiliki kedai-kedai dan menguasai tanah-tanah, dari mata kasar kebanyakan orang Melayu, ialah taukeh-taukeh Cina dan India tadi. Kekayaan dan kekuasaan Inggeris walaupun jauh lebih besar adalah tersembunyi dan menjadi kabur oleh kerana terlalu besarnya. Tambahan pula, keduanya, golongan-golongan bangsawan yang distabilkan kedudukannya oleh Inggeris dan pegawai-pegawai yang diberi peluang bekerja di bawah Inggeris lebih percaya kepada mitos bahawa Inggeris merupakan pelindung, dan oleh itu tidak patut dicabar kedududkannya.

Perlahan-lahan keadaan berubah. Di beberapa buah negara Islam telah timbul gerakan-gerakan yang, antara lain, memandang penjajahan Barat sebagai cabaran besar. Di Semenanjung terdapat juga beberapa orang ulama seperti Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh Alhady yang telah berguru dengan beberapa orang pemimpin besar gerakan pembaruan itu, seperti Syed Jamaludin Afghani dan Syed Muhamad Abduh. Mereka ini, melalui syarahan-syarahan di merata tempat, karangan-karangan dalam majalah-majalah dan buku-buku yang mereka terbitkan, dan pengajaran-pengajaran di sekolah-sekolah yang mereka dirikan, telah menyeru dan menaikkan semangat orang Islam (Melayu

khususnya) supaya berubah dan mengejar kemajuan. Selain dari itu, sebelum Perang Dunia II, gelombang perjuangan untuk kemerdekaan sudah mulai meninggi di beberapa buah negeri Asia, termasuk yang di rantau ini. Tuntutan untuk memerdekakan negara dan membebaskan bangsa semakin kuat kedengaran. Kesan-kesannya terasa juga di negeri ini. Dari golongan-golongan guru dan wartawan Melayu telah timbul pemimpin-pemimpin yang memulakan pertubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) untuk mencapai kemerdekaan dalam lingkungan apa yang dikenal sebagai Melayu Raya. Meletusnya Perang Dunia II dan berjaya-nya Jepun mengalahkan Inggeris dan terus berkuasa walaupun sekejap, telah mengubah suasana. Seperti di beberapa negara lain, di Semenanjung juga telah bertambah keyakinan orang bahawa kekuatan Barat boleh ditumpaskan oleh orang Asia. Dalam masa yang sama kekerasan dan kezaliman yang dilakukan oleh rejim Jepun itu telah juga menimbulkan keinsafan yang lebih mendalam tentang betapa zalimnya sesuatu kuasa penjajah itu boleh bertindak, dan betapa perlunya satu-satu negara itu mencapai kemerdekaan untuk mengendalikan nasib bangsanya sendiri.

Selepas perang semangat rakyat bertambah tinggi dan gerakan mereka bertambah hebat untuk mencapai kemerdekaan. Tokoh-tokoh seperti Sutan Djenain telah mengilhami gerakan rakyat di sini. Sebagian besar orang-orang Melayu pada mulanya telah menyalurkan semangat dan gerakan mereka melalui Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Ishak Haji Muhamad. Di bawah sayap PKMM terbentuk bahagian wanitanya dipimpin oleh Shamsiah Fakeh, iaitu Angkatan Wanita Sedar (AWAS), dan bahagian pemudanya Angkatan Pemuda Insaf (API) yang diketuai oleh Ahmad Boestamam. Setengah-setengah daripada pemimpin-pemimpin dalam ketiga-tiga pertubuhan ini pernah menjadi anggota KMM. Maka tidak hairanlah jikalau perjuangan mereka mirip ke Indonesia dan mereka menuntut kemerdekaan yang segera dan menyeluruh daripada penjajahan Inggeris dan penyatuan dengan Indonesia. Gerakan mereka ini bukan saja telah mendapat sambutan dari orang-orang kampung, guru-guru dan pegawai-pegawai, tetapi juga telah berjaya menarik penyertaan beberapa orang para profesional dan sokongan beberapa orang Sultan. Nyata sekali bahawa tuntutan-tuntutan dan cara pergerakan mereka yang agak radikal itu tidak disenangi Inggeris.

Sebenarnya perjuangan untuk kemerdekaan dalam rangka bidang Melayu Raya, sebagaimana yang dipelopori oleh PKMM telah menjadi kabur oleh kerana satu perkembangan baru yang tercetus apabila Inggeris cuba membawa perubahan-perubahan perlembagaan dengan

melaksanakan Kesatuan Malaya (*Malayan Union*). Seorang pegawai jajahan bernama MacMichael telah dikirimkan dari London untuk medapatkan tandatangan sultan-sultan sebagai menyatakan persetujuan mereka dengan Kesatuan Malaya. Di antara perkara-perkara yang dicadangkan di bawah konsep Kesatuan ini ialah: semua negeri Melayu dan Selat melainkan Singapura diletakkan di bawah satu pemerintahan, kewarganegaraan yang sama bagi semua; dan memberikan dengan otomatis taraf warganegara kepada orang-orang Cina dan India yang lahir di Malaya; semua kuasa dan hak sultan-sultan ke atas negeri-negeri mereka diserahkan kepada Mahkota Inggeris; dan sultan-sultan hanya akan menjadi Pengerusi bagi Majlis Penasihat yang mempunyai kuatkuasa ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu saja.

Sultan yang pertama menurunkan tandatangan ialah Sultan Johor. Tindakannya telah ditentang oleh sebagian rakyatnya. Sekumpulan pegawai-pegawai kanan kerajaan Johor berpendapat bahawa di bawah Perlembagaan Sultan tidak berhak menyerahkan negeri Johor kepada Inggeris atau mana-mana kuasa asing, dan oleh itu menganggap bahawa perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan itu tidak sah. Kumpulan ini telah menubuhkan Kesatuan Melayu Johor, dan mengeluarkan satu Peristiharan pada bulan Februari 1946 mencela Sultan kerana menurunkan tandatangannya dan menyeru rakyat Johor supaya jangan mengiktirafkannya sebagai sultan. Tindakan Sultan Johor telah dituruti oleh beberapa orang sultan yang lain. Kemarahan rakyat Melayu semakin memuncak dan akhirnya sultan-sultan ini sendiri telah menyertai gerakan menentang Kesatuan Malaya, dengan mendakwa bahawa mereka telah dipaksa untuk menandatangani Perjanjian yang dibawa oleh MacMichael itu. Pada bulan Mac 1946 UMNO telah ditubuhkan, mengandungi 48 buah pertubuhan Melayu termasuk PKMM, di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar. PKMM telah keluar dari UMNO apabila tidak ada kata sepakat tentang bentuk bendera dan cogankata; UMNO mahukan cogankata 'Hidup Melayu' manakala PKMM hendakkan 'Merdeka'

Dari mula-mulanya pimpinan UMNO terdiri kebanyakannya dari pegawai-pegawai kerajaan. Pada bulan Ogos, lima bulan setelah PKMM keluar dari UMNO, Ketua Setiausaha A. Newbolt bagi pihak kerajaan Inggeris telah memberi jaminan kepada UMNO bahawa pegawai-pegawai kerajaan tidak akan dihukum kerana menyertai politik. Sebelum itu Timba lan Ketua Setiausaha telah menghantar surat pekeliling rahsia kepada semua ketua jabatan memberitahu bahawa " ... GO III yang melarang pegawai-pegawai kerajaan memanggil perjumpaan

umum untuk membincangkan sebarang tindakan kerajaan hendaklah jangan dikuatkuasakan ..." *(Malayan Union/Confidential 74/1946*, di Arkib Negara, Kuala Lumpur). Dengan demikian bebaslah pegawai-pegawai kerajaan ini bergerak dalam UMNO. Di England beberapa orang bekas pegawai kerajaan yang pernah memegang jawatan-jawatan penting di negeri ini telah menyokong pergerakan UMNO menentang Kesatuan Malaya.

Kerjasama yang diperolehi pemimpin-pemimpin UMNO dari sultan-sultan, sokongan-sokongan yang diberi oleh rakyat, dan bantuan secara langsung atau tidak langsung dari kerajaan Inggeris dan pegawai-pegawai jajahan yang sudah bersara, telah menjamin kejayaan UMNO. Pada bulan Febuari 1948 Perjanjian Persekutuan telah mengganti Perjanjian Kesatuan Malaya. Dengan perjanjian baru ini kedudukan sultan telah dipulihkan, Kerajaan Persekutuan dibentuk meliputi semua negeri Melayu dan Selat melainkan Singapura, dan sebuah Majlis Undangan baru ditubuhkan, mengandungi 74 orang yang dilantik terdiri dari-pada wakil-wakil kerajaan Inggeris di sini, wakil-wakil sultan-sultan dan wakil-wakil berbagai golongan dalam masyarakat. Kejayaan UMNO ini telah memberikannya pengaruh yang lebih besar di kalangan orang-orang Melayu. Kemudian, pada bulan Jun 1948 kerajaan Inggeris telah meng-istiharkan Undang-undang Darurat, berikutan dengan pemberontakan bersenjata yang dilancarkan oleh Partai Kominis Malaya (PKM) menen-tang penjajahan Inggeris. Beberapa pertubuhan awam, kesatuan sekerja, dan partai-partai politik – antaranya PKMM, API dan AWAS – telah diharamkan. Ramai pemimpin dan pengikut pertubuhan-pertubuhan itu telah disumbat ke dalam penjara atau kem-kem tahanan. Antara yang tidak tertangkap, ada yang masuk hutan dan ada yang menyertai UMNO. Sebenarnya perjuangan PKMM dan UMNO adalah merupakan lanjutan dua tradisi kerjasama dan pertentangan dengan penjajahan, yang telah kelihatan di kalangan golongan bangsawan kira-kira 70 tahun sebelum dari ini.

Tindakan Inggeris menekan partai-partai dan pemimpin-pemimpin nasionalis tulen ketika itu telah membuka jalan seluas-luasnya kepada UMNO untuk membolot kedudukan sebagai pemimpin orang Melayu. Kira-kira tiga tahun selepas Darurat diistiharkan UMNO telah menukar cogankatanya dari 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. UMNO menjadi bertambah kuat. Tetapi pada tahun 1952 satu perpecahan telah berlaku. Dato' Onn mahukan pintu UMNO dibuka kepada orang-orang bukan-Melayu kerana mempercayai – mungkin atas nasihat pembesar-pembesar penjajah seperti Malcom McDonald, ketika itu Pesuruhjaya Agung British di Tenggara Asia – bahawa Inggeris tidak akan bersetuju

memberikan pemerintahan sendiri melainkan ada kerjasama di antara orang-orang Melayu dengan bukan-Melayu di negeri ini. Apabila cadangan beliau ditolak, Dato' Onn telah keluar dari UMNO dan telah menubuhkan Independence Malaya Party (IMP). Perpecahan telah berlaku terutama sekali di peringkat pimpinan. Sebagian besar Menteri-menteri Besar dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang masa itu menyokong UMNO telah mengikut Dato' Onn, dan beberapa orang saudagar dan pemimpin bukan-Melayu telah menyertainya. Akan tetapi kebanyakan pemimpin-pemimpin pertengahan dan rakyat biasa tetap dengan UMNO. Mereka mahukan kemerdekaan segera, tetapi Dato' Onn berpendapat bahwa Merdeka mesti menunggu masa yang panjang. Setelah perpecahan ini, pucuk pimpinan baru diambil oleh Tengku Abdul Rahman dan Datuk A. Razak Hussein.

Penolakan terhadap Kesatuan Malaya dan juga Dato' Onn menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin Melayu waktu itu tidak hendak berkongsi kuasa dengan orang-orang bukan-Melayu. Apabila IMP tidak berjaya Dato' Onn telah menubuhkan pula Parti Negara (PN) yang keanggotaannya dihadkan kepada Melayu saja, dan bertujuan untuk memperjuangkan hak Melayu. Tetapi langkah barunya ini sudah terlambat dan tidak mendapat sokongan. Sebaliknya UMNO sudah menyedari kenyataan bahwa kemerdekaan hanya akan tercapai jikalau ada kerjasama dengan orang-orang bukan-Melayu. Cara mereka melaksanakan kerjasama ini bukannya dengan membuka pintu UMNO tetapi dengan membentuk Perikatan dengan sebuah partai Cina, iaitu MCA, dan sebuah parti India, iaitu MIC. Ujian yang pertama bagi Perikatan ialah dalam Pilihanraya Kuala Lumpur. Kemenangan tercapai, jadi kerjasama dalam bentuk ini diperluaskan. Manakala Pilihan Umum diadakan pada tahun 1955 untuk memilih 52 daripada 74 orang anggota Dewan Undangan yang baru, Perikatan dengan UMNO sebagai tulang belakang telah memenangi 51 daripada 52 kerusi tersebut.

Selepas pilihanraya ini Tengku A. Rahman diangkat menjadi Ketua Menteri. Beliau kemudian telah memimpin satu rombongan yang mewakili sultan-sultan dan Perikatan ke London untuk membincangkan Kemerdekaan. Hasilnya telah disetujui bahawa Merdeka akan diserahkan oleh Inggeris pada 31 Ogos 1957. Satu suruhanjaya telah dibentuk, mengandungi beberapa orang pakar undang-undang dari negara-negara Komanwel untuk menggubal sebuah Perlembagaan. Suruhanjaya ini di antara lain mencadangkan pengangkatan Yang Dipertuan Agung sebagai lambang kedaulatan negara lima tahun sekali dari kalangan sultan-sultan, pembentukan Parlimen dengan semua anggota terpilih, perlindungan kedudukan istimewa orang-orang Melayu, peraturan yang

lebih liberal untuk memungkinkan orang-orang bukan-Melayu menjadi warganegara, dan menetapkan tugas perkhidmatan awam hanya sebagai badan pelaksana keputusan-keputusan yang dibuat oleh ahli-ahli politik dalam kerajaan. Kemudian satu. langkah yang segera dilakukan ialah untuk mengganti pegawai-pegawai jajahan yang berkhidmat dalam berbagai bidang dengan orang-orang tempatan melalui proses *Malayanisation* Gantirugi yang besar jumlahnya telah dibayar kepada pegawai-pegawai yang digantikan itu. Bagi pegawai-pegawai tempatan ramai pulalah yang naik pangkat. Jadi yang mula-mula mengecap nikmat dari Merdeka ini ialah pemimpin-pemimpin politik dan pegawai-pegawai kanan dalam perkhidmatan awam.

Pada tahun 1959, bagi kali pertamanya pilihanraya telah diadakan untuk memilih semua anggota Parlimen bagi Persekutuan dan Dewan Undangan untuk masing-masing negeri. Perikatan masih membuktikan pengaruhnya, walaupun pengaruh itu sudah mulai menurun. Pada tahun 1955, Perikatan telah mengutip 79.6% dari undi yang dibuang, tetapi dalam tahun 1959 jumlahnya menurun kepada 51.5% saja. Dua partai pembangkang telah muncul dengan sokongan yang agak besar, iaitu Partai Islam Semalaya (PAS) yang mendapat 21.2% undi dan merebut 13 kerusi Parlimen, dan Fron Sosialis (SF) yang disokong oleh 13.0% pengundi dan memenangi 8 kerusi Parlimen. PAS telah berjaya juga mendapat suara terbesar dalam Majlis-majlis Undangan Kelantan dan Trengganu, dan membentuk Kerajaan di sana. SF pula telah menguasai Majlis-majlis Bandaran Pulau Pinang dan Melaka.

PAS berasal dari sebagian Dewan Ulama yang telah berpecah dari UMNO pada tahun 1954. Mula-mulanya PAS dipimpin oleh Hj. Ahmad Fuad, dan lepas itu pucuk pimpinannya diambil oleh Dr. Burhanuddin. Setelah pertukaran pimpinan ini PAS berkembang dengan pesatnya. Parti itu melaungkan perjuangan yang diasaskan pada Islam, dan mahu menegakkan kembali kedaulatan Melayu. Dakwaannya ialah bahawa UMNO dikuasai oleh MCA melalui Perikatan, dan nasib orang Melayu sudah tergadai. Laungan-laungan inilah yang disambut dengan ghairah oleh rakyat Melayu terutama di kawasan-kawasan di mana ekonomi tradisional masih meluas diamalkan, dan kedudukan agama Islam masih kuat akar-umbinya, khususnya di Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis. SF pula merupakan gabungan daripada Partai Buruh Malaya (PBM) dengan Partai Rakyat Malaya (PRM): PBM dipimpin oleh Ishak Haji Muhamad manakala PRM pula diketuai oleh Ahmad Boestamam. Penggabungan kedua partai ini berlaku pada tahun 1959. Sokongan kepada PBM agak luas di kalangan orang-orang China, dan PRM pula mendapat sokongan yang agak terbatas dari orang-orang Melayu.

Dari mulanya SF bergerak atas *platform* sosialis yang mahu memperjuangkan nasib golongan bawahan terbanyak, berlandaskan kerjasama yang rapat antara kaum di lapisan bawahan itu.

Dengan kemenangannya dalam pilihanraya 1959, Periktan telah membentuk Kerajaan dan Tengku A. Rahman menjadi Perdana Menteri. Selepas ini ada dua peristiwa besar yang telah berlaku. Pertama ialah Konfrontasi dari Indonesia, dan kedua Peristiwa 13 Mei. Kedua-duanya mempunyai kesan besar ke atas orang-orang Melayu. Konfrontasi timbul berikutan dari pembentukan entiti yang dinamakan Malaysia, yang mengandungi Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Singapura pada tahun 1963. Gagasan ini telah ditentang oleh SF dan PAS, dan dari luar negeri oleh Indonesia, yang menganggapnya sebagai satu helah pihak penjajah Inggeris untuk menyelamatkan dirinya dan untuk menjadikan negeri ini sebagai pangkalan untuk mengancam keselamatan Indonesia. PAS dan SF, selain dari menyetujui pendapat mengenai tipu muslihat dan jerat Inggeris, juga menganggap bahawa kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak boleh menimbulkan bermacam masalah sebab: (a) ia boleh mengubah imbangan penduduk mengikut kaum dan meruncingkan politik perkauman, (b) ia boleh mengakibatkan hasil yang diperolehi Semenanjung mengalir ke luar ke Sabah dan Sarawak dan menimbulkan kesulitan ekonomi, dan (c) ia boleh menimbulkan kesulitan-kesulitan dalam pemerintahan oleh sebab terdapat peringkat kemajuan yang berbeda antara Semenanjung dengan tiga negeri yang hendak dicantumkan dengannya itu. Tuntutan-tuntutan telah dibuat agar diadakan pungutan suara di Sabah dan Sarawak supaya rakyat di sana dapat menentukan masa depan mereka sendiri.

Tentangan dari SF dan PAS, dan konfrontasi dari Indonesia telah mencetuskan tindakan oleh Kerajaan menangkap ramai pemimpin dan anggota kedua-dua buah partai. Dalam suasana krisis dan tuduhan bahawa pemimpin-pemimpin yang ditangkap itu bersubahat dengan kuasa asing untuk menggulingkan Kerajaan, satu pilihanraya telah diadakan pada tahun 1964, yang memberikan kemenangan besar kepada Perikatan. Sebagaimana yang diduga oleh pihak-pihak pembangkang, beberapa masalah telah timbul di antara Semenanjung dengan Singapura, yang telah meruncingkan perhubungan kaum. Ini akhirnya mengakibatkan terkeluarnya Singapura dari Malaysia. Kemudian, selepas Sukarno jatuh di Indonesia dan konfrontasi diberhentikan, hubungan baik telah dipulihkan semula antara negeri-negeri ini. Tahanan-tahanan politik yang dituduh terlibat dengan konfrontasi telah dibebaskan.

Peristiwa 13 Mei pula telah berlaku beberapa hari selepas Pilihanraya 1969. Perkelahian dan pembunuhan kaum telah tercetus di Kuala

Lumpur. Banyak nyawa melayang dan harta benda musnah. Undang-undang darurat diisytiharkan. Parlimen dibubarkan. Ada pemimpin. di antaranya Tun Ismail, yang mengumumkan "demokrasi telah mati". Sebuah Majlis Gerakan di antaranya (Mageran) didirikan dengan Tun A. Razak Hussein sebagai Pengarah. Sebagian besar anggota UMNO dan juga orang-orang Melayu luar UMNO menyalahkan Tengku A. Rahman sebab tercetusnya peristiwa itu. Kata mereka sikap kerajaan di bawah pimpinannya terlalu liberal dan beralah sangat kepada orang Cina. Ini mengakibatkan pengaruh UMNO merosot, dan menyebabkan ia mendapat undi yang kurang dari orang Melayu berbanding dengan PAS. Oleh sebab beliau menentang Tengku A. Rahman, Dr. Mahathir Muhamad telah tersingkir sebentar. Seterusnya oleh sebab sikap tidak tegas Tengku, dipercayai pula bahawa orang-orang Cina telah bertambah lantang menyuarakan tuntutan-tuntutan mereka. Demokratik Action Party (DAP), sebuah partai yang mengakui diri sebagai sosialis demokrat, tetapi nyaring melaungkan tuntutan-tuntutan cauvinis Cina telah berjaya dalam banyak kawasan di bandar-bandar yang dulu dikuasai oleh MCA.

Begitu kuatnya ombak-ombak yang memukul ke arah Tengku A. Rahman sehingga ia akhirnya terpaksa meletakkan jawatan. Mengikut sebuah buku riwayat hidup Tengku, beliau telah bersetuju mengundurkan diri hanya setelah dipersetujui bahawa beliau akan dibayar pencen (Harry Miller, 1959). Sepatutnya soal pembayaran pencen ini tidak harus timbul dari seorang pemimpin yang disanjung sebagai pejuang kebangsaan. Tun A. Razak telah diangkat menggantikannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Selepas berkuatkuasa dua tahun Mageran pun dimansuhkan dan Parlimen dipulihkan semula. Beberapa undang-undang baru telah diluluskan untuk mengharamkan issue-issue yang dianggap sensitif, seperti kedudukan sultan, hak istimewa orang-orang Melayu, bahasa kebangsaan dan lain-lain, daripada disentuh dalam perbincangan-perbincangan umum. Seruan-seruan telah dibuat agar kegiatan politik dikurangkan, dan kegiatan pembangunan diperhebatkan. Tun A. Razak telah berusaha menyerapkan partai-partai lawan dalam lingkungan bersama UMNO, dan tidak lama kemudian Barisan Nasional (BN) telah ditubuhkan. BN meliputi bukan saja partai-partai dalam Perikatan tetapi juga kebanyakan dari partai-partai pembangkang, iaitu PAS, Gerakan, PP, SUPP, SNAP dan lain-lain. Di bawah bendera BN yang berlambangkan dacing Tun A. Razak telah mencapai kejayaan dalam pilihanraya pada tahun 1974.

# III. Politik

BEBERAPA aspek dari perkembangan dan persoalan politik orang-orang Melayu telah digariskasarkan dalam Bab II, dan bolehlah dihuraikan dengan lanjut lagi dalam bab ini. Di sini akan lebih ditekankan persoalan-persoalan pokok yang berkaitan dengan politik orang Melayu khususnya dan negara amnya. Sebelum berbuat demikian terlebih dulu bolehlah ditinjau sebentar sistem politik Melayu tradisional, kerana akan dapat dilihat nanti bahawa banyak persoalan politik orang-orang Melayu ada kaitannya dengan perlanjutan unsur-unsur politik tradisional ini, dan proses perubahannya yang ditimbulkan terutama sekali oleh sejarah penjajahan dan kemudiannya kemerdekaan. Ada persoalan-persoalan pokok dalam politik orang Melayu hari ini yang boleh difahami dengan lebih mendalam lagi apabila diketahui sistem politik tradisional serta perubahan-perubahannya.

Sistem politik pada peringkat permulaan dalam zaman-zaman Batu Tengah dan Batu Baru dulu *simple* sahaja sifatnya. Kelompok-kelompok masyarakatnya kecil dan tidak memerlukan susunan pemerintahan yang kompleks dan kakitangan-kakitangan yang ramai untuk mentadbirkannya. Seperti yang telah dinyatakan lebih awal, anggota-anggota kelompok masyarakat ini mempunyi hubungan kekeluargaan yang rapat. Dari segi politik mereka, orang yang menjadi pemimpin biasanya orang tua dalam masyarakat itu; masing-masing kelompok ada ketuanya, dan ketua-ketua tidak pula berkaitan antara satu sama lain dalam satu sistem yang terpusat. Orang-orang tua ini dihormati dan berpengaruh kerana dalam umur yang lebih panjang mereka telah dapat mengumpul lebih banyak pengalaman dan pengetahuan tentang cara-cara mencari sara hidup, menjaga keselamatan dalam keadaan persekitaran yang penuh ancaman, dan meneruskan peraturan-peraturan adat serta kepercayaan. Biasanya ketua-ketua ini tidaklah melaksanakan fungsi mereka dengan paksaan, bahkan di antara anggota-anggota


masyarakat, terutama lelaki yang sudah lebih umurnya, terdapat tukar-menukar pendapat secara keluarga. Apa yang berlaku di kalangan mereka pada zaman-zaman silam juga kelihatan berlaku di kalangan masyarakat-masyarakat *simple* yang masih wujud sekarang di rantau ini, dan dalam peringkat yang sama dari segi perkembangan sosial dengan masyarakat zaman Batu Tengah itu.

Dalam perkembangan seterusnya kelompok-kelompok kecil ini disatukan pula dalam lingkungan masyarakat yang lebih besar, di bawah orang besar, orang kaya atau mungkin raja yang sama. Masing-masing kelompok kecil ada ketuanya, yang terkenal dengan berjenis nama, antaranya batin, ketua atau penghulu. Mereka terus berfungsi sebagai pemimpin bagi kelompok mereka sendiri, tetapi selain dari itu mereka tertakluk juga di bawah pembesar mereka, dan terpaksa juga menjalankan perintah-perintah atau hajat-hajat pembesar itu. Pembesar-pembesar mempunyai pengaruh kerana kekuasaan mereka lebih kuat, kedudukan ekonomi lebih teguh, dan mereka mempunyai orang-orang perang sendiri. Dengan kekuatan yang ada pada mereka pembesar itu boleh mengutip hasil atau serahan serta hadiah, dan ini meneguhkan lagi kedudukan ekonomi mereka sebab mereka boleh menjadi bertambah kaya, sehingga dapat mereka membanyakkan orang perang, meramaikan lagi pengikut-pengikut dan meluaskan lagi kawasan pengaruh. Akhirnya pembesar itu boleh menjadi seorang raja pula.

Sebagaimana yang diterangkan lebih awal, Melaka merupakan kemuncak kegemilangan kerajaan Melayu lama. Sistem politik masa itu sudah agak kompleks. Raja Melaka raja besar, diakui oleh kerajaan-kerajaan lain dan dipatuhi oleh setiap peringkat rakyatnya dalam semua jajahan takluk. Di bawah Sultan Melaka itu terdapat raja-raja yang ditaklukinya, yang biasanya ada hubungan dengannya, sama ada melalui petalian darah atau perkahwinan. Selain dari itu ada juga pembesar-pembesar; mereka ini dapat dibagi kepada dua, iaitu: (a) pembesar-pembesar yang mempunyai tugas-tuga khas dalam kerajaan Melaka, seperti Bendahara, Laksamana, Shahbandar dan Temenggung, dan (b) pembesar-pembesar yang diangkat sebagai ketua, orang besar atau orang kaya bagi kawasan-kawasan yang tertentu. Pembesar-pembesar ini kadang-kadang ada juga pertalian kekeluargaannya dengan sultan. Melalui perantaraan pembesar-pembesar inilah sultan melaksanakan pemerintahannya dan hubungnnya dengan rakyat.

Dapat dikatakan bahawa sultan Melaka, sultan-sultan di jajahan takluk, pembesar dan keluarga semuanya merupakan lapisan atasan atau elita masyarakat; kedudukan mereka ditentukan oleh asas-asas tradisional. Merekalah pemimpin dan kepada merekalah tertumpunya


kekuasaan politik, ekonomi dan ketenteraan. Sudah tentu puncak segala kekuasaan ini lebih besar pada sultan Melaka sendiri. Pembesar-pembesar berlainan sedikit. Walaupun mereka bertugas sebagai pemimpin dalam lapangan atau kawasan mereka sendiri, tetapi sebagai perantara bagi sultan dengan rakyat mereka juga menjalankan peranan sebagai anggota pentadbiran zaman itu. Sekiranya susunan politik ini digambarkan dalam bentuk piramid, maka kita akan mendapat gambaran seperti berikut:




Dalam rajah ini, S ialah Sultan Melaka dan R rakyatnya di seluruh kerajaan dan jajahan takluk. Antara mereka ialah SS, iaitu raja-raja atau sultan-sultan di bawah takluk Melaka, dan P serta PP yang merupakan pembesar-pembesar. Kedua-dua Sultan Melaka (S) dan sultan-sultan di bawahnya (SS) mempunyai pembesar mereka sendiri, iaitu P dan PP. Hubungan P dengan S adalah langsung, manakala hubungan PP dengan S adalah melalui SS.

Susunan pemerintahan dan pentadbiran Melaka ini dapat dianggap sebagai susunan feudal yang padu. Susunan ini telah menjadi berpecah-pecah selepas runtuhnya raja Melaka. Pada ketika itu terdapat kerajaan-kerajaan atau negeri-negeri yang berpecah-pecah, masing-masing dengan raja dan pembesar-pembesar mereka sendiri. Ada juga kelompok-kelompok masyarakat yang di bawah pembesar saja. Dalam bentuk piramid susunan ini boleh digambarkan sebagai beberapa piramid lebih kecil yang berasingan seperti berikut:

Tiga piramid ini menggambarkan tiga jenis susunan politik yang mungkin terdapat: Rajah I ialah kerajaan yang agak besar juga, seperti kerajaan Johor-Riau, tetapi tidak sebesar Melaka sebelumnya, yang ada sultan (S), pembesar (P dan PP) dan rakyatnya sendiri (R). Rajah II




menunjukkan kerajaan yang lebih kecil dan Rajah III pula melambangkan satu kelompok masyarakat yang diketuai oleh seorang pembesar saja.

Di antara kerajaan-kerajaan, negeri-negeri atau kelompok-kelompok masyarakat yang berjenis-jenis mungkin terdapat perhubungan atau pemisahan. Perhubungan berlaku sama ada dalam bentuk kerjasama atau pertentangan. Keadaan pemisahan wujud manakala satu-satu negeri atau kelompok – biasanya yang kedua ini – terasing samasekali dan tidak ada apa-apa hubungan dengan kerajaan atau kelompok-kelompok masyarakat yang lain. Hubungan kerjasama boleh berlaku di antara dua kerajaan apabila ada perjanjian atau ada kaitan kekeluargaan yang merapatkan dua orang sultan atau lebih. Mereka kunjung-mengunjung, hantar-menghantar rombongan dan hadiah, dan melangsungkan perkahwinan di antara anggota-anggota keluarga di kedua-dua belah pihak. Tetapi tidak semestinya seorang raja itu tertakluk di bawah raja yang lain. Hubungan yang berupa penaklukan lebih sering berlaku di antara pembesar dengan sultan. Seorang pembesar yang mengakui daulat atau kekuasaan raja yang dianggapnya sah (*legitimate*) mungkin meletakkan diri dan masyarakatnya di bawah sultan itu. Maka di sini terdapatlah susunan yang padu, walaupun dalam lingkungan yang kecil. Hubungan yang bertentangan pula wujud di antara sultan dengan sultan atau sultan dengan pembesar. Pertentangan antara sultan-sultan itu boleh timbul dari persaingan politik atau perebutan punca-punca ekonomi. Di antara pembesar dan sultan pula pertentangan mungkin timbul apabila pembesar tidak mengiktiraf sahnya sultan sebagai seorang berketurunan sultan. Walaupun dalam susunan feudal yang berpecah-pecah

ini lingkungan kekuasaan kerajaan adalah lebih kecil dan terbatas, namun masing-masing sultan dan pembesar tetap terus mempunyai kuasa dan memainkan peranan yang berpengaruh dalam ketiga-tiga bidang politik, ekonomi dan ketenteraan.

Apa pula yang berlaku dengan datangnya penjajahan Inggeris? Sebagaimana yang telah diterangkan, Inggeris telah memusnahkan segala tentangan dan melucutkan kekuasaan raja-raja atau pembesar-pembesar yang menentang mereka. Sultan-sultan yang diiktiraf diberikan kekuasaan pemerintahan dalam lingkungan negeri; dan sempadan bagi negeri-negeri itu ditentukan dengan jelas dan tetap. Oleh sebab pembesar-pembesar atau waris-waris sultan yang menentang atau menuntut kedudukan sudah diketepikan, maka sultan-sultan ini lebih stabillah kedudukannya. Tambahan pula, Inggeris telah dapat mentadbirkan negeri dengan lebih aman. Tetapi semua sultan bagi negeri-negeri Melayu ini telah terlucut kekuasannya. Dari segi politik mereka menjadi lambang kekuasaannya saja; tidak berkuasa menjalankan pemerintahan mengikut keputusannya sendiri, bahkan mesti patuh kepada Residen atau Penasihat British. Dari segi ekonomi mereka tidak lagi boleh memungut cukai dari rakyatnya, kerana urusan pemungutan cukai ini sudah menjadi tugas khas bagi jabatan-jabatan tertentu dalam pentadbiran kerajaan. Mereka berhak hanya menerima gaji dan elaun yang dibayar dari bagian hasil negeri yang dipungut. Seterusnya mereka tidak lagi mempunyai orang-orang perang mereka sendiri, kerana polis dan asykar dibentuk sebagai bagian-bagian penjaga keamanan dan keselamatan yang terlepas dari urusan atau kekuasaan sultan. Lagipun, sultan sudah tidak ada punca hasilnya sendiri yang boleh digunakan untuk menanggung angkatan tentera yang besar dan baru.

Jadi, kuasa-kuasa sebenar yang dipunyai oleh sultan-sultan dulu sudah tidak ada lagi pada sultan-sultan sekarang. Sebagai lambang, mereka hanya memainkan peranan dalam upacara-upacara kerajaan negeri. Nasib para pembesar lebih malang pula. Kedudukan mereka yang tidak terlucut gelarannya hanyalah pada nama saja. Walau bagaimanapun mereka diberikan sara hidup atau pencen untuk menggantikan sumber pendapatan dari pungutan hasil dan cukai keistimewaan mereka dulu yang sekarang sudah tidak wujud lagi. Misalnya, dalam tahun 1903 dilaporkan bahawa seramai 2,876 orang pembesar dan keluarga diraja telah dibayar elaun politik sebanyak $939,722 setahun (Mavis Puthucheary, 1973: 20). Peranan mereka juga terbatas pada menyerikan adat istiadat kebesaran, melainkan jika mereka telah diserapkan ke dalam sistem pentadbiran baru yang dibentuk oleh Inggeris itu.

Dalam pentadbiran baru ini pegawai-pegawai yang terpenting dalam negeri-negeri bersekutu ialah Residen bagi negeri dan Penolong Residen bagi daerah atau jajahan, dan dalam negeri-negeri Tak Bersekutu pula gandingannya ialah Penasihat dan Penolong Penasihat. Di negeri-negeri selat pegawai tertinggi sekali ialah Gabenor. Pada mulanya pegawai-pegawai Inggeris di tiap-tiap negeri itu boleh dikatakan tetap di satu-satu negeri. Akan tetapi, selepas terbentuknya Negeri-negeri Bersekutu pada tahun 1895, pegawai-pegawai Inggeris ini boleh dipindahkan dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Pegawai tertinggi Inggeris bagi semua negeri Melayu ini ialah Pesuruhjaya Tinggi, yang berpusat di Singapura, manakala pegawai terkanan bagi Negeri-negeri Bersekutu ialah Residen Umum. Pada tahun 1909 sebuah Majlis Persekutuan telah dibentuk bagi negeri-negeri bersekutu, dengan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi dan dianggotai oleh Residen Umum, empat orang sultan, empat orang residen, empat orang penduduk yang dilantik sebagai anggota tak resmi dan menjadi wakil bagi kepentingan-kepentingan perladangan dan perdagangan. Dalam majlis yang pertama terdapat sembilan orang Inggeris, enam resmi dan tiga tak resmi empat Melayu dan seorang Cina. Kehadiran sultan disambut dengan penuh adat istiadat. Selesai istiadat mereka berangkat, dan barulah majlis bersidang. Pada tahun 1927 sultan-sultan diganti tempat-nya oleh anggota-anggota tak resmi Melayu. Tugas penting Majlis Persekutuan ini ialah untuk menasihat Pesuruhjaya Tinggi bagi membuat dasar-dasar dan undang-undang. Jelas sekali bahawa pada peringkat membuat dasar, Inggerislah yang berpengaruh sekali, dan pada peringkat mentadbir, iaitu melaksanakan dasar, Inggeris juga pegawai-pegawai kanannya. Nyatalah bahawa pemerintahan Inggeris sebenarnya dilakukan secara langsung dan bukan secara tak langsung seperti yang selalu didakwa.

Apabila urusan-urusan pentadbiran bertambah banyak dan kompleks maka pegawai-pegawai Inggeris tidak mencukupi. Perkhidmatan Awam Malaya (MCS) dari mula-mulanya dibataskan hanya kepada rakyat dan keturunan Inggeris saja. Perjawatan yang terbuka kepada orang-orang Melayu ialah Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (MAS) yang lebih rendah taraf dan gajinya dari MCS. Ada kemungkinan bagi seorang Melayu dari MAS meningkat naik ke MCS. Tetapi dia harus melalui beberapa tingkat kenaikan pangkat, dan hanya selepas berkhidmat kira-kira 10 tahun barulah boleh diterima ke dalam MCS, ertinya 10 tahun juga terkemudian daripada pegawai-pegawai Inggeris yang boleh diterima dengan terus saja. Dengan yang demikian tempoh perkhidmatan pegawai-pegawai Melayu dalam MCS sentiasa lebih pendek dari

pegawai-pegawai Inggeris, dan tidak mungkin sempat mereka menjawat jawatan-jawatan yang terkanan. Seorang Melayu tidak boleh menjadi Residen. Kebanyakan pegawai-pegawai Melayu dalam MAS dan MCS itu dipilih dari kerabat-kerabat diraja. Maktab Melayu Kuala Kangsar telah didirikan pada tahun 1905 khusus untuk mendidik dan memberi latihan kepada bakal-bakal pegawai Melayu ini. Tetapi lama kelamaan pintu perkhidmatan ini terbuka juga kepada calon-calon dari golongan orang kebanyakan.

Pegawai-pegawai Inggeris menggabungkan kedua-dua tugas politik (menentukan dasar) dan pentadbiran (melaksanakan dasar), terutamanya pegawai-pegawai kanan seperti Residen, Penasihat dan Gabenor. Perlantikan mereka merupakan perlantikan politik. Walaupun dalam pentadbiran mereka tertakluk di bawah Setiausaha Tanah Jajahan, dan melaksanakan arahan-arahannya, namun mereka boleh juga membuat keputusan-keputusan politik tersendiri dengan agak bebas di tempat-tempat mereka bertugas. Lagi pula, Residen-residen sebagai pentadbir juga menjadi anggota Majlis Persekutuan yang menentukan dasar itu. Sebaliknya sejak mula-mula lagi pegawai-pegawai Melayu berfungsi hanya sebagai pentadbir yang melaksanakan dasar dan arahan pihak atas. Peranan mereka dalam bidang politik (membuat dasar) boleh dikatakan tiada samasekali, apatah lagi oleh sebab kedudukan pegawai-pegawai Melayu ini sentiasa lebih rendah dari pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1927 baru ada sedikit perubahan, manakala tempat empat orang sultan dalam Majlis Persekutuan telah diganti oleh anggota-anggota Melayu tak resmi. Oleh sebab pegawai-pegawai Melayu dalam pentadbiran itu merupakan golongan Melayu uang paling baik pendidikan serta kebolehannya maka daripada golongan inilah telah diangkat empat orang pengganti itu. Tetapi berbeda dengan pegawai-pegawai Inggeris yang duduk sebagai anggota-anggota resmi, yang Melayu ini taraf keanggotaannya tidaklah resmi.

Antara tahun 1937-39 beberapa Persatuan Melayu telah didirikan di setengah-setengah negeri, dan kebanyakan pemimpinnya terdiri dari pada pegawai-pegawai kerajaan. Boleh dikatakan bahawa tujuan persatuan-persatuan ini bukanlah politik tetapi kebajikan, iaitu untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam pelbagai bidang, khususnya pendidikan. Dipercayai bahawa persatuan-persatuan ini mendapat galakan dari Inggeris. Selepas Perang Dunia II pertubuhan-pertubuhan politik seperti PKMM dan UMNO telah bergerak cergas. Sebagaimana yang telah diterangkan dalam Bab II, ramai sekali pegawai-pegawai dari MCS dan MAS telah menyertai UMNO sebagai pemimpin-pemimpin peringkat kebangsaan dan negeri untuk menentang Kesatuan

Malaya. Mereka ini telah diberi cuti tanpa rekod untuk menghadiri sidang-sidang UMNO. Pegawai-pegawai kerajaan ini telah memainkan peranan yang besar dan tidak terbatas dalam bidang politik. Apabila Majlis Undangan yang baru dibentuk berikutan dari Perjanjian Persekutuan 1948, pegawai-pegawai yang kebanyakannya menjadi pemimpin-pemimpin UMNO itu telah menyertai bilangan yang ramai dan berpengaruh. Dari 75 orang ahli Majlis Undangan itu, 25 menjadi anggota resmi dan 50 orang anggota tak resmi. Semua sekali terdapat 33 orang Melayu, iaitu 9 anggota resmi yang terdiri dari menteri-menteri besar sebagai wakil sultan dan 24 anggota tak resmi; dan dari jumlah 33 orang ini 25 orang adalah pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Kemudian, pada tahun 1951, apabila langkah-langkah permulaan telah diambil oleh Inggeris untuk memperkenalkan sistem kabinet, tiga orang Melayu telah dilantik sebagai anggota, dan ketiga-tiganya pegawai perkhidmatan awam.

Penyertaan pegawai-pegawai Melayu ini bukanlah terdapat dalam pertubuhan politik dan badan-badan perundangan saja. Bahkan mereka juga menyertai politik persaingan antara partai. Ini mula berlaku apabila keluarnya Dato Onn dari UMNO, yang mengakibatkan perpecahan terutama sekali di kalangan para pegawai ini. Kemudian, persaingan mereka lebih hebat lagi dalam tahun-tahun 1954-5, apabila pilihanraya-pilihanraya kebangsaan dan peringkat negeri diadakan. Perlawanan ketat masa itu ialah antara Parti Negara (PN) di bawah Dato' Onn dan UMNO di bawah Tengku A. Rahman. Ramai para pegawai dari perkhidmatan awam telah meletakkan jawatan untuk menjadi calon, dan daripada 103 orang calon-calon Melayu yang bertanding dalam pilihanraya kebangsaan itu 53 orang adalah bekas pegawai perkhidmatan awam. Lebih 80% dari calon-calon yang dikemukakan oleh UMNO adalah bekas pegawai kerajaan. UMNO telah memenangi pilihanraya ini dengan mendapat 51 daripada 52 kerusi dan disokong oleh kira-kira 80% jumlah undi.

Penglibatan pentadbir secara langsung dalam politik ini telah berakhir selepas Merdeka. Perkhidmatan awam sudah menjadi lebih besar dan ramai kakitangannya. Dengan dasar *Malayanisation*, pegawai-pegawai Melayu telah menggantikan pegawai-pegawai Inggeris. Sekiranya pada permulaannya ramai pegawai Melayu ini dari golongan kerabat raja, namun selepas Merdeka sudah lebih ramai pula penyertaan dari siswazah-siswazah yang berlatar belakangkan golongan rakyat biasa. Perlembagaan baru negeri ini selepas merdeka telah menegaskan betapa pentingnya perkhidmatan awam dibataskan hanya kepada fungsi pentadbiran, iaitu untuk melaksanakan keputusan-

keputusan dan arahan-arahan yang dibuat oleh orang-orang politik yang membentuk kerajaan. Ahli-ahli politik ini memimpin partai dan ada di antara mereka yang menjadi menteri, anggota exco dan wakil rakyat. Mula-mula memang ramai di antara mereka bekas pegawai kerajaan dan dari kerabat diraja, tetapi perlahan-lahan penyertaan dari golongan profesional dan anggota-anggota lapisan pertengahan yang lain semakin besar. Peranan terpenting bagi ahli-ahli politik ini ialah sebagai pembuat undang-undang dan penentu dasar-dasar yang harus diterjemahkan oleh pentadbir-pentadbir ke dalam perlaksanaan dan tindakannya. Selain dari itu, pasukan bersenjata juga telah diperluaskan untuk menjaga keselamatan dan keamanan. Walaupun tentera dan polis di bawah kerajaan, akan tetapi pada teorinya mereka dianggap bebas daripada campurtangan pentadbir dan orang politik oleh kerana pengkhususan dan kebolehan mereka sendiri; akan tetapi ini hanyalah dalam keadaan yang biasa saja.

Perkara yang hendak ditarik perhatian di sini ialah bahawa politk, pentadbiran dan ketenteraan merupakan lapangan yang sudah berasingan serta mempunyai peranan-peranan serta pegawai-pegawai yang khusus. Jikalau sebelum kedatangan penjajahan dulu ketiga-tiga lapangan dan peranan ini terletak pada golongan yang sama, iaitu sultan serta pembesar-pembesar, akan tetapi selepas merdeka golongan-golongan yang menguasai masing-masing lapangan ini adalah berasingan. Di peringkat atas terutamanya terdapat kerjasama yang rapat di antara ketiga-tiga golongan ini. Hal ini terjalin bukan saja kerana mereka hampir semuanya Melayu, akan tetapi mereka juga mempunyai kaitan persahabatan dan persekolahan yang sama; dan antara setengah-setengah para pentadbir dan ahli politik kanan ini terdapat juga latar-belakang perkhidmatan awam dan kekeluargaan diraja. Hubungan antara setengah-setengah mereka ini diperkuatkan lagi pula oleh kaitan darah, perkahwinan dan keanggotaan kelab yang sama.

Tetapi di peringkat bawah, khususnya antara pentadbir dan ahli politik sering juga terdapat perselisihan dan pertentangan. Di peringkat ini jalinan ikatan sebagaimana yang banyak terdapat di peringkat atas itu agak kurang. Tambahan pula, tekanan-tekanan politik lebih terasa. Wakil rakyat atau pemimpin partai yang telah menjanjikan tanah atau lesen kepada orang-orang ramai merasa kurang puashati kerana kadang-kadang pentadbir terlalu lembab kerana terlalu mengikut peraturan. Sebaliknya, pentadbir selalu pula merasakan bahawa orang politik coba hendak campurtangan dalam urusan pentadbiran dan tidak mahu menghormati peraturan.

Ada beberapa kesimpulan yang boleh dibuat, terutamanya dari

perkembangan pimpinan politik yang telah timbul selepas Merdeka. Sebagaimana yang telah dilihat, pemimpin-pemimpin kanan di antara mereka adalah bekas-bekas pegawai perkhidmatan awam dan mempunyai kaitan-kaitan dengan keluarga diraja. Golongan raja dan pegawai itu mempunyai sejarah kerjasama yang rapat dengan penjajahan Inggeris. Tambahan pula, pemimpin-pemimpin kanan politik yang menerima kemerdekaan dari Inggeris itu mendapat pendidikan Inggeris di Barat. Dari segi cara hidup, mereka adalah mirip ke Barat. Mereka lebih mengenal sejarah empayar British dari sejarah kegemilangan Melaka, lebih lancar bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris daripada dalam bahasa Melayu, lebih meminati lumba kuda atau anjing daripada menyaksikan main gasing atau wau oleh orang kampung. Ada di antara mereka yang berkeyakinan pula terhadap bekas-bekas penjajah itu sebagai sahabat, dan lebih dari itu sebagai pelindung-pelindung kepada orang Melayu. Pemimpin-pemimpin seumpama inilah yang mempunyai tradisi kerjasama dengan Barat. Latarbelakang serta sikap hidup mereka terjelma dalam falsafah politik dan dasar-dasr yang mereka pilih untuk dituruti oleh negara dan bangsa. Dapat dikatakan bahwa mereka ini adalah lanjutan dari tradisi yang sama seperti yang terdapat semasa mula-mula datangnya Inggeris ke sini dalam suku akhir abad ke-19. Golongan yang melanjutkan tradisi menentang Inggeris atau sekurang-kurangnya tidak mahu bersubahat dengannya ialah pertubuhan-pertubuhan seperti PKMM, API dan AWAS yang telah turut dilumpuhkan dengan perisytiharan darurat pada tahun 1948.

Dalam bidang politik, pemimpin-pemimpin politik yang memegang teraju pemerintahan ini lebih mirip pro-Barat. Pendirian ini bukan saja oleh kerana keyakinan mereka terhadap sistem politik Barat itu, tetapi juga sebab mereka merasa terdesak oleh pemberontakan Komunis yang telah bermula sejak 1948. Ancaman ini boleh menjadi alasan yang dapat meyakinkan mereka terhadap perlunya mengambil sikap pro-Barat itu, sekurang-kurangnya untuk memperoleh sokongan dan bantuan dari mereka. Berhubung dengan ekonomi pula falsafah ekonomi bebas (atau *laissez faire*) telah diteruskan. Mengikut falsafah ini, diakui bahwa sektor swasta mempunyai peranan yang penting. Peserta swasta terbesar sekali ialah pelabur-pelabur asing. Oleh itu kepentingan-kepentingan ekonomi Inggeris di negeri ini tidak disentuh, dan pemodal-pemodal bekas penjajah masih dibenarkan terus menguasai ¾ dari estet-estet terbesar, 2/3 dari lombong-lombong terkaya dan lebih ½ dari perdagangan-perdagangan negeri ini. Perkembangan sektor swasta ini digalakkan dan peluang yang luas bukan saja diberikan kepada pemodal-

pemodal asing tetapi juga tempatan, terutamanya yang dari golongan Cina. Dalam bidang bahasa dan pelajaran pula, walaupun disuarakan cita-cita untuk menegakkan bahasa dan pelajaran kebangsaan, namun kedudukan bahasa dan pelajaran Inggeris kukuh oleh kerana nilai ekonominya yang tinggi.

Politik yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin UMNO telah menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan setengah-setengah orang Melayu. Mula-mula para guru Melayu merasa tidak senang dengan dasar bahasa dan pelajaran kerajaan, yang pada pandangan mereka masih meletakkan bahasa dan pelajaran Melayu pada taraf yang lebih rendah dari bahasa dan pelajaran Inggeris. Mereka hendakkan kedudukan yang lebih tinggi bagi bahasa dan pendidikan Melayu, sesuai dengan taraf kemerdekaan negara yang baru tercapai itu. Perselisihan pendapat telah berlaku antara Kerajaan dengan sebuah persatuan guru yang besar di Semenanjung pada waktu itu, iaitu PGMS. Oleh sebab kerajaan melalui Menteri Pelajaran telah mengumumkan pendirian yang terus tidak memuaskan bagi mereka, maka persatuan itu telah mengambil keputusan menasihatkan anggota-anggotanya keluar dari UMNO, atau sekurang-kurangnya meletakkan jawatan dari semua peringkat UMNO.

Tindakan para guru ini secara tidak langsung telah menguatkan kedudukan PAS, partai politik yang menyuarakan Islam dan hak-hak untuk orang Melayu. PAS bukan saja tidak puas hati tentang soal bahasa bahkan juga agama. Mereka menganggap bahwa UMNO melalui Perikatan sudah menggadaikan nasib orang Melayu kepada orang Cina. Hal yang selalu mereka kemukakan untuk membuktikan perkara ini ialah bahawa UMNO terlalu murah hati membukakan pintu kepada orang-orang asing untuk menjadi warganegara. Nasib orang Melayu digambarkan sebagai bertambah buruk, dan dibandingkan dengan nasib itik yang mati kehausan dalam air. Sebenarnya sentimen-sentimen yang disuarakan oleh PAS itu memang sudah meluas terdapat di kalangan sebagian besar orang Melayu yang merasa kecewa bahawa merdeka tidak membawakan perubahan kepada mereka, sebagaimana yang telah dijanjikan dan diharapkan.

Rasa tidak puas hati dan kegelisahan orang-orang Melayu ini telah memberikan sokongan besar kepada PAS dan partai-partai pembangkang lain, dan merosotlah sokongan kepada UMNO (atau Perikatan). Hal ini ternyata dari keputusan dalam pilihanraya tahun 1959. Undi yang diperoleh Perikatan ialah 51.5%, dan kerusi yang dimenanginya 74 dari 104; manakala PAS pula mendapat 36.2% daripada undi kawasan-kawasan yang ditandingi atau 21.2% daripada keseluruhan undi, dan memenangi 13 kerusi. Ada juga penyataan tidak puas hati dalam

bentuk lain. Misalnya, SF menekankan soal-soal ekonomi dan mengecam dasar-dasar Perikatan sebagai lebih menguntungkan pihak pemodal-pemodal asing dan tempatan yang besar, serta mengabaikan perhatian terhadap golongan orang-orang miskin. Sutara Melayu dalam SF masa itu diwakili oleh Partai Rakyat Malaya (PRM), tetapi SF lebih banyak mendapat sokongan di kawasan-kawasan bandar di mana Partai Buruh Malaya (PBM) adalah lebih lantang suaranya dan besar pengaruhnya. Namun demikian, tidak dapat dinafikan wujudnya rasa kurang senang di kalangan orang-orang Melayu yang lebih menekankan soal-soal politik dan ekonomi yang melibatkan orang-orang miskin daripada soal-soal perkauman yang sempit. SF waktu itu telah memenangi 8 kerusi dan mendapat 34.8% undi dalam kawasan-kawasan yang ditandingi atau 13.0% dari keseluruhan undi yang dibuang.

Ada dua perkembangan yang menarik timbul daripada keputusan-keputusan pilihanraya 1959 ini. Pertamanya pengaruh elita yang memerintah dalam UMNO (atau Perikatan) telah mula tergugat; UMNO telah kehilangan banyak sokongan orang Melayu, kepada PAS terutamanya. Keduanya, kelihatan dua arus yang bertambah kuat menentang politik UMNO: arus pertama bercorak Islam dan kebangsaan Melayu yang dipelopori oleh PAS dan arus kedua bercorak sosialisme sebagaimana yang dibawa oleh SF. Kedua-dua arus yang mencabar ini telah dapat dibendung oleh UMNO dan kerajaan semasa Konfrontasi, manakala PAS dan SF sama-sama dituduh sebagai terlibat dengan pihak Indonesia. Penangkapan telah dilakukan ke atas pemimpin-pemimpin besar dari kedua-dua pertubuhan, dan sedikit sebanyak telah melemahkannya. Dalam pada itu perpecahan telah berlaku dalam SF di antara PRM dengan PBM yang berpunca dari perbedaan-perbedaan pendapat tentang soal bahasa dan juga kekecewaan terhadap beberapa masalah yang berkaitan dengan kerjasama antara kedua-dua parti itu, terutama semasa pilihanraya. Soal-soal ini menjadi besar oleh kerana pemimpin-pemimpin yang boleh mengatasinya dan yang menjadi penjalin hubungan yang kuat antara PRM dengan PBM itu semuanya sudah berada dalam tahunan.

Selepas Konfrontasi, politik perkauman menjadi bertambah hebat. PAS semakin lantang bersuara bagi pihak orang Melayu yang tidak puas hati dengan UMNO serta kerajaan. Begitu juga, DAP dan Gerakan lebih kuat menjeritkan rasa tidak puas hati orang-orang Cina terhadap kerajaan. Waktu itu PBM telah lumpuh sebagai sebuah badan politik yang terbuka, kerana banyak bahagian-bahagian dan ranting-rantingnya diharamkan, berikutan dengan demonstrasi-demonstrasi dan hartal yang telah mereka lancarkan khususnya selepas penurunan nilai matawang

pada tahun 1967. Orang-orang Melayu sudah mulai bercakap tentang perlunya perpaduan di kalangan mereka sendiri, dan orang-orang Cina pula bercakap tentang perlunya perpaduan di kalangan mereka. Politik perkauman ini telah memuncak sebelum dan pada waktu pilihanraya 1969. Dalam keadaan emosi yang hangat dibakar itulah tercetusnya Peristiwa 13 Mei.

Sebagaimana yang kita ketahui, akibat dari peristiwa ini parlimen dan kegiatan politik partai telah digantung selama kira-kira dua tahun, dan Mageran menjadi badan tertinggi dan berkuasa sekali untuk menjalankan pemerintahan. Paling menarik bahawa dalam Mageran ini terjalin hubungan yang rapat di antara golongan politik, pentadbir dan tentera (termasuk polis), walaupun peranan yang utama dimainkan oleh ahli-ahli politik. Dalam masa pemerintahan tradisional sebelum datangnya penjajahan Barat dulu ketiga-tiga lapangan ini terpusat pada golongan elita tradisional yang memerintah, terdiri dari orang-orang besar dengan sultan sebagai kemuncaknya. Dalam zaman kemerdekaan, ketika keutuhan kerajaan terancam, maka kita dapati tiga golongan yang sama digabungkan dalam sebuah badan, iaitu Mageran, yang dianggotai oleh elita yang memerintah berbentuk baru dengan Pengarahnya pula sebagai kemuncak. Kelihatan ada perlanjutan unsur tradisional dalam cara baru yang digunakan untuk menghadapi krisis. Hal ini lebih besar lagi ertinya apabila kita lihat peranan yang dimainkan oleh golongan pentadbir atau birokrasi.

Seperti yang kelihatan dalam suatu keadaan terdesak yang lain iaitu masa menentang Kesatuan Malaya, pihak berkuasa – waktu itu Inggeris – telah membenarkan penyertaan pegawai-pegawai pentadbir dalam politik. Waktu itu orang-orang Melayu menganggap kuasa politik mereka dan masa depan mereka akan terancam sebab perubahan-perubahan yang dianjurkan oleh Kesatuan Malaya itu akan membuka pintu yang lebih luas kepada orang-orang bukan-Melayu untuk mengambil bahagian dalam kehidupan politik di negeri ini. Dengan Peristiwa 13 Mei itu elita yang memerintah merasakan juga bahawa kedudukan mereka tergugat, dan ini dengan mudah telah ditafsirkan sebagai satu cabaran hidup-mati bagi orang Melayu sendiri. Golongan politik yang memerintah telah memperkuatkan diri mereka dengan menggabungkan golongan pentadbir dan golongan tentera dengan mereka. Perkembangan yang menarik ini boleh menjadi satu penunjuk kepada apa yang mungkin berlaku di kalangan elita yang memerintah dalam menghadapi keadaan krisis.

Setelah dimansuhkan Mageran dan dipulihkan Parlimen, ada di antara para pegawai pentadbir yang memainkan peranan dalam Mageran

itu telah menyertai politik UMNO dan diberi jawatan tinggi. Ada juga di antara mereka yang telah mengambil jawatan-jawatan penting dalam beberapa badan berkanun yang telah ditubuhkan untuk menaikkan taraf hidup orang-orang Melayu, yang diakui sebagai salah satu punca rasa tidak puas hati di kalangan setengah-setengah orang UMNO dan lebih-lebih lagi di kalangan partai-partai pembangkang. UMNO sendiri, terutama pada peringkat pucuk pimpinannya sudah berubah sedikit. Tengku A. Rahman dan beberapa orang kanannya yang dituduh sebagai terlalu lembut kepada orang-orang bukan-Melayu dan tidak tegas menjalankan dasar-dasar yang lebih kemelayuan telah 'tersingkir'. Golongan pengkritik-pengkritiknya telah muncul sebagai kuasa yang baru dalam puncuk pimpinan UMNO di bawah pimpinan Tun A. Razak, yang pada mula-mulanya saja ditakuti oleh sebahagian besar orang Cina sebagai terlalu tebal sikap kemelayuannya.

Sebenarnya perubahan yang berlaku dalam pucuk pimpinan UMNO ini bukan semata-mata kerana tekanan serta kecaman dari PAS dan Peristiwa 13 Mei. Bahkan perubahan itu juga menjelmakan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat, yang telah mempunyai kesan dalam UMNO. Selepas merdeka perubahan-perubahan politik telah menjamin peluang yang lebih besar kepada orang Cina untuk mengambil bagian dalam politik negara. Dari segi angka, perubahan ini dapat dilihat pada bertambahnya jumlah orang-orang yang menjadi warganegara dan boleh mengundi sekurang-kurangnya dalam pilihanraya. Misalnya, dalam pilihanraya tahun 1955, daripada 1,280,000 pengundi 84.2% terdiri dari orang Melayu dan cuma 11.2% saja orang Cina . Akan tetapi dalam pilihanraya 1959 angka pengundi bertambah menjadi 2,144.000 dengan peratus Melayu menurun kepada 56.8% dan undi Cina meningkat kepada 35.6%. Sudah timbul pula partai-partai bukan-Melayu yang lantang menyuarakan tuntutan-tuntutan masyarakat mereka sendiri. Di dalam dan di luar UMNO ada orang-orang dan golongan-golongan menganggap perkembangan ini sebagai satu cabaran yang berbahaya.

Dari segi ekonomi pula merdeka membawa peluang-peluang yang lebih besar bagi setengah-setengah orang untuk menjadi kaya dengan cepat. Rancangan-rancangan pembangunan dijalankan dengan mengeluarkan perbelanjaan besar-besaran. Hutan dibuka untuk balaknya. Peluang-peluang kontrak bertambah luas. Akan tetapi ramai orang merasa bahwa peluang-peluang yang terbuka ini lebih banyak dinikmati oleh sebagian kecil saja, iaitu terdiri dari orang-orang bukan-Melayu kebanyakannya. Melalui pengaruh politik, wang dan wanita, ramai taukeh-taukeh dalam MCA telah dapat membolot peluang-peluang

kekayaan ini. Golongan pertengahan Melayu yang baru muncul yang ingin mendapat sebagian daripada peluang-peluang ini kadang-kadang merasa tersekat. Rasa tidak puas hati timbul, dan ini disuarakan sebagai kegagalan memberi layanan kepada orang Melayu berdasarkan kedudukan istimewa mereka.

Dari segi sosial pula, selain daripada golongan pertengahan yang bercita-cita dalam lapangan ekonomi serta perusahaan, sebagaimana yang disebut di atas, telah timbul juga golongan pertengahan yang lain, seperti doktor, peguam, akauntan dan juga pentadbir yang baru. Mereka ini sebagiannya keluaran universiti-universiti tempatan. (Yang dari luar negeri pun banyak, tetapi sikap mereka sudah agak berlainan sedikit.) Ramai di antara mereka berasal dari kampung-kampung dan merasakan rintihan-rintihan orang-orang kampung. Semangat mereka kuat juga untuk membela nasib bangsa. Selain dari itu ada di antara mereka yang menganggap orang-orang bukan-Melayu sebagai ancaman, atau sekurang-kurangnya sebagai penyekat kemajuan mereka dalam lapangan ekonomi dan perusahaan yang hendak mereka sertai itu. Mereka memasuki UMNO. Ada yang benar-benar bercita-cita untuk mengubah UMNO dari dalam, tetapi ada juga yang bersikap oportunis dan menganggap UMNO itulah satu-satunya jalan yang paling mudah untuk mencapai kejayaan hidup. Desakan-desakan dari golongan-golongan pertengahan yang mahukan kuasa atau sekurang-kurangnya penyertaan dalam bidang ekonomi, perusahaan dan pimpinan politik inilah yang menjadi faktor penting membawa perubahan dalam UMNO. Mereka menguatkan kedudukan mereka dengan menjerit-jeritkan slogan-slogan pro-Melayu, kerana inilah yang boleh menjamin sokongan yang lebih luas daripada lapisan-lapisan yang lebih rendah dalam UMNO dan masyarakat Melayu seluruhnya.

Tadi telah diterangkan bahawa dengan Mageran telah wujud pemaduan di kalangan golongan-golongan elita Melayu yang memerintah. Asas-asas pimpinan dan dasar yang baru diharapkan dapat memberi tenaga baru kepada UMNO sebagai sebuah partai politik orang Melayu yang terbesar dalam negeri ini. Walaupun kerjasama dan perpaduan wujud di antara elita yang memerintah, akan tetapi perselisihan pendapat, bahkan pertentangan, wujud di antara pemimpin politik dalam dan di luar pemerintahan, khususnya di antara UMNO dengan PAS. Perselisihan dan pertentangan ini telah dianggap oleh pemimpin-pemimpin kerajaan terutamanya sebagai punca besar perpecahan orang Melayu. Itulah sebabnya maka usaha-usaha telah dijalankan oleh UMNO untuk mencari asas-asas kerjasama di antara UMNO dengan PAS.

Selepas Mageran dibubarkan dan Parlimen dipulihkan, beberapa

undang-undang telah diluluskan untuk menyekat perbincangan umum mengenai perkara-perkara yang dianggap sensitif dan boleh membakar api perkauman, seperti kedudukan raja-raja, hak istimewa orang Melayu, agama Islam dan bahasa kebangsaan. Inilah perkara-perkara penting yang telah dilaungkan oleh PAS semasa kempen pilihanraya khususnya. Undang-undang ini boleh menyekat pergerakan PAS dan melemahkan pengaruhnya. Selain dari itu PAS, yang berkuasa di negeri Kelantan telah menghadapi kesulitan kewangan. Peruntukan dari Kerajaan Pusat diharap-harapkan sangat, bukan saja untuk menjalan-kan rancangan-rancangan pembangunan bahkan juga untuk membayar gaji kakitangan kerajaan di negeri Kelantan. Undang-undang sensitif dan kesempitan kewangan negeri telah digunakan oleh UMNO, melalui kerajaan yang dipimpinnya, untuk menekan serta mempengaruhi PAS supaya memberikan kerjasamanya.

Seterusnya, mungkin pemimpin UMNO telah berjaya meyakinkan pimpinan PAS bahawa UMNO sedang melalui perubahan yang lebih sesuai dengan selera politik PAS, dan berterusannya pertentangan di antara mereka akan melanjutkan lagi perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, yang boleh mempunyai akibat buruk kepada kuasa politik dan masa depan orang Melayu, sebagaimana yang sering dijerit-kan oleh pucuk pimpinan PAS sendiri. Selain itu diyakinkan juga tentang perlunya kerjasama untuk mengurangkan serang-menyerang politik demi perlunya memesatkan usaha-usaha pembangunan dan menjaga keselamatan. Tentu juga pelawaan untuk menyertai kerajaan sebagai menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan seterusnya menjadi pembuka selera kepada pemimpin PAS. Pada awal tahun 70-an, PAS sebagai satu komponen penting telah menyertai satu perikatan politik baru yang dipelopori oleh Tun A. Razak, iaitu Barisan Nasional (BN). n Nasional (BN).

Perpaduan seluruh orang Melayu memang menjadi harapan dan impian banyak pihak, terutamanya di kalangan para pemimpin Melayu. Tiap-tiap partai politik bercakap tentang perpaduan orang Melayu di bawah pimpinannya sendiri. Ada beberapa sebab maka perpaduan ini diharapkan. Pertamanya, dipercayai bahawa kuasa yang ada pada orang Melayu sekarang ini hanyalah kuasa politik. Pengundi-pengundi Melayu ketika ini masih lebih ramai daripada yang lain-lain. Kawasan-kawasan pilihanraya di mana pengundi Melayu mempunyai majoriti lebih banyak daripada yang mempunyai majoriti bukan-Melayu. Jadi dalam rangka bidang demokrasi berparlimen yang wujud sekarang ini maka tentulah kuasa UMNO (atau BN) boleh berterusan sekiranya orang-orang Melayu bersatu mendokongnya. Oleh kerana itulah para pemimpin UMNO sering

mengingatkan tentang perpaduan yang telah tercapai semasa menentang Kesatuan Malaya dulu, sebagai perangsang untuk menggalakkan perpaduan orang-orang Melayu. Soal perpaduan ini kadang-kadang dikaitkan dengan 'kuasa Melayu' (*Malay power*).

Keduanya, dianggap bahawa kuasa politik penting untuk menentukan dasar dalam bidang-bidang lain, seperti ekonomi dan pelajaran, yang dipercayai boleh memajukan atau sekurang-kurangnya mempertahankan hak, kedudukan dan kepentingan orang Melayu di negeri ini. UMNO, misalnya, tentu merasakan dan meyakini bahwa hanya dengan sokongan Melayu yang padu kepadanya, baru ia akan dapat meneruskan rancangan-rancangan yang pada anggapannya adalah penting untuk orang-orang Melayu. Sekiranya orang-orang Melayu berpecah-pecah, dan sokongan politik mereka berbelah-bagi pada partai-partai yang berlainan dan bertentangan pula, maka tentulah kekuasaannya akan tergugat dan dengan demikian dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang didakwa akan menguntungkan orang Melayu itu tidak akan dapat dijalankan. Begitulah hujjah yang selalu dikemukakan.

Ketiganya, dari segi keselamatan yang berkaitan dengan politik dan ekonomi negara, selalu ditegaskan bahwa negara kini menghadapi ancaman pemberontakan komunis. Orang Melayu diharapkan oleh kerajaan akan menjadi benteng untuk melawan komunis. Acapkali kedengaran setengah-setengah pemimpin dan kakitangan-kakitangan keselamatan menegaskan bahwa "komunis itu Cina dan Cina itu komunis". Tetapi kata-kata seperti ini lebih sering diucapkan dalam perjumpaan-perjumpaan kecil dan tidak begitu umum, dan sudah tentu bertujuan untuk menaikkan semangat orang Melayu supaya mereka bersatu menentang ideologi yang dicap berbahaya itu.

Berbagai langkah serta muslihat boleh dijalankan untuk menimbulkan perpaduan dan menegakkan kuasa Melayu. Satu caranya ialah dengan menakut-nakutkan atau memomok-momokkan. Satu lagi ialah dengan menggunakan semua saluran perhubungan untuk mempropagandakan betapa mustahaknya perpaduan itu dicapai untuk menjaga kepentingan-kepentingan politik, ekonomi dan keselamatan negara amnya dan orang Melayu khususnya. Tetapi cara yang selalu digunakan ialah untuk menarik dan meyakinkan orang Melayu akan dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang didakwa sebagai ternyata menguntungkan orang Melayu. Memang diketahui umum bahawa agama, bangsa, bahasa dan kebudayaan adalah soal-soal yang paling cepat menyentuh perasaan satu-satu golongan kaum. Itulah sebabnya setengah-setengah partai politik, baik yang Melayu maupun bukan-Melayu tidak teragak-agak menggunakan soal-soal tersebut untuk memperoleh sokongan yang

padu bagi partai dan pemimpin mereka. Sewaktu menentang Kesatuan Malaya dulu, soal hidup bangsa Melayu – ertinya soal bangsa – merupakan soal yang penting untuk mewujudkan perpaduan. Tidak lama selepas merdeka, soal bahasa dan pelajaran pula yang dibesar-besarkan. Sekarang ini nampaknya agama digunakan seluas-luasnya sebagai asas perpaduan politik dan senjata keselamatan. Jadi baik bangsa, bahasa maupun agama, semuanya adalah terbuka untuk diperalatkan dari segi politik. Tetapi ini tidak menafikan bahwa memang ada orang-orang dan golongan-golongan yang memang ikhlas dan bertujuan suci apabila mereka memperjuangkan soal-soal bangsa, bahasa maupun agama itu.

Sebagai satu matlamat politik, perpaduan serta kuasa politik bagi orang-orang Melayu itu memang boleh dipertahankan sebagai sesuatu yang baik. Akan tetapi ada bermacam soal pokok yang harus dipertimbangkan dan dijawab. Pertamanya, perpaduan itu untuk siapa? Ada kalanya seruan-seruan untuk perpaduan akhirnya membawa keuntungan lebih besar kepada pemimpin-pemimpin yang melaungkan perpaduan itu daripada rakyat terbanyak. Perpaduan yang diperjuangkan untuk melawan Kesatuan Malaya dan kemudiannya mendapatkan kemerdekaan tidak mengubah kekuasaan ekonomi pihak penjajah, memberi peluang yang luas kepada para peniaga, kontraktor dan pemodal-pemodal besar yang lain, memberi kuasa serta pengaruh yang lebih besar dan pangkat serta kedudukan lebih tinggi kepada para ahli politik dan pentadbir. Sebaliknya guru-guru Melayu serta tok-tok lebai atau ustaz-ustaz merasa tidak puas hati, dan petani-petani di Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis merasa kecewa, oleh sebab sokongan padu yang mereka berikan untuk merebut kemerdekaan itu tidak menimbulkan perubahan serta kemajuan sebagaimana yang mereka harapkan. Rasa tidak puas hati dan kecewa golongan-golongan bawahan atau rakyat terbanyak ini telah tercermin pada peratusan undi dan kerusi yang berkurangan diperoleh oleh UMNO, iaitu partai yang memainkan peranan besar untuk mendapatkan kemerdekaan. Sekarang ini orang boleh meneriakkan bermacam-macam slogan atas nama orang Melayu, tetapi semuanya tidak berguna sekiranya perjuangan itu hanya diperalatkan untuk mendapat kepentingan diri atau mempertahankan kedudukan pemimpin dan golongan elita yang memerintah saja.

Kedua, perlu diketahui juga atas dasar apakah perpaduan itu dan apakah kesan-kesan atau akibat-akibat yang timbul untuk bangsa dan negara seluruhnya? Yang sangat perlu dijaga ialah supaya langkah-langkah untuk mewujudkan perpaduan di kalangan anggota satu-satu kaum itu tidak pula menimbulkan perpecahan dan perkelahian di antara

golongan-golongan kaum yang berlainan. Soal-soal politik dan ekonomi boleh merentas batasan-batasan kaum, dan secara positif boleh memberi sumbangan besar bukan saja untuk perpaduan dalam satu-satu kumpulan kaum, tetapi juga di antara kaum. Akan tetapi, jikalau terpengaruh sangat oleh unsur-unsur dan perhitungan-perhitungan perkauman maka soal-soal itu boleh juga membawa kepada perpecahan. Politik perkauman, di mana-mana negeri saja boleh membawa kepada malapetaka yang maha dahsyat. Politik perkauman boleh mengakibatkan pembunuhan antara manusia, kebanyakannya yang tidak berdosa, pemusnahan harta benda, pecah-belah dalam masyarakat dan juga pemisahan kawasan dalam negara.

Ketiga, hendaklah dipastikan apakah corak pimpinan yang memegang teraju untuk perpaduan dan kuasa Melayu itu. Tidak ada gunanya pimpinan yang hanya melaungkan slogan-slogan kosong tentang kemerdekaan serta kedaulatan tetapi menggadaikan negara kepada kuasa-kuasa penjajah, bekas-bakas penjajah, dan pemodal-pemodal besar. Tidak ada untungnya pimpinan yang berperi-peri menyebut tentang kemiskinan dan perlunya pembangunan, akan tetapi terus menggalakkan dasar-dasar yang merhbenarkan golongan kaya menghisap darah golongan miskin. Begitu juga tidak ada faedahnya pimpinan yang bercakap tentang kejujuran tetapi mengamalkan korapsi, bersumpah atas nama Allah dan Islam tetapi berpanjangan melakukan maksiat — minum arak dan berzina — sehingga perbuatan bermuka dua ini menjejaskan nasib dan masa depan bangsa Melayu. Kuasa pada rakyat semestinya lebih luas maknanya daripada hanya mengundi lima tahun sekali, untuk menentukan corak pimpinan itu. Kuasa Melayu mesti berteraskan kuasa rakyat miskin.

Sebenarnya perpaduan yang menyeluruh dalam satu-satu golongan kaum atau antara semua kaum dalam satu-satu negara tidak mungkin tercapai dengan serta-merta. Dalam keadaan yang biasa akan sentiasa ada perbedaan dan pertentangan pendapat, selagi wujud golongan-golongan orang yang berbeda dan bertentangan nilai dan kepentingan dalam masyarakat, dan selagi ada pertubuhan-pertubuhan politik yang sanggup menyuarakan perbezaan-perbezaan dan pertentangan-pertentangan itu. Mengenai kuasa Melayu pula, selalu dituduh terutamanya oleh setengah-setengah pihak dari dalam atau luar negeri bahwa kuasa politik dibolot oleh orang Melayu saja, dan digunakan untuk menekan orang-orang bukan-Melayu. Pendapat mereka ini didasarkan kepada faktor-faktor bahawa sultan-sultan semuanya Melayu, menteri-menteri dan pegawai-pegawai tinggi dalam perkhidmatan awam kebanyakannya Melayu, dan perlembagaan pula menjamin kedudukan

istimewa bagi orang Melayu. Bahkan ada juga pemimpin-pemimpin elita Melayu dalam pemerintah sendiri yang sama-sama juga mendakwa bahwa kuasa sekarang memang di tangan orang Melayu, dengan tujuan untuk membuktikan bahwa ini merupakan kejayaan dasar mereka. Pada hakikatnya bukan semua yang berkuasa itu Melayu. Dalam keadaan tradisional, sultan dan pembesar itu yang berkuasa, dan mereka orang Melayu. Tetapi ini tidak bererti bahawa keseluruhan orang Melayu berkuasa. Begitu juga dalam keadaan sekarang ini golongan elita yang memerintah memang kebanyakannya Melayu, tetapi mereka adalah sebilangan yang kecil sekali dari seluruh masyarakat Melayu. Mereka kebanyakannya dari lapisan atasan Melayu. Mereka ini seterusnya memberi peluang yang besar kepada golongan elita ekonomi bukan-Melayu untuk sama-sama berkongsi kuasa. Ideologi yang mereka tegakkan mempunyai daya untuk menjamin kepentingan mereka, dan dasar-dasar yang mereka jalankan lebih selalu menguntungkan golongan mereka sendiri daripada rakyat ramai dari lapisan bawahan.

Dari perbincangan-perbincangan di atas nyatalah sudah bahwa politik yang bertujuan untuk membentuk perpaduan dan kuasa Melayu itu samasekali tidak bermakna, melainkan jika orientasinya tegak atas asas-asas ideologi, politik, pimpinan dan rancangan-rancangan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada rakyat terbanyak, bukan kepada pemodal-monopoli asing serta pemodal-pemodal tempatan yang besar. Politik Melayu itu hanya bererti jika siasatnya boleh menjamin perpaduan yang sejati berasaskan perpaduan di kalangan rakyat bawahan, bukannya mengakibatkan perpecahan dan pertumpahan darah di kalangan rakyat, dan boleh pula mempertahankan keselamatan serta kemerdekaan yang tulen, bukannya memupuk penjajahan berbentuk baru.

# IV. Agama

BOLEH dikatakan bahawa di negeri ini orang Melayu seratus peratus beragama Islam. Walaupun kepercayaan Hindu telah tersebar ke sini beberapa kurun dulu, tidak pernah pula kita mendengar orang yang mengaku dirinya Melayu menganut agama Hindu; ini berbeda dengan keadaan di Indonesia yang perkembangan agama dan kebudayaan Hindu telah meninggalkan ramai penganut agama tersebut di Jawa dan Bali sehingga hari ini. Boleh dikatakan kesan Islam ke atas orang Melayu adalah mendalam; sekali mereka meninggalkan kepercayaan-kepercayaan lama dan memeluk agama suci ini sejak dari zaman Melaka dulu, tidaklah mereka berpaling tadah lagi. Setelah kedatangan Inggeris meluas juga gerakan pengembang agama Kristian terutama sekali melalui sekolah-sekolah. Walaupun mula-mulanya orang Melayu takut hendak menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah Inggeris kerana bimbang akan menjadi Kristian, akan tetapi bolehlah dikatakan tidak pernah kita mendengar orang Melayu yang murtad. Keadaan ini berbeda dengan orang-orang Cina dan India, yang ramai juga meninggalkan agama asal mereka dan masuk agama Kristian. Orang-orang Melayu tetap dengan Islamnya.

Seorang yang coba menukar agamanya akan menghadapi celaan dan tekanan yang kuat dari keluarga dan masyarakatnya. Hakikat bahawa jarang sekali berlaku pertentangan dalam keluarga dan masyarakat berkaitan dengan soal menukar agama membuktikan betapa kuatnya hubungan orang-orang Melayu dengan Islam. Hubungan ini memanglah berbeza antara seorang dengan yang lain; ada hubungan yang berasaskan kepercayaan yang sepenuh-penuhnya disertai dengan amalan sekali, dan sebaliknya ada pula yang merupakan kepercayaan pada kulitnya, yang diperolehi cara warisan dan tidak diikuti pula dengan amalan. Kita pernah juga melihat adanya setengah-setengah orang Melayu yang walaupun jarang-jarang sembahyang dan kadang-kadang meninggalkan puasa akan melenting mempertahankan Islam apabila agama itu disentuh apatah lagi dikritik. Begitu juga dalam masyarakat

hari ini sering kita menemui orang-orang Melayu yang tidak mengenali alifbata pun tentang Islam, meninggalkan suruhannya dan bahkan melakukan pula larangannya, tetapi apabila ditanya akan tegas menjawab "Saya Islam". Sekarang ini Perlembagaan mempastikan orang Melayu tidak akan mudah boleh mengubah agama, mereka tidak dibenarkan untuk ditarik kepada agama lain (Perlembagaan, fasal II (4).

Sungguhpun orang Melayu Islam dan tidak menganut agama-agama lain, akan tetapi pengaruh kepercayaan tradisional masih kuat di kalangan mereka. Kepercayaan tradisional ini dapat dilihat penjelmaannya dalam semua bidang hidup orang Melayu: keluarga, masyarakat, ekonomi, politik, kesihatan dan juga cinta kasih. Sesungguhnya kepercayaan tradisional yang masih meluas di kalangan orang Melayu pada masa ini adalah lanjutan atau tinggalan daripada sistem kepercayaan yang terdapat di kalangan orang Melayu sebelum Islam dulu. Tidak dapat digambarkan dengan jelas bagaimanakah bentuk sistem lama itu, tetapi secara kasar dapat dikatakan bahawa sistem itu berdasarkan kepada kepercayaan yang selalu disebut sebagai *animisme*. Dalam sistem ini dipercayai wujud berjenis-jenis bentuk kuasa dalam alam, yang mendiami atau menunggu segala-galanya, dari gunung, bukit, busut, membawalah kepada tasik, sungai, laut, hingga kepada pokok-kayu dan tanam-tanaman. Kepada kuasa-kuasa inilah segala permintaan dibuat, dan permintaan-permintaan itu biasanya dibuat melalui orang-orang tertentu, yang mempunyai keahlian tentang ilmu-ilmu ghaib, dan disertai pula oleh bermacam-macam jenis upacara (*ritual*) yang kadang-kadang diikuti oleh anggota-anoggota masyarakat yang terlibat.

Sekali imbas dapat dilihat bahawa kepercayaan berbentuk animisme ini adalah syirik dan bertentangan dengan Islam. Tetapi bagaimanakah ciri-ciri boleh berterusan sampai ke dalam masyarakat Melayu hari ini? Bagaimanakah orang Melayu dengan Islamnya menyesuaikan kepercayaan tradisionál ini? Soalan-soalan seperti ini akan dapat dijawab jikalau kita melihat sistem-sistem kepercayaan dan agama Islam itu dari tiga peringkat: (a) upacara, (b) petugas, dan (c) akidah. Ketiga-tiga peringkat ini, sebagaimana yang akan dilihat nanti tidak berasingan bahkan bersaling-kait. Pada tiap peringkat boleh diperhatikan nanti proses pertentangan dan penyesuaian di antara kepercayaan tradisional dengan agama Islam itu.

Pada peringkat upacara kita dapat melihat bermacam jenis kegiatan yang dilakukan dalam masyarakat Melayu. Ambil saja tiga misalan, iaitu dalam bidang perkawinan (sosial), cocok-tanam (ekonomi) dan mengubat orang sakit. (kesihatan). Dalam perkawinan terdapat upacara-upacara seperti merisik, meminang, hantar belanja, berinai, bersanding,

makan beradap dan seterusnya. Upacara-upacara ini dianggap sebagai warisan adat yang turun-temurun. Tidak ada hukum-hukum dalam Islam yang mengatakan semuanya mesti dilakukan, dan begitu juga tidak ada yang mengharamkannya. Jika ada pun unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam ialah barangkali yang bersabit dengan cara-cara segala upacara itu dilakukan sehingga kadang-kadang membawa kepada perbelanjaan yang terlalu banyak dan menimbulkan perbuatan membazir serta perasaan riak. Tetapi pada umumnya dalam keadaan yang sederhana segala upacara ini adalah harus. Sayugia diingat bahwa dari segi Islam upacara-upacara ini, walau bagaimana manis atau teratur pun belum lagi boleh mengsahkan perkawinan di antara satu pasangan lelaki dan wanita. Ada rukun-rukun nikah yang perlu dipenuhi mengikut Islam; selain dari lelaki dan wanita mesti ada wali, saksi dan ijab kabul. Selagi tidak dipenuhi rukun-rukun ini maka belum sahlah nikah. Di kalangan orang Melayu kita lihat penggabungan dilakukan di antara upacara-upacara mengikut adat turun-temuruan itu dengan rukun-rukun yang dituntut oleh Islam. Maka dengan demikian kedua-dua agama dan adat adalah dipatuhi.

Begitu juga dalam bercocok tanam ada upacara-upacara yang dianggap perlu dijalankan bersesuaian dengan kehendak kepercayaan tradisional yang sudah menjadi adat itu. Ada upacara sewaktu hendak menanam, sebagaimana ada juga upacara sewaktu hendak menghalau 'musuh' atau ketika hendak menuai. Misalnya, di setengah-setengah tempat, waktu hendak menanam semaian petani-petani mengumpulkan beberapa jenis daun, beras kuning dan sejemput padi untuk dijampi oleh pawang. Kemudian barulah daun-daun itu ditanam pada tapak semaian dengan menuturkan kata-kata: "Assalamualaikum, hai langit bapaku dan bumi ibuku, tolong jaga tolong pelihara serigemalamu", dan beras kuning ditaburkan dengan membaca salawat tiga kali. Assalamualaikum dan salawat itu merupakan unsur-unsur Islam yang telah digabungkan kepada upacara kepercayaan tradisional ini. Akan tetapi upacara itu boleh juga membawa kepada syirik jika permohonan pertolongan untuk menjaga dan menyuburkan benih-benih semaian dibuat kepada penunggu-penunggu sawah itu, dan bukannya kepada Tuhan yang mahakuasa. Barangkali assalamualaikum dan salawat melambangkan tertakluknya upacara itu di bawah Islam. Hal ini akan dibincangkan kemudian nanti.

Begitulah seterusnya dengan mengubat orang sakit. Mengikut kepercayaan tradisional penyakit disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib seperti hantu atau syetan yang mengenai atau merasuk seseorang, biasanya melalui buatan orang lain. Cara mengubatinya ialah dengan meng-

halau hantu atau syetan itu, dan hanya 'tukang ubat' yang mempunyai ilmu ghaib yang boleh berbuat demikian. Mereka ini menjalankan upacara tersendiri waktu melaksanakan tugas mereka. Biasanya kemenyan dibakar dan 'tukang ubat' ini membaca doa atau manteranya, kadang-kadang dalam keadaan menurun, iaitu tidak sedarkan diri, ia mengubat orang sakit. Kain kuning atau hitam warnanya mengikut pilihan atau ilmu masing-masing digunakan untuk mengebas seluruh badan pesakit untuk menghalau hantu atau syetan yang dipercayai telah menyebabkan penyakitnya. Pada setengah-setengah upacara seperti ini unsur Islam yang dimasukkan ialah cuma pada ucapan Bismillah dan sebutan Allah serta Rasul dalam doa atau mantera. Pada setengah-setengah yang lain pula mungkin terdapat lebih dari itu; bukan mantera yang dibaca akan tetapi doa dalam bahasa Arab yang dipetik dari Quran, dan kuasa ghaib yang digunakan untuk menghalau hantu syetan itu ialah jin Islam.

Pada peringkat kedua pula ialah orang-orang yang memainkan peranan utama dalam upacara-upacara seperti yang diterangkan di atas. Dalam hal cocok tanam ada orang menjadi 'tukang tawar' daun-daun yang dikumpul, dan dalam hal ubat mengubat ada pula yang memainkan peranan sebagai 'tukang ubat'. Mereka ini disebut sebagai petugas-petugas (*functionary*) dalam sistem kepercayaan. Yang terpenting sekali antara mereka ialah pawang atau bomoh. Mereka ini mempunyai ilmu atau kebolehan ghaib yang diperoleh secara warisan, pertapaan atau mimpi. Kebanyakannya ialah ilmu dunia yang dirahsiakan dan selalunya tidak ada kena-mengena dengan ajaran-ajaran Islam. Doa-doa atau mantera-mantera yang mereka ucapkan dan tanda-tanda atau ayat-ayat dalam azimat-azimat atau tangkal-tangkal yang mereka beri kadang-kadang tidak berasaskan kepada Quran. Mereka bukan pula dari orang-orang yang tahu mengenai agama. Akan tetapi ada juga sebilangan kecil dari mereka ini yang alim, dan mengikut kata mereka sendiri menggunakan jin Islam dan ayat-ayat dari Quran.

Di antara yang berasaskan agama atau Quran dengan yang tidak berasaskan agama ini kedapatan perbedaan bahkan pertentangan dari segi punca ilmu atau kebolehan mereka serta jenis perantara ghaib yang digunakan. Mereka yang berasaskan agama lebih senang diterima oleh petugas-petugas agama dalam kampung, seperti imam, kadi, tok guru dan lain-lain; tetapi sebaliknya yang tidak berasaskan agama itu kurang disenangi. Sama ada disenangi atau tidak oleh petugas-petugas agama. pawang dan bomoh masih mempunyai tempat yang kuat dalam hati dan sistem kepercayaan orang-orang Melayu, khususnya yang di kampung-kampung. Petugas-petugas kepercayaan tradisional ini wujud

dan menjalankan peranan di samping petugas-petugas agama, masing-masing bertugas dalam bidang khusus masing-masing. Bahkan ada juga sebilangan kecil petugas-petugas agama yang menjadi pawang atau bomoh.

Sekiranya terdapat pemaduan atau integrasi antara unsur Islam dengan unsur kepercayaan tradisional, dan ada seolah-olah keadaan hidup bersama (*coexistence*) di antara petugas-petugas agama dengan petugas-petugas kepercayaan tradisional, maka ternyata pula bentuk hubungan yang berlainan pada peringkat ketiga, iaitu peringkat akidah. Dari segi akidahnya Islam mengajar bahwa kuasa tertinggi sekali dan punca atau sebab segala sesuatu adalah Allah. Dialah yang menjadikan atau mematikan dan menyuburkan atau merosakkan. Sekiranya terdapat kepercayaan yang mengatakan bahwa ada kuasa lain yang dipercayai boleh mengesankan sesuatu, umpamanya, menyebabkan tanaman-tanaman subur, atau manusia diserang penyakit hingga mati, maka pastilah kepercayaan itu bertentangan dengan akidah Islam, kerana ia boleh membawa kepada jalan syirik. Dalam sistem kepercayaan tradisional ada kepercayaan tentang hantu, syetan, penunggu serta jembalang, yang dianggap sebagai kuasa-kuasa ghaib yang boleh menyebabkan sesuatu. Kemudian, ada pula pawang-pawang dan bomoh-bomoh yang didakwa menggunakan kuasa-kuasa ghaib ini sebagai perantara untuk menjalan serta menjayakan peranan-peranan mereka. Orang Melayu masih ramai yang menganut kepercayaan tradisional serta percaya kepada pawang dan bomoh. Jadi bagaimanakah mereka membenarkan kepercayaan tradisional di sisi Islam? Dan bagaimanakah pula petugas-petugas kepercayaan tradisional itu merasionalkan kedudukan serta peranan mereka?

Ada dua caranya mereka berbuat demikian. Pertamanya mereka mengakui memang sebenarnyalah Allah yang menyebabkan segala-galanya. Tetapi hantu, syetan dan lain-lain itu cuma musababnya saja. Sekiranya seseorang coba hendak mengenakan seorang lain yang dimusuhinya dengan menggunakan hantu atau syetan, percobaan itu tidak akan berhasil sekiranya Allah tidak membenarkannya. Ini bererti bahawa kuasa yang ada pada hantu atau syetan itu terbatas, dan sama ada berkesan atau tidak akan bergantung kepada kudrat iradat Allah. Keduanya, mereka menganggap bahwa perbuatan mereka menjalankan upacara-upacara tradisional atau meminta pertolongan dari pawang dan bomoh itu merupakan sebagai ikhtiar semata. Begitu juga apabila pawang atau bomoh menjalankan tugas mereka, mereka pun adalah menjalankan ikhtiar juga. Sama ada ikhtiarkan itu berjaya atau tidak terserahlah kepada Allah. Di sini kelihatanlah bahawa kepercayaan.

kepercayaan tradisional itu adalah tertakluk kepada kepercayaan-kepercayaan terhadap Islam. Tetapi sama ada benar-benar orang Melayu berfikir mengikut garisan sebab musabab dan usaha ikhtiar atau tidak apabila mereka berpaling kepada pawang atau bomoh tidaklah diketahui.

Walaupun ada aliran yang membenarkan upacara-upacara dan petugas-petugas kepercayaan tradisional dengan alasan bahawa ia hanya sebagai ikhtiar dan tertakluk kepada kekuasaan Allah, namun terdapat juga aliran lain yang menegaskan bahwa walaupun demikian kedudukannya, kepercayaan tradisional tidak harus dibenarkan. Kepercayaan itu bertentangan dengan Islam – mengakui wujudnya hantu, syetan, penunggu, semangat, orang halus dan lain-lain yang tidak wujud dalam konteks kepercayaan Islam. Makhluk-makhluk ghaib memang wujud menurut Quran, seperti malaikat, jin dan iblis, tetapi bentuknya, asal-usulnya dan tugasnya tidak sama dengan apa yang digambarkan mengenai makhluk ghaib dalam kepercayaan tradisional. Lagi pula, oleh sebab pengetahuan tentang Islam di kalangan rakyat ramai tidak begitu mendalam, maka ada kemungkinannya iktikad mereka tergelincir dengan menumpukan keyakinan pula kepada hantu, syetan dan seterusnya itu, dan bukan kepada Allah. Ini membawa kepada syirik, yang dianggap dosa paling besar sekali di sisi Islam.

Tetapi mengapakah masih berterusan juga kepercayaan tradisional itu? Mungkin kerana kepercayaan itu sudah sebati sebagai sebagian daripada cara hidup orang Melayu yang diwarisi turun-temurun. Ia berkaitan dengan aktiviti-aktiviti serta nilai-nilai sosial dan ekonomi, dan selagi nilai-nilai serta aktiviti-aktiviti tersebut masih wujud dalam masyarakat maka selagi itulah kepercayaan tradisional berterusan. Lagi pula, sungguhpun ada aliran yang menentang kepercayaan tradisional akan tetapi pengaruh serta kesannya tidak begitu kuat. Di peringkat kampung jarang-jarang ada orang-orang alim yang benar-benar mendalam ilmunya tentang Islam sehingga boleh meyakinkan dengan hujjah-hujjah yang tepat lagi padat bahawa kepercayaan tradisional salah dan mesti ditolak. Seterusnya di peringkat lebih tinggi tidak ada kuatkuasa atau gerakan-gerakan yang boleh mempastikan, bukan secara fatwa dan undang-undang saja, akan tetapi secara tindakan serta perlaksanaan untuk menghapuskan unsur-unsur yang boleh membawa kepada syirik dalam masyarakat Melayu.

Memandangkan bahwa kepercayaan tradisional masih berakar-umbi dalam masyarakat Melayu, maka tidaklah keterlaluan agaknya jika disimpulkan bahwa ini menunjukkan kelemahan dalam Islam atau amalan Islam di kalangan orang-orang Melayu. Apakah ini benar?

Sebagaimana yang kita ketahui, perkembangan Islam di negeri ini boleh dikatakan secara informal dan tidak begitu tersusun. Semasa kemuncaknya di Melaka dulu, kekuatan dan pengaruh Islam ada kaitannya dengan kekuatan dan pengaruh kerajaan Melaka itu. Lapisan atasan terutama sultan memainkan peranan yang aktif untuk mengembangkan syiar Islam. Guru-guru serta mualim-mualim didatangkan dari tanah Arab, misalnya, dan diberikan naungan istana untuk mengajar tentang agama di kalangan pembesar-pembesar dan rakyat. Perbincangan-perbincangan mendalam berlaku tentang hukum dan falsafah Islam. Kitab-kitab ditulis untuk dikaji dan disalin. Perkembangan seperti ini berlaku juga semasa kerajaan Aceh, yang dari dulu dianggap sebagai serambi Mekah. Akan tetapi selepas kemerosotan kerajaan-kerajaan ini dan meluasnya penjajahan, keadaannya berubah. Islam sudah menjadi semacam sebagian daripada cara hidup atau kebudayaan orang Melayu. Ia diwariskan dan ditaklidkan di kalangan sebagian besar umat di negeri ini. Satu saluran yang penting sekali untuk melanjutkan ajaran-ajaran Islam secara informal dari jenerasi ke jenerasi ialah keluarga.

Sebagaimana yang kita ketahui, keluarga memanglah merupakan salah satu institusi penting untuk melanjutkan kebudayaan dalam satu-satu masyarakat. Penurunan unsur-unsur kebudayaan dari ibubapa kepada anak dinamakan proses pemasyarakatan atau sosialisasi. Melalui proses ini anak melihat, meniru dan menyertai apa yang dilakukan oleh ibubapanya. Ada pula kawalan-kawalan sosial dalam keluarga dan masyarakat untuk mempastikan bahwa generasi anak tidak menyeleweng daripada apa yang dianuti oleh generasi bapa. Begitu juga selama beberapa waktu dalam masyarakat Melayu, Islam telah diteruskan dalam keluarga melalui proses sosialisasi ini. Proses ini diperkuatkan lagi pula oleh kerana Islam mewajibkan seorang ayah mengajar dan menyuruh anaknya yang akil baligh melakukan segala fardu ain. Pelajaran dan amalan yang penting-penting, terutama sekali seperti mengucap dua kalimah syahadat, sembayang dan puasa biasanya dilakukan di rumah. Bila ayah sembahyang, selalunya anak-anak kecil ikut bermakmum, dan dalam bulan puasa mereka turut pula dengan segala nikmat keriangan berbuka. Anak-anak yang lebih besar pula ada juga yang sama menyertai, sama ada didorongkan oleh keyakinan, rasa malu ataupun kerana tidak ada peluang melakukan sebaliknya. Ada ketua keluarga yang faham tentang segala hukum dan rukun, dan oleh kerana itu boleh memberikan asas fahaman dan pengetahuan tentang mengapa mereka harus melakukan amalan-amalan yang dituntut oleh Islam. Tetapi bilangan mereka kecil. Sebilangan besar hanya bertaklid saja, dan bagi mereka amalan-amalan seperti sembahyang dan puasa

dilakukan hanya sebagai upacara untuk mengelak celaan masyarakat. Ada kalanya sembahyang dan puasa bagi setengah-setengahnya tidak mempunyai makna yang lebih daripada, misalnya, kebiasaan mengucap (itupun tidak lengkap dengan menyebut hanya *"La Ilah . . ."*) sewaktu mereka terperanjat.

Tendensi berkembangnya Islam seolah-olah sebagai satu unsur kebudayaan dan menekankan kepada upacara-upacara yang kadang-kadang dilakukan sebagai taklid saja terdapat juga dalam masyarakat. Islam menjadi satu faktor yang penting untuk menjalinkan hubungan saliturrahim dalam kampung. Oleh sebab itu ia merupakan satu faktor yang tidak boleh diperkecilkan untuk mengutuhkan kampung sebagai satu kumpulan sosial. Dalam kampung biasanya ada surau atau masjid, sebagai pusat kumpulan untuk ibadat dan juga keperluan-keperluan sosial. Mereka yang tidak menunaikan lima waktu pun akan ke masjid untuk hari Jumaat, dan apatah lagi pada hari raya puasa dan haji. Bagi mereka ini sembahyang sudah menjadi upacara semata. Jadi dari segi sosial apabila mereka menunaikannya sekali-sekali di masjid atau di surau maka akan dapatlah dilihat oleh anggota-anggota masyarakat yang lain bahawa mereka masih akur kepada salah satu ibadat yang dituntut oleh agama. Ini adalah cara pengenalan dan bukan pengasingan diri dengan nilai-nilai masyarakat. Tetapi ia merendahkan martabat serta peranan ibadat itu dari segi agama. Ini suatu kelemahan, iaitu kelemahan yang wujud oleh kerana kurangnya fahaman serta pengetahuan tentang falsafah di sebalik ibadat itu. Akibatnya ialah yang ditekankan semata-mata pengertian sosialnya dalam masyarakat saja.

Hal seperti ini berlaku juga apabila anggota-anggota masyarakat menunaikan fardu kifayah. Ambil saja contoh kematian. Biasanya apabila seseorang mati dalam satu-satu kampung, walaupun anak kecil saja, maka orang-orang kampung akan berduyun-duyun menziarahi. Yang tahu dan akan menunaikan sembahyang mayat hanya beberapa kerat saja. Keluarga si mati, walaupun sekiranya ia bukan seorang yang rajin sembahyang waktu serta hampir jahil tentang hukum-hukum Islam dan tidak bagitu memandang berat terhadapnya namun akan mahu mengadakan kenduri arwah, menjemput keluarga dan tetangga untuk bertahlil, dan akan merasakan kecewa pula apabila pak imam terlalu cepat habis tahlilnya atau terlalu singkat doanya. Seolah-olah upacara-upacara yang diharapkannya itu tidak memuaskan hati. Upacara, ya, upacara. Itulah yang ditekankan olehnya dan itulah yang ditekankan oleh ramai di kalangan masyarakat Melayu. Intipati daripada pengajaran Islam tidak begitu dipentingkan. Bukan mereka saja yang berbuat demikian. Sambutan-sambutan maulud atau musabaqah-musabaqah

Quran, yang dianjurkan pada peringkat lebih tinggi dan di bawah pimpinan golongan-golongan yang sepatutnya mengetahui pun lebih banyak menekankan segi upacara ini daripada intipati pengajaran serta falsafah Islam itu sendiri.

Apabila unsur-unsur agama ini diturunkan martabatnya kepada peringkat upacara dan pesta-pestaan saja, maka apakah yang boleh membuatnya lebih tinggi daripada pesta atau upacara dalam kepercayaan tradisional? Bagaimanakah ia akan mempunyai kekuatan untuk melenyapkan unsur-unsur kepercayaan tradisional yang dianggap bertentangan dengan Islam itu? Jadi kedua-duanya sebagai upacara-upacara dan pesta-pesta dianggap sebagai unsur-unsur kebudayaan saja. Maka berterusanlah kedua-duanya dalam keadaan sebelah-menyebelah atau sebagai suatu yang sudah berpadu atau berintegrasi. Beginilah yang selalu berlaku dalam masyarakat dengan unsur-unsur kebudayaan. Maka turunlah martabat Islam dalam masyarakat kepada yang sama dengan kepercayaan tradisional, iaitu sebagai tidak lebih dari unsur-unsur cara hidup atau kebudayaan saja.

Sebelum timbul salah faham, perlu ditegaskan bahawa bukannya tujuan kita di sini untuk mengemukakan pendapat bahwa agama itu tidak lebih dari upacara saja. Apa yang hendak ditegaskan ialah bahwa di kalangan sebagian besar anggota masyarakat aspek-aspek upacara dari agama itulah yang ditekankan. Dengan demikian, pengertiannya dari segi sosial lebih diberatkan daripada pengetahuan mengenainya ataupun falasafah di sebaliknya. Tetapi keterlaluan pula jika dikatakan bahwa dalam masyarakat Melayu, terutama di peringkat kampung, tidak ujud usaha-usaha dan institusi-institusi untuk mengembangkan ilmu dan pengetahuan bersabit dengan Islam. Bahkan, manakala diperhatikan ternampak bahawa kampung-kampung itulah tempat letaknya pusat-pusat tradisional untuk mengajar dan mengembangkan ilmu pengetahuan mengenai agama Islam. Yang dimaksudkan ialah sekolah-sekolah pondok. Kebanyakan sekolah-sekolah pondok di negeri ini ialah di Kelantan, Kedah, Perlis dan juga Perak, terutama sekali di kawasan-kawasan yang melakukan perusahaan padi. Sebenarnya kawasan-kawasan inilah yang memang menjadi tempat bertumpunya orang-orang Melayu, dan tidak hairanlah jikalau sekolah-sekolah pondok lebih banyak terletak di tempat-tempat yang ramai orang Melayu. Lagi pula, sebagian dari hasil padi dikeluarkan sebagai zakat, dan zakat inilah yang merupakan hasil tetap yang menanggung kebanyakan daripada sekolah-sekolah pondok serta tok-tok alimnya.

Sayugia diakui bahwa setengah-setengah ulamak yang memimpin sekolah-sekolah pondok itu memang terkenal mendalam ilmu penge-

tahuan mereka tentang Islam. Ada yang sudah lama menahun di Mekah, Kahirah atau lain-lain pusat Islam, dan ada pula yang telah mengarang kitab-kitab yang mendalam pengajarannya. Ada juga di antara mereka terkenal sebagai ahli-ahli sufi yang disanjung tinggi martabatnya. Tetapi malangnya kebanyakan sekolah-sekolah pondok itu tidak memperlihatkan unsur-unsur maju dalam cara atau isi pelajaran yang disampaikannya. Bahkan pelajar-pelajar atau ustaz-ustaz yang dikeluarkan oleh kebanyakan sekolah pondok itu bersikap konservatif dan berpandangan sempit. Masyarakat mereka di sekolah-sekolah pondok itu boleh dikatakan tertutup, tidak terlibat dengan pergolakan dalam masyarakat di sekitarnya. Cara belajar dan mengajar ialah dengan menghafal kitab-kitab tertentu dengan tidak menggalakkan cara berhujjah atau menganalisa dengan kritis. Seterusnya yang ditekankan ialah tentang hukum-hukum; ini memang sewajarnya, tetapi sepatutnya diimbangi dengan pelajaran mengenai sejarah dan falsafah Islam, perbandingannya dengan agama-agama lain, dan juga pengetahuan mengenai sains, ilmu alam dan sebagainya.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab yang lebih awal, apabila bertapaknya Inggeris di negeri-negeri Melayu, telah disetujui bahawa semua soal pentadbiran diserahkan kepada Inggeris melainkan yang berkenaan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Dengan persetujuan ini bererti telah dibuat pemisahan yang jelas di antara bidang agama serta adat dengan bidang-bidang lain seperti politik, pentadbiran, undang-undang, ekonomi, pelajaran dan semuanya. Agama dan adat istiadat di bawah kuatkuasa sultan dan yang lain-lain itu secara langsung di bawah Inggeris. Ada dua implikasi dari persetujuan ini bagi kedudukan agama Islam di negeri ini. Pertamanya perkembangan dalam bidang lain dari agama telah dapat dilaksana mengikut garis yang ditentukan oleh Inggeris dan menurut contoh yang terdapat di negeri asal mereka. Kesan perkembangan-perkembangan ini ke atas agama Islam dan masyarakat setempat adalah negatif. Hal ini akan dihuraikan dengan lebih mendalam di bahagian lain dalam bab ini nanti. Kedua, di bawah sultan pengurusan atau pentadbiran agama Islam telah disusun bersesuaian dengan cara-cara pentadbiran yang baru. Secara lahir bunyinya menarik, tetapi apakah yang sebenarnya berlaku?

Salah satu perkara yang mula-mula dilakukan ialah penubuhan Majlis Agama Islam bagi tiap-tiap negeri yang bersultan. Melaka dan Pulau Pinang tidak mempunyai majlis seumpama ini sehingga lepas merdeka, mungkin kerana dianggap sebelum dari itu majlis agama tidak dapat diselenggarakan tanpa sultan untuk melindunginya; gabenor-gabenor Inggeris bagi kedua-dua buah negeri itu bukannya pihak berkuasa yang

sesuai untuk menjadi lambang pelindung agama Islam. Di negeri-negeri Melayu majlis-majlis agama menjadi pusat pentadbiran bagi hal ehwal agama. Ia menguruskan pengutipan zakat, dan inilah yang merupakan punca utama bagi hasil pendapatannya. Majlis Agama mempunyai bahagian baitulmal sendiri untuk menyimpan dan mengeluarkan hasil-hasil ini. Daripada hasil-hasil inilah majlis menguruskan pembinaan serta perjalanan masjid-masjid, mahkamah-mahkamah syariah dan sekolah-sekolah agama; dan darinya juga dibayar gaji bagi kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dalam majlis dan semua badan-badan yang di bawah tadbirannya.

Dari segi pentadbiran, Majlis Agama mempunyai Ketua, Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk mengurus serta mengawasi perjalanan sehari-harinya. Mereka tidak semestinya mempunyai latihan atau kelayakan dalam bidang agama. Ini tidak perlu sebab mereka hanya merupakan pentadbir biasa. Bagi mereka, Majlis tidak lain daripada hanya sebuah susunan pentadbiran, dan mereka sendiri sebagai kakitangannya. Orang yang bertanggungjawab dari segi keagamaan bagi seluruh negeri ialah Mufti. Kadang-kadang Pejabat Mufti terletak dalam Majlis Agama, kadang-kadang berasingan, akan tetapi yang pentingnya ialah bahawa mufti dan pejabatnya adalah di bawah Majlis Agama, dan lantikan mufti adalah dilakukan oleh sultan. Mufti bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa-fatwa, dan dialah punca nasihat bahkan juga keputusan bagi hal-hal dan masalah-masalah mengenai agama dalam sesebuah negeri. Di bawah mufti ialah Kadi: biasanya seorang kadi bagi tiap-tiap daerah atau jajahan. Beliau ketua bagi urusan agama di kawasan itu dan hakim dalam Mahkamah Syariah. Biasanya Pejabat Kadi jugalah tempat Mahkamah Syariah. Untuk menguruskan pentadbiran pejabat ini terdapat juga beberapa orang pegawai dan kerani. Di bawah kadi ialah imam-imam yang biasanya bertugas sebagai imam bagi sembahyang berjemaah khususnya di masjid, khatib bagi sembahyang Jumaat, wali hakim yang berkuatkuasa melakukan nikah, ketua amil atau amil biasa. Di bawah imam dalam masjid ialah bilal, yang khususnya bertugas untuk meyuarakan azan, tetapi kadang-kadang memandikan mayat. Akhirnya noja untuk menjaga kebersihan masjid.

Semua petugas-petugas agama ini, dari mufti, kadi serta imam dan membawalah kepada bilal serta noja adalah pemegang-pemegang jawatan yang sudah dibirokrasikan. Mereka menjadi pegawai-pegawai Kerajaan yang dibayar gaji bulanan, diangkat kepada jawatan-jawatan itu atas dasar pemilihan serta kelayakan, dan boleh pula dinaikkan pangkat atau dibuang kerja bergantung kepada keadaannya. Tidak peliklah kadang-kadang ada di antara mereka yang menjadi alat semata-mata kepada

Kerajaan atas nama agama, dan tidak berani menyuarakan teguran ke atas bermacam kemunkaran yang wujud, sekiranya teguran itu boleh menjejas kedudukan kerajaan. Akan tetapi proses pembirokrasian ini biasanya tidak sampai ke kampung. Masjid atau surau di kampung didirikan oleh orang-orang kampung dengan wang serta tenaga mereka sendiri, dan hanya setelah dimulakan rancangan-rancangan pembangunan luar bandar baru setengah-setengah masjid dan surau kampung didirikan dengan perbelanjaan kerajaan. Tetapi sehingga sekarang hampir semua imam dan bilal di kampung-kampung tidak menjadi pegawai-pegawai Majlis Agama, dan oleh kerana itu tidak menerima gaji yang tetap, walaupun tauliah mereka adalah dikeluarkan oleh majlis. Namun demikian banyak juga mereka yang terpengaruh oleh sikap pegawai-pegawai agama diatas.

Sekiranya tiap-tiap negeri mempunyai mufti dan kadi, mahkamah syariah dan masjidnya, akan tetapi tidak semua pula mempunyai sekolah-sekolah yang diselenggarakan di bawah majlis agama masing-masing. Di antara negeri yang agak tersusun baik pengurusan sekolah-sekolah agamanya ialah Johor dan Kelantan. Di Johor sekolah-sekolah agama diselenggarakan pada sebelah petang di sekolah-sekolah Melayu yang digunakan pada sebelah pagi. Pendidikan agama ini mengambil masa enam tahun, dan yang diajar ialah tauhid, ibadat, muamalat, faraid, tasawuf, membaca Quran dan tajwid. Selepas enam tahun ada pula lanjutan selama setahun lagi di kelas khas, tetapi kelas ini diadakan hanya seminggu sekali tidak tiap-tiap hari, iaitu pada hari Sabtu. Lulusan terbaik dari kelas ini berpeluang untuk menjadi guru agama. Di Kelantan pula keadaannya berlainan sedikit. Sekolah-sekolah yang khusus didirikan oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat di sana dikenal sebagai sekolah-sekolah majlis. Walaupun kursus-kursus agama menjadi tumpuan, akan tetapi diajar juga perkara-perkara seperti ilmu hisab, sejarah, ilmu alam dan seterusnya. Tidak banyak sekolah-sekolah ini, dan sekarang sudah ditenggelami oleh sekolah-sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan yang didirikan oleh Kementerian (dulu Jabatan) Pelajaran. Guru-guru di sekolah agama di Johor dibayar gajinya oleh kerajaan negeri, manakala yang di Kelantan dibayar oleh Majlis. Jadi mereka pun diserapkan kepada pentadbiran cara baru.

Sekarang kita boleh kembali semula kepada implikasi pertama dari perjanjian antara sultan-sultan Melayu dengan kerajaan Inggeris. Seperti yang telah disebutkan di atas, segala perkembangan dalam bidang-bidang bukan-agama diuruskan di bawah pentadbiran penjajahan dan dilaksanakan mengikut garis dan contoh acuan sistem di Barat itu sendiri. Jabatan-jabatan didirikan untuk mengurus soal-soal pentadbiran

awam, tanah, pelajaran, keamanan, keadilan dan lain-lain. Jabatan-jabatan ini lebih banyak dan kakitangannya lebih ramai daripada majlis agama. Semuanya ditanggung dengan perbelanjaan dari hasil negeri yang dikutip oleh Jabatan kewangan masing-masing. Hasil negeri itu dari bermacam jenis cukai dan adalah jauh lebih besar jumlahnya daripada zakat yang dapat dikutip oleh Baitulmal. Dengan sendirinya asas kewangan bagi pentadbiran sekular lebih kokoh dan terjamin. Segala undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan boleh dikatakan diambil bulat-bulat dari Inggeris, yang diasingkan secara jelas daripada undang-undang Islam yang digunakan oleh majlis agama atau badan-badan di bawahnya untuk menguruskan hal-hal berkaitan dengan Islam. Mahkamah-mahkamah didirikan dari yang rendah kepada yang tinggi, dan magistret, pengadil dan hakim-hakim pula dilantik. Segala undang-undang sivil dan jenayah yang menjadi panduan bagi mahkamah-mahkamah dan hakim atau pengadilnya tidak ada mengandungi apa-apa unsur Islam. Seterusnya sistem persekolahan yang kokoh pula didirikan, dari peringkat rendah mencapai ke universiti; bangunannya dan alatnya lebih baik dan guru-gurunya lebih terlatih daripada sekolah-sekolah agama atau sekolah-sekolah majlis. Kelulusan daripadanya, terutama dalam bahasa Inggeris, buat beberapa waktu lebih tinggi nilai ekonominya daripada kelulusan agama.

Apa yang hendak ditegaskan di sini ialah bahawa walaupun pentadbiran agama telah disusun, dan dari segi teori patut lebih kuat kedudukannya, akan tetapi mengikut amalan terbatas bidangnya, dan asasnya tidak begitu kuat. Sistem pentadbiran agama wujud di samping sistem bukan-agama yang lebih luas kuatkuasanya, lebih ramai kakitangannya, dan lebih kuat asas kewangannya. Sistem tadbiran bukan-agama ini berprinsipkan sistem Inggeris yang telah menjajah di negeri ini. Oleh itu sistem tadbiran agama yang pada zahirnya nampak diperkuatkan di bawah sultan, pada hakikat sebenarnya telah diperlemahkan oleh persaingan tidak seimbang dengan pentadbiran bukan-agama yang mendapat sokongan lebih kuat daripada kerajaan sehingga hari ini. Unsur-unsur penjajahan Barat dalam pentadbiran menjadi pelemah serta halangan kepada agama Islam dan pentadbirannya di negeri ini.

Beralih dari organisasi pentadbiran kepada orang yang menganggotai masyarakat pula, kita dapati bahawa perkembangan kemajuan yang dicapai dalam bermacam bidang kehidupan juga mempunyai kesan yang negatif kepada semangat keagamaan di kalangan anggota-anggota masyarakat. Seperti yang telah diterangkan dalam bab yang lebih awal pada akhir-akhir abad lalu dan permulaan abad ini telah timbul banyak

pekan dan bandar. Proses pembandaran mempunyai pengaruhnya ke atas orang Melayu. Memang biasanya di bandar-bandar, walaupun di negeri mana pun, nilai agama tidak begitu kuat. Kadang-kadang wujud jurang generasi. Jadi keluarga tidak lagi dapat menjadi saluran yang berkesan bagi proses sosialisasi agama. Begitu pula hidup di bandar lebih nafsu-nafsi, tetangga pun tidak mempedulikan apa yang berlaku di sebelah rumah.

Tidak seperti masyarakat kampung, masyarakat bandar kurang peranannya sebagai pengawal sosial. Orang tidak akan menegur bahkan tidak mempedulikan sama ada seseorang sembahyang atau tidak. Seseorang itu merasa lebih bebas untuk membuat apa yang disukai hatinya; hendak berbimbing tangan dengan teman wanita masuk panggung tengah hari Jumaatkah? Hendak minum beer atau stout di kedai kopi atau meneguk brandy atau whisky gelas demi gelas di hotel-hotel seperti Hotel Regentkah? atau hendak berjudi kecil-kecilan dalam taman hiburan atau berjudi besar-besaran di Casino ternamakah? Tempat-tempatnya untuk melakukan semua jenis maksiat secara bebas memang banyak, sebab taraf agama Islam sebagai agama resmi hanya pada nama saja. Selain dari itu cara dan masa kerja di kilang-kilang dan setengah-setengah pejabat menyulitkan waktu terluang untuk menunaikan fardu, dan hanya yang kuat pegangan agamanya akan kadhak selepas pulang. Begitu juga pengaruh-pengaruh pelajaran keduniaan membuat anak-anak muda bertambah sinis kepada peranan agama dan petugas-petugasnya, yang kadang-kadang dipersenda-sendakan saja kerana kekolotannya.

Perbincangan setakat ini menunjukkan bahawa di kampung dan di kalangan masyarakat lapisan bawahan agama Islam telah dibancuh cair oleh unsur-unsur kepercayaan tradisional, manakala di peringkat bandar terutamanya di kalangan anggota-anggota lapisan atasan dan menengah agama ini diperlemahkan oleh segala macam unsur 'kemajuan' bersifat kebaratan yang dibawa masuk oleh kuasa penjajah. Unsur-unsur ini masih berterusan. Pemodal-pemodal yang dipengaruhi oleh nilai-nilai yang mempertuhankan wang cukup bersedia untuk mendirikan hotel-hotel, kompleks-kompleks peranginan, pusat-pusat perjudian, yang di sebalik tabir indahnya menyembunyikan pelacuran dan bermacam jenis maksiat. Tetapi ini semua tidak mengapa, kata mereka. Pelancong-pelancong boleh ditarik. Hasil negara akan bertambah. Rakyat akan lebih makmur! Begitu juga dalam pasaran, pengusaha-pengusaha asing mencurahkan bermacam jenis pakaian dan fesyen yang mengghairahkan anak-anak muda. Berbagai bentuk seluar dan baju diiklankan dengan mengeksploit gambar-gambar wanita sexy, untuk

menawan hati dan menggilakan fikiran anak-anak muda. Kebudayaan *coca-cola* dan *dangerie* diperluaskan oleh pihak Barat. Melalui sebaran am – t.v., majalah-majalah dan akhbar-akhbar – disebar luas cara hidup dan nilai-nilai yang tidak sesuai dengan tatasusila Timur dan bertentangan dengan ajaran-ajaran agama. Proses penyeludupan kebudayaan kuning terus berlaku dengan meluasnya. Tidakkah semua ini boleh melemahkan iman dan moral?

Kegelisahan terhadap pengaruh buruk dari kepercayaan tradisional, dan kebudayaan dagangan yang menaikkan nafsu (*sensate*) dari imperialis Barat, memang sudah lama dirasakan oleh beberapa golongan termasuk pemimpin-pemimpin agama. Di negeri ini telah muncul, pada permulaan abad ini, orang-orang seperti Syed Sheikh Alhady dan Sheikh Tahir Jalaluddin. Mereka mahukan kemajuan bagi masyarakat Islam di negeri ini. Pergerakan mereka sebenarnya adalah pancaran daripada gerakan yang lebih luas di negara-negara Islam Timur Tengah. Mereka berdua ini menganggap Islam sebagai bertentangan dengan imperialisme, dan mahu melihat masyarakat Islam bangkit dan maju atas kekuatannya sendiri berlandaskan pengajarannya. Mereka juga memandang unsur-unsur kepercayaan tradisional melemahkan semangat ummat Islam. Di negeri ini Syed Sheikh dan Sheikh Tahir telah menerbitkan majalah, mengarang buku-buku, membuka sekolah-sekolah dan terus berbahas menentang apa yang mereka pandang sebagai bid'ah dalam masyarakat Melayu. Mereka digelar sebagai kaum muda. Gerakan kaum muda ini telah meluas bukan di negeri ini saja tetapi juga di rantau Indonesia. Di sana ada pemimpin-pemimpin mereka yang ditangkap kerana dituduh menentang penjajahan Belanda. Di Semenanjung tidak berlaku penangkapan seumpama ini. Akan tetapi pergerakan mereka telah disekat, dan yang menjadi alat untuk menyekat pergerakan kemajuan Islam ini ialah penaung-penaung dan pemimpin-pemimpin dalam susunan pentadbiran Islam yang baru dibangunkan beserta penjajahan dulu. Mungkin gerakan kaum muda itu dianggap sebagai mencabar keadaan yang wujud dan oleh itu dicap sebagai berbahaya.

Akhir-akhir ini telah berlaku pula satu perkembangan baru yang seolah-olah merupakan proses 'kemunculan semula' Islam. Perkembangan ini digalakkan oleh faktor-faktor luar dan juga dalam negeri. Sepanjang satu dua kurun kebelakangan ini negara-negara Islam, yang dalam pengertian luasnya ditakrifkan sebagai negara-negara yang mempunyai penduduk majoriti Islam, telah mengadakan sidang-sidang kemuncak untuk menyusun diri mereka sebagai satu tenaga kuasa dunia yang perlu diiktiraf. Perjuangan rakyat Palestin untuk mengembalikan

haknya dan memusnahkan kuasa serta faham Zionis orang-orang Yahudi telah juga menimbulkan rasa pentingnya negara-negara Islam bersatu memberikan sokongan. Setengah-setengah negara Arab pula telah muncul sebagai kuasa ekonomi yang tidak bisa diperkecil-kecilkan oleh kerana penguasaannya ke atas minyak. Hasil pendapatan dari minyak memungkinkan negara-negara ini bukan saja membantu pembangunan ekonomi dan sosial di negara-negara Islam dan Dunia Ketiga yang lain, akan tetapi juga memberi sokongan kuat kepada gerakan pengembangan ajaran Islam di seluruh dunia. Di setengah-setengah negeri Islam ini muncul pula pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan kegiatan mengkaji tentang Islam dan mengembangkan dakwah. Kegiatan-kegiatan ini dianggap perlu untuk menghadapi berbagai jenis cabaran yang timbul dari kebudayaan Barat yang merosakkan.

Sedikit sebanyaknya perkembangan luar ini ada juga pengaruhnya di dalam negeri ini. Tetapi di sini pun telah ada keadaan-keadaan yang menggalakkan kegiatan-kegiatan agama, khususnya dakwah. Memang tidak dapat dinafikan ada golongan yang tidak puashati dengan kedudukan Islam dalam masyarakat Melayu walaupun Islam telah dilambangkan sebagai agama resmi. Mereka ini melihat bagaimana kemajuan baru dalam lapangan-lapangan keduniaan telah melemahkan kedudukan Islam di kalangan umatnya di negeri ini. Mereka tidak rela melihat kemerosotan Islam dan bertambah jahilnya orang-orang Melayu terhadap ajaran-ajaran Islam, dan mereka tidak senang juga dengan pengaruh-pengaruh yang meruntuhkan akhlak. Tujuan mereka ini timbul dari faktor keagamaan dan keimanan semata-mata. Satu perkara yang menarik sekali ialah bahwa kegiatan dakwah ini sangat pesat di kalangan anak-anak muda lepasan atau di pusat-pusat pengajian tinggi. Akan tetapi ada juga faktor-faktor penggalak yang lain, yang tidak sepenuhnya didorongkan oleh semangat agama dan keimanan, dan lebih berbentuk sosio-politik. Bertambahnya kegiatan kumpulan-kumpulan dakwah, misalnya, secara kebetulan berlaku selepas Peristiwa Mei 13. Tersentak daripada peristiwa berdarah ini, ada orang yang mencari kekuatan pada kepercayaan tradisional dan ada pula pada agama. Agama bukan saja dipandang sebagai boleh memberikan kekuatan rohani, bahkan dianggap juga sebagai mempunyai kemungkin untuk menyatukan orang-orang Melayu, dan perpaduan dianggap kekuatan juga.

Tidak berapa lama setelah peristiwa ini, PAS yang dianggap oleh setengah golongan orang Melayu sebagai pejuang nasib mereka dan agama Islam, telah bekerjasama dengan kerajaan Perikatan dalam Majlis

Perunding Negara, dan akhirnya menyertai kerajaan sebagai salah satu komponen BN. Langkah PAS ini dipandang oleh sebagian pengikutnya sebagai satu tindakan yang menyeleweng dari perjuangan asal PAS. Pada ketika yang sama soal-soal bahasa, hak istimewa dan kewarganegaraan yang selalu dibangkitkan oleh PAS dulu tidak boleh disentuh lagi dengan lulusnya Akta Hasutan dalam sidang Parlimen yang pertama selepas pemulihannya. Jadi agamalah yang menjadi satu-satunya saluran untuk menyuarakan rasa tidak puashati atau bangkangan. Tidak hairanlah jika ada pula setengah-setengah golongan menggunakan saluran ini untuk mengkritik PAS dan juga BN, selain memenuhi tujuan untuk mengembangkan syiar Islam. Satu lagi faktor yang tambah menguatkan arus kegiatan keagamaan ini ialah dorongan dan galakan yang diberi oleh golongan-golongan tertentu dalam pihak pemerintah yang ingin melihat perkembangan Islam di kalangan orang Melayu sebagai alat atau benteng untuk membendung faham dan gerakan komunis. Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) sendiri menjelaskan bahawa "agama Islam ... terus menjadi sumber kekuatan negara yang penting yang merupakan benteng dalam menghadapi segala dakyah dan propoganda komunis. Belia-belia di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar wajiblah memainkan peranan yang penting dalam hal ini." (*RMT* 1976:117). Mengikut sumber-sumber kerajaan, pihak komunis pun menggunakan agama untuk mendapat pengaruh.

Nampak dari sini bahawa dorongan atau tujuan bagi kegiatan-kegiatan dalam bidang agama, khususnya dakwah pada masa ini, bermacam jenis. Kegiatan yang didorongkan oleh faktor-faktor sosio-politik pada jangka panjangnya tidak akan mempunyai kesan yang mendalam sama ada dalam usaha membentuk insan yang kamil atau untuk mengembangkan sistem-sistem yang berunsur Islam dalam masyarakat. Kelihatan bahawa mereka yang giat melakukannya itu lazimnya memandang soal agama hanya sebagai satu issue politik saja; selagi boleh mendatangkan sokongan atau undi maka selagi itulah issue tersebut akan mereka suarakan sebesar-besarnya. Tetapi selepas kemenangan politik tercapai, apa yang dapat mereka laksanakan dalam bidang agama adalah terbatas, dibataskan oleh pertimbangan terhadap soal-soal politik dan untung rugi yang mungkin mereka perolehi sekiranya soal agama itu terus diperjuangkan. Kita telah melihat bagaimana partai PAS telah mendakwa hendak menegakkan hak Melayu dan syiar Islam, dan menentang kerajaan Perikatan yang mereka cap sebagai 'kafir' dan 'penjual hak Melayu', kerana kerjasamanya dengan partai-partai yang terdiri daripada orang-orang bukan-Islam. Tetapi apabila berkuasa di sebuah negeri, partai itu tidak berupaya membuat peru-

bahan-perubahan baru berlandaskan Islam. Bahkan maksiat-maksiat yang meluas di negeri itu pun tidak dapat dikawalnya. Untuk beberapa waktu partai tersebut bekerjasama rapat dalam kerajaan dengan partai yang pernah mereka cap dan cela itu, dan turut pula mendukung dasar-dasar yang mereka tentang dulunya. Apa yang telah berlaku dengan partai ini boleh berlaku juga dengan sebarang golongan yang hanya memperalatkan agama untuk kepentingan kuasa politik.

Soalnya adalah berbeda sedikit dengan golongan-golongan yang menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah dengan tujuan hendak mengembangkan syiar Islam semata-mata, dengan tidak melibatkan diri kepada politik kepartaian. Ada dua aspek dari tujuan dakwah mereka. Pertamanya ialah untuk memperteguhkan lagi iman di kalangan orang-orang Muslim. Digalakkan usaha mendalami ilmu agama dan mendirikan ibadat, dan digalakkan juga supaya mengikut sunnah Rasul dalam cara hidup sehari-hari. Kedua-dua syariat dan tarikat cuba hendak sama-sama dititikberatkan. Memang diakui bahawa sekarang ini di kalangan anak-anak muda berpelajaran tinggi dan juga di kalangan orang-orang dari lapisan atasan dan pertengahan yang banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai kebendaan dan kebaratan itu, sudah bertambah ramai yang mula berpaling kepada kegiatan-kegiatan agama secara lebih mendalam. Tetapi pada sebagian besarnya kegiatan tersebut masih banyak bertumpu kepada peringkat upacara juga. Pengetahuan yang lengkap masih kekurangan. Oleh kerana itulah kadang-kadang ada di antara mereka yang seolah-olah keterlaluan dalam sikap mereka. Ada yang kadang-kadang salah menganggap bahwa manusia Islam yang baik semestinya-lah beribadat sepanjang masa, mengasingkan diri dari segala-gala yang bersifat keduniaan, melepaskan tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat, dan menolak segala nikmat yang dikurniakan Allah dalam dunia ini. Aliran semacam ini, walaupun belum begitu meluas lagi, sepatutnya bukanlah satu aliran yang harus dianjurkan oleh gerakan-gerakan keagamaan zaman ini.

Aspek kedua ialah yang menekankan juga soal luar daripada diri. Maka wujudlah tujuan atau cita-cita unggul untuk menegakkan sistem masyarakat dan kuasa kenegaraan berbentuk Islam yang berlunaskan Quran dan Hadith. Golongan-golongan yang coba hendak menjayakan tujuan murni ini tentulah pertama-tama sekali perlu mengatasi dua faktor yang melemahkan Islam seperti yang telah diterangkan di atas, iaitu pengaruh dan kepercayaan-kepercayaan tradisional yang penuh dengan kekarutan serta bid'ah, dan pengaruh-pengaruh perosak dari Barat yang mengakibatkan keruntuhan moral itu. Selain dari itu, mereka perlu meyakinkan seluas-luasnya bahawa tujuan mereka bukan

impian mulia dan murni semata, bahkan boleh dilaksanakan secara politik. Gambaran tentang apa yang dikatakan sistem sosial, ekonomi dan politik Islam, serta apa yang dimaksudkan dengan negara Islam itu perlu mereka berikan sejelas-jelasnya. Untuk menghapuskan pengaruh-pengaruh luar dan dalam yang melemahkan Islam bukanlah satu perkara yang mudah. Lebih sulit pula lagi masalah-masalah untuk menegakkan sistem-sistem keIslaman dalam sebuah negara Islam. Untuk mencapainya tidak memadai hanya dengan kepetahan berdakwah, kebijaksanaan menawan hati rakyat dan kecerdikan mempengaruhi fikiran pada menteri.

Akhir-akhirnya akan ternyata bahawa kekuasaan diperlukan. Pada ketika itulah mereka akan menghadapi persoalan atau dilemma, satu demi satu. Hendak menyertai politik atau tidak? Kalau hendak bila dan bagaimana? Secara bersendirian atau menggabungkan diri dengan partai-partai yang ada? Apa pula jenis, dasar dan falsafah politiknya? Sekiranya yang berasaskan Islam, bagaimana bentuknya? Jikalau diibaratkan dengan amalan yang wujud di setengah-setengah negara yang mendakwa berasaskan cara Islam sekarang, ikut cara manakah? Cara Saudi Arabia? Cara Mesir? Cara Libya? Cara Algeria? Tidak mungkinlah mengikut semua sekali pada masa yang sama. Tetapi yang mana satu? Jikalau tidak semua ini, bagaimana pula? Quran dan Hadith itu hanya asasnya. Akan tetapi perlu jelas di fikiran sendiri, supaya dapat dijelaskan pula dalam fikiran pengikut-pengikut yang hendak diyakinkan, apakah bentuk bangunan yang hendak didirikan di atas asas itu. Penghuraian segala persoalan ini sangat perlu dilakukan dan penentuan sikap terhadapnya tidak dapat dielakkan. Inilah nanti yang akan menjadi salah satu perkara penting bagi menentukan kedudukan badan-badan dakwah itu pada masa akan datang. Selama bilakah sanggup dan mungkin mereka bermain sembunyi dengan politik?

# V. Masyarakat

MENGIKUT pendapat ahli-ahli sains masyarakat, ada sekurang-kurangnya empat jenis kumpulan sosial yang penting dalam masyarakat manusia, masing-masing berasaskan kepada faktor (a) kekeluargaan, (b) kawasan kediaman, (c) asal keturunan dan (d) kepentingan. Kumpulan kekeluargaan ditentukan oleh hubungan darah dan juga perkahwinan. Berhubungan dengannya, ada keluarga yang kecil, mengandungi hanya suami, isteri dan anak, dan ada juga keluarga besar yang meliputi selain dari suami, isteri dan anak juga datuk, nenek, cucu, cicit, adik beradik, pupu, mertua, menantu dan seterusnya. Dalam setengah masyarakat, kumpulan keluargalah yang penting sekali. Anggota-anggota keluarga menjalankan kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi bersama, dan sekiranya mereka tidak mempunyai satu tempat kediaman yang tetap mereka berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan yang lain dengan tidak berpecah-pecah. Kumpulan (b) pula biasanya adalah merupakan komuniti yang sudah menetap pada kawasan-kawasan tertentu. Bentuknya lebih besar sebab anggota-anggotanya lebih ramai. Dalam komuniti itu mungkin ada anggota-anggota yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan mungkin ada pula yang tidak. Selanjutnya mungkin ada mereka yang mempunyai keluarga dalam komuniti di kawasan yang berlainan pula. Bagi kumpulan ini kawasan kediaman yang sama itulah yang menjadi penjalin hubungan penting sekali, dan asas bagi kebanyakan kegiatan sosial, ekonomi dan politik mereka.

Kumpulan (c), iaitu yang berasaskan asal keturunan yang sama, biasanya dikenal sebagai kumpulan kaum. Mereka ini terdiri dari berbagai-bagai keluarga dalam berbagai-bagai kawasan kediaman pula. Mereka merupakan kumpulan yang besar. Mereka mempercayai dan dipercayai oleh kaum-kaum lain sebagai terdiri dari rumpun bangsa yang sama. Mereka mempunyai rasa kekitaan yang kuat, bukan saja sebab keturunan yang sama ini tapi juga kerana mereka mewarisi kebudayaan yang sama, agama yang sama dan bahasa yang sama. Unsur-unsur

persamaan ini sentiasa mereka pertahankan dan biasanya menjadi kebanggaan pula. Jikalau kumpulan-kumpulan kaum biasanya tersusun secara menegak, kumpulan-kumpulan yang berasaskan kepentingan pula lazimnya tersusun dengan cara yang mendatar. Dalam jenis kumpulan (d) ini masyarakat dianggap sebagai terdiri daripada beberapa lapisan yang berbeda tinggi rendahnya. Kekuasaan ekonomi dan politik serta kedudukan sosial berbeda di antara satu lapisan dengan lapisan yang lain, dan biasanya lebih banyak bertumpu pada lapisan atasan daripada lapisan bawahan. Dengan demikian perbedaan kepentingan boleh wujud di antara lapisan yang berbeda, dan persamaan kepentingan terdapat pula dalam lapisan yang sama. Satu masyarakat yang terbagi kepada kumpulan-kumpulan yang berlapisan dikatakan mempunyai sistem susunlapis.

Dalam bab ini akan ditumpukan perhatian hanya kepada kumpulan-kumpulan (a), (b) dan (d); perkembangannya serta masalah-masalah yang timbul daripadanya. Pembicaraan tentang kumpulan (c) akan dibuat dalam Bab VIII nanti.

Sebelum timbul apa-apa kekeliruan perlu ditegaskan bahawa tidak semestinya tiap-tiap kumpulan itu wujud berasingan samasekali. Juga, tidak benar jika dikatakan hanya satu faktor saja yang menentukan atau terdapat dalam satu jenis kumpulan. Misalnya, ada kumpulan setempat kediaman yang mungkin mempunyai anggota-anggota yang rapat hubungan kekeluargaannya, dan mungkin pula dalam komuniti yang sama terdapat perbedaan-perbedaan dari segi ekonomi, politik dan sosial sehingga boleh kita mengatakan bahawa wujud di dalamnya susunlapis masyarakat. Masyarakat kampung, misalnya, adalah berasaskan satu tempat kediaman, dan dalam setengah kampung susunlapis tidak jelas tetapi ternyata kuat ikatan kekeluargaan antara anggota-anggotanya, manakala di setengah kampung yang lain pula mungkin terdapat keadaan yang sebaliknya. Begitu juga dalam satu-satu lapisan masyarakat didapati orang-orang yang ada hubungan kekeluargaan di samping mereka yang tidak mempunyainya; dan walaupun orang-orang yang di dalam lapisan yang sama umumnya tinggal di kawasan kediaman yang sama, tapi boleh wujud juga orang-orang dari lapisan yang berlainan duduk di kawasan kediaman yang sama. Jadi apa yang dimaksudkan ialah: jenis kumpulan itu dibagi-bagikan mengikut faktor mana yang lebih penting dalam menentukan coraknya. Sekiranya faktor keluarga yang lebih penting dan kebetulan tidak wujud pula susunlapis, maka dikatakanlah kumpulan itu berasaskan kekeluargaan. Tetapi sebaliknya jikalau faktor perbedaan kepentingan mengatasi faktor-faktor lain, bahkan faktor-faktor seperti kekeluargaan dan tempat

kediaman mengukuhkan pula lagi hubungan di antara anggota-anggota dalam satu-satu lapisan, maka dijeniskanlah masyarakat itu sebagai masyarakat bersusunlapis dan tiap-tiap lapisan sebagai satu kumpulan kepentingan.

Dalam masyarakat Melayu lama, faktor-faktor kekeluargaan dan kawasan kediaman itu penting. Pada Zaman Batu Tengah, misalnya, golongan-golongan masyarakat merupakan kumpulan-kumpulan keluarga besar yang meliputi beberapa keluarga kecil pula. Tetapi dalam Zaman Batu Baru, kumpulannya menjadi lebih besar dan telah menetap pula pada kawasan kediaman yang sama di tepi-tepi laut atau sungai dan di tengah-tengah tempat pertanian. Kerjasama sosial dan ekonomi dijalankan oleh anggota-anggota masyarakat dalam kawasan itu, dengan tidak mengasaskannya hanya kepada unsur hubungan kekeluargaan, walaupun dipercayai bahawa hubungan dan peranan keluarga itu masih penting dalam masyarakat tersebut. Perbedaan kepentingan muncul manakala timbul sistem kepentingan dalam masyarakat itu. Dengan yang demikian, terdapatlah seseorang peserta dengan keluarganya yang dipandang sebagai lebih tinggi taraf sosialnya daripada orang-orang serta keluarga-keluarga yang lain. Keadaan ini jelas kelihatan dalam masyarakat Melayu Melaka dan juga masyarakat-masyarakat Melayu yang wujud sebelum kedatangan Barat. Untuk memudahkan perbincangan, sistem masyarakat yang terdapat sebelum penjajahan Barat akan disebut sebagai sistem tradisional.

Masyarakat tradisional Melayu boleh dikatakan berbentuk feudal, mula-mulanya bersifat padu pada zaman Melaka dan kemudiannya berpecah-pecah selepas keruntuhan kerajaan itu. Dalam masyarakat itu terdapat dua lapisan, iaitu: lapisan atasan yang memerintah dan lapisan bawahan yang diperintah. Lapisan atasan terdiri dari sultan, keluarganya dan orang-orang besar. Lapisan ini tidak ramai anggotanya, tetapi sebagaimana yang telah diterangkan lebih lanjut dalam Bab III, mereka mempunyai kuasa yang besar dalam bidang politik dan ekonomi. Dari segi sosial mereka dimuliakan, dan bahasa yang halus digunakan terutama terhadap sultan untuk menandakan kemuliaan ini. Lapisan bawahan pula terdiri dari rakyat terbanyak. Mereka tinggal di kawasan-kawasan luar istana, atau lebih tepat di kampung-kampung di mana mereka melakukan kerja-kerja pertanian atau menangkap ikan. Mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa politik, dan dari segi ekonomi pula mereka biasanya hanya memiliki secukup-cukup tanah dan alat yang perlu digunakan untuk mendatangkan hasil yang memadai bagi menanggung hidup sekeluarga.

Di antara lapisan atasan dengan lapisan bawahan terdapat jarak sosial

yang agak lebar. Mereka tidak bercampur Mereka tinggal berpisahan, sultan serta keluarganya berada di dalam kawasan istana yang dikelilingi tembok atau dinding. Perkahwinan berlaku di antara mereka yang sama darjat, dan biasanya hal ini memperkokohkan lagi kaitan sosial di antara anggota-anggota lapisan atasan itu. Lelaki dari golongan atasan boleh mengambil isteri atau gundik dari kalangan wanita-wanita golongan rakyat yang diperintah, akan tetapi tidak mungkin samasekali bagi lelaki dari golongan rakyat hendak mengahwini wanita dari golongan raja. Ini adalah untuk menjaga keturunan, kerana titisan darah dikira mengikut pihak lelaki. Faktor keturunan inilah yang menetukan kedudukan atau status lapisan itu diwariskan: seseorang itu berada dalam satu-satu lapisan sebab ia dilahirkan ke dalamnya. Faktor kecapaiạn tidak penting. Tetapi ada kemungkinan bagi seseorang dari kalangan rakyat diberikan persalinan dan diangkat sebagai orang besar oleh kerana khidmat yang diberikannya kepada sultan. Mobiliti (atau perpindahan kedudukan) ke atas memang sangat susah berlaku, walaupun kadang-kadang ada juga berlaku. Mobiliti ke bawah lebih selalu berlaku. Misalnya, seorang sultan yang berkuasa besar boleh meleset turun martabatnya apabila kerajaannya dialahkan, atau seorang sultan atau pembesar mungkin terpaksa hidup sebagai rakyat biasa saja apabila kekuasaannya telah dirampas oleh orang lain. Keadaan yang tidak tetap ini memang merupakan satu ciri sosial yang luas terdapat terutama sekali dalam keadaan berpecah-pecah selepas kejatuhan kerajaan Melaka hingga masuknya Inggeris.

Sungguhpun nyata bahwa masyarakat mempunyai susunan yang berlapis-lapis dan meletakkan lapisan atasan itu sebagai satu golongan yang menguasai dan mempunyai kepentingan politik serta ekonomi, dan lapisan bawahan pula sebagai golongan yang berlainan, namun faktor keluarga dan tempat kediaman masih mempunyai peranan yang masih penting. Akan tetapi peranannya adalah berlainan dalam lapisan yang berlainan. Misalnya, di kalangan lapisan atasan yang memerintah terdapat jalinan ikatan kekeluargaan yang kukuh, dan ini merapatkan lagi hubungan di antara anggota-anggota lapisan tersebut. Tetapi ikatan kekeluargaan ini jarang sekali merentasi batas-batas lapisan itu sendiri untuk sampai ke bawah. Begitu juga bagi lapisan bawahan yang diperintah. Unit kawasan kediaman bersama yang penting sekali bagi mereka ialah kampung, dan di sana ikatan di kalangan anggota-anggotanya diperkuatkan lagi oleh hubungan kekeluargaan, sama ada melalui keturunan ataupun perkahwinan. Atas dasar ikatan-ikatan sosial ini maka dilakukan bermacam jenis kerjasama di antara penduduk-penduduk sekampung seperti tolong-menolong dan kenduri-kendara

dalam bidang sosial, dan bergotong-royong atau berderau dalam bidang ekonomi. Selain dari itu, mereka menyertai bersama dalam upacara-upacara kepercayaan yang diselenggarakan misalnya, sebelum ke laut atau ke bendang atau untuk menghalau penyakit. Dengan ikatan-ikatan yang ada serta penyertaan-penyertaan bersama dalam bidang sosial dan ekonomi itu maka bertambah eratlah hidup bermasyarakat dalam kampung di kalangan golongan rakyat itu.

Bagaimana pula kedudukan wanita dalam sistem masyarakat tradisional ini? Pada keseluruhannya taraf mereka adalah rendah, tetapi ada perbedaannya dalam konteks kedua-dua lapisan atasan dan bawahan. Di istana wanita lebih merupakan perhiasan dan hiburan semata. Anggota-anggota lapisan atasan, terutama sultan pada waktu itu sentiasa mempunyai selera besar terhadap wanita-wanita cantik dan mempunyai kuasa untuk memuaskan selera itu. Permaisuri selalu terpaksa berkongsi kasih dengan para isteri lain dan juga ramai gundik. Setengah-setengahnya dipersembahkan sebagai tanda persahabatan atau ketaatan, setengahnya dirampas saja daripada ibubapa atau suami dan anak-anak mereka, apabila sudah berkenan saja di hati sultan. Selain dari itu ada pula dayang-dayang serta inang pengasuh yang boleh menjadi teman dan penghibur jua.

Di kalangan lapisan bawahan pula keadaannya berlainan sedikit. Wanita memainkan peranan penting dalam keluarga sebagai suri rumah bagi suami dan pengasuh bagi anak-anak. Selain dari itu mereka melakukan banyak peranan pula dari segi ekonomi, membantu kaum lelaki waktu menanam atau menuai padi. Dalam setengah-setengah masyarakat yang ada menjalankan perniagaan kecil-kecilan, ada pula wanita-wanita yang aktif berniaga. Semua ini sebagai tambahan kepada kerja-kerja di rumah yang tidak boleh mereka abaikan. Tidak dapat dinafikan bahawa hidup wanita tertakluk dan bergantung kepada lelaki. Sebagai satu kumpulan pada umumnya merekalah yang paling rendah taraf sosialnya. Mereka beserta suami mereka adalah di lapisan bawahan dalam susunlapis masyarakat, dan dalam lapisan yang sama itu kedudukan mereka dianggap lebih rendah daripada lelaki pula. Mudah saja mereka boleh ditinggal atau diceraikan.

Banyak perubahan telah berlaku ke atas sistem sosial tradisional selepas kedatangan Inggeris. Ada beberapa faktor yang mempengaruhi perubahan ini, di antaranya ialah: (a) pembandaran, (b) perindustrian, (c) pentadbiran serta politik, dan (d) pelajaran. Walaupun faktor-faktor ini mula muncul dari peringkat sebelum Merdeka lagi, tetapi keempat-empatnya terus mempunyai peranan yang lebih besar sehingga lepas Merdeka. Kesan-kesanya ke atas susunan masyarakat banyak, dan sam-

bung-menyambung sehingga hari ini. Dalam halaman-halaman berikut faktor-faktor ini serta dengan kesan-kesannya ke atas masyarakat akan dibincangkan dengan tidak memisahkan antara tingkat sebelum dan selepas Merdeka. Sebagaimana yang kita ketahui proses perubahan ini berterusan dan bertimbun tambah, dan apa yang wujud sekarang mungkin merupakan kemuncak dari apa yang mula berlaku sejak dulu lagi.

Telah diterangkan dalam bab yang lebih awal bahawa dengan berkembangnya usaha-usaha ekonomi dan meluasnya urusan-urusan pentadbiran selepas kedatangan Inggeris beberapa buah bandar telah muncul. Orang-orang Melayu telah tertarik juga kepada bandar-bandar ini, dan yang merupakan kuasa penarik terpenting ialah peluang pekerjaan yang terbuka di sana. Pada keseluruhannya kadar bilangan orang-orang Melayu di bandar-bandar dalam Semenanjung ini tidak besar. Pada tahun 1911 peratus orang Melayu di bandar-bandar ialah 17.8%; pada tahun 1947 – 17.4%; pada tahun 1957 – 19.3%; dan pada tahun 1970 – 21.7%. Peratus-peratus ini ialah jumlah orang Melayu dibanding dengan golongan kaum-kaum lain yang tinggal di bandar. Akan tetapi jika dibandingkan orang Melayu di bandar dengan jumlah kaumnya sendiri di seluruh Semenanjung, maka kita dapati peratusnya lebih kecil, iaitu: 7.3% untuk 1947, 11.2% untuk 1957, dan 14.9% untuk 1970. Walaupun peratus penambahannya lambat, akan tetapi angkanya terus meningkat naik dengan banyak. Sekarang ini kerajaan mempunyai dasar untuk membuka lebih banyak bandar-bandar kecil dengan tujuan menggalakkan proses pembandaran bagi orang-orang Melayu.

Berhubung dengan perindustrian, mula-mula kita melihat perkembangan lombong-lombong dan ladang-ladang. Akan tetapi kebanyakan pekerja-pekerja yang digunakan untuk perusahaan-perusahaan ini dibawa masuk dari luar. Sekarang ini tidak ramai orang Melayu yang bekerja di lombong-lombong, dan di ladang-ladang pula pekerja-pekerja Melayu cuma dalam lingkungan 25% dari jumlahnya semua. Selepas Merdeka telah digalakkan pembukaan kilang-kilang; banyak juga yang telah dibuka, kebanyakannya terletak dalam atau berdekatan dengan bandar-bandar besar, seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban dan Johor Bahru. Kilang-kilang ini telah membuka peluang pekerjaan kepada orang-orang Melayu, dan pemindahan untuk bekerja di kilang-kilang ini telah merupakan juga proses pembandaran, sebab mereka terpaksa pindah ke bandar. Wanita Melayu sudah mulai banyak diambil sebagai pekerja di samping lelaki.

Beralih kepada faktor ketiga pula, kita telah melihat bahawa pen-

tadbiran mula berkembang pesat semasa Inggeris; dan perkembangannya ini telah juga membuka pintu kepada orang-orang Melayu untuk diambil ke dalamnya. Dari lapisan atasan telah diambil ramai calon untuk menjadi pegawai-pegawai pentadbir yang boleh membantu pegawai-pegawai kanan Inggeris. Selain dari itu ada juga yang diambil untuk perkhidmatan perkeranian. Tetapi yang paling ramai ialah mereka yang bekerja dalam berjenis-jenis perkhidmatan beruniform, daripada peon membawalah kepada posmen hinggalah kepada polis dan askar. Oleh kerana pusat-pusat pentadbiran itu terletak di bandar, maka dengan sendirinya mereka yang mendapat pekerjaan-pekerjaan baru ini mesti berhijrah ke bandar. Lepas Merdeka banyak pegawai Melayu yang berpeluang memasuki MCS dan menggantikan Inggeris dalam semua sekali jawatan penting; dan selain dari itu perkhidmatan-perkhidmatan rendah pun bertambah besar. Kemudian telah muncul pula ahli-ahli politik, dan mereka ini merupakan gejala yang baru dan penting dalam masyarakat selepas Merdeka.

Akhir sekali ialah faktor pelajaran. Mula-mula sekolah-sekolah dibuka untuk melatih kakitangan-kakitangan pentadbiran yang diperlukan. Sekolah-sekolah yang diutamakan nilainya ialah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar. Di antara sekolah yang ulung dan mula-mula ditubuhkan ialah Maktab Melayu Kuala Kangsar (MMKK), yang asalnya dirancangkan sebagai pusat mengajar dan melatih anak-anak orang besar dari lapisan atasan untuk menjadi pegawai kerajaan. Apabila timbul cadangan supaya maktab ini membuka pintunya kepada rakyat biasa, pihak golongan bangsawan telah membantahnya, sebab mengikut mereka satu tempat yang diberi kepada orang biasa akan mengambil satu peluang dari anak raja. Universiti Malaya telah didirikan pada tahun 1949, dan selepas itu Universiti tersebut memainkan peranan penting untuk mengeluarkan siswazah-siswazah yang boleh mengisi jawatan-jawatan yang dikosongkan oleh pegawai-pegawai jajahan. Sekarang ini bahasa Melayu telah menggantikan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Selain dari Universiti Malaya telah terdiri beberapa buah Maktab dan empat buah universiti lagi, semuanya untuk mengeluarkan bakal-bakal pentadbir, ahli-ahli teknik dan juga anggota-anggota profesional yang lain.

Kesan-kesan yang timbul dan perubahan-perubahan di atas boleh ditinjau dari tiga segi, iaitu: (a) perubahan yang berlaku ke atas golongan-golongan dalam masyarakat tradisional, (b) masalah-masalah sosial yang timbul, dan (c) golongan-golongan baru yang menjelma dalam masyarakat sekarang. Mengenai (a) akan ditumpukan perhatian kepada kedudukan kumpulan-kumpulan keluarga, kampung dan wanita; ber-

hubung dengan (b) akan dipusatkan pandangan kepada masalah-masalah seperti setinggan, pengangguran dan jenayah; manakala berkaitan dengan (c) pula akan ditinjau golongan-golongan baru yang muncul dan mengubah sistem susunlapis dalam masyarakat.

Marilah kita perkatakan terlebih dulu perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat tradisional. Sebagaimana yang telah diterangkan, kumpulan-kumpulan keluarga dan kampung sangat penting dalam masyarakat. Sebenarnya pengaruh kumpulan-kumpulan ini masih meluas lagi sehingga sekarang, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Sebabnya proses-proses pembaruan tidak begitu mendalam meresapnya ke luar bandar. Tetapi bagi orang-orang Melayu yang berpindah ke bandar kerana bekerja dalam kilang atau pejabat, bentuk keluarga mereka telah berubah sedikit. Ada antara mereka yang mula-mulanya pergi bersendirian. Setengah daripada mereka kemudian balik ke kampung mencari isteri dari kalangan keluarga atau orang kampung sendiri. Tetapi ada pula di antaranya yang beristerikan wanita-wanita yang di bandar. Timbul- tendensi bagi laki-laki beristerikan wanita-wanita yang sama jenis atau tempat kerja dengannya, walaupun tendensi ini belum meluas sangat. Setelah kahwin mereka mendirikan rumah sendiri, jauh dari keluarga dan kampung. Kebanyakan keluarga-keluarga yang terbentuk ialah keluarga kecil saja. Di bandar keluarga mereka menjadi sebagian dari komuniti bandar yang jauh lebih besar dari kampung. Tetangga biasanya orang lain, bukannya keluarga atau kawan lama sebagaimana yang terdapat di kampung asal, dan hubungan dengan tetangga kadang-kadang tidak mesra, sebab dalam masyarakat bandar orang biasanya bersikap 'engkau engkau dan aku aku'. Dalam keadaan yang sepi di bandar maka kadang-kadang mereka berpaling semula ke keluarga dan kampung sendiri; umpamanya bila sakit pening atau hendak melahirkan anak mereka pulang ke kampung, dan bila rindu mereka balik semasa cuti atau untuk berhariraya.

Nyata sekali ikatan keluarga dan kampung masih kuat walaupun di kalangan orang-orang yang sudah lama di bandar. Seorang anak muda, wanita atau lelaki, yang hendak mencari atau mendapat peluang kerja di bandar akan coba menghubungi saudara mara atau orang kampung kenalannya, untuk mendapatkan tempat tinggal sementara, sebelum mempunyai tempat kediaman sendiri. Biasanya selepas mendapat kerja dan kedudukan pun tetap mereka coba menyewa atau mendirikan rumah sendiri, berdekatan dengan rumah tumpangan awal. Oleh sebab perkara ini selalu berlaku maka kita dapati di setengah-setengah bandar terdiri kampung-kampung setinggan yang didiami oleh orang-orang yang ada ikatan keluarga atau kampung, dan sekurang-kurangnya ber-

asal dari negeri yang sama. Maka dengan demikian suasana kampung asal mereka sedikit sebanyak dilanjutkan juga di bandar. Perlanjutan suasana seperti ini berlaku juga dalam kampung-kampung Melayu yang didirikan di kebanyakan bandar-bandar. Selain dari itu unsur keluarga dan kampung ini terdapat juga kesannya ke atas golongan-golongan atasan. Sedikit sebanyak masih ada lagi amalan mengambil saudara, orang sekampung ataupun senegeri untuk pekerjaan-pekerjaan tertentu. Ini lebih meluas berlaku dalam perlantikan politik daripada perlantikan ke dalam pentadbiran. Sehingga dalam kabinet dan dalam majlis negeri pun kelihatan juga pengaruh kekeluargaan dan tempat asal ini.

Kedudukan wanita pun berubah juga. Selalunya di kampung wanita yang sudah bersuami boleh menolong suaminya bekerja di bendang atau ladang. Tetapi di bandar sang isteri terpaksa duduk di rumah sementara suaminya pergi bekerja; dan mereka dari lapisan bawahan serta juga pertengahan rendah menjalankan tugas menjaga rumah. Mereka memasak, membasuh, menjaga anak, dan bila suami pulang melayan suami pula. Jadi semakin terikatlah mereka dengan dapur. Bagi mereka yang dalam lapisan atasan, sebab suami mereka berpangkat tinggi dan bergaji besar, mereka hanya mengawasi saja kerja-kerja rumah, kerana ada orang gaji yang melakukannya. Setengah-setengahnya menggunakan masa lapang untuk kunjung-mengunjung ataupun untuk membuat kerja-kerja kebajikan dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela. Tetapi tidak semua isteri duduk di rumah saja – ada yang bekerja, kebanyakannya di tempat-tempat yang berlainan dari suami mereka. Suami isteri kadang-kadang bertemu di rumah hanya sekejap-sekejap, terutama apabila giliran masa kerja mereka tidak sama. Ini berlaku terutamanya di kalangan lapisan bawahan yang bekerja buruh. Selain daripada keluar bekerja ini, mereka terpaksa juga memasak dan mengendalikan segala hal di rumah. Jadi beban ke atas mereka jauh lebih berat daripada lelaki.

Di bandar wanita masih menjadi bahan dan lambang hiburan, tetapi dalam bentuk dan dengan gaya yang berlainan. Tubuh badan dan kecantikan mereka boleh dan selalu dieksploit tidak ubah seperti barangan. Dalam iklan-iklan selalu saja wanita dikenakan pakaian-pakaian yang mendedahkan. Ada pula setengahnya yang tercebur ke dalam kancah pelacuran. Masyarakat, terutama sekali di kalangan golongan lelaki yang berpandangan sempit menganggap rendah wanita secara keseluruhannya dan sering saja merendahkan mereka. Sikap memandang rendah ini terjelma juga dalam layanan kurang baik dari segi gaji dan kemudahan yang diberikan kepada wanita yang bekerja. Ada pula setengah perusahaan seperti letronik yang sengaja mengambil

wanita Melayu kerana mereka rajin serta taat, jarang-jarang melawan dan tidak mengetahui tentang perlunya mengadakan kesatuan sekerja. Mereka dibayar gaji yang sangat rendah. Sebaliknya pula, wanita sudah menyaingi laki-laki dalam bidang pelajaran, dan sebilangan besar dari mereka sudah melangkah ke dalam sektor-sektor pentadbiran dan perkilangan dan memegang bermacam jenis jawatan tinggi. Walaupun kerja dan tanggungjawab yang mereka jalankan itu sama dengan lelaki, namun peluang naik pangkat dan gaji yang diberikan kepada mereka biasanya lebih kecil. Jadi secara keseluruhan perubahan-perubahan yang berlaku masih meletakkan wanita Melayu pada taraf atau status yang rendah berbanding dengan lelaki.

Mengenai masalah-masalah sosial pula banyak yang telah timbul akibat daripada proses perubahan yang telah dan sedang berlaku. Dalam Bab II telah disebut secara sambil lalu bagaimana di kampung-kampung kemiskinan semakin ketara, dan jurang sosio-ekonomi di antara kampung dengan bandar dan di antara yang miskin dengan kaya bertambah melebar. Pemindahan dari kampung ke bandar berlaku dengan cepatnya hasil dari perkembangan perindustrian, pentadbiran dan pelajaran. Tidak semua yang pindah ke bandar itu mempunyai pelajaran tinggi, dapat pekerjaan yang baik-baik, berpendapatan lumayan dan berpeluang hidup secara mewah dengan segala kemudahannya. Ramai di antara mereka merupakan orang yang pernah hidup susah di kampung dan mencoba hendak menguji nasib di bandar. Mereka tidak mempunyai atau kurang pelajaran serta keahlian. Jadi mereka terima saja apa pekerjaan yang boleh menyara hidup. Mereka menjadi buruh kasar, budak pejabat, tukang kebun, drebar, jaga, polis, askar dan lain-lain. Oleh sebab pendapatan mereka rendah maka mereka tidak mampu menyewa atau mendirikan rumah yang sempurna. Maka itulah mereka mendirikan rumah-rumah haram di tapak-tapak tanah kerajaan dengan tidak memenuhi syarat-syarat pembinaan yang selalu dikuatkuasakan. Dengan demikian banyaklah kawasan-kawasan setinggan yang muncul, terutama sekali di bandar-bandar besar. Oleh sebab pemindahan ke bandar tidak berhenti-henti bahkan semakin meningkat, maka kawasan-kawasan setinggan bertambah banyak dan sesak. Di seluruh Wilayah Ibukota misalnya, pada tahun 1973 jumlah keluarga setinggan sekira-kira 36,000, yang menampung bilangan penduduk setinggan seramai kira-kira 200,000 orang, atau lebih dari 30% penduduk ibukota itu. Satu anggaran menunjukkan bahwa 20.4% daripada mereka ialah Melayu.

Penduduk-penduduk setinggan ini sebenarnya merupakan golongan miskin di bandar. Mereka adalah daripada lapisan bawahan, berpen-

dapatan kecil dan bertaraf rendah. Keadaan hidup mereka sempit dengan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan moden, walaupun mereka berada di tengah-tengah bandar dan kota yang dianggap maju. Tidak ada jalan atau longkang yang sempurna; kawasan menjadi kotor dan busuk oleh sebab air yang bertakung dan kotoran-kotoran yang bersepah. Selalu pula setengah-setengah kawasan itu diancam oleh banjir. Penghidupan begitu buruk lagi menggelisahkan. Lebih merunsingkan lagi sebab ramai di antara anggota-anggota keluarga setinggan yang masih muda menganggur. Pelajaran mereka rendah. Pekerjaan semakin susah didapati. Di kampung seseorang yang menganggur masih boleh menolong sambil-sambilan di bendang atau ladang. Tetapi di bandar pengangguran itu biasanya bererti tidak bekerja samasekali.

Pengangguran boleh menimbulkan bermacam jenis masalah sosial. Salah satu yang paling serius sekali ialah perompakan dan lain-lain perbuatan jenayah yang berkaitan. Anak-anak muda yang menganggur itu tidak mempunyai pendapatan. Tetapi mereka mempunyai bermacam keperluan. Mereka sentiasa merasa tertekan. Dengan mudah saja mereka boleh berkumpul-kumpul dan akhirnya tercebur ke dalam kumpulan-kumpulan dadah atau yang melakukan jenayah. Mula-mula secara kecil-kecilan dan untuk seronok-seronok saja, tetapi kemudian menjadi lebih besar dan serius. Ibu bapa tidak boleh mengawal mereka. Memang dalam masyarakat bandaran keluarga pengawal sosial. Nilai-nilai tradisional yang mengajar supaya menghormati orang tua sudah mulai runtuh. Kekuasaan yang ada pada masyarakat untuk menyekat individu-individu daripada bertindak bebas dan liar, sebagaimana yang sering terdapat dalam masyarakat kampung, sudah runtuh. Oleh kerana itu, sekali penyakit masyarakat sudah menular maka dengan mudah saja ia menjadi kronik, dan masyarakat sendiri akan merasa tidak berkemampuan untuk mengobatinya. Lebih serius daripada semua masalah sosial ini ialah kedudukan kawasan-kawasan setinggan ini tidak tetap. Sudah banyak sekali rumah-rumah haram yang diruntuhkan secara kejam oleh pihak berkenaan. Akhirnya orang-orang miskin ini terpaksa berpindah ke flat-flat sesak yang kurang segala kemudahan, atau ke kawasan-kawasan yang jauh dan mundur di luar bandar. Dan siapakah golongan miskin yang terhalau ini? Inikah dia hasil dari dasar menggalakkan Melayu ke bandar?

Di kalangan wanita-wanita yang telah meninggalkan kampung masing-masing untuk menjadi pekerja-pekerja kilang lain pula masalahnya. Biasanya dengan pendapatan kecil yang mereka perolehi mereka berkongsi beramai-ramai untuk menyewa rumah atau belanja makan.

Keadaan hidup di bandar yang lepas bebas dari awasan ibu bapa memberikan mereka perasaan kebebasan yang palsu. Mereka terdesak untuk mendapat keseronokan dalam hidup, membeli pakaian yang cantik-cantik sedikit, keluar dengan teman lelaki dan sebagainya. Malangnya ada di kalangan lelaki itu, sungguhpun tidak ramai, yang berhidung belang dan tidak suci niatnya. Ramai gadis-gadis yang dihamilkan luar nikah dan terpaksa menggugurkan anak untuk menutup malu. Tidak kurang pula yang dikahwini hanya sebentar dan kemudian ditinggalkan begitu saja atau diceraikan tanpa nafkah. Lebih serius kadang-kadang terdapat di antara mereka angsama-angsama yang mencoba hendak memerangkap gadis-gadis yang boleh ditarik sebagai pelacur terhormat. Lemahnya pegangan agama serta nilai-nilai akhlak, rasa bebas yang palsu dan keinginan untuk memikat hati lelaki dengan cara yang salah, boleh menceburkan mereka ke dalam kancah keruntuhan akhlak. Malangnya ada di antara mereka ini menjadi mangsa saja kepada eksploitasi seks yang dilakukan oleh sebilangan kecil lelaki yang tidak bertanggungjawab, sebab tidak ada perlindungan bagi gadis-gadis kampung yang sangat baru dengan cara hidup di bandar yang penuh dengan berbagai cobaan serta pancaroba itu.

Beralih kepada golongan-golongan yang baru muncul pula; hal ini boleh dibincangkan dalam rangkabidang sistem susunlapis masyarakat yang wujud sekarang. Dalam sistem ini terdapat tiga lapisan masyarakat, iaitu, lapisan atasan, pertengahan dan bawahan. Sekiranya dalam masyarakat tradisional lapisan atasan terdiri hanya dari golongan bangsawan dan pembesar-pembesar, akan tetapi kini sudah ada pula golongan-golongan lain di sampingnya, iaitu para politik, pentadbir dan pengusaha yang kanan. Sultan-sultan masih ada sebagai lambang kedaulatan di sembilan buah negeri, dan dua orang gabenor pula mengetuai dua buah Negeri Selat dulu. Sultan serta keluarga mereka tetap mempunyai kedudukan yang istimewa, akan tetapi pengaruh orang-orang besar boleh dikatakan sudah merosot. Ahli-ahli politik wujudnya paling jelas selepas merdeka, dan yang kanan di antara mereka pada peringkat kebangsaan menyandang jawatan-jawatan tinggi dalam kabinet atau majlis kerja. Ada di antara mereka yang mempunyai ikatan-ikatan kekeluargaan dengan setengah-setengah anggota lapisan atasan tradisional, akan tetapi kini kebanyakan mereka adalah dari keluarga rakyat biasa asalnya, dan menyandang jawatan-jawatan tinggi melalui proses kecapaian dan bukannya warisan.

Para pentadbir pula sudah mulai muncul dan mempunyai peranan semasa zaman Inggeris lagi. Mula-mulanya darah keturunan merupakan faktor terpenting dalam pemilihan untuk menjadi pegawai, akan tetapi

selepas merdeka faktor pelajaran tinggi lebih diutamakan. Berikutan dengan dasar mengganti pegawai-pegawai jajahan maka banyak jawatan-jawatan tinggi dan kanan dalam perkhidmatan awam, kehakiman, tentera dan polis diambil-alih oleh anak-anak tempatan. Setiausaha-setiausaha kementerian serta timbalan-timbalan mereka, setiausaha-setiausaha kerajaan, general-general, pegawai-pegawai tinggi polis boleh dianggap sebagai termasuk ke dalam istilah pentadbir kanan ini. Para pengusaha pula ialah mereka yang berjaya dalam bidang perusahaan; ada di antara mereka menjadi pemilik atau pengarah syarikat-syarikat. Boleh dikatakan selepas merdeka bertambah banyak bilangan mereka ini, kebanyakannya orang-orang yang masih aktif dalam politik ataupun pesara-pesara dari jawatan-jawatan penting dalam politik dan pentadbiran.

Lapisan pertengahan pula adalah lapisan yang tidak wujud dalam masyarakat tradisional, dan hanya muncul akibat dari kesan-kesan perkembangan ekonomi, politik serta pentadbiran dan pelajaran dalam masa penjajahan dan juga setelah merdeka. Dari segi kedudukan politik dan sosial mereka ini lebih rendah daripada lapisan atasan, tetapi lebih tinggi daripada lapisan bawahan. Di kalangan orang Melayu sebilangan besar dari anggota-anggota lapisan ini terdiri dari pegawai-pegawai pentadbir kerajaan. Ini ialah kerana dari dulu lagi pengambilan calon untuk menjadi pentadbir mengutamakan orang Melayu, dan selepas merdeka ditetapkan pula kuota bahwa bagi tiap-tiap empat orang yang diambil untuk mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam tiga daripadanya hendaklah Melayu. Tetapi walaupun pegawai-pegawai kerajaan yang menjadi pentadbir kebanyakan Melayu, dalam bidang profesional peratusan mereka sangat kecil, misalnya, pengurus 13%, jurutera 13.5% akauntan 17.9%, ahli sains 11.6%, dan doktor 7.6% (Jadual V). Golongan profesional ramai yang bekerja dalam badan swasta, dan mereka merupakan satu bahagian yang paling penting biasanya dalam lapisan pertengahan. Bahkan ada juga di antara mereka yang boleh digolongkan ke dalam lapisan atasan. Kadar peratus para profesional Melayu adalah lebih kecil lagi. Satu lagi kumpulan yang termasuk dalam lapisan pertengahan ialah mereka yang bergiat dalam ekonomi atau perusahaan sebagai pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga dan pengurus-pengurus yang sederhana. Di sini pun peratusan orang Melayu sangat rendah, sebagaimana yang kelihatan dalam jadual yang sama.

Lapisan bawahlah yang besar sekali jumlahnya dalam masyarakat Melayu. Dalam lapisan ini dua kumpulan yang penting ialah petani (termasuk nelayan) dan pekerja. Pekerja-pekerja merupakan golongan baru yang timbul hasil dari perkembangan pembandaran dan perindus-

trian. Petani-petani sekarang merupakan lanjutan dari golongan tradisional, dan golongan merekalah yang terbesar dalam seluruh masyarakat Melayu. Masih ramai yang bertumpu kepada pertanian padi cara lama, tetapi sekarang kira-kira separuh daripada petani-petani Melayu mengusahakan tanaman kontan seperti getah dan kelapa sawit. Mereka terus tinggal di kampung-kampung yang berbentuk lama, tetapi kini semakin ramai mereka yang menyertai tanah-tanah rancangan, di mana hidup berkomuniti adalah lebih terancang. Golongan pekerja pula terdiri daripada dua bahagian, iaitu yang berkhidmat dengan kerajaan dan yang dalam perusahaan swasta. Mereka yang berkhidmat dengan kerajaan ialah pekerja-pekerja peringkat rendah bukan saja di pejabat-pejabat selaku buruh, budak pejabat dan seterusnya, akan tetapi termasuk juga anggota-anggota berpangkat rendah atau tiada berpangkat dalam perkhidmatan bersenjata. Yang dalam perusahaan swasta pula ialah mereka yang bekerja sebagai buruh-buruh ladang dan kilang. Golongan ini kian bertambah besar bilangannya dalam masyarakat Melayu, terutama sekali dengan pertumbuhan perindustrian di bandar.

Perbedaan di antara satu lapisan dengan lapisan yang lain dalam sistem susunlapis masyarakat masa ini dari segi pengaruh politik, jenis pekerjaan serta tingkat pendapatan, dan taraf sosial jelas kelihatan di antara satu lapisan dengan lapisan yang lain. Hal ini akan dibincangkan nanti. Tetapi buat sementara waktu perlu ditegaskan bahwa perbedaan-perbedaan wujud juga di kalangan individu-individu atau kategori-kategori tertentu dalam tiap-tiap lapisan. Sebagai misalan, perbedaan sosio-ekonomi jelas kelihatan di kalangan golongan orang kampung, yang sebagian besarnya terdiri dari petani-petani. Ada petani yang mempunyai tanah dan ada yang tidak memilikinya. Ada petani yang boleh menyewakan tanahnya kepada orang lain, ada yang mengerjakan tanah sendiri, dan ada pula yang terpaksa menyewa atau mengambil upah mengerjakan tanah orang lain. Pendapatan mereka dan cara hidup mereka pun berbeda. Bahkan anggapan anggota-anggota masyarakat terhadap satu sama lain pun tidak sama; ada yang lebih dan ada yang kurang dihormati. Maka oleh kerana itu di kalangan petani-petani timbul pembagian seperti petani senang, petani sederhana dan petani susah, misalnya. Begitu juga ada pengkaji-pengkaji masyarakat yang membagikan lapisan atasan kepada atasan atas, atasan tengah dan atasan bawah, dan seterusnya membagikan lapisan pertengahan dan lapisan bawahan dengan cara yang sama juga, iaitu tiap-tiap lapisan dibagi kepada tiga peringkat.

Wujudnya kumpulan-kumpulan atau peringkat-peringkat lebih kecil dalam ketiga-tiga lapisan dalam masyarakat itu tidak pula mengurang-

kan pentingnya tiap-tiap lapisan itu sebagai kenyataan sosial dalam sistem susunlapis yang terdapat di kalangan orang-orang Melayu pada masa ini. Di antara satu lapisan dengan satu lapisan yang lain terdapat pemisahan dan jarak sosial yang jelas, terutama sekali di antara lapisan atasan dengan lapisan bawahan. Seperti pada zaman sebelum kedatangan Inggeris dulu, sekarang ini lapisan atasan merupakan tempat tumpuan kuasa dan pengaruh politik, ekonomi dan sosial. Cuma terdapat dua perbedaan. Pertama, jikalau dulu sultan mempunyai kuasa yang nyata, maka sekarang ini kuasa tersebut hanya tinggal pada lambang saja, kerana kuasa sebenarnya telah pindah kepada golongan baru. Keduanya, jika dulu semua kuasa dan pengaruh tertumpu kepada orang atau golongan yang sama, tetapi sekarang ada pengkhususan; ada golongan tertentu yang mempunyai kuasa atau pengaruh dalam bidang yang tertentu saja, iaitu, para politik dengan kuasa politik, para pentadbir dengan pentadbiran, dan para pemodal atau pengarah dengan kuasa ekonomi pula. Tetapi di antara golongan-golongan ini terdapat bermacam jenis kaitan yang merapatkan hubungan mereka. Masih ada, walaupun kecil bilangannya, para politik dan pentadbir yang mempunyai latarbelakang golongan bangsawan tradisional. Ada orang-orang kanan dalam politik dan pentadbiran yang menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi, dan sebagai pemodal atau pengusaha mereka mengharapkan pula bantuan dari orang politik untuk memudahkan serta menjayakan perusahaan atau perniagaan mereka. Setengah-setengah orang politik mengharapkan pula bantuan serta hadiah dari para pemodal, pengarah atau pengusaha untuk gerakan partai atau keperluan diri sendiri. Jadi apa yang dapat dikatakan ialah bahawa ikatan kepentingan yang sama paling kuat sekali di kalangan lapisan atasan.

Selain dari itu lapisan ini mempunyai gaya hidup yang berbeda serta lebih mewah. Mereka mempunyai pendapatan yang tinggi untuk memungkinkan hidup secara istimewa dan senang lenang. Mereka tinggal di kawasan-kawasan yang terpisah, kalau di Kuala Lumpur di Kenny Hill atau Damansara Heights. Rumah mereka besar, cukup dengan segala kelengkapan dan kemudahan moden, dan dihiasi dengan bermacam barang-barang lama yang menarik. Mereka juga menjadi anggota-anggota kelab yang khas untuk orang-orang yang sama martabat dengan mereka, seperti *Lake Club* atau *Royal Golf Club*. Di sanalah mereka menjalinkan hubungan-hubungan sosial di antara mereka sesama mereka sambil minum-minum dan makan-makan; dan di sana jugalah kadang-kadang mereka mengikat janji-janji untuk melancarkan projek ekonomi atau membincangkan soal politik sambil menghayun kayu golf dan berjalan dari lobang ke lobang di padang golf itu.

Lapisan pertengahan sebagaimana yang telah dijelaskan adalah baru muncul dan lebih ramai terdapat di bandar daripada di luar bandar. Mungkin terdapat beberapa ciri persamaan di antara peringkat tertinggi dalam lapisan pertengahan dengan peringkat terendah dalam lapisan atasan, dan di antara peringkat terendah dalam lapisan pertengahan dengan peringkat tertinggi dalam lapisan bawahan. Akan tetapi pada keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa lapisan pertengahan itu wujud tersendiri dan berbeda dari lapisan-lapisan atasan dan bawahan. Dari segi politik dan pentadbiran mereka tidak mempunyai sebanyak kuasa yang ada pada elita yang memerintah, yang kebanyakannya dari lapisan atasan. Tetapi mereka mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan elita itu sebab biasanya mereka memberikan khidmat kepada kumpulan tersebut dalam menjalankan peranan serta kewajipan mereka. Mereka merupakan perantaraan atau orang tengah. Pada umumnya mereka menjadi ketua atau pemimpin pada peringkat negeri atau daerah, dan sebagian kecil saja dari mereka, terutama sekali dari golongan profesional yang kadang-kadang mencapai kedudukan sebagai pemimpin peringkat kebangsaan. Dari segi ekonomi pun kedudukan mereka adalah di perantaraan. Pendapatan mereka sederhana, tidak terlalu tinggi atau terlalu rendah. Tetapi persekitaran hidup mereka penuh dengan pengaruh-pengaruh kebaratan; ini adalah hasil dari pendidikan yang mereka perolehi. Tarikan-tarikan tradisional masih ada juga pada mereka. Itu sebab ramai di antara mereka yang kadang-kadang mempunyai dua watak yang boleh berubah mengikut di mana mereka berada pada satu-satu ketika. Tarikan tradisional dan moden serta kampung dan bandar, ada kalanya menimbulkan nilai-nilai yang bertentangan dalam diri mereka, menjadikan mereka selalu dalam keadaan serba salah atau dilemma. Oleh itu pada masa-masanya lapisan pertengahan ini mudah saja meliuk mengikut tiupan angin dalam masyarakat.

Sebaliknya golongan bawahan tidak banyak bahkan kadang-kadang samasekali tidak mempunyai kuasa serta pengaruh yang langsung dalam bidang politik dan ekonomi. Mereka hanya dipujuk dan dirayu untuk undi mereka lima tahun sekali. Di situ sajalah terletaknya kekuasaan mereka yang diakui. Lepas itu mereka tidak ditanya atau dirundingi dalam apa-apa masalah pun; segalanya ditetapkan dan ditentukan oleh elita yang memerintah dari lapisan atasan yang sangat besar kuasa dan pengaruh itu. Faktor utama yang menimbulkan persamaan di antara anggota-anggota lapisan bawahan ialah kedudukan ekonomi dan sosial mereka yang sangat rendah itu. Cara hidup mereka jauh berbeda dari lapisan atasan dan selalunya menyedihkan. Di kampung-kampung,

petani-petani hidup dalam pondok-pondok buruk yang tidak mempunyai kemudahan air dan api. Alat kelengkapan yang perlu hanya seada-adanya saja. Di bandar-bandar pula pekerja-pekerja tinggal di rumah-rumah flat atau berek yang sempit, dan kadang-kadang di kawasan-kawasan setinggan yang sesak. Ramai dari mereka hidup dalam suasana yang tidak terjamin dari segi kebersihan dan kesehatan.

Walaupun hidup mereka pada umumnya sama susah dan taraf atau status mereka sama rendah, akan tetapi di kalangan anggota-anggota lapisan bawahan ini terutama di antara petani-petani dan pekerja-pekerja jarang terjalin hubungan yang rapat dan rasa senasib yang kuat. Pertamanya bilangan mereka jauh lebih besar daripada lapisan atasan atau pertengahan dan mereka tersebar meluas, tidak tertumpu hanya di bandar-bandar besar; bahkan yang menjadi petani semuanya di kampung-kampung. Keduanya, walaupun ada pekerja-pekerja di bandar yang masih mempunyai hubungan mesra dengan keluarga dan kampung asal mereka, akan tetapi pada umumnya mereka adalah hidup dalam dunia yang berlainan. Tempat kerja mereka jauh terpisah antara satu sama lain. Jenis-jenis pekerjaan mereka berbeda, satu golongan di bendang dan ladang, dan satu golongan lagi di pejabat dan di kilang. Persekitaran sosial mereka adalah berlainan, masalah yang mereka hadapi tidak sama, dan sikap hidup serta nilai mereka semakin luas jurang pemisahannya. Pengaruh politik di kalangan mereka lebih menekankan tentang persamaan kaum di antara mereka. Jarang ditekankan tentang persamaan nasib mereka sebagai lapisan terendah dalam masyarakat dan yang paling banyak sekali menanggung penderitaan serta penindasan.

Sistem susunlapis masyarakat Melayu kini tidaklah beku. Maksudnya tidaklah anggota-anggota dalam satu-satu lapisan terus saja dalam lapisan yang sama sampai turun temurun. Ada kemungkinan kedudukan setengah-setengah mereka berubah; ada di antaranya meningkat naik dan ada pula yang merosot turun. Ertinya ada pemindahan kedudukan dalam masyarakat. Misalnya ada orang dari keluarga petani lapisan bawahan yang mungkin berjaya dalam pelajaran dan meningkat ke lapisan menengah, ada guru atau pegawai yang berjaya dalam politik sehingga membawanya sampai ke kemuncak lapisan atasan. Seterusnya ada pula turunan bangsawan yang merosot ke bawah dengan tidak mempunyai apa-apa lagi melainkan gelaran di hadapan nama saja, yang tidak mempunyai banyak erti lagi. Boleh jadi juga ada peniaga-peniaga yang gagal dan jatuh tersungkur dari lapisan pertengahan ke lapisan bawahan. Pada umumnya kelihatan bahwa faktor yang terpenting sekali yang mempengaruhi mobiliti dalam masyarakat pada masa ini ialah

pelajaran dan politik; dan kedua-duanya diperolehi secara kecapaian dan tidak semestinya secara warisan. Mobiliti tersebut boleh berlaku dalam generasi yang sama atau generasi yang berlainan.

Walaupun diakui bahawa mobiliti wujud dan ada peluang untuk orang bawah naik ke atas, namun pada hakikatnya peluang ini adalah sangat terbatas kepada bilangan yang kecil sekali. Dalam generasi yang sama peluang bagi angggota-anggota dari lapisan atasan untuk memperkokohkan kedudukan mereka sendiri adalah lebih baik daripada anggota-anggota dari lapisan lain. Misalnya, seorang bekas menteri atau pentadbir kanan dalam kerajaan dengan mudah sekali boleh diberikan saham-saham kosong dan dijadikan pengarah dalam syarikat-syarikat asing atau tempatan dan dalam badan-badan berkanun atau separakerajaan. Dengan demikian mereka berpindah dari satu peranan kepada peranan yang lain, dengan tidak menurunkan kedudukan mereka dari lapisan atasan. Dalam masyarakat Melayu pada masa ini beberapa kerat bekas pegawai kanan atau ahli politik saja membolot jawatan pengarah dalam berbelas-belas syarikat atau badan berkanun. Satu kajian dari Daftar Syarikat-syarikat menunjukkan bahawa dari 1,526 orang Melayu yang menjadi pengarah syarikat, 45 orang (atau 3%) memiliki saham bernilai $7,480,000 atau kira-kira 50% dari jumlah saham milik semua pengarah-pengarah Melayu yang terdaftar, dan kebanyakan mereka ini adalah bekas para politik atau pentadbir. Anggota-anggota lapisan menengah yang tidak ada pengaruh atau kaitan politik memang tidak ada harapan untuk mendapat peluang yang sama. Anggota-anggota dari lapisan bawahan tidak usah disebutkan.

Dalam generasi yang berlainan pula ada jua kebenarannya pendapat yang mengatakan bahawa anak saudagar juga yang akan jadi saudagar, anak doktor jadi doktor, anak polis jadi polis dan anak petani padi terus sebagai petani padi. Untuk mengatakan semua anak akan mengikut jejak bapa dan tidak berubah samasekali memanglah tidak masuk akal. Tetapi jika dikatakan besar bilangannya yang meneruskan jejak bapa-bapa mereka adalah lebih menasabah, kerana inilah yang selalunya berlaku. Sebabnya ialah mengikut kelaziman peluang yang dapat diberikan oleh seorang ayah kepada anaknya adalah bergantung kepada kemampuannya. Seorang saudagar boleh melatih dan memberi modal kepada anaknya untuk menjadi saudagar juga. Tetapi adakah seorang polis mampu atau berupaya untuk memberikan peluang-peluang tersebut kepada anaknya? Seorang doktor berupaya memberi pelajaran kepada anaknya di sekolah-sekolah yang besar dan berkelengkapan, dan boleh selalu pula menggalakkan serta mengawasi pelajaran anaknya di rumah. Tetapi seorang petani miskin harus berpuas

hati dengan menghantar anaknya ke sekolah kampung yang serba kekurangan. Mereka tidak mempunyai pendidikan yang cukup untuk mengawasi pelajaran anaknya. Dalam persaingan antara anak doktor dengan anak petani ini tentu akan mudah saja anak doktor tadi meninggalkan anak petani. Memang diakui bahawa ada anak petani yang akhirnya dapat menjadi doktor dan anak doktor pula gagal. Akan tetapi kadar dan bilangan mereka masih kecil jikalau dibandingkan dengan kadar dan bilangan petani-petani dalam masyarakat Melayu seluruhnya.

Kalau diperhatikan keadaan pada umumnya, peluang bagi mobiliti ke atas, terutama sekali melalui pelajaran dan perniagaan, adalah lebih luas sedikit sekarang ini di kalangan orang Melayu oleh kerana adanya bantuan-bantuan seperti biasiswa-biasiswa untuk pelajaran tinggi dan pinjaman modal untuk berniaga. Begitu banyak bergantung kepada bantuan atau anjuran ini. Oleh sebab itu kadang-kadang disebut bahawa pemindahan kedudukan ke atas dalam masyarakat Melayu lebih merupakan 'mobiliti dianjur' (*sponsored mobility*), dan yang memungkinkannya ialah jaminan dalam Perlembagaan tentang kedudukan istimewa orang Melayu. Sebenarnya bantuan-bantuan ini masih terbatas bilangan dan jumlahnya. Biasiswa hanya boleh diberi kepada calon-calon yang sudah berkelayakan memasuki maktab atau universiti. Tetapi ia tidak menjamin lebih ramai anak-anak petani yang boleh ke sekolah-sekolah menengah yang baik, atau untuk mempastikan anggota-anggota lapisan bawahan akan mendapat peluang serta layanan yang sama dengan anggota-anggota lapisan atasan. Pinjaman modal pula bukan boleh diberi kepada semua orang yang menghendakinya. Pada peringkat akhirnya, siapa ada pengaruh dan siapa ada harta atau nama untuk dijadikan sandaran jua yang akan mendapatnya. Tidaklah mudah bagi seorang petani atau pekerja untuk mendapatkan pinjaman.

Mobiliti dianjur yang dilaksanakan melalui berbagai jenis bantuan dan pinjaman dapat dipertahanakan sebagai satu langkah jangka pendek. Ia boleh menambahkan sedikit lagi bilangan anggota dalam lapisan pertengahan dan atasan. Tetapi ia tidak mengubah sistem masyarakat Melayu yang bersusunlapis itu. Lapisan-lapisan atasan, pertengahan dan bawahan akan berterusan wujudnya, dan lapisan bawahan akan terus mempunyai anggota paling ramai. Bagi lapisan bawahan apa yang sangat mereka perlukan bukannya keistimewaan yang wujud pada namanya saja tapi dikecap nikmatnya oleh sebilangan kecil dari lapisan atasan dan pertengahan, dan tidak dirasai oleh begitu ramai yang di dalam lapisan bawahan. Yang mereka perlukan sebenarnya ialah persamaan – persamaan hak dan peluang – yang memungkinkan mereka memperoleh hak yang sama dan peluang yang sama dengan

anggota-anggota lapisan atasan terutamanya, dalam bidang politik, ekonomi, pelajaran, kesehatan dan seterusnya.

Dalam sistem susunlapis yang wujud sekarang ini keistimewaan sebenarnya terletak pada segelintir kecil di lapisan atasan. Ada di antara mereka yang mendapat hak dan peluang disebabkan oleh kedudukan mereka dalam sistem susunlapis itu, bukan sepenuhnya kerana kebolehan mereka. Ada orang-orang dari lapisan bawahan atau pertengahan yang lebih tinggi kebolehannya, akan tetapi tidak berpeluang membuktikan kebolehan itu oleh kerana sekatan-sekatan sistem susunlapis yang mengongkong dan menjadi pendinding atau pembatas kemajuan mereka. Nyata sekali pendinding atau pembatas ini perlu diruntuhkan, supaya segala kebolehan dan kemungkinan dari anggota-anggota lapisan bawahan dapat dibebaskan dan dijelmakan dengan sepenuh-penuh dan seluas-luasnya.

# VI. Ekonomi

DALAM bab-bab lalu telah disentuh beberapa aspek mengenai ekonomi. Dalam bab ini akan diulangi juga tentang hal-hal ini tetapi dengan lebih terperinci. Telah diterangkan secara ringkas bahwa dalam peringkat permulaan perkembangan masyarakat Melayu pada zaman batu dulu sistem sosialnya adalah simpel. Sesuai dengan perkembangan itu terdapat pula dua tahap perkembangan ekonomi. Pertama, tahap ekonomi yang berdasarkan memburu binatang dan mengutip daunan serta buahan, dan oleh itu kehidupan masyarakat ditentukan oleh keadaan alam sekeliling. Kedua, tahap ekonomi yang berdasarkan pertanian dan penternakan, dan dalam keadaan ini ramai sudah mulai dapat menguasai dan mengubah alam sekeliling sesuai dengan kehendak serta keperluan mereka. Dalam kedua-dua tahap ini tujuan utama pengeluaran sama ada dengan memburu serta mengutip atau bertani serta berternak ialah untuk memenuhi keperluan hidup, yakni kegunaan kumpulan masyarakat itu sendiri. Ertinya pengeluaran ialah untuk kegunaan, dan unit yang mengeluarkan juga merupakan unit yang menggunakan; dan unit-unit ini berbentuk kekeluargaan, lebih kecil dalam tahap memburu serta mengutip dan lebih besar pada tahap bertani serta berternak. Kerjasama yang rapat berlaku di antara anggota-anggota kumpulan masyarakat, dan hasil dari pengeluaran adalah sama-sama dinikmati oleh setiap anggota kumpulan. Biasanya pengeluaran ialah setakat yang mencukupi keperluan, dan kalau ada sedikit yang berlebih disimpan untuk kegunaan sendiri saja. Tidak diusahakan pengeluaran lebihan untuk ditukar atau diperniagakan, kerana pada peringkat permulaan khususnya, saluran-saluran untuk pertukaran atau perniagaan tidak wujud.

Akan tetapi lama kelamaan keadaan berubah. Apabila pengeluaran tani dan ternakan bertambah maju dan masyarakat bertambah besar, dengan mempunyai pula seorang pembesar atau raja sebagai ketuanya, maka lebihan mulalah dikeluarkan, sebagiannya untuk diserahkan kepada ketua itu sebagai cukai atau hadiah dan sebagian lagi untuk

ditukar atau diperniagakan. Pada mulanya perniagaan ini secara kecil-kecilan saja di antara kumpulan-kumpulan masyarakat yang berdekatan dan tidak terpusat. Tetapi, apabila sampai kepada perkembangan kerajaan Melaka kita melihat besertanya juga perkembangan yang pesat dalam kegiatan perniagaan ini. Melaka telah menjadi pusat tempat berkumpulnya peniaga-peniaga dari daerah-daerah berdekatan, dan juga dari negeri-negeri yang jauh dari Barat ke Timur. Di antara barang-barang penting yang diperniagakan ialah berbagai-bagai jenis rempah dan kain. Peniaga-peniaga ini mengiktiraf kedaulatan sultan, dan membayar cukai sampai 10% kepada sultan untuk membolehkan mereka melakukan kegiatan ekonomi mereka. Peniaga-peniaga asing diberikan kawasan-kawasan khas untuk menguruskan perniagaan mereka, dan sultan pula mengangkat syahbandar-syahbandar untuk mengawasi.

Kedudukan ekonomi sultan dan pembesar-pembesar Melaka bertambah kukuh dengan berkembangnya perniagaan ini. Akan tetapi ada juga asas kekuatan yang lain bagi mereka. Dalam negeri dan jajahan takluk Melaka rakyat menjalankan usaha-usaha pertanian, dan mereka ini boleh dikerah untuk membayar cukai atau memberi hadiah serta serahan kepada sultan dan pembesar. Bahkan ada kalanya setengah-setengah mereka boleh dikerah pula untuk mengerjakan tanah milik sultan atau pembesar. Tetapi selalunya sultan atau pembesar mempunyai orang-orang istana, terdiri dari hamba dan orang-orang tebusan, yang boleh digunakan untuk mengerjakan tanah-tanah milik mereka itu. Kekayaan yang dikumpul oleh sultan dan pembesar digunakan untuk memperindah istana atau tempat kediaman dan menggemilangkan lagi cara hidup, sesuai dengan adat kebesaran mereka masing-masing, dan sebagiannya disimpan dalam bentuk emas, perak, permata dan barang-barang bernilai lain di Perbendaharaan. Pada ketika-ketikanya harta ini mungkin digunakan dalam persediaan untuk peperangan, akan tetapi tidak pernahlah harta itu digunakan sebagai punca pelaburan untuk kegiatan-kegiatan ekonomi yang tertentu.

Seperti dalam bidang politik juga, maka dalam bidang ekonomi keadaan yang berpecah-pecah telah berlaku setelah Melaka jatuh di tangan Peringgi. Raja-raja atau pembesar-pembesar serta pengikut-pengikut mereka membuka 'negeri' di kuala-kuala atau di cabang-cabang sungai. Di sana, raja dan pembesar masih boleh terus memungut cukai atau hadiah dan rakyat menjalankan usaha-usaha pertanian mereka. Ada raja atau pembesar yang terus mempunyai hamba dan orang tebusan yang digunakan untuk mengerjakan tanah milik mereka. Perniagaan, walaupun secara kecilan, dilanjutkan juga. Selain dari itu, di setengah-setengah negeri seperti Perak dan Selangor beberapa

kawasan perlombongan telah dijalankan oleh orang-orang Cina. Kadang-kadang raja atau pembesar memiliki sendiri lombong-lombong ini serta mengumpulkan hasil darinya, dan kadang-kadang hak milik dan hak mengerjakan itu diserahkan kepada pengusaha-pengusahanya, yang dikehendaki membayar cukai kepada raja atau pembesar tadi. Apa yang nyata daripada semua ini ialah bahawa selepas Melaka dan sebelum datangnya Inggeris, ekonomi orang Melayu bergantung terutama sekali kepada pertanian dan perniagaan, dan golongan raja serta pembesar masih tetap sebagai pihak yang menguasai bidang ekonomi, sebagaimana jua mereka menguasai bidang politik.

Apakah yang berlaku setelah datangnya Inggeris? Sayugia diingat bahawa ketika mula bertapak di sini Inggeris telah mencapai kemuncaknya sebagai satu kuasa imperialis yang besar, mempunyai empayar yang luas di seberang laut, khususnya di Asia dan Afrika. Saudagar-saudagar serta bank-bank mereka mempunyai wang berlebihan yang boleh dilaburkan di tanah-tanah jajahan untuk memajukan perusahaan-perusahaan utama bagi menghasilkan bahan-bahan mentah yang diperlukan pula sebagai pasaran untuk mencurahkan barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tersebut. Oleh kerana itulah syarikat-syarikat yang dimiliki atau dikuasai oleh Inggeris telah dilancarkan untuk mengendalikan ladang-ladang getah, lombong-lombong bijih dan gedung-gedung perniagaan. Modal Inggeris di sini bertambah dengan cepatnya, hingga berjumlah kira-kira $1,680 juta pada sekitar tahun 1920-an, dan lebih kurang separuh darinya tertanam dalam perladangan getah (H.G. Callis, 1942). Ladang-ladang yang dibuka itu besar-besar belaka, kebanyakannya lebih daripada 2,000 ekar, dan ada yang lebih daripada 5,000 ekar, di kawasan yang terbaik sekali untuk getah, manakala lombong-lombongnya pula di kawasan-kawasan terkaya dan menggunakan alat-alat jentera yang belum pernah kelihatan sebelum itu. Didapati bahwa pemodal-pemodal dan pengarah-pengarah memiliki dan menguasai banyak syarikat, secara kait-mengait. Jadi kekuasaan mereka dalam bidang ekonomi sangat kukuh sekali.

Perkembangan perladangan, perlombongan dan perdagangan ini memperkuatkan asas-asas sistem ekonomi kapitalis di negeri ini. Sistem ini telah meluas perlahan-lahan. Penyertaan dalam ketiga-tiga jenis perusahaan yang dibolot secara besar-besaran oleh Inggeris itu memang diketahui mendatangkan keuntungan besar, apatah lagi kerana getah dan bijih timah sangat-sangat dikehendaki dalam pasaran dunia. Perusahaan ini telah menarik orang-orang dan syarikat-syarikat Cina dan India untuk turut menyertainya; tetapi oleh kerana modal mereka terhad tentulah penyertaan mereka terbatas juga. Ladang-ladang getah

yang mereka buka sederhana sahaja besarnya, jarang-jarang sampai 2,000 ekar tetapi lebih sering mendekati lingkungan 500 ekar. Lombong-lombong yang mereka buka pun kecil, tidak menggunakan teknologi yang tinggi atau mahal seperti kapal korek, tetapi menggunakan palong atau pam yang lebih murah. Dalam perdagangan pula, terutama di pusat-pusat bandaran yang mulai timbul dengan cepat, syarikat-syarikat atau lebih tepat kedai-kedai menjalankan perniagaan barang-barang yang diperlukan oleh anggota-anggota masyarakat. Kebanyakan kedai-kedai dan syarikat-syarikat kecil ini dipunyai dan dikelolakan oleh orang-orang Cina dan India juga. Selain dari itu, ada peniaga-peniaga yang masuk ke dalam kampung memulakan perniagaan mereka. Peniaga-peniaga ini menjadi orang tengah yang membeli barang-barang keluaran kampung untuk dijual di bandar atau tempat lain, dan menjual barang-barang yang dibawa dari luar – setengah-setengahnya barang-barang buatan Inggeris – untuk diperluaskan penjualannya di kampung-kampung. Jadi peniaga-peniaga ini, sebagai orang tengah, merupakan satu bahagian kecil dari rantai yang menghubungkan ekonomi kampung dengan bandar dan bahkan dunia luar seterusnya.

Penyertaan orang Melayu dalam perladangan dan perniagaan ini, walaupun secara sederhana dan kecil-kecilan saja, boleh dikatakan hampir tiada. Ada dua sebab maka hal ini berlaku. Pertama orang-orang Melayu kebanyakannya diam di kampung-kampung dan terikat kepada pertanian kecil secara tradisional. Mereka bukan saja tidak mempunyai modal, bahkan tidak punyai kepandaian untuk berniaga. Kehidupan di kampung memenuhi segala keperluan mereka. Tetapi sebaliknya orang-orang Cina dan India merupakan peneroka yang meninggalkan kampung halaman untuk mencari rezeki yang lebih, dan mereka akan mencoba apa saja kegiatan yang boleh mendatangkan banyak rezeki dengan cepat. Keduanya, ada di antara bakal-bakal peniaga Cina menjadi anggota-anggota pertubuhan suku atau 'sei' masing-masing, yang selalu bersedia untuk memberi pinjaman atau bantuan modal kepada anggota-anggotanya bagi memulakan perniagaan. Akan tetapi kemudahan modal seumpama ini tidak terdapat di kalangan orang Melayu.

Tidak tepat jika dikatakan bahawa orang Melayu tidak mempunyai tradisi perniagaan, kerana sebagaimana yang telah dijelaskan lebih awal, dari zaman Melaka sehingga kedatangan Inggeris orang-orang Melayu telah berniaga. Tetapi perniagaan melalui jalan laut yang mereka lakukan itu biasanya berhubungan dengan pembesar-pembesar dan dilaksanakan secara tukar-menukar. Dengan kedatangan Inggeris, pembesar-pembesar telah dilemahkan asas ekonomi mereka, dan terpaksa

bergantung kepada pencen yang kecil saja. Tambahan pula, sistem ekonomi yang diperluaskan oleh Inggeris itu berasaskan ekonomi kewangan, dan wanglah yang menjadi modal terpenting. Pada masa yang lalu, jikalau ada pendapatan lebih di kalangan raja dan pembesar, maka lebihan itu mereka gunakan untuk menggemilangkan lagi cara hidup mereka, bukan untuk disimpan dan dilaburkan dalam usaha-usaha ekonomi; bahkan waktu itu kegiatan ekonomi cara baru yang dibawa oleh Inggeris masih belum ada. Tetapi manakala kegiatan-kegiatan baru ini sampai, pembesar-pembesar sudah tidak lagi mempunyai punca pendapatan atau hasil yang besar.

Jikalau ada pun pengaruh yang berkesan ke atas orang-orang kampung dari perubahan sistem ekonomi ini ialah penyertaan mereka pada pertanian kontan. Getah terbukti mendatangkan pendapatan yang lebih besar daripada padi. Di kawasan-kawasan yang baru dibuka penanaman getah mendapat galakan, dan di kawasan-kawasan padi pula ada juga orang-orang kampung yang berpindah atau membuka ladang-ladang kecil untuk menanam getah. Berbeda daripada padi, getah tidak boleh digunakan sendiri oleh pengeluarnya akan tetapi harus dijual, dan dengan wang penjualan itu baru boleh dibeli barang-barang keperluan. Dengan cara ini maka ekonomi kewangan semakin meluas dalam masyarakat kampung, dan bertambah penting lagilah peranan yang boleh dimainkan oleh orang-orang tengah dalam masyarakat kampung. Satu lagi ialah penyertaan orang-orang Melayu, khususnya dari kampung-kampung, dalam ladang-ladang dan juga lombong-lombong, terutama sekali sebagai pekerja. Sebenarnya jika dibandingkan dengan orang-orang Cina dan India, maka penyertaan orang Melayu itu adalah jauh lebih kecil.

Inggeris telah menggalakkan kemasukan orang India dari Selatan India untuk menjadi tenaga buruh dalam ladang-ladang mereka, dan orang Cina dari Selatan Cina untuk bekerja terutama sekali dalam lombong-lombong, walaupun ada juga yang diambil untuk ladang-ladang getah. Orang Melayu tidak berapa digunakan sangat oleh Inggeris sebagai buruh. Pertamanya Inggeris mempunyai dasar untuk menetapkan supaya orang-orang Melayu hidup terus di kampung dan menjalankan ekonomi tradisional, kerana jikalau tidak siapakah pula yang akan mengeluarkan padi? Keduanya, mereka berpendapat bahawa, sebagai buruh, orang-orang Melayu tidak begitu stabil, kerana ikatan mereka dengan keluarga dan kampung kuat, dan mudah saja mereka meninggalkan tempat kerja untuk balik ke kampung. Sebaliknya sangat sulit bagi buruh-buruh Cina atau India untuk balik ke negeri asal, sebab jauhnya.

Bagi orang-orang kampung yang sebagian besarnya masih menjalankan aktiviti-aktiviti tradisional, seperti bertanam padi dan menangkap ikan atau yang telah mengerjakan penorehan getah, unsur-unsur ekonomi kewangan yang meresap ke kampung telah mengakibatkan beberapa kesan buruk. Di kawasan-kawasan pertanian padi terutama sekali timbul masalah kekurangan tanah sebab bilangan orangnya bertambah walhal tanah sawah sebanyak itu juga. Oleh kerana terdesak dengan keperluan wang, maka ada di antara mereka yang terpaksa menjual tanah milik sendiri. Pindah-memindah milik tanah melalui jual-beli sudah menjadi satu perkara biasa, bukan saja di kalangan petani padi bahkan juga penoreh getah. Antara golongan yang berupaya untuk membeli dan mengumpul tanah ialah orang-orang tengah. Mereka ini kadang-kadang mengikat orang-orang kampung dengan hutang, dan ikatan ini boleh membawa kepada tanah petani tergadai atau terjual. Selain dari itu memang ada juga golongan pemberi hutang yang lain. Kemudian di antara orang-orang kampung sendiri ada yang lebih senang hidupnya dan dapat membeli dan mengumpul tanah. Dari segi pasaran pula, disebabkan keperluan wang, penoreh mesti menjual getahnya dan petani-petani padi pun terpaksa menjual sebahagian dari hasilnya. Harga ditentukan oleh kuasa pasaran di luar dari masyarakat petani itu sendiri, dan juga oleh orang-orang tengah yang kukuh akar umbinya di kampung. Apabila petani terikat hutang dengan orang tengah, maka harga barang keluaran mereka boleh ditetapkan oleh sebelah pihak saja, tanpa rundingan.

Akibat daripada ketiadaan atau kekurangan tanah dan juga kerana selalu menjadi mangsa penindasan oleh golongan-golongan (seperti orang tengah dan tuan tanah) atau lembaga-lembaga (seperti sewaan, bagi-dua dan hutang-piutang), maka hidup orang kampung yang miskin menjadi bertambah sempit. Perbedaan antara kampung dan bandar begitu banyak, dan lebih banyak pula lagi perbedaan di antara yang paling miskin di kampung dengan yang paling kaya di bandar. Perbedaan ini dapat dilihat bukan saja dari segi pendapatan dan cara hidup mereka, akan tetapi juga dari segi peluang-peluang untuk memperoleh kemudahan-kemudahan seperti sekolah, hospital dan jalan raya. Di antara orang-orang kampung sendiri pun sudah mula kelihatan perbedaan ekonomi di antara yang berada – khususnya orang tengah dan tuan tanah – dengan yang tak-berada, sebahagian besarnya tidak memiliki atau kekurangan tanah, dan oleh kerana itu terpaksa menyewa dan mengerjakan tanah orang lain atau mengambil upah.

Apakah yang telah berlaku selepas merdeka? Mereka telah membawa

perubahan politik dan pentadbiran, dengan artikata bahwa kuasa kedua-dua bidang ini telah pindah daripada Inggeris kepada rakyat negeri ini. Tetapi proses yang sama tidak berlaku dalam bidang ekonomi. Pola atau corak sistem ekonomi yang diasaskan oleh Inggeris itu telah diteruskan. Ladang-ladang, lombong-lombong dan perdagangan-perdagangan besar yang dikuasai oleh Inggeris dulu terus mereka kuasai. Syarikat-syarikat besar yang ditubuhkan di zaman penjajahan terus berdiri gagah. Misalnya, sehingga hari ini syarikat Harrison & Crossfield menguasai 200,000 ekar ladang, Gutherie Corporation 180,000 ekar dan Sime Darby Group 160,000 ekar. Jumlah ketiga-tiganya adalah bersamaan dengan kira-kira 860 persegi batu, dan ini adalah lebih luas dari seluruh negeri Perlis, Pulau Pinang dan Seberang Perai yang berjumlah kira-kira 800 batu persegi. Sebagaimana yang diketahu, ketiga-tiga syarikat ini selain daripada memiliki ladang-ladang juga menguasai lombong-lombong dan perdagangan-perdagangan besar. Syarikat-syarikat ini juga memainkan peranan sebagai gedung-gedung perwakilan. Keuntungan yang diperolehnya besar: misalnya, Sime Darby telah mendapat untung $15 juta untuk tahun 1970 yang meningkat kepada $66 juta untuk tahun 1973, manakala Gutherie pula beruntung $40 juta pada tahun 1970 dan tidak diketahui berapa jumlahnya pada tahun 1973.

Apabila diambil keseluruhan modal saham syarikat-syarikat berhad di Semenanjung bagi tahun 1970 (dan jumlah ini termasuk juga tiga syarikat yang disebut di atas), maka jumlah yang didapati ialah $5,329 juta. Jumlah yang dikuasai oleh pemodal-pemodal asing, termasuk syarikat-syarikat Inggeris yang ditubuhkan masa penjajahan dulu ialah sebanyak $3,377 juta (atau 63.3%) berbanding dengan yang dikuasai oleh Cina sebanyak $1,450 juta (atau 27.2%); manakala yang dikuasai oleh Melayu dan segala kepentingannya cuma $125 juta (atau 2.4%). Jumlah modal Melayu ini dianggarkan meningkat kepada $768.1 juta atau 7.8% daripada keseluruhannya untuk tahun yang sama. Pada tahun 1970 juga kadar milik orang Melayu dalam pertanian (atau perladangan), perlombongan dan perdagangan kurang dari 1%, dalam perkilangan, bank/insuran antara 1% dengan 3.5%, dan cuma dalam pengangkutan saja besar sedikit, iaitu 13.3%. Dalam semua sektor ini, melainkan pengangkutan, milik asing ialah antara 50% hingga 75%. Keuntungan yang diperolehi oleh pelabur-pelabur asing ini sangat besar, dan mengikut Raja Mohar, penasihat ekonomi kerajaan, setengah-setengah pelabur asing itu mendapat sampai empat kali ganda keuntungan dari pelaburan mereka. Pada 15 April 1976 Timbalan Menteri Kewangan telah memberitahu Parlimen bahawa keuntungan dan dividen yang telah diperoleh

oleh pemodal-pemodal asing dari negeri ini ialah $435 juta dalam tahun 1966, $555 juta dalam tahun 1969, $1,342 juta dalam tahun 1974 dan $1,017 dalam tahun 1975.

Orang-orang Melayu, seperti dulu juga, masih tertumpu kepada pertanian di kampung-kampung. Kebanyakan aktiviti perladangan, perlombongan dan perdagangan telah berkembang pesat di negeri-negeri bersekutu (khususnya Perak dan Selangor), dan banyak juga perdagangan yang diselenggarkan di Pulau Pinang dan perladangan di Johor, di samping negeri-negeri bersekutu itu. Akan tetapi, di negeri-negeri tak-bersekutu penumpuan masih kepada pertanian; di Kelantan, Kedah dan Perlislah tertumpunya pertanian padi, walaupun tidak dinafikan bahawa kegiatan ini dijalankan juga di Perak dan Melaka. Seterusnya perkembangan perdagangan, perlombongan dan perdagangan di negeri-negeri berkenaan itu tidak pula berlaku dalam masyarakat kampung, dan tidak mendatangkan keuntungan kepada orang kampung. Jadi orang-orang kampung yang ramai Melayu itu masih berkelompok di negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang tertinggal serta terbiar, dan mereka menumpukan kebanyakan masa dan tenaga kepada kegiatan-kegiatan pertanian tradisional yang rendah daya pengeluaran dan hasilnya, iaitu padi.

Manakala diambil keempat-empat negeri yang tidak banyak menerima kemajuan, maka dilihat bahwa lebih daripada 70% penduduknya terdiri dari orang-orang Melayu, iaitu: Trengganu 93.9%, Kelantan 92.8%, Perlis 79.4% dan Kedah 70.7% (Jadual II). Ditinjau pula sebaran penduduk-penduduk secara keseluruhannya didapati bahwa kadar bilangan orang Melayu yang diam di kampung adalah lebih besar daripada kaum-kaum lain, iaitu 85.1%, dan baki yang 14.9% diam di bandar, iaitu kawasan-kawasan yang digezet sebagai mempunyai bilangan penduduk lebih dari 10,000 orang (Jadual III). Orang kampung kebanyakan hidup bertani, dan biasanya tanah yang mereka kerjakan itu sangat kecil bidangnya. Daripada jumlah 545,000 kebun kecil, 48% luasnya kurang dari 3 ekar, 20% antara 3 – 5 ekar dan 12% antara 10 – 99 ekar. Ini pembagian keluasan kebun-kebun kecil, bukannya pembagian milik tanah atau keluasan tanah yang dikerjakan. Ada anggaran yang menyatakan bahawa kira-kira 25% terdiri dari petani-petani tidak mempunyai tanah dan oleh itu terpaksa menyewa tanah orang lain untuk dikerjakan. Kebanyakan orang kampung bertani atás tanah milik sendiri yang biasanya dalam lingkungan 3 – 6 ekar. Pertanian yang penting sekali mereka lakukan ialah pertanian getah dan padi; dan dibanding dengan petani-petani dari kaum lain peratus Melayu yang bertani padi adalah lebih tinggi daripada menoreh getah.

Memang sudah diakui bahawa kemiskinan merupakan satu masalah yang besar dalam negeri ini. Berdasarkan laporan kerajaan sendiri, pada tahun 1970 di seluruh Semenanjung ini didapati bahwa daripada 1,606,000 keluarga sebanyak 791,800 adalah miskin: ertinya kadar kemiskinan ialah 49.3%. Mengikut anggaran bagi tahun 1975 pula jumlahnya ialah 835,100 daripada 1,901,500, atau kadar kemiskinannya ialah 43.9% (Jadual VII dan VIII). Berdasarkan angka-angka bagi tahun 1975 saja, didapati bahawa daripada semua 835,100 keluarga yang miskin itu 729,900 (atau 87.4%) adalah di kampung-kampung. Mereka ini kebanyakannya bertani dan menangkap ikan, dan secara keseluruhan peratus mereka yang miskin dalam lapangan ini ialah 69% dari jumlah 835,100 keluarga miskin tadi. Kadar kemiskinan di luar bandar ialah 54.1%, akan tetapi kadarnya bagi orang-orang kampung yang menjalankan pertanian ialah 63%. Kadar ini paling tinggi di kalangan petani padi (iaitu 77%), diikuti oleh nelayan (63%) dan pekebun kecil getah (59%). Jikalau kadar kemiskinan bagi seluruh negeri, seperti yang tersebut di atas, ialah 43.9%, maka ada pula negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang lebih tinggi daripada itu, iaitu: Kelantan 65%, Perlis 59%, Trengganu 55% dan Kedah 48.9% (Anand, S., 1973: 52).

Nyatalah dari semua ini bahawa kemiskinan paling meluas sekali di kampung-kampung. Bila kita memperkatakan kemiskinan kampung, maka yang dimaksudkan terutamanya ialah kemiskinan orang Melayu, kerana sebagaian besar daripada orang-orang kampung (kira-kira 67%) terdiri daripada orang Melayu. Sebanyak 74% dari semua orang miskin di Semenanjung adalah orang-orang Melayu, dan 65% daripada semua orang Melayu adalah miskin. Ini tidak pula menafikan wujudnya orang-orang bukan-Melayu di kampung, dan ada juga di antara mereka yang miskin. Akan tetapi, secara perbandingan jumlah mereka adalah lebih kecil. Di bandar-bandar pun wujud kemiskinan, akan tetapi mengikut anggaran 1975 jumlahnya cuma 105,200 keluarga (atau 12.6%) dari semua keluarga miskin. Kadar kemiskinannya pula ialah 19% saja. Secara perbandingan bilangan orang miskin di bandar adalah jauh lebih kecil daripada mereka yang di kampung, dan di bandar-bandar jumlah Melayu lebih kecil daripada bukan-Melayu.

Ukuran kemiskinan yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengemukakan angka-angka di atas adalah berdasarkan pendapatan. Keluarga yang dianggap miskin ialah yang mempunyai pendapatan per-kapita kurang daripada $25 bagi satu-satu keluarga. Jadi sekiranya pukul rata satu keluarga itu terdiri dari enam orang maka ia dianggap miskin sekiranya berpendapatan $25 x 6 atau $150 sebulan. Mari kita

tinjau pula pembagian pendapatan di negeri ini dengan mengingatkan garis kemiskinan itu pada peringkat $150 sebulan. Pada tahun 1970 pendapatan purata bagi semua keluarga di Semenanjung ialah $264, manakala purata bagi bandar ialah $428 dan luar bandar pula $200. Daripada semua keluarga, 27% berpendapatan kurang dari $100 dan 31% berpendapatan antara $100-200, bererti semuanya 58% yang berpendapatan kurang dari $200 sebulan untuk sekeluarga. Seterusnya didapati 90% dari keluarga yang berpendapatan kurang dari $100, dan 76.2% dari yang berpendapatan antara $100-200 itu adalah dari kawasan luar bandar. Keluarga-keluarga kampung yang berpendapatan kurang dari $200 ialah 82.6% manakala yang berpendapatan kurang dari $100 ialah 34%. Oleh sebab ramai dari keluarga kampung itu terdiri dari orang Melayu, maka tidak hairanlah sekiranya pendapatan orang Melayu rendah, iaitu $172 sekeluarga sebulan, berbanding dengan $304 untuk orang India dan $394 bagi orang Cina.

Sebenarnya pendapatan pukul rata ini semuanya tidak menunjukkan ketidaksamaan yang wujud dalam pendapatan di kalangan semua anggota masyarakat. Sama ada di bandar atau di kampung, di kalangan masyarakat Melayu atau bukan-Melayu, memang terdapat banyak perbedaan pendapatan, ditentukan terutamanya oleh faktor-faktor seperti pekerjaan dan milik modal atau harta. Tidak ada kajian yang telah dilakukan untuk menunjukkan taburan pendapatan individu atau keluarga di kalangan anggota-anggota masyarakat mengikut golongan kaum atau sektor ekonomi. Akan tetapi satu gambaran umum yang menunjukkan betapa seriusnya ketidaksamaan pendapatan itu dapat diperolehi dari angka-angka berikut. Pada tahun 1957' 20% keluarga di lapisan atasan – iaitu yang menerima pendapatan tinggi sekali, telah menguasai hampir 50% dari jumlah pendapatan semua orang di negeri ini, manakala 60% keluarga di lapisan bawahan, yang semuanya menerima pendapatan rendah telah menguasai hanya 30% dari seluruh pendapatan. Keadaan ini bertambah buruk pada tahun 1970. Pada tahun itu pendapatan yang dikuasai oleh 20% di atas itu telah meningkat kepada 56%, dan yang dikuasai oleh 60% di lapisan bawah menurun pula kepada 25%. Seterusnya di antara tahun 1957 hingga 1970 pendapatan purata 10% keluarga yang di lapisan atas telah naik dari $776 kepada $1,130, manakala bagi 10% keluarga yang di lapisan bawah pula telah menurun dari $48 kepada $33. Siapakah yang ramai sekali berpendapatan rendah dan di lapisan bawahan itu? Golongan manakah yang merosot kadar dan jumlah pendapatan mereka dari 1957 hingga 1970? Jawapannya mudah saja: kebanyakannya Melayu. Jadi yang menjadi tandatanya sekarang ialah: apabila pendapatan negara dan

pendapatan per kapita meningkat dari tahun ke tahun, apakah pendapatan masyarakat lapisan bawahan yang banyaknya Melayu di kampung itu turut meningkat juga? Daripada kenyataan-kenyataan di atas, yang berlaku ialah sebaliknya, iaitu makin merosot ke bawah. Jadi yang menikmati pendapatan negara dan per kapita yang bertambah saban tahun ialah orang-orang dari lapisan atasan. Dengan demikian jurang di antara lapisan atasan dengan lapisan bawahan atau yang kaya dengan yang miskin bertambah melebar.

Kemiskinan dan jurang ketidaksamaan ekonomi yang kian melebar itu adalah akibat-akibat yang berhubung rapat dengan sistem ekonomi yang menggalakkan falsafah *laissez faire* atau ekonomi bebas. Falsafah ini telah berkembang luas di Barat terutama sekali dalam abad ke-19, manakala ekonomi Barat khususnya Britain telah berkembang pesat, dan empayarnya bertambah luas. Unsur yang penting menurut falsafah ini ialah bahwa kegiatan ekonomi, dan orang-orang yang menjalankan kegiatan ini hendaklah bebas daripada campurtangan, pengaruh atau kawalan kerajaan. Dalam suasana yang dikatakan bebas itu persaingan adalah digalakkan untuk menghasilkan pengeluaran ekonomi yang lebih baik dan untuk menguasai pasaran. Ukuran kejayaan dari persaingan ini ialah keuntungan yang diperolehi, lebih besar untungnya lebih berjaya ertinya. Kejayaan satu-satu pihak menggalakkan pihak-pihak yang lain dalam persaingan itu boleh menimbulkan keadaan monopoli. Dengan demikian pihak monopoli itu akan mempunyai kuasa mutlak untuk melakukan apa saja guna memaksimakan untung, dan dengan demikian membuktikan kejayaannya. Pemodal-monopoli boleh menentukan harga yang tinggi bagi barang-barang keluarannya serta gaji yang rendah bagi pekerja-pekerjanya. Akibat selanjutnya akan bertambah meluaslah penindasan.

Falsafah ekonomi bebas itu memang sangat disukai oleh golongan-golongan yang sudah kuat kedudukan ekonominya, kerana mudah mereka boleh mengalahkan pihak lawan yang lemah. Kita telah melihat bahawa dengan kekuasaan politik yang ada di tangan mereka, pihak penjajah Inggeris dengan cepatnya menguasai punca-punca kekayaan negeri ini seperti ladang, lombong dan perdagangan. Mereka mendapat keuntungan besar yang dipunggah balik ke negeri sendiri dan bukan digunakan untuk pembangunan negara atau kemajuan rakyat tempatan. Kekuasaan ekonomi di tangan pemodal-monopoli Inggeris itu telah diteruskan selepas merdeka. Begitu juga sistem ekonomi bebas yang telah ditentukan landasannya semasa penjajahan telah dituruti dan dipatuhi setelah kemerdekaan dicapai. Sesuai dengan sistem ekonomi ini, maka peranan yang diharapkan dari sektor swasta adalah besar,

dan pelaburan dalam sektor ini dari dalam dan luar negeri terus diperlukan. Pelaburan asing digalakkan, bahkan dijemput dengan dijanjikan berbagai kemudahan serta keistimewaan di bawah taraf perintis. Walaupun pelaburan Inggeris masih mengatasi yang lain, namun pelaburan dari Amerika, Jepun, Australia, Kanada dan banyak negeri lain semakin meluas. Jadi caranya tetap cara lama, akan tetapi penyertaannya boleh dikatakan lebih beraneka ragam selepas merdeka.

Adakah sistem ekonomi bebas itu menguntungkan orang Melayu, bahkan mana saja golongan miskin dalam negeri ini? Sebelum menjawab soalan ini perlu ditegaskan semula bahawa tanggapan-tanggapan yang penting dari sistem ini ialah: (a) kerajaan menjamin kebebasan penuh dalam kegiatan ekonomi, (b) sektor swasta diharapkan memainkan peranan besar dalam perkembangan ekonomi negara, dan (c) persaingan digalakkan untuk mencapai kecekapan dan keuntungan tinggi. Di negeri ini memang ada kegiatan ekonomi – umpamanya projek-projek tanah, rumah dan pengangkutan – yang diselenggarakan oleh kerajaan atau badan-badan kerajaan, akan tetapi dari segi modal jumlahnya tidaklah sebesar modal yang ditanam dalam sektor swasta. Oleh kerana dianggap begitu besar sekali peranan modal asing dalam sektor swasta, maka sehingga hari ini kerajaan berusaha sekeras-kerasnya untuk menarik pelabur-pelabur asing. Jawatankuasa kabinet dibentuk, undang-undang dipinda dan rombongan-rombongan perdagangan dikirim ke luar negeri, semuanya untuk meyakinkan para pelabur asing bahawa negeri ini adalah tempat yang selamat dan menjanjikan keuntungan besar kepada mereka. Kerajaan menyedari bahwa dalam bidang-bidang ekonomi dan pembangunan yang telah mereka teruskan itu, tingkat kemajuan yang mereka harapkan tidak akan tercapai. Sekiranya ini berlaku, kedudukan politik mereka pun akan tercabar.

Salah satu hujjah yang selalu dikemukakan oleh setengah menteri untuk mempertahankan dasar menjemput pelabur asing itu ialah bahawa perusahaan-perusahaan dan kilang-kilang yang mereka dirikan itu boleh memberikan pekerjaan dan dengan yang demikian membantu mengatasi masalah pengangguran. Mereka berhujjah bahawa ramai orang Melayu mendapat keuntungan daripadanya, sebab sebilangan besar pekerja-pekerja yang diambil adalah Melayu. Boleh juga ditambah satu lagi perkara yang tidak begitu sering disebut, iaitu ia membuka peluang kepada ramai bekas-bekas pegawai dan orang politik untuk menjadi pengarah. Kebenaran hujjah ini memang ada. Tetapi yang menjadi soal ialah: adakah kilang hanya boleh didirikan dan peluang pekerjaan diperluaskan dengan modal asing saja? Pilihan lain mungkin ada. Misalnya, modal boleh dikeluarkan oleh kerajaan atau dikumpul melalui

koperatif untuk mendirikannya, dan kemudian mengupah hanya pakar-pakar dari luar, sekiranya yang tempatan tidak wujud, untuk mengawasi, menasihati dan melatih orang-orang tempatan. Dari kumpulan wang simpanan pekerja-pekerja ribuan juta telah terkumpul. Mengapakah, misalnya, tidak pernah digunakan kumpulan wang ini sebagai modal, dan menukarkannya menjadi sebagai sumbangan pekerja-pekerja kepada satu badan yang dapat diselenggarakan secara koperatif?

Sebagaimana yang telah disebut lebih awal, pelabur-pelabur asing diberikan banyak keistimewaan, mereka dapat mengumpulkan untung besar, dan dibenarkan pula untuk memunggahnya balik ke negeri asalnya. Kebanyakan kilang-kilang yang besar didirikan di bandar-bandar sesuai dengan kira-kira untung rugi pelabur-pelabur itu, dan bukannya di kampung-kampung. Perkembangan industri di bandar-bandar ini melebarkan lagi jurang ekonomi antara bandar dengan kampung. Biasanya pula kilang-kilang itu, terutama dalam tempoh taraf perintis, menjalankan kerja 24 jam sehari. Pekerja-pekerja terpaksa bekerja mengikut giliran yang sentiasa berubah dan ini boleh menggganggu masa tidur dan seterusnya kesihatan mereka. Gaji yang dibayar kepada mereka rendah pula, umpamanya kebanyakan pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang letronik biasanya mendapat gaji dalam lingkungan $80-100 saja sebulan.

Ada menteri yang mempertahankan pula gaji rendah ini dengan mengatakan bahawa jika dinaikkan gaji maka akan sedikitlah buruh yang boleh diambil untuk bekerja. Mengapa hanya difikirkan kemungkinan mengurangkan pekerja? Mengapa tidak difikirkan tentang mengurangkan keuntungan yang diperolehi majikan? Bukankah pemodal-monopoli asing itu memunggah untung berjuta-juta saban tahun? Bukankah, misalnya, syarikat Matsushita telah balik modal selepas empat tahun, dan kemudian dari itu semua pendapatan merupakan untung belaka? Mengapa tidak disyaratkan supaya untung besar itu sebagiannya digunakan untuk menaikkan gaji dan membaiki syarat perkhidmatan pekerja, dengan tidak payah mengurangkan bilangan mereka? Jawab semua soalan ini mudah saja: jikalau mahu dikenakan banyak syarat maka bertentanganlah dengan falsafah ekonomi bebas yang dipertahankan itu, dan jika dikecilkan keuntungan pemodal-monopoli asing maka tidak akan tertarik sangatlah mereka hendak melabur di sini. Tetapi, mengurangkan gaji buruh, yang kebanyakannya memang berpendapatan rendah itu tentu lebih mudah. Jadi siapakah yang untung dan siapa pula yang rugi?

Satu lagi kesan buruk daripada sistem ekonomi seumpama ini dapat disaksikan dalam kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh orang-orang

Melayu dalam perniagaan. Sekarang ini memang sudah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan orang-orang Melayu menyertai perdagangan dan perusahaan, iaitu lapangan yang lebih banyak disertai oleh orang-orang bukan-Melayu. Semasa penjajahan orang-orang Melayu bertumpu kepada pertanian dan mereka tidak digalakkan dan kekurangan kemudahan serta kebolehan untuk menyertai sektor-sektor ekonomi yang baru itu. Selepas merdeka pun penumpuan pada kegiatan-kegiatan pertanian ini masih jelas kelihatan di kalangan orang-orang Melayu. Misalnya, pada tahun 1957 daripada 1,023,000 Melayu yang bekerja seramai 749,000 (73.3%) adalah dalam bidang pertanian, dan cuma 58,000 (atau 5.7%) dalam perkilangan dan perdagangan, berbanding dengan peratusan orang Cina sebanyak 40.2% dan 29% bagi bidang-bidang yang sama. Dalam tahun 1970 pula jumlah Melayu yang bekerja bertambah menjadi 1,432,000 manakala yang dalam bidang pertanian meningkat kepada 925,000 (atau 64.6%), dan dalam perkilangan dan perdagangan pula 154,000 (atau 10.8%). Berbanding dengan orang Cina kadarnya ialah 28.5% dalam pertanian dan 37.4% dalam perkilangan serta perniagaan.

Sebenarnya jumlah serta peratus orang-orang dalam sektor perkilangan serta perniagaan ihi meliputi pekerja-pekerja serta pengusaha-pengusahanya sekali. Jikalau diambil hanya pengusaha-pengusaha, maka bilangan Melayu akan didapati lebih kecil juga daripada bukan-Melayu. Pengusaha-pengusaha bukan-Melayu sudah lama berpengalaman, banyak menanam modal dan boleh dikatakan kuat tapaknya dalam perusahaan serta perniagaan mereka. Kedudukan mereka adalah lebih teguh daripada pengusaha-pengusaha Melayu yang terkial-kial baru hendak masuk itu. Sistem ekonomi bebas memerlukan mereka bersaing. Dari segi logik saja dapat diduga bahawa yang lemah tentu akan mengalami kekalahan. Bahkan memang banyak pengusaha-pengusaha Melayu yang terpaksa gulung tikar dalam dunia perniagaan dan perusahaan yang penuh perlawanan itu. Dan jauh panggang dari apilah bagi pengusaha-pengusaha dan pemodal-pemodal yang terbatas modal, kemudahan serta pengalamannya – tidak kira sama ada mereka Melayu atau bukan Melayu – untuk bersaing dengan pemodal-monopoli asing yang sudah kukuh kedudukannya itu.

Cobalah kita tinjau apa pula yang berlaku di peringkat kampung. Sebagaimana yang telah dihuraikan, di peringkat itu telah timbul tuan tanah, orang tengah dan pemberi hutang. Ada di antara mereka begitu kuat sekali bertapak sehingga mereka boleh menentukan sendiri sewa, untung atau bunga yang hendak diperolehi daripada orang kampung, dan ini boleh menimbulkan akibat yang buruk sekali terutamanya ke

atas petani-petani miskin. Sudah diketahui bahawa mereka melakukan berbagai tindakan yang berbentuk penindasan sehingga hidup petani miskin itu boleh menjadi bertambah susah lagi. Memang ada juga undang-undang atau peraturan-peraturan untuk menentukan sewaan atau kadar bunga, tetapi tidaklah begitu berkesan. Selain itu, orang tengah adalah juga memainkan peranan sebagai tuan tanah dan pemberi hutang, sebagaimana yang sering berlaku dalam masyarakat kampung. Oleh yang demikian, lebih mudahlah lagi mereka melakukan penindasan, terutama sekali apabila mereka mempunyai kuasa monopoli dan monopsoni. Tetapi dapatkah mereka ini dikawal dengan secara berkesan? Tidak mungkin, selagi falsafah ekonomi bebas menjadi asas dalam sistem ekonomi, sebab berasaskan kebebasan, peluang harus diberi kepada mereka untuk menjalankan peranan mereka. Maka akan terus bebaslah tuan tanah mengenakan sewa yang tidak berpatutan, orang tengah membeli hasil keluaran petani dengan harga murah dan menjual barang keperluan petani dengan harga mahal, dan pemberi hutang mengenakan bunga yang tinggi; bebaslah mereka untuk melakukan penindasan; dan bebas jugalah mereka untuk mengakibatkan kemiskinan di kalangan begitu ramai rakyat lapisan bawahan, yang secara kebetulan kebanyakannya terdiri dari petani-petani Melayu.

Nyatalah bahawa jikalau dihalusi baik-baik, sistem ekonomi bebas itu pada jangka panjangnya tidak akan memberi keuntungan kepada orang Melayu. Bahkan sistem ekonomi itu boleh menjadi punca masalah dan penghalang besar bagi kemajuan orang Melayu pula. Sekiranya pendapat ini dipersetujui maka berertilah bahwa perubahan-perubahan besar diperlukan dalam bidang ekonomi. Betapa perlunya perubahan ini memang sudah lama dirasai oleh orang Melayu dan salah satu penjelmaannya ialah pada Peristiwa 13 Mei. Walaupun pada lahirnya peristiwa ini merupakan perkelahian kaum, akan tetapi pada asasnya peristiwa tersebut disebabkan oleh rasa tidak puas hati dalam bidang ekonomi dan politik. Dengan secara tidak langsung kerajaan telah mengakui hakikat ini melalui perubahan-perubahan yang coba dibawa olehnya selepas peristiwa itu. Dari segi ekonomi, umpamanya, kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang mempunyai tujuan-tujuan: (a) menghapuskan kemiskinan dengan tidak mengira kaum, dan (b) menyusun semula masyarakat supaya tercapai penyertaan yang lebih luas bagi orang Melayu dalam perusahaan dan perdagangan. Ini akan dibincangkan lebih mendalam lagi dalam Bab VII nanti.

Sebenarnya DEB ini, yang menjadi landasan dasar dari Rancangan Malaysia Kedua (RMK) dan Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) tidaklah

seradikal yang sering didakwakan. Diakui bahwa jumlah wang yang diperuntukkan bagi perbelanjaan awam di bawah kedua-dua rancangan ini jauh lebih besar daripada rancangan-rancangan yang terdahulu. Ini dapat dilihat daripada angka-angka berikut:

| | |
|---|---|
| Rancangan Malaya I (1956-60) | $ 973 juta |
| Rancangan Malaya II (1961-65) | 2,150 juta |
| Rancangan Malaysia I (1966-70) | 4,242 juta |
| Rancangan Malaysia II (1971-75) | 7,250 juta |
| Rancangan Malaysia III (1976-81) | 18,555 juta |

Ternyata bahawa dari satu rancangan ke satu rancangan lain perbelanjaan awam bertambah dalam lingkungan sekali ganda. Di bawah rancangan RMK dan RMT kira-kira suku daripada perbelanjaan ialah untuk pertanian, terutama untuk projek-projek taliair, pembukaan tanah, tanaman semula dan lain-lain. Ini bukanlah projek baru tetapi lanjutan lebih luas lagi daripada yang lama. Manakala diteliti secara halus akan didapati bahwa rancangan-rancangan ini sebenarnya merupakan rumusan tentang perbelanjaan yang telah atau akan dikeluarkan oleh kerajaan untuk pembangunan yang dibuat tiap-tiap lima tahun sekali.

Rancangan-rancangan pembangunan negeri ini tidak menunjukkan apa-apa tanda untuk mengubah corak serta falsafah ekonomi bebas yang diasaskan sejak Inggeris dulu. Walaupun ada beberapa pembaruan yang dibawa setelah DEB, seperti menggalakkan penubuhan badan-badan kerajaan untuk menyertai kegiatan ekonomi dalam bidang perdagangan, perusahaan dan pembinaan, menggalakkan serta membantu orang-orang Melayu dalam perniagaan, dan menumpukan perhatian serta perbelanjaan pembangunan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis, akan tetapi pada pokoknya sistem serta falsafah ekonomi yang lama itu masih lagi tidak bertukar. Memang benar bahawa lebih banyak wang yang dicurahkan ke kawasan-kawasan luar bandar serta untuk pertanian, namun susunan ekonomi kampung yang membenarkan golongan penindas berleluasa tidaklah berubah sama sekali. Misalnya, tuan tanah, orang tengah dan pemberi pinjaman wang masih bebas bergerak, meskipun bahaya yang mereka bawa terhadap kehidupan rakyat miskin jelas kelihatan dan seringkali diakui. Begitu juga, penguasaan pemodal-monopoli asing ke atas ekonomi negeri ini masih kuat. Bahkan kedudukan mereka tentu akan lebih kuat lagi dengan adanya langkah-langkah yang begitu giat sekali untuk menarik pelaburan asing.

Falsafah ekonomi bebas tetap disanjung. Kerajaan, dalam rangka bidang tujuannya untuk menyusun semula masyarakat, begitu berazam sekali bunyinya untuk mencapai matlamat 30% modal di negeri ini

dikuasai oleh orang Melayu (atau bumiputra) menjelang tahun 1990. Sesuai dengan matlamat ini, maka digalakkan orang-orang Melayu menyertai perdagangan dan perusahaan, dan kerajaan sendiri menubuhkan badan-badan tertentu untuk bergiat dalam lapangan-lapangan ini. Perlu ditegaskan bahawa peratusan yang selalu disebut itu bukan merupakan jumlah orang Melayu yang diharapkan akan terlibat, akan tetapi jumlah modal yang diharap akan dikuasai oleh orang Melayu dan bumiputra lainnya. Sudah tentulah mereka ini nanti akan terdiri dari sebilangan kecil orang Melayu saja, khususnya mereka yang di lapisan atasan. Dengan ini, apa yang berlaku bukanlah untuk mengubah sistem ekonomi itu, akan tetapi untuk memberi peluang yang lebih luas kepada orang Melayu dalam sistem tersebut. Pemodal-pemodal Melayu kadang-kadang tidak mempunyai cukup modal atau pengalaman untuk menyaingi pemodal-pemodal besar tempatan dan luar, dan oleh kerana itu untuk mengelakkan dari kena gulung tikar mereka akhirnya' akan menjadi 'teman tidur' saja bagi pemodal-pemodal besar. Sejauh mana ini akan membantu ekonomi orang Melayu, terutama orang kampung yang miskin, tentu sekali boleh menjadi tanda tanya yang besar sekali.

Selanjutnya pada tahun 1990 dianggarkan bahawa modal saham dalam syarikat berhad ialah $80,000 juta, dan jika hendak menguasai 30% bererti orang Melayu (maksudnya pemodal-pemodal Melayu) mesti mengumpul $24,000 juta. Pada tahun 1970 hak milik modal saham Melayu ini berjumlah hanya $126 juta, dan pada tahun 1975, $768 juta, iaitu kenaikan sebanyak kira-kira $128 juta tiap-tiap tahun. Untuk sampai ke $24,000 juta pada tahun 1990 itu diperlukan lebih dari $23,000 juta lagi, dan ini mesti terkumpul dalam tempoh 15 tahun. Bererti secara pukul rata orang Melayu menghendaki penambahan modal sebanyak $1,533 juta setahun. Bagaimanakah jumlah sebegini besar akan diperolehi? Bagaimana pula kadar peratus hak milik Melayu akan meningkat sekiranya pelaburan asing dipelawa dengan begitu ghairah sekali? Sekali lagi falsafah ekonomi bebas tidak akan menjamin terlaksananya azam serta matlamat kerajaan ini!

Ada beberapa jalan yang mungkin diambil untuk mencapai matlamat 30% itu. Pertama ialah dengan mengumpulkan semua simpanan yang ada pada setiap orang Melayu untuk dijadikan modal. Akan tetapi dipercayai bahawa jumlah yang dapat diperolehi tidaklah begitu besar. Ada anggaran bahawa setinggi-tingginya yang akan dapat dikumpul cuma dalam lingkungan $1,000 juta saja. Mungkin boleh dicadangkan pula supaya diadakan simpanan cara paksa agar modal yang boleh dikumpul akan lebih banyak. Tetapi hal ini lebih senang dicadangkan daripada dilaksanakan. Seperti yang di sebut berulang kali, kebanyakan

orang Melayu miskin, dan pendapatan mereka tidak tetap pula. Dalam keadaan yang demikian tentulah sukar sekali bagi mereka hendak menyimpan, dan jikalau dipaksa pula mereka menyimpan untuk menyumbang kepada kumpulan modal Melayu yang dikehendaki itu, akan lebih sempit lagilah kehidupan mereka serta keluarga mereka. Tambahan pula, perbuatan memaksa ini mungkin ditentang oleh setengah pihak, kerana langkah demikian menjejaskan kebebasan, yang dijamin di bawah sistem politik yang wujud sekarang.

Keduanya, boleh jua kerajaan mengeluarkan lebih banyak lagi pinjaman melalui bank-bank atau badan-badan tertentu. Tetapi oleh sebab pinjaman memerlukan jaminan atau sandaran, maka tentulah golongan yang boleh mendapat pinjaman itu terbatas. Tambahan pula hubungan-hubungan persahabatan, politik dan kepentingan lain, lebih menjamin orang-orang yang sudah mempunyai kedudukan untuk mendapat pinjaman atau bantuan. Dengan sendirinya yang bakal beruntung adalah segelintir orang saja. Selain dari itu kerajaan boleh juga membanyakkan lagi badan-badan berkanun, seperti PERNAS, UDA dan SEDC, yang diberikan peruntukan lebih besar untuk mengendalikan urusan-urusannya. Akan tetapi dalam keadaan sekarang badan-badan yang boleh dibentuk dan peruntukan-peruntukan yang boleh disediakan adalah terbatas. Hasil kerajaan tidaklah begitu banyak. Misalnya, pada tahun 1976 jumlah hasil hanyalah $5,655 juta saja, manakala perbelanjaan pula berjumlah kira-kira $8,000 juta, iaitu perbelanjaan semasa $5,600 juta + perbelanjaan pembangunan $2,400 juta. Perbelanjaan untuk pembangunan di bawah RMT dijangka mencapai $18,555 juta dan sebagian besar darinya, iaitu lebih kurang 65% harus dibelanjakan untuk kawasan-kawasan luar bandar, kerana kawasan-kawasan itulah yang lebih besar keperluannya dan di sana jugalah terletaknya undi-undi yang boleh menetukan kuasa. Pada ketika ini, kerajaan sendiri kurang pendapatan dan terpaksa menambah hutang negara tahun demi tahun. Jadi bagaimanakah hendak dilipatgandakan peruntukan bagi badan-badan berkanun? Tambahan pula, badan-badan berkanun dan peruntukan wang itu merupakan penyertaan kerajaan dalam kegiatan ekonomi sektor swasta. Selagi kerajaan terikat kepada falsafah ekonomi bebas maka penyertaan ini tidak mungkin lebih daripada tanda atau lambang saja pada akhirnya.

Ketiganya, untuk menaikkan peratusan modal Melayu, boleh dibataskan kadar jumlah pelaburan oleh golongan-golongan bukan-Melayu dan asing. Akan tetapi langkah seperti ini boleh membunuh ekonomi negara. Dalam sistem yang wujud kini sumbangan diperlukan dari semua golongan, supaya modal yang dapat dilaburkan untuk

pembangunan sentiasa meningkat, kerana hanya dengan jalan ini baru pendapatan negara dan seterusnya pendapatan per kapita akan bertambah. Strategi kerajaan ialah untuk menambah penyertaan modal Melayu dalam keadaan ekonomi yang berkembang. Membataskan pengumpulan dan pelaburan modal dari golongan-golongan lain dengan tujuan supaya modal Melayu dapat mengejar dengan lebih mudah lagi adalah bertentangan dengan strategi tersebut, sebab langkah yang demikian akan membantutkan perkembangan ekonomi seluruhnya, sekurang-kurangnya dari segi penambahan perbelanjaan dalam sektor swasta untuk pembangunan. Lagi pun pembatasan seumpama itu, selain dari menjejaskan pembangunan, boleh pula mengakibatkan tentangan dari golongan yang dibatasi, dan penentangan itu boleh menjelma dalam bentuk perkauman. Hal seperti ini sangat berbahaya bukan saja dari segi ekonomi, bahkan dari segi politik negara juga.

Akhirnya, dasar memilik-negarakan. Perkara ini tidak dibincangkan di sini kerana akan dihuraikan dengan lebih panjang lebar dalam bab berikut. Cuma yang hendak ditegaskan buat sementara waktu ialah bahwa dasar ini bertentangan sama sekali dengan konsep milik persendirian yang dijamin dalam sistem kapitalis dan falsafah ekonomi bebas. Untuk menjalankan dasar ini, maka diperlukan perubahan besar dalam dasar serta orientasi politik dan ekonomi. Apakah perkara ini mungkin berlaku dalam susunan politik dan ekonomi serta pimpinan yang wujud pada masa ini? Jikalau boleh, maka bukan saja corak pemilikan modal dalam bidang-bidang perusahaan dan perniagaan negeri ini akan berubah, bahkan bentuk rancangan-rancangan mengatasi kemiskinan pun akan bertukar corak. Jikalau tidak boleh, maka kita harus bersedia untuk menghadapi kemungkinan gagalnya, atau setidak-tidaknya kurang jayanya pencapaian matlamat untuk menghapuskan kemiskinan rakyat dan menyusun semula masyarakat.

# VII. Pembangunan

BAB ini akan membincangkan secara kritis rancangan pembangunan kerajaan, menilainya dengan berlatarbelakangkan masalah-masalah yang telah dipaparkan dalam bab-bab yang terdulu. Seperti yang diketahui umum, rancangan pembangunan ini dirumuskan dengan jelas dalam beberapa rancangan lima tahun. Sejak tahun 1956, telah selesai empat rancangan seumpama itu. Sekarang ini sudah tiba pula zaman Rancangan Malaysia Ketiga (RMT). Perbincangan selanjutnya akan ditumpukan kepada RMT ini dengan mengutamakan dasar-dasar dan strategi-strategi yang terdapat di dalamnya. Sedikit saja perhatian akan diambil kepada butir-butir perbelanjaan yang telah dianggarkan bagi bermacam perkara dan bidang. Oleh sebab RMT ini memberikan keterangan yang agak lengkap tentang apa yang hendak dilakukannya dalam tempoh yang ditetapkan, maka dirasakan tidaklah perlu dibuat rumusan terperinci mengenainya. Sesiapa yang hendak mengetahui sepenuhnya mengenai RMT bolehlah membaca sumber asalnya. Di sini, dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan akan disebut hanya untuk tujuan penilaian dan kritik yang hendak dilakukan.

Sebenarnya RMT adalah lanjutan daripada semua rancangan-rancangan lima tahun sebelumnya. Dari Rancangan Malaya Pertama yang dimulakan pada 1956 sudah kelihatan unsur cita-cita untuk menaikkan taraf hidup rakyat miskin, mengurangkan pengangguran, menyediakan kemudahan-kemudahan sosial terutama dalam bidang pelajaran serta kesihatan, dan memperkukuh pertahanan negara. Tetapi mulai dengan RMK baru dinyatakan secara lebih tegas apa matlamat pokok yang hendak dicapai oleh kerajaan. RMK disiapkan selepas Peristiwa 13 Mei, yang telah menggoncang asas perpaduan dalam negeri ini. Walaupun pada lahirnya peristiwa itu merupakan pergaduhan kaum, namun telah diakui bahawa sebab-sebabnya adalah berpunca daripada masalah-masalah ekonomi. Pengakuan ini tersirat dalam ucapan Tun A. Razak semasa mengumumkan DEB tidak beberapa hari selepas peristiwa berdarah itu. Melalui semua saluran perhubungan, radio, t.v. dan

akhbar-akhbar, dijelaskan bahwa untuk memperteguh perpaduan nasional maka kerajaan akan menjalankan strategi serampang dua mata, iaitu: (a) membasmi kemiskinan dan memperbanyak peluang pekerjaan bagi semua rakyat dengan tidak mengira kaum, dan (b) mempercepatkan proses menyusun semula masyarakat untuk membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang, supaya dapat dikurangkan dan akhirnya dihapuskan pengenalan kaum dengan peranan-peranan ekonomi yang tertentu.

Dua matlamat dalam DEB ini telah dijadikan asas bagi RMK, dan dilanjutkan dalam RMT. Tetapi sebelum RMT dilancarkan, keadaan keselamatan sudah mulai tergugat, terutama dengan meningkatnya kegiatan-kegiatan gerila komunis tempatan, berikutan dengan perkembangan-perkembangan di Indochina. Maka soal keselamatan dikemukakan sebagai satu lagi soal yang harus menjadi tumpuan perhatian kerajaan dalam RMT. Jadi sekarang ini ada tiga matlamat yang terkandung dalam RMT, iaitu seperti yang diterangkan oleh Hussein Onn dalam pendahuluan buku rancangan itu: "Rancangan Malaysia Ketiga adalah berteraskan kepada tiga matlamat penting, iaitu membasmi kemiskinan, meneruskan usaha untuk menyusun semula masyarakat, dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara" (*RMT,* 1976: vi). Telah ditegaskan bahwa dua matlamat asal dari DEB itu tidak dapat dicapai, melainkan jika keselamatan terjamin. Jadi sekarang ini serampang sudah bermata tiga pula.

Dalam perbincangan berikutnya kita akan memperkatakan hanya dua matlamat asalnya sahaja kerana adalah di luar keupayaan kita untuk membincangkan mata serampang yang baru itu. Kita mulakan dengan matlamat yang pertama, iaitu membasmi kemiskinan. Tiga soal yang timbul di sini ialah: (a) apakah golongan-golongan yang dianggap miskin? (b) apakah punca kemiskinan mereka? dan (c) apakah usaha-usaha yang hendak dijalankan untuk membasmi kemiskinan? Ketiga-tiga soalan ini ada jawapannya dalam RMT atau rancangan-rancangan sebelumnya. Mengikut RMT,, golongan miskin itu terdapat di luar bandar dan juga di bandar, terdiri dari penanam-penanam padi, pekebun-pekebun kecil getah, pekebun-pekebun kecil kelapa, petani-petani pindah-randah, nelayan-nelayan, pekerja-pekerja ladang, para penduduk kampung-kampung baru, buruh-buruh pertanian dan Orang Asli" (RMT, 1976: 56-57). Dalam tahun 1970, 49.3% daripada jumlah keluarga dalam negeri ini hidup dalam kemiskinan. "Dari jumlah keluarga-keluarga yang miskin, kira-kira 74% adalah terdiri dari orang Melayu, 17% orang Cina dan 8% orang India". Seterusnya "dari jumlah semua keluarga-keluarga Melayu 65.1% adalah keluarga miskin,

berbanding dengan 26% bagi keluarga-keluarga Cina ... (dan) ... keluarga-keluarga India ... 39.1%" (RMT, 1975: 6). Nyatalah bahawa masalah kemiskinan pada sebagian besarnya merupakan masalah orang Melayu, yang kebanyakannya tinggal di luar bandar.

Bersabit dengan punca-punca kemiskinan pula, dalam satu para RMT menyatakan bahwa "Kekurangan peluang-peluang pekerjaan yang produktif adalah satu sebab utama kemiskinan. Pengangguran terbuka dan gunatenaga tidak penuh akibat dari kekurangan faktor-faktor pengeluaran seperti tanah, modal dan keusahawan menyebabkan kemiskinan dalam tiap-tiap sektor ekonomi" (RMT, 1976:30). Terlebih dulu dari ini, dalam *Kajian Semula RMK* (KSRMK) dinyatakan bahwa pendapatan rendah orang-orang miskin di kampung adalah disebabkan oleh kebun-kebun yang tidak ekonomis luasnya, tidak subur atau tidak sesuai untuk pertanian, penggunaan cara-cara lama dan kekurangan penggunaan cara-cara moden (KSRMK, 1973:5). Dari kedua-dua ini kelihatan bahwa sebab-sebab yang ditekankan ialah daya pengeluaran yang rendah kerana kekurangan pekerjaan yang produktif atau pengunaan cara-cara lama.

Berhubung dengan usaha-usaha yang hendak dijalankan, telah ditegaskan dalam RMT bahawa "perkembangan ekonomi yang pesat dalam tempoh RMK merupakan faktor utama untuk mengatasi masalah kemiskinan" (RMT, 1976:30). Dari segi jangka panjang, strategi kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan luar bandar mengandungi empat unsur asas, iaitu:

(i) "pembukaan kawasan lebih dari 4 juta ekar untuk menempatkan mereka yang tidak mempunyai tanah atau mempunyai tanah yang luasnya tidak ekonomi; penyediaan kemudahan tali air untuk 300,000 ekar bagi membolehkan penanaman padi dua musim dan ... ini akan meningkat kepada lebih kurang 700,000 ekar dalam tahun 1990; penanaman semula, pemulihan dan pembangunan semula kawasan seluas 1.8 juta ekar untuk tanah getah yang berhasil tinggi, pengeluaran kelapa dan nenas dalam tempoh 20 tahun ..." (RMT, 1976:86)

(ii) "... meringankan tekanan penduduk pada masa ini di sektor-sektor pertanian yang paling sesak" (RMT, 1976:87) dengan menggalakkan petani-petani dan nelayan-nelayan miskin supaya bergiat dalam sektor pertanian dan bukan-pertanian yang lebih produktif dan memperluaskan peluang-peluang bagi para belia di luar bandar mendapatkan kemahiran-kemahiran yang diperluaskan oleh sektor pertanian dan perindustrian moden;

(iii) "... penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik

dan cekap di bidang-bidang perumahan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik pelajaran, kesihatan, zat makanan dan perancangan keluarga ..." (RMT, 1976:87); dan

(iv) "... mempercepatkan lagi penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang prodaktif di sektor-sektor ekonomi di peringkat kedua dan ketiga ... menggalakkan perkembangan perusahaan dan menempatkannya di kawasan-kawasan kurang maju ... menitik-beratkan keperluan menyalurkan lebih banyak modal kepada perusahaan-perusahaan kecil dan yang menggunakan buruh yang ramai ..." (RMT, 1976:87).

Sebenarnya strategi keempat ini adalah juga bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan di bandar. Selain dari itu, di bandar-bandar akan dijalankan juga usaha-usaha untuk meninggikan pendapatan sebenarnya menerusi penyediaan rumah-rumah murah dan perkhidmatan awam yang lain.

Berpaling kepada matalamat kedua DEB, iaitu menyusun semula masyarakat, tampaknya ada dua aspek yang sangat-sangat diperlukan. Pertamanya, dalam keadaan yang wujud sekarang ini terdapat keadaan yang tidak seimbang dari segi kaum dalam pelbagai sektor ekonomi dan dalam semua peringkat pekerjaan. Umpamanya, sebagaimana yang telah dilihat lebih awal, orang-orang Melayu kebanyakannya dalam sektor pertanian di kampung, manakala orang-orang Cina kebanyakannya dalam sektor perkilangan serta perlombongan dan orang-orang India pula dalam sektor perladangan. Jadi timbullah kaitan atau pengenalan kaum-kaum tertentu dengan pekerjaan-pekerjaan dalam sektor-sektor tertentu: orang Melayu petani, orang Cina buruh dan orang India penoreh. Bahkan jika diambil satu sektor yang sama, seperti perkhidmatan dengan kerajaan, didapati ada jenis-jenis pekerjaan yang menjadi tumpuan orang-orang Melayu saja, seperti kerja-kerja sebagai pentadbir, polis dan askar, manakala ada pula yang merupakan tempat tumpuan orang-orang bukan-Melayu seperti pekerjaan-pekerjaan doktor, jurutera dan sebagainya. Kadang-kadang terdapat juga keadaan di mana peringkat rendah dalam satu-satu jenis pekerjaan itu adalah dari satu kaum, manakala peringkat tinggi pula adalah kebanyakannya dari kaum yang lain.

Keduanya, didapati bahawa dari segi hak milik harta benda produktif wujud juga keadaan yang tidak seimbang. Di Semenanjung terdapat kira-kira 7 juta ekar tanah yang digunakan untuk pertanian, dan daripadanya kita-kira 4.2 juta ekar (atau 60%) digunakan untuk penanaman getah. Daripada semua tanah getah ini, 37% dimiliki oleh orang Melayu, 42% oleh bukan-Melayu dan 21% oleh orang asing (yang bukan warga-

negara). Jikalau diambil ladang-ladang getah saja, maka kira-kira tiga suku daripadanya yang lebih luas daripada 2,000 ekar adalah milik asing. Orang-orang Cina dan India mempunyai juga tanah-tanah ladang, tetapi luasnya sederhana, biasanya kurang dari 2,000 ekar. Orang Melayu tidak memiliki sebarang ladang getah yang luasnya 100 ekar ke atas. (RMK, 1971:45). Mungkin maklumat ini tidak begitu tepat, sebab di Kelantan terdapat juga ladang getah kepunyaan Melayu yang seluas itu. Namun begitu, ini adalah kes terpencil. Mengenai tanah padi pula, jumlah keluasannya adalah kira-kira 1.1 juta ekar. Tidak ada perangkaan tentang pembagian milik tanah-tanah padi. Akan tetapi pada umumnya petani-petani padi mengerjakan bendang sendiri yang tidak ekonomis luasnya ataupun mengerjakan bendang orang lain, kerana mereka tidak memiliki tanah. Tentang modal pula, gambaran pembahagian miliknya dapat dilihat daripada jadual di bawah:

| | 1970 | | 1975 | |
|---|---|---|---|---|
| | $ juta | % | $ juta | % |
| Orang-orang Melayu dan syarikat kepentingan Melayu | 125.6 | 2.4 | 768.1 | 7.8 |
| Orang-orang Melayu perseorangan | 84.4 | 1.6 | 227.1 | 2.3 |
| Syarikat-syarikat kepentingan Melayu | 41.2 | 0.8 | 541.0 | 5.5 |
| Rakyat Malaysia lain | 1,826.5 | 34.3 | 3,687.3 | 37.3 |
| Orang-orang Asing | 3,377.1 | 63.3 | 5,434.7 | 54.9 |
| Jumlah sektor swasta | 5,329.2 | 100 | 9,890.1 | 100 |

Sumber: *RMT*, 1976: Jadual 4-16, 99.

Untuk membetulkan keadaan tidak seimbang yang dijelaskan dan sekaligus mencapai tujuan menyusun semula masyarakat, maka antara langkah-langkah yang akan diambil ialah:

(i) "menambahkan penyertaan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra yang lain dalam gunatenaga di sektor-sektor perlombongan, pembuatan dan pembinaan serta menambahkan penyetaan kaum-kaum lain dalam sektor pertanian dan perkhidmatan, supaya gunatenaga dalam sektor-sektor ekonomi dan mencerminkan struktur penduduk negara ini menjelang 1990;

(ii) "meninggikan bahagian hak milik orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra yang lain dalam kekayaan negara termasuk tanah, harta-harta kekal dan modal-modal saham. Matlamatnya ialah

supaya, menjelang tahun 1990, orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra yang lain akan memiliki sekurang-kurangnya 30% dan rakyat Malaysia yang lain 40% dari jumlah modal saham di negara ini;

(iii) "memupuk kemajuan usahawan di kalangan orang-orang Melayu dan kaum bumiputra yang lain supaya dapat memberi sumbangan yang berkesan ke atas matlamat mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian Melayu yang teguh dan berdikari menjelang tahun 1990; dan

(iv) "menggalak dan membantu pelaburan swasta, sama ada dari dalam atau luar negeri" (RMT, 1976:57-8)

Kedua-dua tujuan dalam RMT sebagaimana yang dirumuskan di atas kelihatan sangat menarik apabila dipandang dengan mata kasar. Akan tetapi, apabila diteliti dan dihalusi, maka akan terserlahlah beberapa kekurangannya. Kita ambil tujuan pertama, untuk membasmi kemiskinan. RMT sebagaimana juga dengan RMK sebelumnya mengakui wujudnya kemiskinan dan dapat pula menunjukkan dengan agak tepat jua golongan-golongan yang dianggap miskin itu. Tapi RMT kurang memuaskan tentang analisanya mengenai sebab-sebab kemiskinan. Analisa yang jelas tentang punca kemiskinan sangat penting, kerana sebarang rancangan untuk membasminya akan berpandu kepada analisa tersebut; samalah seperti obat yang patut diberikan kepada pesakit bergantung kepada pendapat tentang apakah punca penyakitnya. Umpamanya, cacing boleh menyebabkan sakit perut dan cara paling berkesan untuk mengatasinya ialah dengan makan ubat cacing, yang mungkin tidak sedap rasanya. Akan tetapi jika sakit perut ini disalah anggap sebagai berpunca dari angin, setengah orang akan menasihati supaya perut digosok dengan minyak angin saja. Mungkin ini boleh mengurangkan sakit perut sebentar, akan tetapi tidak akan menghapuskan cacing yang menjadi punca penyakit yang sebenarnya.

RMK tidak menganalisa punca-punca kemiskinan. KSRMK dan RMT menyebutnya dengan beberapa ayat saja. Faktor yang paling ditekankan ialah daya pengeluaran yang rendah. Perkara ini memang tidak dinafikan. Memang terdapat kekurangan pekerjaan yang produktif dan meluasnya penggunaan cara-cara lama. Akan tetapi tidak sedikit pun disebut tentang sistem yang 'mengambil', secara tidak langsung dan halus, sebagian daripada hasil titik peluh orang-orang miskin itu. Misalnya, di kalangan petani-petani sistem bagi dua atau sewaan yang wujud sekarang ini mengakibatkan mereka terpaksa menyerahkan kepada tuan tanah sebagian besar daripada hasil yang mereka perolehi; dan dalam bidang pemasaran pula wujudnya sistem monopoli dan monop-

soni menyebabkan petani mendapat harga yang rendah bagi hasil pengeluaran yang mereka jual dan mesti membayar harga yang tinggi bagi barang-barang keperluan hari-hari yang mereka gunakan. Sudah diketahui dan diakui umum bahawa golongan petani-petani miskin itu menjadi mangsa berjenis-jenis penindasan yang berlaku pada berbagai peringkat. Mereka ditindas oleh tuan-tuan tanah dan orang-orang tengah peringkat kampung, yang ditindas pula oleh saudagar-saudagar atau pemodal-pemodal besar pada peringkat kebangsaan, yang sebagian besarnya pula menjadi mangsa kepada pemodal-monopoli asing. Yang terhimpit teruk sekali di bawah penindasan yang berlapis-lapis itu ialah para petani. Faktor penindasan serta sistem yang membenarkan ia berterusannya penindasan itu tidak disentuh samasekali dalam penerbitan-penerbitan resmi kerajaan yang membicarakan tentang kemiskinan. Sebabnya, barangkali kerana sistem ini adalah berhubung rapat dengan falsafah ekonomi bebas yang dipetahankan oleh pihak yang berkuasa.

Seperti yang telah beberapa kali ditegaskan sebelum ini, kemiskinan paling meluas sekali dalam sektor pertanian di luar bandar. Jadi memang sesuai sekalilah perbelanjaan yang besar jumlahnya diperuntukkan bagi pembangunan dalam sektor ini. Daripada jumlah $18,555 juta yang dianggarkan untuk semua perbelanjaan pembangunan di bawah RMT, kira-kira $4,736 juta (atau 25.5%) ialah untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Daripada peruntukan ini pula lebih kurang $3,306 juta ditumpukan kepada tiga projek, iaitu: pembukaan tanah-tanah rancangan baru $2,010 juta, tanaman semula getah $675 juta, dan parit serta taliair $621 juta. Pembukaan tanah rancangan memang perlu untuk mengatasi masalah ketiadaan dan kekurangan tanah. Tetapi, sebagaimana yang telah diterangkan di tempat lain (Husin Ali, 1976: 37–46) rancangan-rancangan ini masih belum mencukupi walaupun untuk menghambat penambahan tahunan petani-petani yang memerlukan tanah, terlalu mahal dan berat beban hutangnya ke atas peneroka-peneroka rancangan. Tanaman semula getah memang baik, kerana langkah itu boleh menambahkan hasil dari tiap-tiap ekar tanah yang dikerjakan. Akan tetapi ladang-ladang besar asing lebih senang melakukan tanaman semula daripada petani-petani kecil yang mengharapkan hanya kepada tanah mereka yang sebidang untuk menyara hidup; dan petani-petani yang tidak bertanah tidak akan menerima bantuan untuk tanam semula (sebab tidak ada yang hendak ditanam semula), sungguhpun mereka memberi sumbangan kepada kumpulan wang untuk tujuan ini melalui potongan cukai atau ses dari getah yang mereka hasilkan dengan kerja-kerja mereka.

Tentang rancangan parit serta taliair, tidak dinafikan sama sekali

faedah yang boleh diperolehi petani-petani padi daripadanya. Tetapi dalam kawasan-kawasan pengairan seperti Muda, misalnya, terdapat berbagai-bagai masalah yang berkaitan dengan "hak milik tanah, sewa tanah yang tinggi, kos pengeluarannya meningkat dan sistem pemasaran dan kredit yang kurang memuaskan" (Shamsul Amri, 1976: 74). Kira-kira sepertiga daripada petani-petani padi tidak bertanah dan lebih ramai pula yang memiliki sedikit tanah dan tidak mencukupi. Di kawasan-kawasan padi, tanah baru untuk pertanian boleh dikatakan tidak ada lagi. Akan tetapi bilangan bakal petani meningkat dengan bertambah banyak atau besarnya keluarga-keluarga. Pada jangka panjangnya ini akan menimbulkan masalah kelaparan tanah yang kusut, melainkan ada peluang-peluang pekerjaan baru untuk menarik keluarga petani-petani padi dari kawasan-kawasan yang telah sesak.

Sekarang ini pula belanja untuk pengeluaran semakin meninggi. Lihat saja sebagai contoh bagaimana meningkatnya harga baja. Saluran untuk menjual hasil pengeluaran dan membeli barang keperluan tidak banyak berubah. Orang-orang tengah masih meluas dan di setengah-setengah tempat mereka juga menjadi tuan tanah dan pemilik kilang-kilang padi. Sungguhpun Lembaga Padi Negara (LPN) sudah mulai mengambil alih pembelian padi, namun LPN tidak memberikan kepada para petani khidmat-khidmat lain seperti yang diberikan oleh orang-orang tengah, dan dengan begitu kadang-kadang timbul persaingan hebat di antara orang tengah dengan LPN. Malangnya LPN pun dijalankan atas dasar yang sama dengan orang tengah, iaitu bukan mengikut prinsip kerjasama. Orang-orang tengah masih terus merupakan sumber kredit bagi para petani, dengan bunga yang tinggi dan ikatan-ikatan janji menjual padi kepada mereka secara yang boleh membelenggu petani-petani miskin. Walaupun sekarang sudah ada kemudahan-kemudahan dari bank pertanian, misalnya, tetapi yang biasanya boleh mendapat hutang atau pinjaman adalah orang-orang yang mampu menyediakan cagaran dan mempunyai pengaruh dalam masyarakat.

Jumlah perbelanjaan untuk pembangunan pertanian dan luar bandar memang besar, dan boleh dibanggakan oleh pihak-pihak yang merasa berhak untuk merasa bangga. Tetapi yang menjadi soal besar ialah: adakah petani-petani miskin mendapat keuntungan yang sepenuh daripadanya? Di tanah-tanah rancangan kita mendengar cerita-cerita mengenai hutang serta bunga yang tinggi dibebankan ke atas petani-peneroka. Dalam RISDA sudah terbongkar pula kisah-kisah korupsi yang melibatkan berjuta-juta ringgit wang yang seharusnya digunakan untuk petani-petani. Dalam rancangan-rancangan pengairan begitu banyak pula keuntungan yang dibuat oleh pemodal-pemodal yang

menjual jentera serta alat-alat yang mahal. Dalam ketiga-tiga jenis rancangan ini terdapat kontrektor-kontrektor besar yang mendapat laba besar daripada kerja-kerja yang diserahkan kepada mereka.

Seterusnya, dalam sistem ekonomi bebas akan sentiasa timbul persaingan untuk mendapat kemudahan, bantuan dan keuntungan. Dalam persaingan ini golongan yang kuat dan senang lebih mudah mendapat keutamaan. Sebagaimana yang telah disebut di atas, pemilik-pemilik ladang lebih mudah melaksanakan tanaman semula dari pemilik-pemilik tanah kecil di kampung, dan kedua-duanya lebih beruntung daripada penoreh-penoreh tidak bertanah yang tidak berhak mendapat bantuan. Begitu juga orang-orang yang berada serta mampu menyediakan sandaran, dan punya pengaruh pula, lebih mudah mendapat bantuan atau pinjaman jika dibanding dengan petani-petani miskin. Begitulah juga pemodal, kontrektor, orang tengah yang besar-besar tidak menghadapi banyak kesulitan untuk memperoleh keuntungan dari begitu banyak wang yang ditaburkan untuk bermacam-macam projek. Dengan hal demikian, sistem persaingan ekonomi bebas jikalau diamalkan dalam masyarakat di mana sudah meluas perbedaan sosio-ekonomi, akan hanya membawa akibat menambah lebarkan lagi jurang perbedaan tersebut. Akhir-akhirnya yang paling rugi sekali ialah sebilangan besar yang lemah, sungguhpun tidak dinafikan ada juga faedah-faedah yang didapati oleh petani-petani miskin yang ramai itu.

Berpaling kepada matlamat menyusun semula masyarakat, terdapat pula beberapa kelemahan yang boleh dibuktikan. Pada garis kasarnya maksud matlamat kedua DEB ini ialah untuk menggalakkan orang-orang bukan-Melayu menyertai bidang-bidang kegiatan ekonomi dan jenis-jenis pekerjaan yang menjadi tumpuan orang-orang Melayu, dan sebaliknya menggalakkan orang-orang Melayu dalam sektor-sektor yang 'dimonopoli' orang-orang bukan-Melayu. Tetapi sebenarnya inti daripada dasar ini ialah untuk membanyakkan orang Melayu sebagai peniaga dan pengusaha, dan menambahkan hak milik mereka ke atas faktor-faktor pengeluaran yang penting, terutama sekali modal. Jadi, tujuan utamanya ialah untuk memberi peluang kepada setengah-setengah orang Melayu mendapat keuntungan dari sistem ekonomi bebas yang wujud sekarang. Dengan sendirinya dasar ini menjelmakan harapan atau keinginan di kalangan sebilangan kecil orang Melayu dari lapisan-lapisan atasan dan pertengahan untuk menikmati lebih banyak lagi keuntungan dari proses perkembangan masyarakat yang sedang berlaku dengan pesatnya kini. Memang baik sekiranya muncul lebih banyak lagi peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu. Bahkan lebih baik lagi sekiranya mereka tidak berhenti hanya pada

peringkat menyeimbangkan bilangan mereka dengan orang-orang Cina, bahkan terus maju untuk menggantikan pemodal-monopoli asing yang begitu kuat sekali cengkamannya ke atas ekonomi negeri ini. Tetapi yang kurang menyenangkan ialah perkembangan ini hendak digalakkan dalam rangka bidang sistem ekonomi bebas itu. Apakah implikasinya bagi kemajuan rakyat, terutamanya sekali petani-petani yang miskin?

Apabila diteliti, akan ternyata bahawa perkara yang coba dicapai melalui penyusunan semula masyarakat ialah perseimbangan atau persamaan secara mendatar bukannya menegak. Tegasnya, hendak diimbang atau disamakan bilangan antara kaum dalam jenis pekerjaan dan lapisan masyarakat yang sama. Pada lapisan bawahan, misalnya, jikalau kurang Melayu sebagai buruh perusahaan maka hendak ditambah dan jikalau kurang pula Cina dalam pertanian hendak ditambah pula mereka dalam bidang itu. Begitu juga dalam lapisan pertengahan, sekiranya kurang Melayu dalam sektor swasta sebagai peniaga atau pengusaha maka hendaklah mereka diperbanyakkan. Sebaliknya jika orang-orang bukan-Melayu menuntut supaya bilangan mereka diseimbangkan dengan bilangan orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan, terutama sekali yang tidak mempunyai penentuan kuota menurut Perlembagaan, maka pada teorinya, berdasarkan tujuan yang tersurat dalam RMT, kerajaan bukan saja mesti melayani bahkan patut menggalakkan pula. Demikianlah seterusnya sampai ke lapisan atasan. Tidak perlu ditegaskan betapa besarnya masalah hendak mencapai matlamat perseimbangan dan persamaan mendatar yang diharapkan boleh mengurangkan pengenalan kaum dengan sektor ekonomi atau peringkat pekerjaan yang tertentu. Barangkali itulah sebabnya hanya soal penyertaan orang Melayu dalam perniagaan dan perusahaan yang sering ditonjolkan. Bukan saja ada kemungkinan secara terbatas untuk melaksanakan dan mencapai tujuan ini, terutama sekali di bawah kegiatan badan-badan kerajaan atau separa-kerajaan, bahkan desakan politik dari orang Melayu dalam hal ini adalah paling kuat sekali. Desakan itu sentiasa mengingatkan Peristiwa 13 Mei, yang sebenarnya menjadi pendorong kuat kepada DEB itu.

Secara perbandingan, perseimbangan atau persamaan secara menegak tidak pula diberatkan. Penjelmaan paling serius daripada keadaan tidak seimbang dan berbeda secara menegak dalam masyarakat ialah luasnya jurang pendapatan, terutamanya di antara golongan kaya dengan miskin. Dasar menyusun semula masyarakat melalui sistem ekonomi bebas boleh menimbulkan sebilangan kecil golongan pemodal atau kapitalis Melayu yang jauh lebih besar pendapatannya daripada sebilangan besar petani-petani. Jikalau tidak betul jalannya, orang-orang kaya baru

Melayu ini akan bekerjasama pula dengan pemodal-pemodal bukan-Melayu dari dalam atau luar negeri untuk melakukan bermacam jenis penindasan ke atas petani-petani serta pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah, demi memaksimakan keuntungan mereka. Akhirnya taraf hidup beberapa kerat orang Melayu akan meningkat, dan akan terdapat beberapa kerat jutawan di antara mereka sedangkan kemunculan mereka ini tidak pula menyelesaikan masalah besar kemiskinan di kalangan petani-petani yang kebanyakannya Melayu itu. Bukan maksud kita di sini untuk menyatakan bahwa orang-orang Melayu tidak patut digalakkan bergiat dalam bidang perniagaan dan perusahaan, akan tetapi niatnya ialah untuk mengingatkan bahawa sekiranya usaha menggalakkan itu dilakukan dalam rangka bidang sistem kapitalis yang bertambah kukuh, maka penindasan akan terus berlaku, kemiskinan rakyat akan berlanjutan, dan jurang di antara kaya dan miskin tambah melebar.

Dalam tempoh RMT, jumlah pelaburan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek menuju kepada pencapaian matlamat-matlamat DEB berjumlah kira-kira $44,200 juta semuanya, dan anggarkan bahwa jumlah pelaburan dari sektor swasta ialah sebanyak $26,800 juta (atau 60.6%). Ini menunjukkan betapa besarnya harapan yang diletakkan oleh kerajaan kepada sektor swasta untuk menjayakan rancangan pembangunannya. Sudah tentulah pelaburan swasta ini akan bergantung besar kepada modal asing. Itulah sebabnya kerajaan memperlihatkan keadaan seolah-olah dalam kecemasan apabila pengaliran pelaburan asing ke dalam negeri ini jauh kurang daripada yang diharapkan. Jika sekiranya matlamat mendapatkan pelaburan asing itu tercapai, apakah yang mungkin berlaku? Mula-mula sekali tujuan pelabur-pelabur dalam sektor swasta ialah untuk mendapat keuntungan yang sebanyak mungkin dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Mereka tidak mahu dan selalunya menolak campurtangan, apatah lagi pengawalan, daripada kerajaan. Tidak ada jaminan bahwa mereka akan bekerjasama penuh untuk melaksanakan matlamat-matlamat DEB itu sekiranya dengan berbuat demikian keuntungan mereka akan terjejas. Dalam sistem yang berasaskan falsafah ekonomi bebas seperti yang didukung oleh kerajaan sekarang, memang tidak begitu banyak dapat dilakukan untuk mengawal atau mempengaruhi pelabur-pelabur asing. Mereka pasti akan menjadikan jumlah keuntungan yang boleh mereka peroleh, bukannya pencapaian matlamat-matlamat pembangunan mengikut RMT, sebagai panduan bagi tindakan-tindakan mereka. Seterusnya bertambah besarnya jumlah sebenarnya pelaburan asing dan bertambah kuatnya akar umbinya dalam ekonomi negara akan hanya menguatkan

lagi kedudukan sistem ekonomi yang wujud sekarang dalam negeri ini. Akibatnya, kemiskinan rakyat dan jurang yang besar antara golongan miskin dengan golongan kaya yang terdiri dari segelintir orang tempatan dan orang asing itu akan berlanjutan terus, kalaupun tidak menjadi bertambah buruk.

Nampaknya banyak kekurangan dan masalah yang timbul daripada DEB dan penglaksanaannya mengikut RMT. Apakah cara-cara lain yang dapat dikemukakan sebagai penambah atau pengganti kepada rancang-an-rancangan yang sedia ada untuk mencapai dua matlamat besar DEB itu? Seperti yang telah disebutkan lebih dulu, ubat mujarab yang diberi bergantung kepada pengesanan tepat tentang jenis dan punca penyakit. Memang disetujui bahwa jenis penyakit yang sangat berat dihidapi oleh sebilangan rakyat ialah kemiskinan. Penyakit itu merupa-kan penyakit ekonomi dan sosial, dan diakibatkan bukan oleh faktor-faktor ekonomi saja, tetapi juga oleh faktor-faktor sosio-politik. Fa-haman sosio-politik yang tertentu membenarkan berlanjutannya sistem ekonomi yang tertentu. Ada faham politik yang memberikan kebebasan penuh kepada penguasaan ekonomi oleh pemodal-pemodal besar asing dan tempatan, dan memberikan peluang kepada mereka untuk melakukan penindasan sosiq-ekonomi ke atas sebilangan besar rakyat; ada pula yang membataskan atau menghapuskan penguasaan tersebut, dan tidak memberi peluang sama sekali kepada mereka untuk melaku-kan penindasan. Dengan yang demikian, untuk membasmi kemiskinan maka sangat diperlukan bukan saja tindakan-tindakan berbentuk ekonomi guna meningkatkan daya pengeluaran, tetapi lebih penting lagi mengubah orientasi politik – daripada yang menyebelahi ke-pentingan asing dan lapisan atasan kepada yang menyebelahi kepenting-an kebangsaan dan rakyat lapisan bawahan, sambil merombak susunan atau sistem ekonomi yang membenarkan penindasan.

Seperti yang telah dilihat, kesan daripada fahaman ekonomi bebas yang ditegakkan dari dulu oleh penjajah di negeri ini, pemodal-monopoli asing telah bebas menguasai punca-punca kekayaan yang penting dan memunggah jumlah keuntungan yang besar tahun demi tahun. Ladang-ladang getah yang terbesar dan lombong-lombong bijih yang terkaya dalam dunia, yang semuanya terletak di negeri ini adalah dimiliki atau dikuasai oleh pemodal-monopoli asing. Dari segi keuntungan pula, mengikut apa yang telah diberitahu kepada Dewan Rakyat pada 15 April 1976, jumlah keuntungan dan dividen yang mengalir keluar dari negeri ini ialah: $435 juta dalam tahun 1966, $555 juta dalam tahun 1969, $1,342 juta dalam tahun 1974, dan $1,017 juta dalam tahun 1975. Katakanlah dalam tempoh lima tahun

di bawah RMK hitung panjang keuntungan yang dipunggah keluar oleh pemodal-monopoli asing ialah $800 juta tiap-tiap tahun. Ini bererti bahawanya dalam tempoh yang sama ialah $4,000 juta. Jumlah ini merupakan kira-kira 55.1% daripada perbelanjaan kerajaan untuk pembangunan di bawah RMK yang berjumlah $7,250 juta itu. Malangnya wang sebanyak itu dalam tempoh RMK dan berpuluh-puluh tahun sebelum itu tidak dapat digunakan untuk rancangan-rancangan pembangunan negara. Sebaliknya, hutang negara telah bertambah dari $5,016 juta menjadi $11,178 juta dalam tempoh lima tahun di bawah RMK, iaitu penambahan sebanyak $6,162 juta.

Ditinjau dari segi logik semata-mata, dapatkah dikatakan baik dasar politik dan ekonomi yang membenarkan kekayaan negara dikuasai oleh orang-orang asing, keuntungan besar dipunggah keluar oleh mereka, dan kita pula terpaksa berhutang untuk pembangunan negara? Jikalau tidak, apakah yang patut dilakukan? Satu cara untuk mengatasi perkara ini, sebagaimana yang dilakukan oleh setengah-setengah negeri ialah dengan menjalankan dasar miliknegara. Dasar ini selalu dianggap terlalu radikal oleh pihak-pihak tertentu, mungkin kerana dasar demikian bertentangan dengan sistem ekonomi yang berpandukan kepada ekonomi bebas dan menjadi warisan dari zaman penjajahan yang masih disanjung tinggi. Bagi negara-negara yang melaksanakan dasar milik-negara itu ada dua tujuannya yang utama. Tujuan pertama berbentuk politik, iaitu untuk menghapuskan segala saki baki penjajahan. Banyak negara yang pernah terjajah berjaya memerdekakan dirinya hanya dalam bidang politik, manakala bidang ekonomi terus dikuasai oleh pihak bekas penjajah, dan melalui ekonomi inilah mereka dapat membuat tekanan-tekanan politik yang baru untuk keuntungan mereka sendiri. Dalam istilah politik keadaan seperti ini lazimnya disebut sebagai penjajahan bentuk baru (*neo-colonialism*). Dengan demikian, melalui dasar milik negara negara-negara baru muncul boleh menjamin kemerdekaan yang penuh dan tulen. Tujuan kedua pula berbentuk ekonomi. Diharapkan bahwa dengan dasar milik-negara kekayaan negara boleh dikuasai oleh masyarakat dan keuntungan daripadanya boleh digunakan sepenuhnya untuk pembangunan negara dan bukan untuk memberi kesenangan kepada orang-orang asing yang tinggal beribu-ribu batu jauhnya dari negara ini.

Memang sukar hendak menafikan keuntungan yang boleh didapati oleh satu-satu negara dan rakyatnya dari dasar milik-negara itu. Negara boleh menguasai semula tanah serta segala kekayaan yang boleh dihasilkan daripadanya. Hasil mahsul yang didapati boleh digunakan untuk bermacam jenis pembangunan demi keuntungan dan kesejahteraan

rakyat. Cobalah kita ambil contoh untung sebanyak $1,017 juta yang telah dipunggah keluar oleh pemodal-monopoli asing pada tahun 1975, sebagaimana yang diterangkan dalam Dewan Rakyat itu. Fikirkanlah berapa banyak sekolah yang boleh didirikan dengan wang itu. Kalau sebuah sekolah memakan belanja katakanlah satu juta ringgit untuk mendirikan – dan dengan belanja itu tentulah sekolah besar, indah serta lengkap – maka pada tahun itu saja boleh didirikan seribu buah sekolah. Itu dalam satu tahun, dan tidak semestinya sekolah saja yang boleh didirikan dalam satu-satu tahun. Sebagai misalan boleh juga didirikan hospital, rumah-rumah murah untuk orang-orang miskin dan lain-lain. Bayangkanlah betapa banyak kekayaan negara sudah diangkut keluar sejak merdeka pada tahun 1957, dan betapa banyak pula sekolah, hospital, rumah murah serta kemudahan-kemudahan lain yang sepatutnya boleh didirikan dengannya. Tetapi mengapakah setengah-setengah pemimpin negara menentang dan memomok-momokkan dasar miliknegara ini?

Ada beberapa hujah yang selalu mereka kemukakan. Mulanya mereka memberikan contoh luar negeri. Kata mereka, England sewaktu di bawah pemerintahan Partai Buruh telah memiliknegarakan beberapa perusahaan, seperti arang batu dan besi waja. Dikatakan bahwa selepas langkah milik-negara ini, perusahaan yang telah menimbulkan beberapa ramai jutawan sebelum dari itu terpaksa menghadapi bermacam masalah dan kadang-kadang kerugian. Mengapa keadaannya sampai menjadi begitu tidak pula diterangkan. Sebenarnya apa yang telah berlaku ialah pemilik-pemilik dan pengarah-pengarah yang lama, semasa perusahaan-perusahaan ini dijalankan mengikut fahaman ekonomi bebas, telah diangkat semula ke dalam badan-badan yang mengawasi atau menguruskannya setelah dilaksanakan dasar miliknegara itu. Pemilik-pemilik dan pengarah-pengarah ini marah sangat akan dasar milik-negara, dan oleh yang demikian melalui badan-badan yang mereka anggotai mereka telah menjalankan bermacam jenis tipu helah dan sabotaj untuk menggagalkan dasar milik-negara tersebut. Walau bagaimanapun, mereka tidaklah berjaya untuk mengembalikan semula pemilikan serta pengurusan perusahaan-perusahaan tersebut atas lunas-lunas pemilikan sendiri seperti dulunya. Kadang-kadang dasar milik-negara yang gagal di Indonesia diberikan juga sebagai bukti. Apa yang berlaku di republik itu ialah bahawa berikutan dari dasar miliknegara perusahaan-perusahaan yang dimiliki dan dikuasai asing telah dipindahkan kepada sebilangan kecil orang-orang politik, general-general dan pemodal-pemodal yang oportunis untuk mengendalikannya. Mereka ini lebih mementingkan keuntungan diri sendiri daripada negara dan

rakyat. Tentulah semua pengalaman buruk di luar negeri ini sepatutnya dijadikan asas pengajaran dan bukannya alasan untuk momokan.

Yang menariknya, penentang-penentang dasar milik-negara ini selalu memberi contoh hanya daripada langkah-langkah atau negara-negara yang tidak begitu berjaya atau gagal sama sekali. Mengapa tidak dikemukakan contoh-contoh kejayaan pula? Di negara-negara Arab tidak berapa lama dulu semua perusahaan minyak dimiliki atau dikuasai oleh pemodal-monopoli asing dari Barat. Pada waktu itu negara-negara Arab dipandang rendah dan memperolehi pendapatan negara yang sangat kecil. Tetapi apakah yang terjadi setelah minyak dimiliknegarakan di Iraq, Libya dan juga Arab Saudi? Negara-negara Arab ini sudah mulai dihormati sebagai kuasa yang tidak boleh diperkecil-kecilkan. Pendapatan negara bertambah, dapat digunakan untuk memesatkan pembangunan masing-masing negara dan juga untuk dipinjamkan kepada beberapa negara kurang maju yang memerlukannya. Pemimpin-pemimpin kerajaan di negeri ini pun sekarang sudah lebih sering ke sana dengan bermacam tujuan. Apabila ternyata dasar miliknegara minyak ini berjaya di Timur Tengah, maka ada pula suara yang mengatakan bahwa minyak boleh dimiliknegarakan dengan jayanya kerana hasil minyak merupakan bahan tenaga yang sangat diperlukan oleh dunia. Kalau sudah tahu begitu, mengapa kita sendiri tidak mahu mengikut jejak negara-negara Arab dengan minyak yang sudah mula kita usahakan? Bagaimana pula dengan getah dan bijih? Bukankah ini juga bahan-bahan mentah yang sangat dikehendaki, terutamanya oleh negara-negara kaya?

Apabila soal-soal seperti ini timbul maka dikemukakanlah hujjah lain. Ditegaskan oleh pihak-pihak yang berkenaan bahwa di negeri ini sudah terdapat beberapa perusahaan yang diselenggarakan oleh kerajaan, seperti perusahaan keretapi dan elektrik, dan rancangan seperti MARA dan FELDA, Dikatakan bahawa kebanyakan daripadanya tidak begitu maju dan ada yang menanggung kerugian pula. Tetapi sudahkah dibuat kajian-kajian yang mendalam untuk mencari punca-punca kegagalan ini? Dengan pandangan mata kasar dapat dilihat bahawa kebanyakan perusahaan selenggaraan kerajaan yang kurang maju atau gagal ini adalah perusahaan-perusahaan yang terpaksa bersaingan dengan perusahaan-perusahaan jenis sama yang dijalankan oleh pihak swasta. Keretapi tidak dapat bertanding dengan pengangkutan swasta. Setengah-setengah perusahaan yang diambilalih oleh MARA atau PERNAS memang yang sudah semput-semput. Jikalau ada pun yang baru dibuka, maka perusahaan itu harus menghadapi persaingan dari syarikat-syarikat yang sudah lama wujud serta banyak pengalaman,

dan boleh bergerak sebebas-bebasnya di bawah sistem ekonomi bebas yang kuat dipertahankan sekarang ini.

Tetapi bagaimana dengan perusahaan yang tidak ada saingan swasta? Ambillah perusahaan elektrik. Bukanlah perusahaan ini mendatangkan keuntungan? Bukankah harga (bayaran) elektrik tidak banyak berubah naiknya sejak beberapa lama dulu? Barangkali sekiranya perusahaan ini diusahakan oleh pihak swasta lampu-lampu tepi jalan pun akan dikenakan bayaran, dan harga elektrik akan sentiasa naik sebagaimana seringnya naik harga barang-barang keperluan seperti minyak dan gula dalam beberapa tahun yang lalu. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa jikalau usaha miliknegara itu dijalankan sepenuhnya dalam segala bidang perusahaan besar dan dilindungi dari persaingan dengan pihak swasta, maka kemungkinannya berjaya adalah besar. Tetapi ada pula yang akan mengeluh "Kita kurang tenaga berkebolehan, kurang *know how*. Bukan mudah hendak mengurus berbagai perusahaan itu." Ini samalah dengan keluhan penentang-penentang kemerdekaan dulu, manakala mereka berkata negeri ini kekurangan pentadbir dan lain-lain. Jikalau benar-benarlah dirasakan kekurangan tenaga ini, bukankah boleh dilancarkan dari sekarang rancangan-rancangan untuk melatih dan menyediakannya? Adakah RMT mengutamakan hal-hal seperti ini?

Apabila hujah yang boleh dianggap rasional sedikit sudah kehabisan maka akan dikemukakanlah pula momokan-momokan yang kurang waras. Maka dilaungkanlah tuduhan bahwa dasar ini diperjuangkan oleh kominis, dan sesiapa yang menyuarakannya adalah "sanggup bekerjasama dengan orang-orang yang menjadi front kepada komunis" (Mahathir Muhamad, 1976: 106). Adakah semua orang yang mahu menentang kemiskinan bekerjasama dengan komunis? Adakah semua negara Arab yang memiliknegarakan minyak mereka alat bagi barisan depan komunis? Maka berkatalah lagi mereka bahawa dasar miliknegara ini adalah dasar merampas harta orang lain. Tegas mereka ini adalah bertentangan dengan Islam. Siapakah yang sebenarnya telah merampas? Bukankah kuasa asing itu yang telah datang dengan kapal, meriam dan senapang mereka, membunuh orang-orang besar dan rakyat, menakluki kerajaan dan 'merampas' kawasan-kawasan yang subur untuk ladang dan yang kaya dengan bijih? Bukankah dengan penguasaan ekonomi maka mudah saja mereka melakukan penindasan dan melakukan ketidakadilan? Bukankah semua ini yang sebenarnya bertentangan dengan Islam? Jadi soal pokok di sini bukannya soal milik saja, tetapi soal kezaliman yang dilakukan akibat daripada milik dan kekuasaan ekonomi itu. Kalaulah benar-benar dipercayai bahawa dasar miliknegara ini dasar kominis dan anti-Islam, mengapakah orang-orang yang

menjadi perdana menteri atau menteri biasa pernah menandatangani peristiharan-peristiharan seperti di Aljazair (1971), berikutan dari sidang negara-negara Dunia Ketiga, di Lahore (1974) selepas sidang negara-negara Islam, dan di Dakar (1975) setelah sidang negara-negara membangun, yang kesemuanya menjunjung dasar miliknegara dan keadilan ekonomi itu? Adakah untuk berpura-pura semata? Mudah-mudahan tidak!

Sebenarnya dasar miliknegara ini tidak akan mudah diterima oleh kerajaan atau pemimpin yang mempertahankan sistem ekonomi bebas, dan yang senantiasa menggantungkan harapan kepada pelaburan swasta untuk membangun negara. Tetapi harus ditegaskan bahawa selagi kedudukan pelabur asing kuat dan sistem ekonomi bebas kukuh akar umbinya maka selagi itulah kemiskinan akan susah dibasmi dan penyusunan semula masyarakat tidak dapat dilaksanakan. Bagaimana hendak mengawal dan merancangkan sektor swasta yang dijaminkan kebebasan penuh untuk berusaha membolot keuntungan itu? Tetapi sebaliknya, dengan dasar milik-negara lebih mudah direncanakan supaya keuntungan-keuntungan dari perusahaan negara digunakan untuk pembangunan, dan lebih banyak lagi penyertaan bumiputra digalakkan ke dalam bidang-bidang perniagaan dan perusahaan yang dikuasai oleh negara itu. Bukankah, sebagai contoh, lebih senang untuk melaksanakan rancangan melatih bumiputra di bawah naungan Lembaga Letrik Negara atau PETRONAS daripada mendesak Unilevers atau Exxon supaya melaksanakan rancangan latihan sedemikian? Itulah bedanya antara perusahaan yang dikuasai oleh negara dengan yang dikuasai oleh sektor swasta melalui modal asing.

Usaha miliknegara adalah satu aspek yang sangat penting dalam dasar untuk membebaskan ekonomi negara dan rakyat daripada cengkaman segelintir orang, baik dari luar maupun dalam negeri. Dalam negara-negara baru muncul, terutamanya yang pernah dijajah, usaha milik-negara ini melibatkan terutama sekali pemodal-monopoli asing yang memiliki atau menguasai ladang-ladang, lombong-lombong dan syarikat-syarikat terbesar. Tetapi selain daripada mereka ini, pada peringkat yang lebih rendah pula terdapat juga sebilangan orang tempatan yang membolot kekayaan selaku tuan tanah, pemodal atau orang tengah yang besar-besar. Ada di antara mereka yang bekerjasama rapat dengan pemodal-monopoli asing. Mereka menguasai bidang-bidang pengeluaran dan pemasaran pada peringkat negeri. Ada juga yang lebih kecil di kampung-kampung. Sistem ekonomi bebas memberi peluang dan kemungkinan penuh kepada pemodal-pemodal dan tuan-tuan tanah ini untuk melakukan bermacam-macam cara tipu helah serta penindasan

supaya melipatgandakan keuntungan. Banyak kajian yang telah menunjukkan bahwa mangsa yang paling teruk sekali dari penindasan oleh tuan tanah dan orang tengah besar, yang sering juga menjadi pemberi pinjam wang, adalah petani-petani dan nelayan-nelayan miskin di luar bandar.

Satu cara untuk mengurangkan kesan buruk dari orang tengah dan pemberi pinjam wang terutamanya ialah dengan membangunkan gerakan koperatif. Akan tetapi gerakan ini mestilah meliputi semua peringkat dan kukuh pula keadaannya. Ambillah umpamanya perusahaan ikan. Mula-mula ikan ditangkap di laut, dan pada peringkat pengeluaran ini diperlukan bot dan pukat. Kemudian ikan yang ditangkap itu sebagiannya mungkin dijual di pasaran tempatan dan sebagian lagi perlu disimpan di tempat air batu sebelum diangkut ke pasaran akhirnya. Di sini ada tiga peringkat yang terlibat, iaitu penyimpan, pengangkutan dan pemasaran. Sekiranya cara koperatif dilaksanakan hanya pada peringkat pertama saja, iaitu pengeluaran, maka ada kemungkinan sabotaj berlaku pada peringkat-peringkat lain, berpunca daripada golongan-golongan yang tidak hendak melihat gerakan itu berjaya sebab dianggap boleh mengancam kedudukan orang tengah dan pemberi pinjam wang tadi. Hanya jikalau pada empat-empat peringkat sekali dilaksanakan usaha secara koperatif, barulah kejayaan dapat terjamin. Gerakan koperatif yang berjaya penuh pasti boleh menaikkan taraf hidup nelayan-nelayan ini, sebab keuntungan yang selalunya dibolot oleh pemilik-pemilik bot, tempat air batu, pengangkutan dan pasaran sebagian besarnya boleh dikembalikan kepada nelayan-nelayan dalam bentuk upahan atau harga yang lebih tinggi. Begitulah seterusnya taraf hidup petani-petani padi boleh dinaikkan jikalau kerja-kerja yang terlibat dengan pengeluaran, seperti membajak dan mengilang, atau dengan pasaran, seperti membeli baja dan menjual hasil padi, dan juga penyediaan kredit dilakukan sepenuhnya secara koperatif pada semua peringkat.

Sistem koperatif adalah bertentangan dengan sistem ekonomi bebas. Sekiranya, sebagaimana kelihatan dalam bidang-bidang seperti perikanan dan pertanian padi tadi, sistem koperatif mengutamakan keuntungan kepada nelayan dan petani, dan tidak memerlukan khidmat golongan-golongan orang tengah dan pemberi pinjam wang, akan tetapi sebaliknya sistem ekonomi bebas menggalakkan golongan-golongan tersebut, yang mengutamakan keuntungan bagi diri mereka sendiri. Manakala gerakan koperatif tidak kuat, dan apatah lagi jikalau dijalankan seolah-olah semacam hendak melepaskan batuk di tangga, maka senang saja gerakan ditumpaskan oleh syarikat-syarikat atau orang-

orang perseorangan yang bersaingan dengannya. Perkara semacam ini telah sering berlaku. Oleh yang demikian, untuk menjamin gerakan koperatif, maka suasanannya hendaklah didirikan supaya terbatas dan sebaik-baiknya terbasmi segala bentuk persaingan yang boleh mencabarnya. Sebagai permulaan, gerakan koperatif boleh diberikan kuasa penuh dalam sektor kegiatan ekonomi atau daerah-daerah yang tertentu. Akan tetapi tentulah lebih baik lagi sekiranya gerakan itu meluas dalam semua sektor yang melibatkan hidup petani-petani dan meliputi seluruh negara. Ertinya sistem koperatif perlu menggantikan sistem ekonomi bebas sebagai satu langkah penting untuk mencapai matlamat pembasmian kemiskinan dan seterusnya menaikkan taraf hidup rakyat.

Satu lagi langkah penting untuk mencapai matlamat yang sama ialah dengan mengadakan pembaruan pertanahan (*land reform*) yang lengkap dan meliputi. Usaha-usaha seperti membuka tanah baru, menyediakan kemudahan-kemudahan pengairan, baja dan kredit, sebagaimana yang dilaksanakan mengikut rancangan-rancangan pembangunan di negeri ini sebenarnya merupakan sebagai sebagian dari pembaruan pertanahan juga. Akan tetapi usaha-usaha itu tidak begitu lengkap sebab usaha-usaha itu tidak merobah sistem pemilikan dan penyewaan tanah yang wujud sekarang. Tidak ada batasan bagi tuan tanah atau pemodal kaya untuk membolot harta. Kadang-kadang cara-cara yang mereka gunakan sangat menganiaya petani-petani miskin terutamanya, misalnya, dengan cara merampas tanah petani oleh sebab ia tidak mampu melangsaikan hutang dan bunga yang tinggi. Seterusnya, dalam keadaan di mana sebagian besar tanah dibolot oleh sebilangan kecil tuan-tuan tanah kaya, maka cara-cara upahan dan sewaan lebih menguntungkan tuan-tuan tanah daripada pengerja-pengerjanya. Di setengah-setengah negeri pemilikan tuan tanah itu dibataskan, umpamanya kepada 25 ekar saja, dan yang lebih dibagi-bagikan kepada petani-petani yang tidak bertanah. Di setengah-setengah negeri lain pula, segala tanah dalam kawasan-kawasan tertentu dijadikan milik bersama penduduk-penduduknya, dan dikerjakan bersama. Seterusnya hasil daripada usaha bersama ini dibagi-bagikan untuk keperluan penduduk yang berkenaan dan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tempatan. Satu pembaruan pertanahan yang lengkap dan merobah sistem pemilikan serta penyewaan itu merupakan satu keperluan yang besar untuk pembangunan negara dan kemajuan rakyat.

# VIII. Masyarakat Majmuk

DALAM bab-bab yang lalu kita telah membincangkan cuma tentang masyarakat Melayu dan masalah-masalahnya. Memang sudah diketahui bahwa penduduk negeri ini bukan hanya orang Melayu, bahkan terdiri dari berbilang kaum. Mengikut banci tahun 1970, jumlah penduduk di Semenanjung ialah seramai 8,810,348, yang terdiri daripada 4,685,838 Melayu (53.2%), 3,122,350 Cina (35.4%), 932,629 India (10.6%) dan 69,531 lain-lain (0.8%). Jadi orang Melayu hanya lebih sedikit saja dari separuh seluruh penduduk Semenanjung. Memang perlu kita melihat dan mengkaji orang-orang Melayu ini dalam hubungannya dengan kumpulan-kumpulan lain. Orang Melayu merupakan hanya sebagian daripada satu keseluruhan yang lebih besar. Apabila kita menumpukan perhatian hanya kepada mereka, kita akan melihat masalah-masalah satu bahagian saja daripada masalah-masalah masyarakat negeri ini secara keseluruhannya. Sebenarnya orang-orang Melayu dan masalah-masalah mereka perlu ditinjau dalam hubungannya dengan golongan kaum-kaum lain dan juga dalam konteks keseluruhan masyarakat negeri ini.

Orang-orang Melayu di Semenanjung memang sudah lama mempunyai hubungan dengan golongan-golongan lain, bukan saja dari rantau ini bahkan dari kawasan-kawasan luar di atas dan di bawah angin. Pertamanya dari segi ilmu alam Semenanjung ini terletak pada tempat yang agak penting, kerana Selat Melaka menjadi lorong perjalanan laut yang penting dan harus dilalui untuk ke timur atau ke barat. Dari zaman dulu lagi para peniaga mencari tempat perhentian di sini bukan saja untuk mencari bekalan air dan makanan, bahkan juga untuk menjalankan perniagaan. Mungkin, itulah yang mendorongkan peniaga-peniaga India mula-mula singgah di sini. Keduanya, berhubung dengan perkara pertama ini, pada abad kelima belas, di Semenanjung telah timbul Melaka sebagai pusat kerajaan dan perdagangan yang besar serta sibuk. Pedagang-pedagang dan rombongan-rombongan yang mewakili negeri-negeri lain datang berkunjung sepanjang masa. Mereka datang dari Tanah Arab, India, Cina dan juga Eropa, selain dari pulau-pulau yang berdekatan dalam gugusan pulau-pulau Melayu.

Kedatangan orang-orang luar ini bukan setakat hendak berniaga atau melawat saja dan kemudiannya pergi. Ada di antara mereka yang bermastautin di sini, beristerikan orang Melayu dan beranak pinak. Ada petugas-petugas agama yang menetap untuk mengembangkan agama mereka, baik Hindu maupun Islam, di kalangan rakyat. Di Melaka, misalnya, selain daripada peniaga-peniaga dan pengembang agama ini, terdapat juga beberapa orang asing yang pada waktu itu telah diterima masuk ke dalam lapisan atasan. *Sejarah Melayu* menceritakan tentang adanya orang-orang besar yang berasal dari India dan tentang perkahwinan puteri Cina dengan seorang sultan Melaka. Jadi pada waktu itu sudah ada hubungan sosio-ekonomi melalui perdagangan, penglibatan dalam pemerintahan, dan juga kahwin campur di kalangan lapisan bawahan dan juga atasan. Akan tetapi pada ketika itu kedudukan orang Melayu (atau lebih tepat kerajaannya) adalah kuat. Barangkali ini disebabkan oleh bilangan orang luar tidak ramai, dan sebagian besar dari mereka hanya singgah sementara, walaupun ada yang menetap. Dengan mudah saja sebagian yang menetap di sini tersedut ke dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu pada waktu itu.

Kedatangan orang-orang luar secara beramai-ramai ke Semenanjung untuk mencari nafkah dan terus tinggal di sini berlaku selepas datangnya Inggeris dan bertapaknya pemerintahan penjajahan mereka di negeri-negeri Melayu. Ada dua kategori besar golongan pendatang ini. Pertamanya, golongan dari pulau-pulau dalam gugusan Melayu, yang dari segi sejarah dan kebudayaannya tidak berbeda sangat dengan orang-orang Melayu yang memang sudah berada di Semenanjung. Mereka terdiri dari orang-orang Jawa, Sunda, Aceh , Minangkabau, Banjar, Bugis dan lain-lain lagi. Ada yang datang sendirian dan ada yang dibawa masuk sebagai buruh kontrak. Sebagian daripada mereka membuka kawasan-kawasan baru atau bekerja dalam kampung-kampung yang memang sudah ada, dan sebagiannya pula menjadi buruh dalam ladang-ladang atau tukang kebun dalam pelbagai jabatan. Oleh kerana kebudayaan mereka hampir sama dengan orang Melayu di sini, dan tidak terdapat pula halangan agama, maka mereka dengan mudah saja diterima ke dalam masyarakat dan berkahwin pula dengan orang-orang tempatan. Akhirnya mereka dianggap dan menganggap diri sendiri sebagai orang Melayu juga.

Kategori yang kedua pula terdiri terutamanya dari orang-orang yang berasal dari India dan Cina. Ada yang dibawa ke mari secara kontrak juga mula-mulanya untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang serta lombong-lombong, atau sebagai pegawai-pegawai rendah dalam jabatan-jabatan kerajaan yang tertentu. Selain dari itu, ada pula yang datang

atas daya usaha sendiri, terutama sekali untuk mencoba nasib dalam bidang perniagaan – membuka kedai di kampung dan juga di bandar. Kemudian ada pula yang mengisi tempat-tempat kosong dalam lapangan-lapangan profesional, sebagai peguam, doktor dan jurutera. Orang-orang Cina dan India ini pada umumnya berasal dari keturunan yang lain, mempunyai kebudayaan yang tidak sama dan menganuti agama yang berbeda dari orang Melayu. Tambahan pula, mereka kebanyakannya bekerja dan tinggal di kawasan-kawasan yang jauh dari tempat berkelompoknya orang-orang Melayu. Terdapat jarak sosial di antara mereka iaitu Cina dengan India, dan juga di antara kedua-duanya dengan orang Melayu. Mereka masing-masing meneruskan cara hidup sendiri-sendiri dalam persekitaran masing-masing.

Masyarakat berbilang kaum yang hidup secara berasingan tetapi di bawah sistem politik yang sama, sebagaimana yang wujud di Semenanjung masa ini hasil daripada perkembangan sejarah sewaktu zaman penjajahan, selalunya dikenal sebagai masyarakat majmuk (*plural society*). Konsep masyarakat majmuk ini mula digunakan oleh seorang penulis Barat bernama Furnivall, yang telah mengkaji keadaan di Hindia Timur (sekarang Indonesia) dan Burma semasa pemerintahan di bawah penjajah masing-masing, iaitu Belanda dan Inggeris. Mengikutnya dalam masyarakat majmuk" ... bagian-bagian yang berlainan dalam komuniti hidup sebelah menyebelah tetapi berasingan di dalam unit politik yang sama". Seterusnya ia berkata, "Tiap-tiap kumpulan berpegang kepada agamanya sendiri, kebudayaan dan bahasanya sendiri ... Bahkan dalam bidang ekonomi pun terdapat pembagian kerja mengikut garis ras" (Furnival, 1948: 304-5). Konsep Furnivall ini seringkali digunakan dalam analisa mengenai masyarakat negeri ini. Walaupun Furnivall menggunakan istilah 'ras' bagi tiap-tiap kumpulan yang berasingan itu, tetapi di sini kita akan menggunakan istilah 'kaum' atau 'kumpulan ethnik'. yang lebih sesuai dengan sains kemasyarakatan semasa.

Shibutani dan Kwan mengutarakan penafsiran bahwa "... satu-satu kumpulan ethnik mengandungi orang-orang yang menganggap diri sendiri dan dianggap oleh orang lain sebagai sama kerana mempunyai nenek moyang yang sama, baik secara benar maupun secara dongengan saja." Mereka selanjutnya berkata bahawa tiap-tiap kumpulan ethnik itu lazimnya "... disatukan oleh ikatan-ikatan perasaan dan memandang berat kepada mempertahankan jenis mereka sendiri ... mereka bertutur bahasa yang sama ... mempunyai warisan kebudayaan yang serupa." (Shibutani & Kwan, 1965: 40). Berdasarkan pendapat-pendapat ini maka nyatalah orang-orang Melayu, Cina dan India merupakan kumpulan kaum yang terbesar sekali di Semenanjung. Mereka mem-

perlihatkan semua unsur-unsur yang disebutkan oleh Shibutani dan Kwan itu. Walaupun ada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil dalam kumpulan kaum Melayu, iaitu Jawa, Minang, Bugis dan lain-lain yang juga mempunyai bahasa dan adatnya sendiri, namun lazimnya mereka semua digolongkan sebagai Melayu saja, sebab mereka menganggap dan dianggap demikian umumnya, dan tambahan pula mereka beragama Islam dan bertutur bahasa Melayu juga, sebagaimana yang terdapat di kalangan orang-orang Melayu seluruhnya. Demikian juga, meskipun terdapat *sei-sei* yang berlainan di kalangan orang Cina., dan tiap *sei* pula ada loghatnya sendiri dan biasanya terlibat dalam jenis kegiatan ekonomi yang sama, namun pada umumnya mereka menganggap diri mereka dan dianggap oleh orang lain sebagai Cina saja.

Sebagaimana yang wujud sekarang, tidaklah begitu sukar untuk mengenal kaum-kaum yang berlainan dari bentuk zahir mereka. Selain dari itu, mereka masing-masing memperlihatkan ciri-ciri dan norma-norma kebudayaan yang berbeda, dan mudah dilihat. Orang-orang Melayu beragama Islam, dan biasanya melakukan sembahyang, puasa dan haji. Cara pakaian dan jenis makan mereka pada umumnya adalah dipengaruhi oleh kepercayaan agama dan nilai kebudayaan mereka. Mengenai orang-orang Cina pula, meskipun selalu dihubungkan dengan kepercayaan-kepercayaan Buddha dan Tao, namun mereka tidak begitu kuat berpegang kepercayaan-kepercayaan itu. Kepercayaan terhadap agama nampaknya tidak meresapi segala aspek kehidupan sehari-hari, tidak seperti pengaruh Islam ke atas orang-orang Melayu, terutamanya orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung. Tentang orang-orang India pula, mereka agak kuat menganuti agama Hindu, dan melakukan upacara-upacara keagamaannya. Masing-masing kaum mempunyai bahasa dan warisan kebudayaan sendiri, dan sangat berbangga dengannya.

Faktor-faktor perbedaan atau pengasingan antara kaum-kaum yang berlainan bukanlah terbatas kepada sifat-sifat semulajadi atau turun-temurun saja. Ada faktor-faktor lain yang berkaitan dengan proses perkembangan dan pencapaian masing-masing kaum itu sendiri. Dari segi sebaran tempat kediaman kita dapati bahawa hampir sepertiga dan semua penduduk di Semenanjung adalah di bandar-bandar, iaitu pusat-pusat yang telah digezet sebagai mempunyai penduduk lebih dari 10,000. Secara perbandingan Melayulah yang kecil sekali bilangannya di bandar, iaitu kurang daripada seperlima, manakala Cina yang paling besar sekali, iaitu kira-kira separuh. Orang India pula adalah di tengah-tengah, dengan mempunyai lebih dari sepertiga di bandar. Penumpuan orang-orang Melayu adalah di kampung-kampung. Ditinjau

dari suduț kawasan-kawasan negeri pula, orang Melayu paling ramai di negeri-negeri yang berpeluang mendapat kemajuan dari perladangan dan perlombongan, terutamanya Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan.

Corak sebaran penduduk ini mempengaruhi juga jenis-jenis pekerjaan dan tingkat pendapatan bagi kumpulan-kumpulan kaum yang berlainan. Orang-orang di luar bandar terlibat dengan kerja-kerja pertanian: orang-orang Melayu kebanyakannya dalam pertanian padi dan getah, orang-orang Cina kebanyakannya menoreh dan menanam sayur, dan orang-orang India kebanyakannya menoreh di ladang-ladang getah. Oleh kerana mereka banyak berkelompok di kawasan-kawasan pertanian, maka dengan sendirinya orang Melayu paling ramai sekali terlibat dengan kegiatan-kegiatan pertanian. Begitu juga pekerjaan-pekerjaan yang berkaitan dengan bandar-bandar, umpamanya, buruh-buruh dan pengurus-pengurus dalam bidang-bidang perkilangan, pembinaan dan perniagaan adalah kebanyakannya dalam tangan orang-orang Cina. Akan tetapi dalam perkhidmatan kerajaan dan peringkat rendah yang menggunakan pakaian seragam, orang-orang Melayu merupakan golongan yang terbesar. Pembagian kaum mengikut jenis-jenis kegiatan ekonomi atau pekerjaan mereka dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual IV dan V. Mengikut, jadual-jadual itu, pada tahun 1970, hanya dalam bidang pertanian terdapat orang Melayu melebihi dua perțiga (67.6%), manakala dalam bidang-bidang perlombongan, pembinaan dan perdagangan jumlah mereka adalah kurang daripada sepertiga bagi tiap-tiap bidang. Sebaliknya bilangan orang-orang Cina pula adalah dalam lingkungan dua pertiga daripada tenaga kerja dalam bidang-bidang perlombongan (66%), perkilangan (65.4%), pembinaan (72.1%) dan perdagangan (65.3%).

Dari segi pendapatan pula, pendapatan purata dalam kawasan-kawasan luar bandar ialah $200, dan di bandar pula lebih sekali ganda jumlah itu, iaitu $428. Seperti yang telah dilihat dalam bab lalu, pada tahun 1970 daripada 1.6 juta keluarga, sebanyak 49.3% berpendapatan rendah dari garis kemiskinan, yang ditentukan pada peringkat pendapatan per kapita $25 bagi satu keluarga, atau $150 bagi sesuatu keluarga yang mempunyai enam orang ahli. Daripada jumlah yang dianggap miskin itu, 89.2% adalah dalam masyarakat luar bandar. Orang Melayu kebanyakannya di kampung, dan tidak hairanlah bahawa mengikut kaum merekalah yang mempunyai pendapatan pukul rata yang paling rendah, iaitu $172, berbanding dengan Cina ($394) dan India ($304) bagi satu keluarga. Jadual VI menunjukkan pembagian kaum mengikut peringkat-peringkat pendapatan tertentu. Kelihatan bahwa

bagi pendapatan kurang dari $200 sekeluarga, peratus orang Melayu melebihi kaum-kaum yang lain, manakala bagi pendapatan melebihi $400 sekeluarga pula peratusan orang China lebih tinggi dari kaum-kaum lain. Di kalangan mereka yang berpendapatan kurang dari $100, iaitu peringkat rendah sekali, kira-kira 85% adalah Melayu, kira-kira 10% China dan kira-kira 5% India. Di kalangan yang berpendapatan lebih daripada $3,000 sekeluarga pula, iaitu peringkat tertinggi sekali, kira-kira 52% adalah Cina kira-kira 12% adalah Melayu dan 17% India (Jadual VI).

Seterusnya terdapat juga penumpuan mengikut garis kaum dalam bidang-bidang pelajaran dan politik. Dalam tahun 1970 dan 1975 sebaran bilangan pelajar di semua peringkat mengikut kaum adalah sebagai yang tergambar dalam Jadual IX. Pada keseluruhannya peratus Melayu di semua peringkat pelajaran telah bertambah dari 1970 ke 1975, iaitu: pelajaran rendah dari 53.4% ke 55.2%, menengah rendah dari 51% ke 54.4%, menengah atas dan 48.8% ke 60.7%, menengah tinggi dari 43.4% ke 54%, kursus pra-universiti dari 49.7% ke 65.1%, kursus diploma dari 82.9% ke 85.4%, dan kursus ijazah dari 39.7% ke 57.2%. Boleh dikatakan bahawa di semua peringkat pada tahun 1975 peratus Melayu adalah lebih besar daripada peratus penduduk bukan Melayu di Semenanjung seluruhnya. Walaupun sekolah sepatutnya menjadi tempat percampuran di antara pelajar-pelajar semua kaum, akan tetapi terdapat penumpuan kaum di setengah-setengah sekolah yang tertentu. Mengikut satu kajian sosio-ekonomi pada tahun 1967– 68, 87% daripada pelajar-pelajar Melayu memasuki sekolah aliran Melayu; 85% daripada pelajar-pelajar Cina memasuki sekolah Cina dan 67% daripada pelajar-pelajar India memasuki sekolah-sekolah aliran Tamil. Cuma di sekolah aliran Inggeris terdapat percampuran kaum yang agak seimbang (Chander, 1970).

Sejak tahun 1970, sekolah-sekolah yang ditanggung atau dibantu oleh kerajaan bertukar kepada aliran Melayu, dan oleh kerana itu pada kira-kira tahun 1980 gambaran yang terdapat pada tahun 1967–68 itu dengan sendirinya akan luput. Akan tetapi pasti masih ada sekolah-sekolah yang kebanyakan penuntutnya hanya dari satu kaum. Misalnya sekolah-sekolah yang asalnya dulu sekolah kebangsaan akan terus mempunyai kebanyakannya penuntut-penuntut Melayu, manakala sekolah-sekolah jenis kebangsaan di bandar-bandar besar akan terus juga menjadi tempat tumpuan penuntut-penuntut bukan-Melayu. Sekolah-sekolah swasta pula, yang kebanyakannya beraliran Cina akan berterusan dengan penuntut-penuntut Cinanya. Di peringkat pra-universiti, sekolah-sekolah ternama yang sudah lama wujud di bandar-

bandar besar akan menampung kebanyakan pelajar-pelajar bukan-Melayu, manakala pusat-pusat sains menampung pelajar-pelajar Melayu saja. Di maktab-maktab perguruan, misalnya, ada percampuran kaum, akan tetapi Maktab MARA terus menjadi tempat tumpuan Melayu dan Maktab Tengku A. Rahman tempat tampuan pelajar-pelajar Cina pula. Di peringkat universiti, Universiti Malaya mencerminkan keseimbangan kaum mengikut jumlah peratus bilangan penduduk, walaupun terdapat penumpuan kaum-kaum tertentu di fakulti-fakulti tertentu pula; tetapi Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi menjadi pusat pelajar-pelajar Melayu. Di luar negeri pula lebih daripada 80% pelajar Malaysia adalah bukan-Melayu.

Dalam bidang politik, boleh dikatakan semua partai adalah mempunyai anggota-anggota yang terdiri daripada kaum-kaum tertentu. Boleh dikatakan dasar dan organisasi kebanyakan partai politik di negeri ini adalah bercorak perkauman. Di kalangan orang Melayu terdapat dua buah partai yang besar, iaitu UMNO, yang berasaskan nasionalisme Melayu liberal, dan PAS, yang memperjuangkan Islam. PSRM pula, walaupun tegak atas program yang lebih menekankan nasib orang-orang miskin, tetapi hampir semua anggotanya dan sebagian besar sokongan yang diperolehnya adalah dari orang Melayu. Orang-orang Cina pula tertumpu kepada partai-partai MCA, Gerakan dan DAP. MCA adalah khusus untuk anggota-anggota keturunan Cina saja, akan tetapi Gerakan dan DAP, sungguhpun membuka pintunya kepada semua kaum, tidak mendapat sambutan daripada orang-orang Melayu. MIC pula, sebagaimana yang dijelaskan oleh namanya, adalah sebuah partai untuk orang-orang India. Sejak belum merdeka UMNO, MCA dan MIC telah bekerjasama dalam Perikatan yang membentuk kerajaan, dan sejak tahun 1974 PAS dan Gerakan beserta dengan beberapa partai lain telah menggabungkan diri mereka dengan Perikatan untuk membentuk BN dan kemudiannya kerajaan. Kerjasama Kerjasama mereka hanya berbentuk organisasi dan pada peringkat pimpinan. Masing-masing partai tetap dengan dasar, organisasi dan sokongan yang bercorak perkauman masing-masing seperti dulu juga.

Walaupun ketara perbedaan-perbedaan bahasa, agama serta kebudayaan, dan terdapat penumpuan dalam tempat kediaman, kegiatan-kegiatan ekonomi, politik dan pelajaran, namun ini tidaklah bermakna bahwa ketiga-tiga kaum Melayu, Cina dan India berasingan sama sekali di antara satu sama lain. Jarak sosial memang wujud di antara sebagian besar mereka. Akan tetapi, sebaliknya ada juga perhubungan antara kaum, walaupun dengan agak terbatas. Sebabnya ialah ada juga kaum-kaum yang berbeda ini diam di kampung-kampung, pekan-pekan atau

kota-kota yang sama, melakukan kerja yang sama di ladang-ladang, kilang-kilang atau pejabat-pejabat yang sama, bergerak dalam badan-badan politik yang sama, dan menuntut di sekolah-sekolah, maktab-maktab atau universiti-universiti yang sama. Interaksi ini boleh berlaku pada peringkat persahabatan, institusi ataupun pertubuhan. Pada peringkat persahabatan terdapat hubungan rapat dalam kehidupan sehari-hari atau hanya sekadar lawat-melawat pada hari-hari kebesaran masing-masing. Melalui institusi-institusi seperti jual beli, sewa menyewa dan persekolahan, lelaki perempuan, tua muda dan kaum-kaum yang berlainan menjalin hubungan-hubungan sosial yang boleh diperteguhkan pula dengan hubungan-hubungan lain. Pada peringkat pertubuhan pula, terdapat banyak pertubuhan yang berbentuk politik dan lebih-lebih yang berbentuk bukan-politik, yang boleh menjadi saluran bagi memperbanyak interaksi dan menguatkan hubungan antara kaum.

Proses integrasi antara kaum memang sentiasa berlaku, terutama pada ketiga-tiga peringkat yang disebutkan di atas. Proses ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi pada lapisan-lapisan masyarakat yang berlainan dalam rangkabidang susunlapis. Kita telah melihat bahwa masyarakat Melayu boleh dibagi kepada tiga lapisan, iaitu atasan, pertengahan dan bawahan. Pembagian yang sama terdapat juga di kalangan orang-orang Cina dan India, dan dengan demikian bolehlah seluruh masyarakat dianalisa mengikut susunan yang sama. Cuma, akan didapati bahwa di tiap-tiap lapisan itu peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga kaum adalah berlainan; boleh dikatakan seolah-olah wujud pengkhususan peranan di kalangan mereka.

Di lapisan atasan, seperti yang telah kita lihat dalam bab yang terdulu, orang-orang, Melayunya terdiri daripada raja-raja, para ahli politik dan pentadbir yang terkanan dan sebagian kecil pemodal atau pengarah. Di kalangan bukan-Melayu pula berlainan sedikit. Memang tidak ada mereka yang menjadi raja, sungguhpun ada juga yang pernah menjadi gabenor dan menteri di peringkat kebangsaan atau negeri. Kebanyakan daripada mereka, terutamanya Cina, adalah bertumpu pada bidang ekonomi – sebagai pemilik-pemilik atau pengarah-pengarah syarikat, ladang dan juga lombong. Akan tetapi hak mereka ini lebih kecil daripada hak Inggeris, walaupun jauh lebih besar dari hak Melayu. Ramai juga antara mereka yang memiliki lombong dan ladang serta menguruskan perdagangan impot ekspot. Sebagaimana yang telah diterangkan lebih awal, daripada modal saham syarikat-syarikat berhad di Semenanjung pada tahun 1970 yang berjumlah $5,329 juta itu, cuma $125 juta (atau 2.4%) milik Melayu, manakala $1,450 juta (atau 27.2%) adalah milik Cina. Walaupun milik Cina ini adalah kira-

kira 2/5 daripada milik asing yang berjumlah $3,377 juta (atau 63.3%) itu, tetapi apabila dibandingkan dengan milik Melayu jumlah itu adalah lebih dari 10 kali ganda. Sebagian besar dari modal saham ini dimiliki oleh anggota-anggota lapisan atasan.

Di antara anggota-anggota lapisan atasan berbagai kaum itu terdapat hubungan saling kait yang agak kuat. Masing-masing kaum coba menggabungkan anggota-anggota dari kaum yang lain .ke dalam lapangan yang dipengaruhinya. Misalnya pemodal-pemodal Cina selalu mengambil bekas pentadbir-pentadbir atau ahli-ahli politik kanan Melayu untuk turut serta dalam kegiatan ekonomi mereka, sekurang-kurangnya sebagai pengarah. Begitu pula, besar atau orang-orang profesional yang berjaya diterima ke dalam sistem tradisional Melayu, dengan dianugerahkan bintang-bintang kenamaan serta gelaran seperti Tun, Tan Sri, Datuk dan lain-lain. Mereka ini pula kebanyakannya menjadi pemimpin dalam partai-partai pemerintah, sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri. Selain dari itu mereka sama-sama menjadi anggota dalam kelab-kelab yang setaraf dengan kedudukan mereka, seperti *Royal Selangor Golf Club* dan *Lake Club* dan menyertai kegiatan-kegiatan sukan, terutama sekali golf, bersama-sama. Jadinya yang merapatkan hubungan di antara anggota-anggota lapisan atasan ini bukan saja kepentingan ekonomi dan politik, tetapi juga kegiatan-kegiatan sosial.

Di kalangan lapisan pertengahan pun terdapat pengkhususan dalam pekerjaan. Sebagaimana yang telah diterangkan dulu, dari mula-mulanya orang-orang Melayu telah tertarik kepada pentadbiran. Sekarang ini ada kuota 3:1 bagi pengambilan orang Melayu ke dalam perkhidmatan dalam dan luar negeri. Kebanyakan lulusan universiti masuk ke dalam perkhidmatan awam. Dalam perkhidmatan kerajaan yang lain pun, seperti menjadi guru, pegawai-pegawai dalam askar dan polis, penumpuan orang-orang Melayu amatlah nyata. Sebaliknya orang-orang Cina banyak dalam bidang-bidang profesional dan perniagaan. Seperti yang ternyata dalam Jadual VII bilangan orang Cina lebih daripada 60% sebagai jurubina dan perancang bandar, jurutera, doktor perubatan, doktor pergigian, pengurus dan penjual. Orang-orang Cina ini merupakan golongan terbesar bukan saja bagi para profesional dalam sektor swasta bahkan juga dalam kerajaan. Bilangan mereka sebagai pegawai perkhidmatan awam atau keselamatan adalah kecil, sebagaimana kecilnya juga bilangan orang Melayu dalam bidang-bidang profesional dan perniagaan. Orang-orang India pula ramai juga terdapat dalam bidang-bidang yang ditumpu oleh orang-orang Cina. Penumpuan orang-orang Cina dan India dalam bidang-bidang pro-

fesional dan perniagaan, antara lain diperlanjutkan lagi oleh faktor bahwa peluang mereka terbatas dalam perkhidmatan awam.

Di antara golongan-golongan dalam lapisan pertengahan terdapat cara hidup yang hampir sama bagi semua kaum. Pendidikan mereka, terutama yang di peringkat atas dan tengah adalah kebanyakannya melalui saluran Inggeris; dan dalam hidup sehari-hari mereka bersikap moden, atau lebih tepat mirip kebaratan. Ini memudahkan perhubungan di antara mereka. Di peringkat bandar-bandar kecil dan negeri, kadang-kadang terdapat juga persefahaman dan ikatan-ikatan kepentingan antara pegawai-pegawai Melayu dengan para profesional dan juga peniaga-peniaga bukan-Melayu. Mereka menjadi anggota kelab tempatan dan pada waktu-waktu petang bermain billiard, tennis atau golf, atau minum-minum saja. Bahkan di bandar seperti Kuala Lumpur mereka ada tempat berkumpul, seperti *Subang Golf Club* dan *Selangor Club.* Ada juga anggota-anggota lapisan atasan, seperti menteri, yang menjadi ahli kelab-kelab ini, tetapi bilangan mereka kecil sekali. Walaupun ada asas-asas integrasi di antara anggota-anggota lapisan pertengahan, namun sebenarnya di kalangan mereka persaingan paling hebat hingga boleh melarat kepada lapisan lain. Ini akan dibincangkan nanti.

Di lapisan bawahan pun kelihatan unsur-unsur penumpuan kaum dalam bidang-bidang pekerjaan yang tertentu. Orang Melayu paling ramai menjadi petani di kampung-kampung. Di ladang-ladang terdapat juga buruh Melayu, dan di lombong-lombong, walaupun ada, bilangannya sangatlah kecil. Di bandar pula mereka bertumpu kepada bidang-bidang perkhidmatan kerajaan, menjadi budak-budak pejabat, tukang kebun, polis dan asykar; tetapi ada juga yang sudah masuk menjadi buruh-buruh kilang. Sebaliknya orang-orang Cina tidak begitu besar bilangannya, jika dibanding dengan orang Melayu, sebagai petani di kampung-kampung, dan tidak sebesar bilangan India yang menjadi penoreh di ladang-ladang. Akan tetapi dalam perlombongan, pembinaan dan perkilangan jumlah buruh-buruh Cina adalah mengatasi kaum-kaum lain. Orang-orang India pula merupakan buruh teramai sekali dalam ladang-ladang; dan ramai juga di antara mereka yang menjadi buruh dalam setengah-setengah jabatan kerajaan, seperti kerjaraya dan keretapi. Proses pemaduan di kalangan lapisan bawahan ini adalah lebih lambat daripada yang kelihatan berlaku di lapisan atasan dan pertengahan. Pengaruh agama dan kebudayaan masing-masing lebih kuat di kalangan mereka. Di antara petani-petani Melayu dengan pekerja-pekerja Cina , misalnya, terdapat jurang sosial yang lebar, dan hubungan serta perasaan setiakawan tidak meluas di antara mereka. Tetapi di tempat-tempat atau negeri-negeri di mana mereka

merupakan bilangan kecil, misalnya di Kelantan, kebanyakan orang-orang Cina dari lapisan ini mengikut cara hidup Melayu, makan cara Melayu dan bertutur dalam loghat Kelantan.

Perbincangan-perbincangan sehingga ini menunjukkan beberapa perkara yang penting. Pertamanya, walaupun ada asas yang kuat bagi pembagian mengikut kaum, namun bukan itu saja pembagiannya dalam masyarakat. Dalam tiap-tiap kumpulan kaum pula terdapat pembagian kepada kumpulan-kumpulan lebih kecil, antaranya lapisan-lapisan yang berlainan dalam satu sistem susunlapis yang agak jelas. Sekiranya pembagian mengikut kaum itu merupakan pembagian secara menegak, maka pembagian mengikut susunlapis itu adalah pembagian secara mendatar. Pembagian menegak mengikut kaum ditentukan terutamanya oleh faktor-faktor perbedaan yang boleh dikatakan semulajadi atau diwarisi, manakala yang mendatar mengikut susun-lapis itu ditentukan khususnya oleh faktor-faktor perbedaan yang baru, seperti ekonomi dan politik, yang berkaitan dengan kecapaian seseorang atau segolongan dalam masyarakat. Hasil dari kumpulan-kumpulan yang berdasarkan kaum dan susunlapis ini maka mungkin terdapat dua jenis tarikan terhadap anggota-anggota masyarakat, iaitu kaitan yang lebih merapatkannya kepada kaumnya, ataupun kaitan yang lebih menariknya kepada lapisannya sendiri. Begitulah seterusnya, dalam tindakan-tindakan sosial mereka mungkin lebih mementingkan kaum ataupun lapisan sendiri.

Keduanya, tidak wujud sistem susunlapis berdasarkan kaum (*ethnic stratification*). Ertinya, tidak tepat jika dikatakan satu-satu lapisan terdiri hanya dari satu kaum dan terletak lebih tinggi atau lebih rendah dari kaum yang lain. Lebih tegas lagi, bukan semua orang Melayu dalam lapisan atasan dan semua orang Cina dalam lapisan bawahan. Gambar-an sebaliknya pun tidak wujud. Ini berbeda misalnya dengan keadaan di Afrika Selatan, malahan di Amerika, misalnya, di mana warna kulit menjadi ukuran tinggi rendah: si kulit hitam senantiasa dianggap rendah dari segi ekonomi, politik dan sosial, dan umumnya mereka dalam lapisan yang lebih ke bawah daripada si kulit putih. Garis pe-misahan warna kulit (*colour line*) seumpama itu tidak wujud di sini sekarang, walaupun semasa penjajahan dulu kedapatan juga keadaan yang meletakkan 'orang putih' di lapisan yang lebih tinggi daripada orang-orang tempatan dalam sistem susunlapis kaum waktu itu. Se-bagaimana yang kita lihat di atas, ada asas-asas kukuh untuk mem-buktikan wujudnya sistem susunlapis yang merentasi sempadan-sempadan kaum. Dalam tiap-tiap lapisan itu terdapat kaum-kaum Melayu, Cina dan juga India. Tetapi, secara perbandingan peratusan

orang Cina yang berpendapatan lebih dari $3,000 dan memiliki banyak harta di lapisan itu lebih ramai dari orang Melayu, manakala sebaliknya orang Melayu yang berpendapatan kurang dari $150 dan hidup dalam kemiskinan di lapisan bawahan adalah lebih ramai daripada orang Cina pula.

Ketiganya, ada pendapat yang mendakwa bahwa kuasa politik dan ekonomi di negeri ini adalah terbagi mengikut kaum. Maksudnya orang Melayu mempunyai kuasa politik dan orang Cina mempunyai kuasa ekonomi. Pendapat ini selalu disuarakan dari seberang Selat Teberau dan mendapat sambutan di kalangan setengah-setengah pihak di negeri ini. Sesungguhnya pendapat ini tidak memberikan gambaran yang sebenar, dan adalah dipengaruhi oleh otak yang berfikir secara perkauman. Memang benar lebih ramai menteri-menteri dan pentadbir-pentadbir Melayu daripada Cina, tetapi ada juga sebilangan orang Cina yang berkongsi kuasa dan berkedudukan dalam bidang politik. Begitu juga tidak dinafikan bahwa peniaga-peniaga dan pengurus-pengurus Cina lebih ramai daripada Melayu, tetapi ada juga Melayu yang berkongsi peluang dengan orang Cina dalam bidang ekonomi. Yang lebih penting lagi ialah tidak semua orang Melayu berkuasa dan berpengaruh dalam politik, dan tidak semua orang Cina berkuasa dan berpengaruh dalam ekonomi. Orang Melayu yang benar-benar menguasai politik hanya segelintir saja, kebanyakannya dari lapisan atasan, dan sedikit-sedikit dari lapisan pertengahan. Begitu pula, orang Cina yang benar-benar menguasai ekonomi hanya segelintir saja, juga kebanyakannya dari lapisan atasan. Orang Melayu terbanyak dari lapisan bawahan dan juga sebagian dari lapisan pertengahan tidak mempunyai apa-apa kuasa politik, cuma ada peluang mengundi lima tahun sekali saja. Orang Cina terbanyak dari lapisan bawahan pula tidak mempunyai apa-apa kuasa ekonomi. Bahkan tidak kira Melayu, Cina atau India, sebagian terbesarnya di negeri ini tidak mempunyai atau merasa nikmat kuasa ekonomi dan politik itu. Kuasa ada pada yang berkuasa, dan dalam politik serta ekonomi di negeri ini kuasa terletak di tangan sebilangan kecil orang yang terdiri daripada berbagai kaum yang saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Perkara paling penting sekali dan yang selalu dengan mudah saja dilupakan ialah wujudnya kuasa di tangan golongan-golongan asing. Mereka ini kadang-kadang lebih besar kuasa dan pengaruhnya. Ambil saja contoh ekonomi sekali lagi. Sebagaimana yang telah dinyatakan lebih awal, kepentingan-kepentingan asing menguasai lebih 63% daripada seluruh modal saham dalam syarikat-syarikat berhad yang berjumlah $5,329 juta bagi tahun 1970: atau secara lebih terperinci

75.3% dalam perladangan, 72.4% dalam perlombongan, 63.5% dalam perdagangan, 59.6% dalam perkilangan dan 52.2% dalam bank serta insuran. Milik ekonomi asing ini adalah kira-kira 2½ kali ganda milik Cina dan lebih 25 kali ganda milik Melayu. Melalui kuasa ekonomi ini, yang diberi taring pula dengan kehadiran kemudahan pangkalan tentera mereka, maka golongan atau negara asing boleh mempengaruhi arah perjalanan politik dalam negeri. Dalam keadaan biasa barang-kali pengaruh ini tidak begitu jelas kelihatan. Tetapi ujiannya ialah waktu berlakunya satu-satu kegentingan atau krisis politik dalam negeri.

Sekarang bolehlah kita berpindah kepada soal lain. Mengapakah perasaan perkauman masih tebal sungguhpun ada usaha-usaha untuk mengurangkannya dari berbagai pihak, sehingga menimbulkan pula pertentangan-pertengangan perkauman? Setelah Perang Dunia II telah berlaku pergaduhan kaum beberapa kali di beberapa tempat, misalnya, di Batu Pahat (1945/46), Pulau Pinang (Januari 1958), Pulau Pangkor (Mei 1959), Bukit Mertajam (1967), dan yang paling besar sekali di Kuala Lumpur (Mei 1969). Dalam dua artikel yang pernah diterbitkan, saya telah coba menganalisa tentang corak serta sebab-sebab timbulnya pertentangan kaum ini. Di sini akan dirumuskan pendapat-pendapat itu secara ringkas saja.

Pada umumnya pergaduhan kaum boleh timbul daripada perbedaan dan seterusnya pertentangan dari segi nilai, kepentingan atau kedua-duanya sekali. Dari segi nilai perbedaan memang wujud di antara orang Melayu dengn orang Cina , misalnya, sebab mereka mempunyai agama dan kebudayaan yang berlainan. Tambahan pula jarak sosial di antara mereka adalah lebar. Oleh kerana itu orang Melayu mungkin tidak mengetahui tentang nilai-nilai orang Cina , dan sebaliknya orang Cina pula mungkin jahil tentang nilai-nilai orang Melayu. Hal ini boleh menimbulkan salah faham dari dua segi. Pertamanya, mungkin salah satu kaum, oleh sebab kejahilannya, dan bukan kerana disengaja melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan kemurkaan orang lain. Misalnya, sekiranya seorang petani Cina menternak babi berdekatan dengan sungai kecil yang digunakan sebagai tempat mandi dan meng-ambil air sembahyang bagi petani-petani Melayu, maka perbuatan ini boleh menimbulkan pergaduhan besar.

Keduanya, oleh sebab saling tidak mengetahui tentang latar belakang agama dan kebudayaan di antara kaum yang berlainan, maka boleh timbul anggapan-anggapan salah di kalangan satu kumpulan kaum terhadap satu kumpulan kaum yang lain. Selalu timbul di kalangan mereka apa yang disebut oleh ahli-ahli sains sosial sebagai 'stereotaip'. Beberapa sifat tertentu, yang biasanya dipandang rendah dikaitkan

dengan satu-satu kaum secara keseluruhannya. Misalnya ada orang-orang Melayu yang menganggap orang Cina itu sebagai pengotor, kuat menipu dan selalu hendak mencari untung saja. Begitu pula ada orang-orang Cina menganggap orang Melayu sebagai pemalas, pemboros dan terlalu suka berpoya-poya. Mungkin sifat ini benar bagi setengah-setengah orang Melayu atau China, tetapi tidak benar jika dianggap sebagai sifat semua orang Melayu atau semua orang Cina. Bila wujud 'stereotaip', maka timbul juga prasangka di kalangan satu kaum terhadap kaum yang lain. Dalam suasana prasangka, ketegangan perhubungan mudah berlaku, dan kadang-kadang boleh mencetuskan peristiwa-peristiwa yang tidak diingini.

Perbedaan dan pertentangan kepentingan pula berlaku dalam bidang ekonomi dan politik. Semasa penjajahan dulu peluang-peluang sangat terbatas bagi rakyat tempatan, akan tetapi pintu untuk meningkat ke atas telah terbuka luas selepas merdeka. Dari satu rancangan lima tahun ke satu rancangan yang lain lebih banyak projek-projek pembangunan dirancangkan dan lebih besar jumlah wang hendak dibelanjakan. Kesemuanya ini membuka peluang kepada buruh, peniaga dan kontraktor. Oleh sebab sebilangan besar orang Cina mempunyai lebih modal, kemahiran dan pengalaman, maka mereka berjaya mendapat lebih banyak keuntungan daripada orang-orang Melayu atau India. Kebanyakan orang Cina ini adalah anggota-anggota MCA yang bergabung dengan kerajaan melalui Perikatan dulu dan BN sekarang. MCA telah menjadi saluran bagi mereka untuk memperoleh kerja-kerja kontrak. Oleh sebab hubungan rapatnya dengan kerajaan, mereka dapat juga menyertai proses pemerintahan negara.

Dalam bidang politik pula terdapat ramai orang Melayu yang berjaya memegang jawatan tinggi. Sistem demokrasi berparlimen telah memberi peluang mobiliti ke atas bagi setengah-setengah orang biasa untuk memegang teraju pemerintahan sebagai menteri dan lain-lain. Kebanyakan mereka ini anggota UMNO, dan oleh kerana UMNO menjadi tulang belakang dalam Perikatan dan kemudiannya BN, dan memenangi secara besar-besaran beberapa pilihanraya yang lalu, maka banyaklah jawatan politik penting yang mereka pegang. Melalui kedudukan politik yang telah dicapai setengah-setengah mereka berpindah pula ke kegiatan-kegiatan ekonomi, ada di antaranya dengan berjaya sekali.

Sebenarnya sebilangan kecil orang dari lapisan atasan itulah yang paling banyak sekali mendapat keuntungan dan keistimewaan politik dan ekonomi selepas merdeka. Mereka merupakan satu lingkungan yang sangat terbatas keanggotaannya. Pada peringkat kebangsaan dan negeri tidak ramai yang dapat masuk ke dalam lingkungan itu, tetapi ramai

sekali yang coba untuk memasukinya. Setengah-setengah ahli politik, pedagang, orang-orang profesional seperti peguam, akauntan dan sebagainya coba memanjat ke atas supaya dapat diterima ke dalam lingkungan tersebut. Sebagian besar dari mereka adalah dari lapisan pertengahan. Orang-orang Melayu di kalangan mereka yang mencoba ini merasa bahwa mereka patut mempunyai bagian yang lebih besar dalam kegiatan-kegiatan ekonomi serta perniagaan, manakala yang Cina pula merasakan bahwa mereka sepatutnya diberi peluang lebih luas untuk menyertai badan-badan pembuat keputusan politik dan pentadbiran. Orang-orang Melayu sering merasa gelisah dengan apa yang mereka percayai sebagai kuasa yang terlalu besar di tangan orang Cina dalam bidang kuasa yang terlalu besar di tangan orang Cina dalam bidang ekonomi; orang-orang Cina pula merasa kurang senang sebab mereka menganggap mereka diketepikan dari bidang politik dan pentadbiran, yang mereka percayai adalah dimonopoli sebagian besarnya oleh orang-orang Melayu. Pada ketika yang sama terdapat pula persaingan yang sengit untuk memperoleh kontrak, lesen, pekerjaan, kenaikan pangkat, tempat di universiti dan biasiswa. Jadinya, di kalangan lapisan pertengahan ini terutamanya, yang sentiasa bersaingan kuat untuk mendapat tempat lebih baik bagi diri sendiri, kejayaan ataupun kegagalan acapkali ditafsirkan sebagai disebabkan oleh faktor kaum.

Rasa tidak puas hati kadang-kadang disuarakan dengan kuat dalam bentuk perkauman oleh setengah-setengah partai politik. BN sekarang ini dianggotai oleh banyak partai, akan tetapi setiap partai mempunyai anggota dari satu kaum saja, dan mencoba mendapat sokongan dari kaum itu juga. UMNO dan PAS (dulunya merupakan sayap Melayu yang terpenting dalam BN dan partai-partai tersebut mengemukakan diri sebagai juara orang Melayu dan agama Islam, dan mempertahankan dasar-dasar yang sekali pandang kelihatan pro-Melayu. Masalah-masalah atau soal-soal pro-Melayu yang mereka kemukakan menimbulkan kegelisahan di kalangan MCA dan Gerakan, yang merupakan sayap Cina dalam BN itu. Begitu jugalah keadaannya apabila MCA dan Gerakan menyuarakan soal-soal atau isue-isue untuk menarik sokongan orang Cina , maka orang-orang UMNO dan PAS pula menjadi kurang senang. Akan tetapi, walaupun kepentingan selalu bertentangan di antara mereka, namun pucuk pimpinan BN setakat ini telah berjaya mempertahankan perpaduan organisasi mereka.

Dari luar BN terdapat juga tekanan-tekanan berbentuk perkauman. Semasa PAS belum meyertai BN, partai itu menganggap Cina sebagai mengancam masa depan orang Melayu, dan UMNO telah menggadaikan hak-hak Melayu kepada Cina. Kemudiannya, setelah partai

beserta dengan UMNO dalam BN sukarlah baginya melanjutkan tuduhan tersebut. Akan tetapi ramai pula pengikut-pengikut PAS yang tidak bersetuju dengan penyertaan partai itu dalam BN. Mereka ini tidak berubah pendirian: Mereka terus selantang dulu. Sebaliknya di kalangan sebilangan pelampau Cina yang terdapat dalam partai seperti MCA dan DAP, umpamanya, selalu disuarakan bahwa orang-orang Melayu, maksudnya kerajaan, hendak menghapuskan bahasa serta pelajaran Cina, dan hendak menjadikan orang Cina rakyat kelas dua. Sebenarnya soal-soal kebudayaan dan agama bertambah sering digunakan oleh unsur-unsur perkauman Melayu dan China untuk mendapatkan sokongan yang lebih luas.

Sifat perkauman yang begitu ketara sekali dalam politik negeri sekarang ini, dan lebih-lebih lagi sebelum Peristiwa 13 Mei, adalah dipelopori oleh golongan-golongan dari lapisan pertengahan terutamanya, dan pengaruh mereka telah meresap ke bawah kepada anggota-anggota lapisan bawahan. Petani-petani yang kebanyakannya Melayu, dan pekerja-pekerja yang kebanyakannya Cina, merupakan golongan-golongan yang terburuk sekali kedudukan sosio-ekonominya. Walaupun banyak telah diperkatakan tentang kedudukan istimewa Melayu, namun petani-petani Melayu paling sedikit mendapat manfaat daripadanya, terutamanya jika dibandingkan dengan laba yang diperolehi oleh anggota-anggota lapisan atasan dan pemodal-monopoli asing. Peluang untuk pekerjaan dan kemudahan untuk pelajaran atau kesihatan lebih mudah diperolehi oleh orang-orang Melayu dan bukan-Melayu dari lapisan pertengahan dan atasan. Sungguhpun usaha-usaha pembangunan telah lama dijalankan, mereka belum lagi membuktikan kesan yang besar untuk mengatasi masalah-masalah pokok seperti kemiskinan, pengangguran, kelaparan tanah dan inflasi. Pada umumnya petani-petani Melayu dan pekerja-pekerja bukan-Melayu mempunyai kepentingan yang hampir sama. Akan tetapi kegelisahan dan kekecewaan mereka biasanya disuarakan melalui saluran-saluran perkauman juga.

Dakwaan-dakwaan dan tuduhan-tuduhan bercorak perkauman yang dilaungkan oleh setengah-setengah pemimpin atasan partai dengan mudah mencuit hati sebagian besar anggota-anggota lapisan bawahan. Petani-petani Melayu bukan saja melihat dirinya sebagai miskin, akan tetapi setelah membuat perbandingan tentang keadaan mereka, dengan jelasnya dapat melihat bahwa orang-orang yang kaya di sekeliling mereka khususnya yang di bandar-bandar adalah kebanyakannya Cina. Pada ketika yang sama, peniaga-peniaga Cina yang menjadi orang tengah di kampung-kampung dianggap pula sebagai bukan saja mengua-

sai harga barang-barang tetapi boleh juga menguasai penghidupan orang kampung. Walaupun ada di antara mereka yang nampak dan merasakan akibat-akibat ketidakadilan sosio-ekonomi dan kadang-kadang timbul marah oleh kerananya, namun mereka ini tidak memahami dan selalunya tidak dapat menafsirkan apakah punca-punca asas yang menyebabkan ketidakadilan itu. Ada di antara mereka yang coba membuat tafsiran, tetapi mereka selalunya semata-mata menyalahkan orang bukan-Melayu seluruhnya. Di kalangan orang Melayu 'stereotaip tentang orang Cina ialah bahwa mereka semuanya taukeh-taukeh kaya belaka, dan mengenai orang India pula – khususnya dari keturunan Ceti dan Sikh – mereka adalah pemberi hutang belaka. Oleh kerana wujudnya gambaran-gambaran seperti ini maka mereka kadang-kadang terlupa bahawa taukeh dan ceti itu merupakan sebagian kecil saja daripada kaum-kaum Cina dan India di negeri ini. Lebih banyak lagi pekerja dan petani di kalangan mereka, yang setengahnya tidak berbeda sangat keadaannya dengan petani-petani dan pekerja-pekerja Melayu.

Sebaliknya di bandar-bandar masih terdapat dakwaan-dakwaan bahwa Melayu menguasai kerajaan, dan mereka menggunakan kekuasaan itu untuk menekan orang-orang bukan-Melayu. Pekerja-pekerja atau penjaja Cina misalnya terpaksa menghadapi pegawai-pegawai Melayu, apabila mereka hendak berurusan dengan pihak kerajaan. Kadang-kadang terdapat kesulitan-kesulitan bahasa yang boleh menimbulkan salah faham. Seterusnya, apabila penjaja-penjaja, umpamanya, berjaja tanpa lesen atau di tempat-tempat yang tidak dibenarkan, maka yang mengambil tindakan ke atas mereka ialah pihak polis yang kebanyakannya terdiri dari orang Melayu. Di kalangan sebagian mereka yang sudah meluap perasaan anti-Melayunya susah sekali hendak diyakinkan keadaan sebenarnya bahawa golongan yang memerintah itu mengandungi sebagian kecil dari lapisan atasan, yang diwakili oleh semua kaum, dan orang-orang bukan-Melayu merupakan bilangan terbesar dalam setengah-setengah bidang perkhidmatan kerajaan, seperti kedoktoran, kejuruteraan, perguruan tinggi dan lain-lain.

Ternyata bahwa tiap-tiap kaum mempunyai sistem susunlapisnya sendiri yang juga merupakan sebagian daripada sistem susunlapis bagi seluruh masyarakat di negeri ini. Perbedaan-perbedaan ekonomi, sosial dan kebudayaan yang diwarisi dari masa lampau sekarang ini masih kuat sebagai faktor pemisahan dan pertentangan di antara kumpulan-kumpulan kaum. Segala perbedaan ini menjadi bertambah buruk dan mengakibatkan pula pertentangan-pertentangan yang berbahaya oleh sebab adanya golongan-golongan atau partai-partai politik yang memperalatkan soal-soal perkauman untuk mendapat sokongan. Seolah-

olah politik perkauman itu sengaja diteruskan supaya golongan terbanyak dari lapisan bawahan tidak akan dapat bersatu untuk mengubah keadaan yang wujud, yang sehingga ini lebih banyak menguntungkan golongan-golongan seperti pemodal-monopoli asing dan sebilangan kecil dari lapisan atasan tempatan yang bekerjasama rapat di antara satu sama lain itu. Setakat ini partai-partai politik yang menyuarakan soal-soal politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan atas dasar perbedaan antara lapisan-lapisan kaya-miskin dan tinggi-rendah masih belum luas pengaruhnya dan tidak begitu berjaya menyatukan lapisan bawahan dari semua kaum. Tambahan pula, oleh sebab mereka selalunya mirip sosialis dan secara tegas menentang kebanyakan dasar kerajaan sekarang, yang dipandang sebagai memihak kepada kepentingan-kepentingan asing dan lapisan atasan itu, maka mereka sering saja dicap, ditohmah, disekat dan ditahan. Kelemahan mereka ini akan memberikan lagi kekuatan kepada politik perkauman di negeri ini.

# IX. Kesimpulan

ADALAH satu perkara yang sukar untuk menduga atau membayangkan dengan tepat masa depan satu-satu negara dan bangsa. Namun demikian, boleh juga kita berikan gambaran kasar tentang aliran perubahan yang telah dan sedang berlaku, dan bagaimana pula barangkali perlanjutannya pada masa akan datang. Sebagaimana yang biasanya berlaku di negara-negara dunia ketiga yang baru muncul, negeri ini juga mencoba mengusahakan pembangunan dan mahu mewujudkan masyarakat dan manusia yang maju. Usaha seperti ini dikenal sebagai proses pemodenan. Apakah matlamat pemodenan yang hendak kita capai? Apakah kesan-kesannya ke atas orang Melayu sekarang? Bagaimanakah bentuk masyarakat serta nilai-nilai hidup dikalangan orang Melayu yang hendak dilahirkan? Semua ini adalah soal-soal yang menarik dan menuntut jawapan.

Di negeri ini, proses pemodenan sebenarnya sama dengan proses pembaratan. Barat dianggap paling moden dan jikalau hendak maju kita hendaklah mengikut cara-cara mereka. Ini satu pendapat yang luas kedengaran. Malangnya, buat sekian lama unsur-unsur barat yang berkembang di negeri ini bukanlah yang mengikut tapisan serta pilihan rakyat sendiri, tetapi mengikut apa yang telah disogokkan melalui kuasa penjajahan. Di sini keputusan untuk mencapai pemodenan, sebagaimana yang berlaku di negara-negara lain yang pernah terjajah, tidak ditentukan oleh rakyat akan tetapi oleh penjajah. Penjajahlah yang telah menyalurkan dan memaksakan segala nilai dan peraturan cara Barat dari atas. Peraturan ekonomi, politik, pentadbiran, perundangan dan pelajaran yang telah diperkembangkan dalam masa lebih seratus tahun yang lalu adalah berlandaskan peraturan-peraturan di Barat, khususunya Inggeris. Nilai-nilai sosial dan kebudayaan yang diperluaskan pula adalah yang menimbulkan rasa hormat dan kadang-kadang takjub serta taksub kepada segala yang kebaratan itu, sehingga nilai-nilai yang diwarisi bangsa sendiri dipandang rendah dan dikesampingkan. Walaupun peraturan-peraturan Barat itu meluas ke seluruh

negara, akan tetapi nilai-nilai kebudayaan serta pemikirannya lebih kuat berpengaruh ke atas lapisan-lapisan atasan dan pertengahan, terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Pada zaman penjajahan orang-orang dari lapisan-lapisan inilah yang mula-mula digunakan oleh pihak penjajah untuk mengukuhkan pengaruh serta kuasanya.

Sungguhpun perubahan berlaku dalam zaman penjajahan, namun perubahan itu amatlah terbatas. Misalnya, dalam bidang ekonomi, banyak kemajuan baru yang sengaja tidak hendak diperluaskan sampai ke masyarakat tani di kampung-kampung. Sebagaimana yang telah diperkatakan lebih awal, pihak penjajah Inggeris telah menggalakkan supaya petani-petani padi terus dengan usaha lama mereka; dan dengan menggalakkan kemasukan orang-orang asing ke Semenanjung mereka sekaligus menyekat orang Melayu daripada dapat diserapkan ke dalam aktiviti-aktiviti ekonomi baru, khususunya dalam bidang-bidang perusahaan dan perdagangan. Seterusnya dalam bidang pelajaran pula, walaupun didirikan sekolah-sekolah dan diperluaskan peluang-peluang pelajaran kepada setengah-setengah orang Melayu, khususunya dari kalangan golongan bangsawan yang boleh dijadikan kakitangan pentadbiran penjajah, namun bagi rakyat terbanyak, terutamanya anak-anak tani, peluang pelajaran yang dibuka itu adalah sangat terbatas. Bukan saja sekolah-sekolah yang baik tidak didirikan di kampung-kampung, bahkan kalau ada pun, hanya pada peringkat yang sangat rendah sekali. Nyatalah bahwa dasar penjajah ialah untuk membatas-kan pelajaran setakat yang membolehkan orang kampung hanya dapat membaca, menulis dan mengira sedikit-sedikit supaya kononnya jangan mudah ditipu oleh orang asing.

Sebabnya pihak penjajah tidak mahu menggalakkan perkembangan luas dalam bidang-bidang seperti ekonomi dan pelajaran ini sudah terang dan tidak payah bersuluh lagi. Tujuan penjajahan bukan untuk memajukan rakyat yang dijajahnya, akan tetapi untuk mendapat keuntungan sebanyak-banyaknya dari tanah jajahan. Membuka ladang dan lombong, misalnya, lebih patut digalakkan daripada membaiki keadaan pertanian padi di kampung, sebab perladangan dan perlombongan nyata boleh dieksploitasi untuk keuntungan yang besar. Tambahan pula pihak penjajah mengetahui bahawa jikalau kemajuan seperti pelajaran digalakkan seluas-luasnya, maka kemajuan itu boleh mengancam diri mereka sendiri, sebagai pisau yang boleh menikam tuannya. Jikalau banyak sekolah yang didirikan dan dibuka peluang kepada ramai bilangan rakyat untuk mendapat pelajaran tinggi, maka akhirnya akan timbullah golongan bijak pandai yang boleh mencabar kedudukan penjajah itu. Ini memang telah berlaku di beberapa tanah jajahan,

termasuklah negeri ini juga. Sebilangan kecil cerdik pandai yang berpendidikan Barat telah berjaya menggunakan ilmu yang mereka peroleh dari penjajah untuk menentang penjajah juga. Dengan membataskan peluang pelajaran, kuasa penjajah hanya dapat melambatkan sedikit saja proses kesedaran dan kemunculan golongan-golongan pemimpin yang menentang mereka.

Oleh sebab pengaruh penjajahan terbatas ataupun dibataskan, tidaklah berjaya penjajahan itu menghapuskan pelbagai unsur dari masyarakat Melayu lama. Banyak di antaranya masih berlanjutan. Sebagai contoh, dalam bidang ekonomi kegiatan dan cara-cara pertanian bentuk lama berterusan di kampung; dalam bidang politik lambang-lambang kekuasaan lama seperti sultan atau penghulu masih dikekalkan; dan dalam bidang kebudayaan serta kepercayaan unsur-unsur keperibadian Melayu lama masih kukuh di kalangan sebagian besar rakyat. Seterusnya nilai-nilai serta sikap-sikap lama pun banyak terdapat hingga kini. Peraturan-peraturan dan nilai-nilai lama yang berlanjutan dari masyarakat Melayu tradisional itu wujud sebelah-menyebelah dengan peraturan-peraturan dan nilai-nilai baru kebaratan yang berkembang melalui penjajahan. Tetapi keadaannya bukanlah dalam bentuk keseimbangan yang tetap. Proses pemodenan terus berlaku, dan dengan demikian unsur-unsur baru dari barat bertambah meluas pengaruhnya dan kuat kedudukannya, manakala akibat sebaliknya berlaku pula ke atas unsur-unsur lama itu. Masyarakat Melayu kini memanglah dalam peralihan. Peralihan itu sudah lama ditetapkan atas asas dan mengikut landasan yang telah ditetapkan pada zaman penjajahan. Boleh dikatakan bahawa dalam beberapa hal perkembangan selanjutnya selepas merdeka adalah menurut asas dan landas itu juga. Hal ini kelihatan jelas sekali terutamanya dalam bidang-bidang ekonomi dan undang-undang, umpamanya. Di negeri ini kesan-kesan daripada pengaruh penjajahan Inggeris masih kuat dan ketara.

Bagaimana hal demikian boleh berlaku? Ini ada kaitannya dengan sejarah perjuangan kebangsaan negeri ini. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab-bab terdahulu, ada dua tradisi perjuangan ini. Pertama ialah tradisi yang memperlihatkan kerjasama di antara pihak para pemimpin tempatan dengan penjajahan Barat. Kedua ialah tradisi golongan pimpinan yang tidak mahu bekerjasama, bahkan menentang penjajahan Barat. Kedua-dua tradisi ini terdapat dalam abad ke-19, semasa rakyat menentang kemasukan penjajahan di Semenanjung, dan dalam abad ke-20 semasa rakyat berjuang menuntut kemerdekaan. Dalam abad ke-19 golongan yang bekerjsama bersedia menerima penjajahan asalkan saja kedudukan serta kepentingan mereka sendiri terjamin. Golongan

yang menentang terus bermati-matian, dengan tidak menghiraukan sama ada mereka ditahan, diburu bahkan dibunuh. Dalam abad ke-20 golongan yang bekerjasama bersedia berkompromi untuk menerima kemerdekaan separuh masak atas dulang emas, dan membenarkan kuasa serta pengaruh yang masih kuat di tangan penjajah dalam bidang ekonomi terutamanya. Golongan yang tidak rela bekerjasama mahu menentang penjajahan habis-habisan supaya tercapai kemerdekaan yang tulen, bersih dari segala sakibaki penjajahan dalam semua lapangan.

Perbedaan serta pertentangan di antara dua tradisi ini berlaku bukan saja di negeri kita bahkan boleh dikatakan di semua negara yang pernah terjajah. Pada kebanyakan tempatnya tradisi pertamalah yang mula-mula mencapai kemenangan. Rakyat terbanyak dapat diperalat dan diperkudakan. Akan tetapi lama-kelamaan rakyat celik dan sedar, disebabkan oleh kenyataan bahawa kemerdekaan yang sama-sama mereka perjuangkan dulu tidak mendatangkan keuntungan kepada golongan yang senasib dengan mereka. Apabila kesedaran politik meluas di kalangan rakyat terbanyak, maka mereka akan meneruskan perjuangan mengikut tradisi kedua tadi. Mereka tidak akan ditipu dan dibelit lagi. Perkembangan politik seperti ini banyak berlaku di beberapa buah negara dalam dunia ketiga. Akhirnya tuntutan serta perjuangan rakyat, di bawah pimpinan pejuang-pejuang kebangsaan tulen, akan mencapai kemenangan. Masa depan negeri ini dan rakyat Melayu pasti akan melihat juga perkembangan seperti ini.

Pemimpin-pemimpin serta pejuang-pejuang rakyat yang tulen biasanya memegang dua prinsip sebagai panduan bagi dasar-dasar dan tindakan-tindakan mereka, iaitu:

(i) mengutamakan kepentingan bangsa dan negara sendiri, bukannya kepentingan bangsa dan negara lain;

(ii) mengutamakan rakyat terbanyak yang serba lemah dari lapisan bawahan, bukannya kepentingan segelintir orang yang mempunyai kuasa politik serta ekonomi dari lapisan atasan serta pertengahan.

Sebenarnya, untuk menjamin masa depan yang lebih sejahtera bagi rakyat negeri ini, khususnya rakyat Melayu, maka kedua-dua prinsip ini perlu dipatuhi.

Dalam negeri ini masih banyak lagi peraturan-peraturan dan nilai-nilai yang bertentangan dengan kepentingan bangsa dan negara kita sendiri. Lihat saja bidang ekonomi sekali lagi sebagai contohnya. Akibat dari penguasaan penjajahan dan belum beraninya para pemimpin kini mengubah susunan serta peraturan ekonomi yang diwarisi dari zaman sebelum merdeka, maka punca-punca kekayaan negeri ini terus di-

kuasai oleh beberapa kerat pemodal-monopoli asing. Tahun demi tahun mereka memunggah keluar jumlah keuntungan yang sangat besar. Sebaliknya negara kita pula yang menjadi susah, terpaksa meminjam di sana dan berhutang di sini untuk menjalankan usaha-usaha pembangunan. Di beberapa negara yang baru muncul, keburukan dari susunan serta peraturan ekonomi bercorak penjajahan ini telah disedari. Itulah sebabnya negara-negara itu mengambil langkah tegas mengembalikan segala punca kekayaan yang telah dirampas oleh pihak imperialis. Itulah sebabnya kebanyakan negara Arab, umpamanya, telah memiliknegarakan perusahaan minyak mereka. Terbukti bahawa dengan langkah ini mereka telah mengutamakan kepentingan bangsa dan negara sendiri, lebih daripada bangsa dan negara asing.

Tetapi ini saja belumlah memadai. Atas nama bangsa dan negara segolongan kecil dari lapisan atasan yang mempunyai kuasa atau pengaruh boleh membolot kekayaan negara untuk memuaskan tamak loba dan hawa nafsu sendiri saja. Mesti ada jaminan yang kuat bahwa rezeki dari kekayaan negara itu akan terbagi secara adil dan keuntungan dari usaha-usaha pembangunan akan sampai ke bawah, supaya dapat turut dinikmati oleh golongan-golongan yang paling miskin terutamanya, tidak kira sama ada mereka di kampung atau di bandar, menjadi petani atau buruh. Dari segi ekonomi, ada dua perkara yang boleh menimbulkan bahaya segelintir golongan kaya membolot kekayaan dan menyekat sebagian besar rakyat miskin daripada mencapai kemajuan. Yang pertama ialah falsafah ekonomi bebas atau *laissez faire* yang masih berakar tunjang, dan keduanya keadaan masyarakat yang terus bersusun lapis.

Ekonomi bebas adalah satu segi daripada sistem kapitalis yang telah digalakkan oleh penjajah sebagai landasan bagi perkembangan politik, ekonomi dan sosial negeri ini, untuk mempastikan agar negeri ini dan penduduknya akan dimodenkan mengikut corak kebaratan. Walaupun ada sebilangan pemimpin yang coba menafikannya, namun hakikatnya tetaplah bahawa sistem kapitalis disertai ekonomi bebas mendapat restu dan dipupuk oleh Kerajaan. Memang benar bahawa dalam rangka bidang sistem ini usaha-usaha pembangunan boleh dijalankan juga, dan dapat menguntungkan rakyat. Seperti yang selalu dibanggakan oleh setengah-setengah pemimpin, rancangan-rancangan pembangunan di negeri ini telah menaikkan pendapatan petani-petani, khususnya yang di dalam rancangan tanah, dan menambahkan lagi bilangan orang kampung yang dapat memiliki skuter atau motorsikal. Tetapi beberapa kenyataan sering dilupakan. Bukankah, keuntungan dan kemewahan yang diperolehi oleh sebilangan kecil para kontrektor, orang tengah,

pengusaha, peniaga, pemodal dan pemimpin politik kerap jauh lebih besar. Jika si miskin dapat sebidang tanah atau sebuah kedai kecil, bukankah lebih mudah bagi si kaya mendapat balak atau kilang? Jika si miskin boleh membeli skuter, bukankah si kaya lebih senang menukar atau mengumpul kereta besar? Apakah yang boleh menyekat jurang di antara bilangan besar yang miskin dengan bilangan kecil yang kaya itu menjadi bertambah lebar?

Kesan daripada ekonomi bebas akan menjadi lebih buruk dalam masyarakat yang berlapis-lapis atau yang memperlihatkan ketidak-samaan. Lapisan-lapisan masyarakat berbeda antara satu sama lain dari segi kedudukan politik, ekonomi dan sosial – iaitu kedudukan lapisan atasan lebih kuat, berpengaruh dan tinggi daripada lapisan bawahan. Sebenarnya perbedaan di antara lapisan-lapisan ini selalunya selaras dengan perbedaan di antara golongan kaya dengan golongan miskin. Golongan atasan yang kaya lebih sering menguasai kedudukan politik yang berpengaruh, dan lebih selalu memainkan peranan yang dihormati oleh masyarakat daripada golongan bawahan yang miskin. Tiap-tiap lapisan ini boleh juga dianggap sebagai golongan kelas. Sebenarnya dalam masyarakat manusia memang sudah lama wujudnya lapisan perbedaan atau kelas-kelas. Zaman dulu, misalnya, ada perbedaan kelas di antara tuan dengan hamba atau raja dengan rakyat. Sekarang di setengah-setengah negeri masih berlanjutan perbedaan antara raja dengan rakyat, dan selain dari itu sudah timbul juga perbedaan besar antara pemodal dengan pekerja. Perubahan sejarah hanya mengubah bentuk kelas itu.

Apabila perkataan kelas digunakan, mudah saja setengah-setengah orang mendakwa bahawa konsep kelas itu ialah konsep komunis, dan dalam masyarakat Melayu tidak ada kelas. Pertama sekali perlu ditegaskan bahawa dalam ilmu kemasyarakatan, yang didasarkan kepada kajian-kajian yang rapi, wujudnya kelas memang merupakan suatu kenyataan yang diakui dalam berbagai jenis masyarakat. Ahli-ahli ilmu kemasyarakatan, termasuk mereka yang bukan komunis dan bahkan yang anti-komunis juga, selalu menggunakan konsep kelas ini dan mengakui wujudnya perbedaan kelas dalam masyarakat. Seterusnya, hakikat sejarah dan kenyataan masakini membuktikan bahawa lapisan-lapisan kelas yang membedakan satu orang atau golongan dengan orang atau golongan yang lain memang wujud juga dalam masyarakat Melayu. Sebagaimana yang telah dihuraikan terlebih awal, dalam masyarakat Melayu lama sudah terdapat dua lapisan, iaitu atasan (atau bangsawan) dan bawahan (atau rakyat). Selepas kedatangan Barat, perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang baru telah menimbulkan pula lapisan-

lapisan atasan, pertengahan dan bawahan corak baru.

Dr. Mahathir pernah menulis bahawa "... dalam masyarakat Islam tidak ada kelas. Memang ada orang miskin dan orang kaya tetapi pembagian kepada kelas tidak berlaku." Menurutnya lagi ikatan kekeluargaan begitu kuat sehingga tidak mungkin diputuskan oleh perbedaan kelas ekonomi. (Dr. Mahathir, 1976). Ada beberapa kekeliruan yang ternyata pada pendapat ini. Pertamanya, harus difahamkan perbedaan antara 'pengajaran Islam' dengan 'masyarakat Islam'. Memang mengikut pengajaran Islam bahawa kemuliaan seseorang di sisi Allah adalah bergantung kepada taqwa; dan taqwa seseorang tidak ditentukan oleh tarafnya, samada dia kaya atau miskin, menteri atau petani. Tetapi lain sedikit dengan 'masyarakat Islam', yang boleh difahami dari dua segi: (a) masyarakat yang mempraktikkan pengajaran Islam dalam segala hal, dan (b) masyarakat yang terdiri dari orang Islam yang tidak semestinya mengamalkan pemerintahan cara Islam. Dalam mana-mana masyarakat Islam mengikut kedua-dua segi fahaman ini, masih boleh wujud lapisan-lapisan yang berbeda-beda dan dapat dianggap sebagai golongan kelas. Pada zaman Umayyah dan Abbasiah dulu dan di negara-negara seperti Saudi Arabia dan Mesir sekarang terdapat lapisan-lapisan atau kelas-kelas yang berlainan.

Keduanya, apabila seseorang itu mengakui bahawa dalam satu-satu masyarakat itu wujud golongan kaya dan miskin, maka dengan sendirinya ia telah mengakui wujudnya asas terpenting bagi penentuan kelas ekonomi. Memang banyak faktor yang memungkinkan seseorang itu menjadi kaya, seperti usahanya, pelajarannya, pekerjaannya dan lain-lain. Tetapi biasanya mereka yang terkaya sekali dalam masyarakat adalah yang menguasai modal atau tanah. Dengan ini mereka berjaya membuka kilang atau ladang dan seterusnya menguasai tenaga kerja pula. Mereka yang kaya ini hidup mewah di kawasan-kawasan yang istimewa, mempunyai hubungan-hubungan dan stail hidup yang jauh membedakan mereka dengan orang-orang miskin. Dengan kedudukan ekonomi yang lumayan mereka boleh mendapat atau 'membeli' pengaruh politik dan martabat sosial. Jadi apabila seseorang mengakui wujudnya golongan kaya-miskin dalam masyarakat, dengan sendirinya ia tidak dapat mengelak daripada mengakui adanya kelas.

Ketiganya, dikatakan bahawa dalam masyarkat orang Islam ikatan kekeluargaan kuat dan tidak dapat diputuskan oleh perbedaan kelas. Pendapat seperti ini hanya menunjukkan kejahilan tentang hikayat-hikayat lama dan peristiwa-peristiwa masakini. Sebenarnya ikatan kekeluargaan memang kuat dalam masyarakat tradisional, bukan saja yang Islam tetapi juga yang bukan-Islam. *Tribe* atau kabilah, *clan*

atau sei atau suku merupakan keluarga besar yang terdapat di merata Asia dan Afrika. Tetapi disebabkan oleh bermacam jenis perubahan politik, ekonomi, sosial dan pelajaran yang berlaku, ikatan-ikatan keluarga menjadi lemah dan timbul pula ikatan-ikatan baru, antaranya ikatan kelas. Dalam masyarakat Melayu, *Hikayat Si Tenggang* menunju - kan bahawa apabila Tenggang sudah berjaya menjadi nakhoda yang kaya kedudukan kelasnya telah berubah; dan apabila di depan isterinya ia merasa malu untuk mengakui ibubapanya yang miskin dari kam- pung itu sehingga sanggup menghalau mereka, berertilah ia telah sang- gup memutuskan ikatan kekeluargaannya. Bukankah hari ini juga banyak cerita yang sama dengan kisah si Tenggang ini? Anak-anak muda yang berpelajaran atau berpangkat tinggi ramai juga yang telah menjadi kacang lupakan kulit. Memang benar masih terdapat lagi orang-orang, terutamanya dalam bidang politik dan pentadbiran, yang memilih bulu atas dasar ikatan keluarga. Tetapi ini suatu amalan yang sudah semakin berkurangan dengan perubahan baru yang berlaku dalam masyarakat. Tambahan pula, sudah tentu tidak akan tergerak atau ter- mampu seseorang yang berjaya atau kaya itu sentiasa menolong atau mempertahankan keluarganya saja.

Masyarakat Melayu adalah terdiri daripada orang-orang yang ber- agama Islam. Tetapi keimanan dan taqwa jarang-jarang digunakan oleh anggota-anggota masyarakat itu sendiri sebagai nilai untuk menghormati atau memuliakan seseorang atau segolongan, walaupun mengikut ajaran Islam mereka mulia di sisi Allah. Di kampung-kampung pun, di mana nilai agama masih kukuh, kuasa wang dan politik adalah lebih dipandang tinggi. Seperti yang telah disebutkan, kelas-kelas telah lama wujud dan sekarang terus berkekalan, sungguhpun dalam bentuk yang sudah agak berubah. Bukankah kelas pertengahan masa ini sudah men- jadi suatu kenyataan? Kemungkinannya ialah pada masa hadapan perbedaan kelas akan lebih jelas lagi dengan bertambah meluasnya jurang ketidaksamaan ekonomi di antara yang kaya dengan yang miskin. Salah satu faktor penting yang akan melanjutkan perbedaan kelas yang lebih jelas ini ialah dasar ekonomi yang ada sekarang. Dasar ini menggalakkan pertumbuhan golongan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu. Sudah pasti mereka ini nanti, melalui usaha-usaha bersama dengan pemodal-pemodal kaum lain, akan menim- bulkan kerjasama dan pemaduan di kalangan pemodal berlainan kaum. Maka akan bersama-samalah mereka ini menggunakan kebebasan yang dibenarkan oleh ekonomi bebas dan sistem kapitalis itu untuk melaku- kan penindasan ke atas rakyat miskin yang kebanyakannya terdiri

daripada petani-petani Melayu. Akibatnya, yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin.

Masalah kemiskinan memang sangat serius dalam negara-negara yang baru muncul. Di Semenanjung, rancangan-rancangan dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk membasmi kemiskinan. Bahkan selepas DEB perbelanjaan yang diperuntukkan untuknya semakin bertambah besar. Tidak dapat dinafikan bahawa sebagian kecil petani-petani miskin telah mendapat faedah daripadanya. Akan tetapi pada keseluruhannya peringkat pendapatan di kalangan lapisan bawahan yang paling miskin tidak banyak berubah. Bahkan, mereka semakin jauh ditinggalkan ke belakang oleh lapisan atasan yang kaya. Tambahan pula, seringkali orang-orang yang berpendapatan rendah mengeluh bahawa hidup mereka bertambah sempit dengan kenaikan harga barang-barang keperluan yang begitu meningkat. Pada pandangan saya kemungkinan membasmi kemiskinan pada masa hadapan adalah tipis sekali selagi sistem ekonomi bebas diteruskan juga. Sebagaimana yang telah dihuraikan, sistem ini mengandungi unsur-unsur persaingan tidak adil dan penindasan zalim, yang akan hanya mengakibatkan beban berat ke atas semua rakyat miskin. Nyatalah bahawa pembasmian kemiskinan cuma akan dapat dicapai dengan perombakan susunan ekonomi yang ada sekarang. Tidak dapat tidak, ini akan melibatkan juga perubahan besar dalam politik. sama ada ini akan berlaku atau tidak akan bergantung kepada kesedaran rakyat dan jenis pimpinan yang akan muncul. Tanda-tanda bahawa rakyat hendakkan perubahan besar memang jelas kelihatan hari ini.

Untuk mencapai perubahan yang besar, bangsa Melayu dari sekarang perlu memberikan jawapan-jawapan yang tegas kepada soalan-soalan seperti berikut:

(a) Adakah kita mahukan bangsa yang terus dikongkong atau dipengaruhi oleh peraturan-peraturan serta nilai-nilai bercorak penjajahan?

(b) Adakah kita mahukan bangsa yang menjunjung nilai-nilai kebudayaan dagangan yang meruntuhkan akhlak dan yang mementingkan keuntungan diri serta membelakangkan kesejahteraan ramai?

(c) Adakah kita mahukan bangsa yang membenarkan bertambahnya jurang perbedaan kelas-kelas ekonomi sehingga segolongan kecil saja yang dapat menikmati kemajuan serta kesenangan hidup?

(d) Apakah kita mahukan bangsa yang membenarkan penindasan, penipuan serta kecurangan berleluasa sehingga hubungan-

hubungan yang didasarkan kepada asas-asas kemanusiaan hancur?

(e) Adakah kita mahukan bangsa yang terus diselaputi oleh pengaruh-pengaruh feudal yang memupuk perasaan takut walaupun demi kebenaran, semangat menyerah, jiwa hamba serta sikap pak turut?

(f) Adakah kita mahukan bangsa yang dibelenggu oleh nilai-nilai serta kepercayaan karut yang boleh menyekat kemajuan?

(g) Adakah kita mahukan bangsa yang membiarkan agama dicemar oleh golongan-golongan yang hendak memperalatkannya untuk kepentingan diri atau untuk menahan arus perubahan serta pembebasan?

Banyak lagi soalan-soalan yang boleh dikemukakan. Yang pentingnya jawapan-jawapan atau rumusan-rumusan perlu segera dibuat untuk dijadikan pegangan dan panduan. Secara besar-besaran pula gerakan pembaruan perlu dilancarkan dan dilaksanakan untuk menimbulkan seluas-luasnya kesedaran di kalangan rakyat supaya lebih gigih untuk mengejar kemajuan dan pembaruan hidup. Perubahan yang hendak dituju perlu disuarakan dalam semua bidang: politik, ekonomi, pelajaran, undang-undang, kebudayaan, bahkan agama jua. Sudah pasti bahawa gerakan pembaruan ini akan ditentang oleh golongan-golongan yang terus mahu bekerjasama dengan kuasa bekas jajahan, membesarkan cara-cara Barat, dan mengagung-agungkan unsur-unsur feudal. Itulah sebabnya sikap dan tindakan yang harus diambil serentak oleh rakyat hendaklah mewujudkan sifat berani bergerak ke hadapan bukan sentiasa teragak-agak menoleh ke belakang, dan kesedaran tentang betapa pentingnya perubahan serta pembebasan bagi diri mereka sendiri. Sikap-sikap serta kesedaran-kesedaran seumpama inilah yang akan menentukan sejarah masa depan bagi bangsa Melayu baru.

# Jadual

# Lampiran

# Jadual

## JADUAL I
## PEMBAGIAN BILANGAN DAN PERATUS KAUM-KAUM DALAM SEMENANJUNG, 1970

| Kaum | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| Jumlah | 8,810,348 | 100.0 |
| Melayu | 4,685,838 | 53.2 |
| China | 3,122,850 | 35.4 |
| India | 932,629 | 10.6 |
| Lain-lain | 69,531 | 0.8 |

Sumber: R. Chander, *Golongan Masyarakat – Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970,* Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, h. 6. Jadual VI.

## JADUAL II
## PEMBAGIAN PERATUS KAUM-KAUM DI NEGERI-NEGERI DALAM SEMENANJUNG, 1970

| Negeri | Melayu | China | India |
|---|---|---|---|
| Trengganu | 93.9 | 5.4 | 0.6 |
| Kelantan | 92.8 | 5.3 | 0.8 |
| Perlis | 79.4 | 16.2 | 2.0 |
| Kedah | 70.7 | 19.3 | 8.4 |
| Pahang | 61.2 | 31.2 | 7.3 |
| Johore | 53.4 | 39.4 | 6.7 |
| Melaka | 51.8 | 39.6 | 7.8 |
| Negri Sembilan | 45.4 | 38.1 | 16.1 |
| Perak | 43.1 | 42.5 | 14.2 |
| Selangor | 34.6 | 46.3 | 18.3 |
| Penang | 30.7 | 56.1 | 11.5 |

Sumber: R. Chander, *Golongan Masyarakat – Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, h. 32, Jadual XIV.

# JADUAL III
# PEMBAGIAN BILANGAN DAN PERATUS KAUM-KAUM DI BANDAR DAN LUAR BANDAR DALAM SEMENANJUNG, 1970

| Kaum | Bandar Bilangan | % | Luar Bandar Bilangan | % |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah | 2,530,433 | 28.7 | 6,279,915 | 71.3 |
| Melayu | 699,372 | 14.9 | 3,986,466 | 85.1 |
| China | 1,479,225 | 47.4 | 1,643,125 | 52.6 |
| India | 323,435 | 34.7 | 609,194 | 65.3 |
| Lain-lain | 28,401 | 40.8 | 41,130 | 59.2 |

Sumber: R. Chander, *Golongan Masyarakat – Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, h. 30, Jadual XI.

## JADUAL IV
## PEMBAGIAN BILANGAN DAN PERATUS TENAGA KERJA MENGIKUT KAUM DAN SEKTOR EKONOMI 1970

| Sektor | Melayu | % Dari sektor | China | % Dari sektor | India | % Dari sektor | Lain-lain | % Dari sektor | Jumlah | % Dari Jumlah Tenaga Kerja |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pertanian, Perhutanan dan Perikanan | 925,400 | 67.6 | 293,000 | 21.4 | 138,300 | 10.1 | 12,3000 | 0.9 | 1,369,000 | 49.1 |
| Perlombongan dan pecah batu | 21,100 | 24.8 | 56,100 | 66.0 | 7,100 | 8.4 | 700 | 0.8 | 85,000 | 3.1 |
| Perkilangan | 84,400 | 28.9 | 191,000 | 65.4 | 15,500 | 5.3 | 1,200 | 0.4 | 292,000 | 10.5 |
| Pembinaan | 16,900 | 21.7 | 56,000 | 72.1 | 4,700 | 0.6 | 200 | 0.2 | 78,000 | 2.8 |
| Letrik, Air dan Najis | 10,200 | 48.5 | 3,800 | 18.0 | 6,800 | 32.3 | 300 | 1.4 | 21,000 | 0.8 |
| Pengangkutan, Sektor dan Perhubungan | 49,000 | 42.6 | 45,500 | 39.6 | 19,700 | 17.1 | 800 | 0.7 | 115,000 | 4.1 |
| Perdagangan | 69,300 | 23.5 | 192,600 | 65.3 | 31,600 | 10.7 | 1,500 | 0.5 | 295,000 | 10.6 |
| Perkhidmatan | 256,100 | 48.5 | 188,500 | 35.7 | 73,900 | 14.0 | 9,500 | 1.8 | 528,000 | 19.0 |

Sumber: *Mid. term Review of the Second Malaysia Plan*, h. 77, Jadual 4.4

## JADUAL V
## PEMBAGIAN TENAGA KERJA, 1973
## MENGIKUT KAUM DAN JENIS PEKERJAAN (%)

| | Jumlah bekerja | Melayu/ B-putra | Cina | India | Lain | jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PEKERJA IKHTISAN DAN TEKNIKAL | 145,517 | 48.9 | 39.3 | 10.5 | 1.3 | 100.0 |
| Ahli Kimia dan Ahli Sains fizikal | 354 | 11.6 | 76.8 | 11.3 | 0.3 | 100.0 |
| Ahli Tekink Makmal dan Sains | 3,824 | 48.2 | 37.3 | 13.9 | 0.6 | 100.0 |
| Jurubina dan Perancang Bandar | 353 | 21.0 | 71.4 | 2.5 | 5.1 | 100.0 |
| Jurutera | 2,244 | 13.5 | 69.9 | 12.8 | 3.8 | 100.0 |
| Pembantu Jurutera | 11,823 | 46.1 | 34.9 | 16.4 | 2.6 | 100.0 |
| Juru Ukur | 168 | 19.1 | 58.0 | 13.7 | 9.2 | 100.0 |
| Pelukis Pelan | 2,979 | 39.0 | 53.4 | 6.6 | 1.0 | 100.0 |
| Ahli Agronomi | 652 | 39.1 | 49.7 | 8.7. | 2.5 | 100.0 |
| Ahli Teknik Sains Hayat | 2,070 | 76.9 | 20.6 | 2.0 | 0.5 | 100.0 |
| Doktor Haiwan | 162 | 30.8 | 24.1 | 42.6 | 2.5 | 100.0 |
| Pembantu Haiwan | 352 | 62.7 | 27.6 | 8.8 | 0.9 | 100.0 |
| Doktor Perubatan | 1,915 | 7.6 | 49.5 | 36.7 | 6.2 | 100.0 |
| Pembantu Perubatan | 2,323 | 35.3 | 34.6 | 28.1 | 2.0 | 100.0 |
| Jururawat Ikhtisas | 5,623 | 33.7 | 55.1 | 9.0 | 2.2 | 100.0 |
| Doktor Pergigian | 379 | 8.4 | 66.8 | 16.1 | 8.7 | 100.0 |
| Pembantu Pergigian | 1,030 | 24.4 | 72.1 | 3.0 | 0.5 | 100.0 |
| Akauntan | 1,774 | 17.9 | 70.3 | 11.0 | 0.8 | 100.0 |
| Peguam | 809 | 20.3 | 46.8 | 29.9 | 3.0 | 100.0 |
| Guru Pengajian Tinggi | 1,844 | 37.5 | 34.8 | 16.2 | 11.5 | 100.0 |
| Guru Sekolah Rendah dan Menengah | 79,527 | 49.5 | 40.4 | 9.4 | 0.7 | 100.0 |
| Lain-lain Ikhtisas dan Teknikal | 20,353 | 68.0 | 24.6 | 6.4 | 1.0 | 100.0 |
| PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN | 22,605 | 35.4 | 55.5 | 7.3 | 1.8 | 100.0 |
| Pengurus | 12,535 | 13.0 | 81.5 | 3.7 | 1.8 | 100.0 |
| PERKERANIAN | 129,374 | 39.9 | 48.6 | 10.4 | 1.1 | 100.0 |
| PENJUAL | 54,041 | 10.5 | 82.5 | 5.9 | 0.7 | 100.0 |
| PERKHIDMATAN | 64,917 | 70.4 | 20.2 | 8.0 | 1.4 | 100.0 |
| PERTANIAN | 105,742 | 37.9 | 18.0 | 43.5 | 0.6 | 100.0 |
| Pengurus dan Penyelia Ladang | 7,238 | 30.4 | 29.2 | 38.8 | 1.6 | 100.0 |
| PENGELUARAN | 210,331 | 39.2 | 47.7 | 12.4 | 0.7 | 100.0 |

Sumber: *Rancangan Malaysia Ketiga*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976, Jadual 8-11, h. 180.

# JADUAL VI
# PEMBAGIAN PERATUS KAUM-KAUM MENGIKUT PENDAPATAN BULANAN SEISI RUMAH, 1970

| Pendapatan | Melayu | China | India | Lain-lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| $1 – 99 | 84.5 | 9.6 | 4.9 | 1.0 | 100.0 |
| 100 – 199 | 60.8 | 24.9 | 14.0 | 0.3 | 100.0 |
| 200 – 399 | 40.3 | 46.0 | 13.5 | 0.2 | 100.0 |
| 400 – 699 | 31.6 | 55.7 | 12.1 | 0.6 | 100.0 |
| 700 – 1499 | 23.2 | 61.4 | 12.5 | 2.9 | 100.0 |
| 1500 – 2999 | 14.0 | 62.1 | 13.6 | 10.3 | 100.0 |
| 3000 ke atas | 12.1 | 52.0 | 17.3 | 18.6 | 100.0 |

Sumber: Raymond Lee, *A Study of Interaction and Integration Among Some Malay and Chinese Students*, Tisis M.A., Universiti Malaya, 1975, h. 33, Jadual 2.7. Jadual ini telah disesuaikan daripada *Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, 1971-1975*, h. 4, Jadual 1-2.

## JADUAL VII
## PEMBAGIAN BILANGAN DAN PERATUS KELUARGA MISKIN MENGIKUT SEKTOR EKONOMI DALAM SEMENANJUNG, 1970

| | Jumlah Keluarga | Jumlah Keluarga Miskin | Kadar Kemiskinan | % Dari Kalangan Miskin |
|---|---|---|---|---|
| PERTANIAN | | | | |
| Pekebun Kecil Getah | 350,000 | 226,400 | 64.7 | 28.6 |
| Pekebun Kecil Kelapa Sawit | 6,600 | 2,000 | 30.3 | 0.3 |
| Pekebun Kecil Kelapa | 32,000 | 16,900 | 52.8 | 2.1 |
| Penanam Padi | 140,000 | 123,400 | 88.1 | 15.6 |
| Lain-lain Pertanian | 137,500 | 126,200 | 91.8 | 16.0 |
| Nelayan | 38,400 | 28,100 | 73.2 | 3.5 |
| Pekerja Ladang | 148,400 | 559,400 | 40.1 | 7.5 |
| Jumlah Pertanian | 852,900 | 582,400 | 68.3 | 73.6 |
| BUKAN-PERTANIAN | | | | |
| Perlombongan | 32,400 | 11,100 | 34.3 | 1.4 |
| Perkilangan | 150,200 | 48,500 | 32.3 | 6.1 |
| Pembinaan | 35,000 | 21,800 | 36.6 | 1.6 |
| Kemudahan Awam | 12,800 | 4,700 | 36.7 | 0.6 |
| Perdagangan | 162,300 | 49,200 | 30.3 | 6.2 |
| Pengangkutan | 61,300 | 22,400 | 36.5 | 2.8 |
| Perkhidmatan | 299,100 | 60,700 | 20.3 | 7.7 |
| Jumlah bukan-pertanian | 753,100 | 209,400 | 27.8 | 26.4 |
| JUMLAH | 1,606,000 | 791,800 | 49.3 | 100.0 |

Sumber: *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*, h. 192, Jadual 9-3.

## JADUAL VIII
## PEMBAGIAN BILANGAN DAN PERATUS KELUARGA MISKIN MENGIKUT KAUM DAN TEMPAT DALAM SEMENANJUNG, 1970

| | Jumlah Keluarga | Keluarga Miskin | Kadar Kemiskinan | % Dari Keluarga Miskin |
|---|---|---|---|---|
| Melayu | 901,500 | 584,200 | 64.8 | 73.8 |
| China | 525,200 | 136,300 | 26.0 | 17.2 |
| India | 160,500 | 62,900 | 39.2 | 7.9 |
| Lain-lain | 18,800 | 8,400 | 44.8 | 1.1 |
| Jumlah | 1,606,000 | 791,800 | 49.3 | 100.0 |
| Jumlah di Luar Bandar | 1,166,700 | 683,700 | 58.6 | 86.3 |
| Jumlah di Bandar | 439,300 | 108,100 | 24.6 | 13.7 |

Sumber: *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*, h. 212, Jadual 9-6.

## JADUAL IX
## PEMBAGIAN BILANGAN DAN PERATUS PELAJAR-PELAJAR MENGIKUT KAUM DAN PERINGKAT PELAJARAN 1970–75

| | 1970 | | | | | 1975 | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Peringkat Pelajaran | Melayu | China | India | Lain-lain | Jumlah | Melayu | China | India | Lain-lain | Jumlah |
| Pelajaran Rendah | 759,064 | 511,729 | 142,147 | 8,529 | 1,421,469 | 875,975 | 550,064 | 151,744 | 9,126 | 1,586,909 |
| % | 53.4 | 36.0 | 10.0 | 0.6 | 100.0 | 55.2 | 34.7 | 9.6 | 0.5 | 100.0 |
| Pelajaran Menengah Rendah | 193,054 | 146,872 | 36,339 | 2,270 | 378,535 | 305,700 | 198,493 | 54,290 | 2,988 | 561,471 |
| % | 51.0 | 38.8 | 9.6 | 0.6 | 100.0 | 54.4 | 35.4 | 9.7 | 0.5 | 100.0 |
| Pelajaran Menengah Atas | 43,627 | 38,800 | 6,258 | 715 | 89,400 | 101,486 | 54,095 | 10,420 | 1,108 | 167,109 |
| % | 48.8 | 43.4 | 7.0 | 0.8 | 100.0 | 60.7 | 32.4 | 6.2 | 0.7 | 100.0 |
| Pelajaran Menengah Tinggi | 4,609 | 5,267 | 637 | 106 | 10,619 | 8,817 | 6,617 | 804 | 97 | 16,335 |
| % | 43.4 | 49.6 | 6.0 | 1.0 | 100.0 | 54.0 | 40.5 | 4.9 | 0.6 | 100.0 |
| Kursus$_2$ Diploma dan Persijilan | 2,865 | 537 | 36 | 19 | 3,457 | 11,579 | 1,810 | 138 | 20 | 13,547 |
| % | 82.9 | 15.5 | 1.0 | 0.6 | 100.0 | 85.4 | 13.4 | 1.0 | 0.2 | 100.0 |
| Kursus Ijazah | 3,237 | 4,009 | 595 | 307 | 8,148 | 8,153 | 5,217 | 743 | 141 | 14,254 |
| % | 39.7 | 49.2 | 7.3 | 3.8 | 100.0 | 57.2 | 36.6 | 5.2 | 1.0 | 100.0 |
| Kursus Permulaan dan Pra-Universiti | 6,520 | 7,141 | 456 | 387 | 1,719 | 815 | 2,751 | 157 | 5 | 3,728 |
| % | 100.0 | 66.7 | 2.7 | 0.6 | 100.0 | 21.9 | 73.8 | 4.2 | 0.1 | 100.0 |

Sumber: *Rancangan Malaysia Ketiga 1976–80* h. 469–70, Jadual 22–6 & 22–7.

# Bibliografi


ANAND, SUDHIR

1973 *The Size and Distribution of Income in Malaysia.* (Mimeograf).

CALLIS, H.G.

1972 "Foreign Capital in Southeast Asia", dalam *Institute of Pacific Relations.* New York.

CHANDER, R.

1970 *Socio-Economic Sample Survey of Households 1967-68: Employment and Unemployment in West Malaysia.* Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.

1972 *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970.* Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.

KERAJAAN MALAYSIA

1971 *Rancangan Malaysia Kedua.* Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

1973 *Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.* Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

1976 *Rancangan Malaysia Ketiga.* Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

*Perlembagaan Persekutuan.* Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

MAHATHIR MUHAMMAD

1976 *Menghadapi Cabaran.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

MILLER, HARRY

1959 *Prince and Premier.* London: Harrap.

PUTHUCHEARY, MAVIS C.

1973 *Administration, Politics and Development: A Case Study of West Malaysia.* Tisis Ph.D, University of Manchester.

SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

1977 *RMK: Tinjauan dan Pelaksanaannya.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SHIBUTANI, T. & KWAN K.M.

1965 *Ethnic Stratification.* London: The Macmillan Company.



## DR. SYED HUSIN ALI

Dr. S. Husin Ali, Profesor Madya (Associate Professor), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya merupakan seorang tokoh akademik yang dikenali di kalangan akademik dalam dan luar negeri. Mendapat pendidikan awal di Government English School, Batu Pahat (1946-53), dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura (1955-59) hingga mendapat ijazah B.A. (Hons). Dari Universiti yang sama beliau mendapat kelulusan M.A. pada tahun 1963. Pada tahun 1972 beliau telah mendapat Ph. D. dalam jurusan Antropologi dan Sosiologi dari London School of Economics, London.

Dr. S. Husin Ali telah dilantik menjadi Pakar UNESCO dalam Persidangan Sosiologi Asia di Tokyo (1973), Pakar ECAFE dalam Persidangan Tentang Social Aspects of Population Problem di Bangkok (1974), Pemeriksa Luar (External Examiner) untuk M.A. Social Science, Universiti Singapura (1974), dan Pemeriksa Luar untuk M.A. Sosiologi, Universiti Sains Malaysia. Beliau banyak sekali menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah yang diterbitkan di dalam beberapa jernal dan majalah, di luar dan di dalam negeri. Malay Peasant Society dan Leadership buku beliau yang bercorak ilmiah yang telah diterbitkan oleh Oxford Universiti Press, kini telahpun diterbitkan dalam versi Bahasa Malaysia.